

## DILEMA MELAYU

*Sumbangan*

*daripada*

M. Ayub Ismail

26. Jln Bandar Baru  
Tambun 3

Bandar Baru Tambun

Ipok .

M. Ayub Ismail,  
IPOH.

6 FEB 2003

**MAHATHIR  
BIN  
MOHAMAD**

---

**DILEMA  
MELAYU**

Diterjemahkan oleh  
**Ibrahim bin Saad**

**TIMES BOOKS INTERNATIONAL**  
*Kuala Lumpur • Singapore*

110181

Gambarfoto kulit buku dengan ihsan Jabatan Penerangan Malaysia

© Mahathir Bin Mohamad

Edisi Bahasa Melayu ini diterjemahkan daripada *The Malay Dilemma*,  
Mahathir Bin Mohamad 1970, Times Editions Pte Ltd

Cetakan Pertama 1982

Edisi ini diterbitkan pada 1992 oleh Times Books International  
Kecetakan bagi Times Editions Pte Ltd  
Cetak semula 1994, 1997

Cetak semula 2001 oleh Times Books International  
Kecetakan bagi Times Media Private Limited  
Anak syarikat Times Publishing Group

Times Centre, 1 New Industrial Road, Singapore 536196  
Tel: (65) 284 8844 Faks: (65) 285 4871  
E-mail: te@tpl.com.sg  
Online Bookstore: <http://www.timesone.com.sg/te>

Times Subang, Lot 46, Subang Hi-Tech Industrial Park  
Batu Tiga, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel & Faks: (603) 5636 3517 E-mail: cchong@tpg.com.my

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan  
ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula, ataupun dipancarkan  
walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal,  
fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran yang empunya hakcipta  
terlebih dahulu.

National Library Board (Singapore) Cataloguing  
in Publication Data

Mahathir Mohamad, Dato' Seri, 1925-

Dilema Melayu / Mahathir bin Mohamad. - Singapore : Times  
Books International, 1992.

p. cm.

ISBN : 981-204-358-6

M

323.1895

1. Malaysia - Race relations. 2. Malays (Asian people) - Malaysia.  
I. Title.

MAH

JC312

323.1595 — dc21

SLS94010480

Dicetak oleh Times Offset (M) Sdn Bhd, Malaysia

3 - JUL 2003

1101248

Pustaka Negara

Malaysia

Kuala Lumpur

## Tujuan Kami Menerbitkan Buku Ini

Buku ini dianggap penting kerana ia ditulis oleh seorang anak Melayu yang terpelajar dan progresif, dan lebih-lebih lagi kerana buku ini mendedahkan secara terbuka masalah harmoni antara kaum di Malaysia, di mana lebih kurang separuh dari jumlah penduduknya terdiri daripada orang-orang bukan Melayu dan separuh lagi orang Melayu. Kami menerbitkan buku ini kerana kami percaya bahawa pendapat pengarang buku ini patut dibaca — sama ada kita bersetuju atau tidak dengan pendapat tersebut.

Dr Mahathir cuba memberikan tafsiran beliau mengenai pendapat orang Melayu. Beliau berhak berbuat demikian walaupun bukan semua orang Melayu akan bersetuju dengan penerangan atau pendapatnya itu. Sudah bertahun-tahun lamanya Dr Mahathir menjadi ahli yang penting dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Beliau telah disingkirkan dari parti sejourus selepas Pilihanraya Umum 1969 (beliau telah tewas di dalam pilihanraya itu) kerana kritik-kritik terbuka yang dibuat terhadap pucuk pimpinan Melayu pada ketika itu.

Buku ini antara lain cuba menerangkan sebab-sebab berlakunya peristiwa 13 Mei, 1969 di Kuala Lumpur, cuba menerangkan sebab-sebab mengapa orang Melayu mundur dari segi ekonomi, cuba menerangkan mengapa orang Melayu merasa perlu menuntut supaya pendatang-pendatang menjadi rakyat Malaysia sebenarnya dengan bertutur hanya dalam Bahasa Melayu, iaitu seperti mana pendatang-pendatang di Australia bertutur dalam Bahasa Inggeris, atau seperti pendatang-pendatang di Amerika yang bertutur hanya dalam bahasa "penduduk tetap", begitulah istilah yang digunakan oleh pengarang buku ini.

Dr Mahathir telah mengemukakan pendapat bahawa orang Melayu adalah pemilik Tanah Melayu yang sah. Menurut beliau lagi pendatang-pendatang adalah tetamu sehinggalah mereka itu diserapkan sepenuhnya. Beliau menegaskan bahawa

pendatang-pendatang itu tidak boleh dianggap telah diserap sepenuhnya sehinggalah mereka sudah mengeneppikan bahasa dan kebudayaan mereka yang sudah-sudah.

Dr Mahathir merasa agak pesimistis terhadap masa depan. Beliau percaya tidaklah mustahil kalau "akhir-akhirnya kuasa politik akan menyebabkan kejatuhan orang Melayu sepenuhnya". Dalam pada itu beliau menganggap bahawa dengan memansuhkan semua perlindungan ke atas orang-orang Melayu (yang mereka nikmati sekarang ini hasil daripada kuasa politik) akan menyebabkan orang Melayu menghadapi semula hukum primitif yang hanya membolehkan orang-orang yang paling kuat dapat terus hidup.

Penyelesaian yang disarankan oleh Dr Mahathir ialah melalui satu 'perlindungan yang membina', digubal setelah satu kajian yang teliti dijalankan ke atas kesan-kesan keturunan dan alam sekitar. Beliau menyatakan bahawa selagi langkah ini tidak diambil, kesan buruk ke atas keturunan dan alam sekitar orang Melayu akan terus berlaku.

Dr Mahathir sudah menjangkakan bahawa setengah-setengah daripada huraian penerangan dan pendapat beliau tidak akan diterima sepenuhnya oleh ramai orang Melayu. Beliau percaya yang beliau mempunyai hak untuk menyuarakan pendapatnya yang jujur dan benar. Beliau telah berbuat demikian kerana memikirkan yang beliau akan dapat memberikan sumbangan ke arah menyelesaikan masalah Malaysia.

Buku ini adalah penting kerana ia menarik minat melewati batas sempadan Malaysia dan Timur Jauh sebab kandungannya membincangkan mengenai masalah manusia dari berbagai kaum yang hidup bersama dalam satu daerah atau negara.

# Kandungan

	Halaman
Tujuan Kami Menerbitkan Buku Ini	v
1 Pendahuluan	1
2 Di mana Silapnya?	5
3 Pengaruh Keturunan dan Alam Sekitar Ke atas Bangsa Melayu	19
4 Dilema Ekonomi Melayu	39
5 Pengertian Persamaan Kaum	74
6 Asas-asas Perpaduan Kebangsaan	117
7 Pemulihan Bangsa Melayu dan Dilema Melayu	123
8 Masalah Melayu	138
9 Tatasusila dan Sistem Nilai Melayu	183
10 Politik Perkauman dan Parti	206
11 Malaysia dan Singapura	212

## BAB 1: Pendahuluan

Pendapat awal saya mengenai masalah yang sedang dibahas oleh John Aronson Mirya dibentangkan untuk pertama kalinya sebagai mahasiswa sarjana yang dikumpulkan dalam "Kotak Lingkaran Aziz, Profesor Ekonomi (sukarang Direktur Pusat dan Naib Deputi) di Universitas Malaya. Di dalam yang pertama yang di dalam di Kuala Lumpur pada tahun 1965, ketika saya berorganisasi sebagai salah satu pembicara pada konferensi Mirya, saya telah menyatakan, antara lain, tentang pengaruh ketiduran dan lain-lain sebagai faktor-faktor yang memengaruhi wududnya masalah ini. Miryam tidak dapat menyangkal bahwa dalam faktor-faktor seperti dalam pendidikan, kemiskinan yang tidak mencukupi, ketiduran guru-guru yang tidak cukup, dan lain-lain, terutama peranan dalam pendidikan yang lain seperti kegunaan di kalangan pelajar dan lain-lain, terutama pada lautan saya, faktor-faktor ketiduran dan dalam faktor-faktor boleh dikategorikan begitu dalam sampai dengan perubahan yang nyata.

Pendapat yang dikemukakan pada umumnya telah tidak dipersebut oleh pemerintah semasa, terutama oleh oleh Profesor Ungar Aziz sebagai pandangan sebagai salah satu memberitakan bahwa orang Malaya yang mempunyai simpatikan adalah berlainan antara lain ketiduran. Faktor-faktor yang dikemukakan terdapat dalam tulisan orang Malaya and lain-lain, terutama ia kekal dalam ketiduran. Itu bukanlah suatu yang yang akan diwujudkan atau apa yang akan saya sukakan. Miryam yang telah sudah menampakkan perhatian kepada ketiduran faktor-faktor Nakkil yang merencanakan ketiduran orang Malaya, terutama faktor-faktor yang boleh dikategorikan pada masalah yang dikemukakan tentang pada itu dikemukakan dan dikemukakan oleh Miryam yang telah sudah adalah untuk mengatasinya.

Pada umumnya, orang-orang lain, terutama orang-orang Mirya, yang yang tidak dapat menyetujui tindakan-tindakan mereka mengenai ketiduran manusia. Meskipun begitu, orang Mirya yang yang mengemukakan tindakan-tindakan mereka dalam ketiduran yang itu dikemukakan dari lain-lain kepada anak-anak mereka. Itu

## BAB 1: Pendahuluan

Pendapat awal saya mengenai masalah yang sedang dihadapi oleh orang Melayu dibentangkan untuk pertama kalinya sewaktu menjawab cabaran yang dikemukakan oleh Profesor Ungku Aziz, Profesor Ekonomi (sekarang Profesor Diraja dan Naib Canselor) di Universiti Malaya. Di dalam satu seminar yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1966, ketika membincangkan sebab-sebab lemahnya pencapaian pelajar-pelajar Melayu, saya telah menyebut, antara lain, tentang pengaruh keturunan dan alam sekitar sebagai faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya masalah ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa lain-lain faktor seperti dasar pelajaran, kemudahan yang tidak mencukupi, kekurangan guru serta guru yang tidak cukup terlatih turut memainkan peranan dalam meningkatkan lagi peratus kegagalan di kalangan pelajar Melayu. Namun, pada hemat saya, faktor-faktor keturunan dan alam sekitar tidak boleh diketepikan begitu sahaja tanpa diberi perhatian yang serius.

Pandangan yang sedemikian pada umumnya telah tidak dipersetujui oleh peserta-peserta seminar, terutama sekali oleh Profesor Ungku Aziz sebab pandangan tersebut dikatakan memberi takrif bahawa orang Melayu memang pada lahiriahnya adalah bersifat inferior atau rendahdiri. Oleh kerana sifat ini dikatakan terdapat dalam zuriat orang Melayu maka ini bermakna ia kekal turun-temurun. Ini bukanlah apa yang saya maksudkan atau apa yang telah saya rumuskan. Tujuan saya ialah mahu menumpukan perhatian kepada beberapa faktor hakiki yang merencatkan kemajuan orang Melayu, terutama faktor-faktor yang boleh dibaiki. Jika amalan yang dianggap kurang baik itu diketahui dan diakui oleh umum, maka lebih mudahlah untuk mengatasinya.

Pada umumnya, orang-orang Islam, termasuk orang-orang Melayu, memang tidak dapat menerima fikiran-fikiran moden mengenai evolusi manusia. Meskipun begitu, orang Melayu sendiri mengakui bahawa ciri-ciri tertentu dalam diri seseorang itu diturunkan dari ibu bapa kepada anak-anak mereka. Ini

dapat dilihat dalam peribahasa Melayu yang berbunyi "Bapa borek anak rintik". Maksudnya memang nyata. Kalau begitulah keadaannya bagi seseorang individu, maka tentunya pengaruh keturunan juga memainkan peranannya dalam perkembangan kelompok individu dalam sesuatu kaum. Perkara yang umumnya tidak diketahui oleh orang-orang Melayu ialah kesan pembiakan seketurunan atau pembiakbakaan dalam. Di dalam buku ini saya cuba menerangkan bagaimana hukum genetik, yang menentukan penyaluran ciri-ciri keturunan, dipengaruhi oleh pembiakan seketurunan dan lain-lain amalan perkahwinan.

Pemikiran yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip sains telah banyak didapati mengenai pembiakan seketurunan dan kesannya terhadap masyarakat manusia. Malahan Cyril Dean Darlington, seorang ahli genetik British, di dalam bukunya "*The Evolution of Men and Society*", memberi pendapat yang ekstrem bahawa evolusi masyarakat manusia ditentukan oleh baka. Menurut beliau, tamadun akan berkembang maju atau runtuh mengikut penentuan baka. Beliau menyatakan bahawa apabila sesuatu golongan pemerintah berkuasa, mereka akan cuba mengekalkan kuasa mereka melalui pembiakan seketurunan tanpa membenarkan kemasukan baka-baka baru ke dalam keturunan mereka. Amalan begini, menurut Darlington, telah mempercepatkan kejatuhan pemerintahan Firaun, Ptolemy dan Caesar.

Hipotesis yang menarik ini umumnya agak keterlaluan untuk diterima oleh semua orang, termasuklah orang-orang bukan Islam. Bagaimanapun, Darlington cuma menyentuh mengenai soal perkahwinan di antara saudara kandung, satu amalan yang tidak terdapat langsung di kalangan orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun, takrif moden mengenai pembiakan seketurunan termasuklah amalan perkahwinan di antara sepupu atau kaum keluarga yang dekat. Amalan begini agak biasa berlaku di kalangan orang-orang Melayu. Pengaruh keturunan boleh juga menimbulkan kesan yang buruk di dalam masyarakat yang menggalakkan setiap orang berkahwin, tidak kira sama ada orang itu sihat atau tidak. Oleh itu orang-orang yang cacat tubuh badan dan otak juga dikahwinkan dan beranak pinak.

Sesungguhnya memang diakui bahawa pembiakan seketurunan tidaklah berleluasa di dalam masyarakat Melayu, namun

tidak dapat dinafikan bahawa pembiakan begini adalah lebih kerap berlaku di kalangan masyarakat Melayu kalau dibandingkan dengan kaum terbesar yang lain di Malaysia — iaitu masyarakat Cina. Sebaliknya adat perkahwinan orang Cina menghalang pembiakan seketurunan. Kalau begitu, memang wajarlah dikatakan bahawa pembiakan seketurunan dan amalan kahwin paksa di kalangan orang-orang yang cacat telah menyebabkan peratus manusia yang gagal di kalangan orang Melayu lebih tinggi kalau dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Keterangan ini diberikan sebagai mengalas serta menyokong pandangan saya itu. Walau bagaimanapun, penerangan ini tidak pula diharapkan akan diterima dengan mudah. Implikasi pandangan begini adalah terlalu merungsingkan sebab ia tidak pula memperlihatkan harapan bagi pemulihan yang mudah dan cepat.

Faktor-faktor alam sekitar yang mempengaruhi keadaan orang Melayu kurang kontroversinya. Memang lebih senang kalau hendak menyalahkan faktor-faktor luaran daripada faktor-faktor dalaman. Lagipun, alam sekitar adalah lebih senang untuk dibetulkan, dan berbeza daripada faktor keturunan, ia memperlihatkan harapan bagi pemulihan yang mudah.

Selepas membincangkan beberapa faktor yang telah mempengaruhi evolusi orang Melayu, memang wajarlah diteruskan usaha mencari dan menganalisa lain-lain faktor yang telah menyebabkan kedudukan orang Melayu sebegitu rupa seperti yang terdapat sekarang ini. Rupert Emerson yang menulis darihal kuasa orang Melayu di Kedah dalam bukunya "*Malaysia*", menyatakan bahawa "(mereka) terpaksa berjuang dalam keadaan tersepit dan selepas setiap perjuangan itu kuasa autonomi mereka hilang sedikit demi sedikit". Perkara yang menjadi kenyataan bagi orang-orang Melayu di Kedah ternyata kebenarannya bagi orang-orang Melayu di negeri-negeri lain. Kini, seperti juga di masa-masa dahulu, orang Melayu mempunyai keinginan untuk memperkukuhkan hak-hak yang diperuntukkan kepada mereka dan yang dianggap memang milik mereka, tetapi di samping itu mereka juga mahu bersopan-santun, beradab dan bertimbang rasa terhadap hak-hak dan tuntutan orang lain. Dalam sanubari mereka terasa bahawa walau apapun yang mereka buat dan persetujui, semuanya akan

beransur-ansur terlepas dari kekuasaan mereka; dan lamakelamaan mereka tetap kehilangan tanah air mereka sendiri. Inilah Dilema Melayu.

Buku ini diterbitkan bukanlah dengan maksud hendak mencari kepopularan dari kalangan masyarakat tertentu di Malaysia. Malahan, sebaliknya besar kemungkinan ia akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan golongan-golongan tertentu dan kemarahan dari kalangan golongan lain. Tiada maaf yang dipinta — apa yang saya tulis telah ditulis dengan ikhlas.

Mahathir b. Mohamad  
Pondok Maharizan  
Batu 6, Titi Gajah  
Kota Setar,  
Kedah 1970.

## BAB 2: Di mana Silapnya?

Di mana silapnya? Inilah soalan yang akan ditanyakan oleh orang-orang yang bersimpati atau mempunyai minat terhadap Malaysia selepas berlakunya peristiwa Mei 13, 1969. Di mana silapnya, di dalam sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang bahasa dan berbilang agama yang telah menikmati keharmonian dan kerjasama selama 12 tahun yang lalu, hingga menyebabkan toleransi dan kefahaman tadi dengan tiba-tiba hancur, hinggakan kaum-kaum tersebut mula memandang dengan penuh curiga serta menolak cara hidup yang telah wujud sejak sebelum Merdeka lagi? Di mana silapnya hingga menyebabkan orang Melayu dan orang Cina, dua kaum yang terbesar di Malaysia, begitu terpisah hinggakan sebuah kerajaan yang autoritarian dan usaha pemimpin-pemimpin kebangsaan tidak dapat memperbaiki persengketaan ini.

Di mana silapnya? Berdasarkan kepada pengalaman yang sudah-sudah, memanglah mudah untuk mencari kesilapan dan kecacatan masa lalu. Namun demikian, elok juga difikirkan kembali dan menganalisa, atau menentukan kesalahan-kesalahan itu sekiranya pengalaman yang lalu hendak dijadikan tauladan untuk menghadapi masa hadapan. Tujuannya bukanlah untuk membalas dendam, tetapi ini adalah satu tanggungjawab sosial untuk mencari di mana silapnya. Kalau benarlah segala hal yang berlaku pada masa dahulu tidak ada cacatnya dan tidak ada mana-mana pihak pun yang bersalah, nescaya tidak berlaku gangguan kepada kemajuan negara dan keharmonian antara kaum yang telah wujud selama 12 tahun selepas Merdeka.

Andainya hendak diketahui sebab-sebab suasana tidak harmoni di Malaysia sekarang, eloklah diteliti 'harmoni' antara kaum yang wujud pada masa lalu. Pernahkah harmoni ini benar-benar terjalin dan berakar umbi secara mendalam? Pernahkah wujud asas yang kukuh? Pernahkah wujud perbezaan hubungan di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu pada masa-masa tertentu dalam sejarah Tanah Melayu? Apakah hubungan yang sebenarnya antara kaum-kaum itu pada

tahun-tahun sebelum 13 Mei, 1969? Apakah faktor-faktor lain juga turut menyebabkan berlakunya keganasan itu?

Kalau direnungkan kembali masa-masa yang lampau, salah satu faktor yang agak mengejutkan dan harus diakui ialah pada masa lalu tidak wujud harmoni yang sebenar antara kaum. Apa yang wujud ialah kurangnya perselisihan antara kaum. Ada rasa toleransi. Ada terdapat penyesuaian. Ada sedikit sebanyak perasaan tolok ansur. Akan tetapi tidak wujud harmoni yang sebenarnya. Sebaliknya ada nada-nada sumbang walaupun tidak begitu ketara. Ada kalanya nada-nada sumbang ini melangsing nyaring lalu mencetuskan pergaduhan kaum yang terencil atau merata-rata.

Keharmonian antara kaum di Tanah Melayu tidaklah tulen bahkan juga tidak berakar umbi secara mendalam. Apa yang dianggap sebagai harmoni ialah tidak adanya perselisihan kaum secara terbuka. Kalaupun tidak ada perselisihan kaum, bukanlah semestinya kerana kurang kemahuan atau tidak ada alasan-alasan untuk menimbulkan perselisihan. Sebenarnya ini adalah kerana kurangnya keupayaan untuk bersengketa secara terang-terang.

Orang Melayu dan orang Cina mungkin hidup berjiran. Mereka mungkin bertemu sewaktu menjalankan kerja-kerja harian, malahan sewaktu pergaulan secara sosial. Akan tetapi setelah selesai bekerja, mereka kembali semula ke dalam lingkungan budaya dan kaum masing-masing dan lingkungan ini tidak pernah dicerobohi oleh mana-mana kaum tersebut. Di dalam dunia kaum masing-masing, nilai-nilai mereka bukan sahaja berbeza, malahan kadang-kadang bertentangan.

Jika diterima hakikat bahawa memang tidak wujud keharmonian sejati antara kaum, maka lebih senang untuk membuat urutan sejarah mengenai hubungan orang Melayu dengan bukan Melayu dan menerangkan mengapa perselisihan kaum berlaku. Malah mungkin boleh dicarikan jalan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan kepada cara hubungan yang sedia wujud. Dengan cara ini, sekurang-kurangnya, kalaupun bukan harmoni, perkara-perkara yang boleh menimbulkan persengketaan dapat diredakan.

Sebelum kedatangan orang-orang Portugis, memang sudah ada orang bukan Melayu di Melaka dan Kedah. Ramai juga di antara mereka itu adalah orang Cina. Setakat yang diketahui

hubungan di antara orang Melayu dengan orang Cina adalah dianggap baik. Keadaan begini mudah difaham kerana selalunya kalau di tempat-tempat yang tidak ramai orang Cina, mereka akan mengelak dari melakukan sesuatu yang boleh membangkitkan kemarahan orang Melayu. (Hakikat ini menerangkan mengapa pertelingkahan kaum tidak pernah berlaku di negeri Kelantan, Trengganu dan Kedah). Sudah tentunya orang-orang Cina telah mengalami layanan-layanan yang kurang menyenangkan, tetapi mereka tidak membantah walaupun Negeri China menganggap Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada jajahan takluk mereka. Orang Cina dan lain-lain kaum telah mempelajari bahasa dan cara hidup orang Melayu. Oleh itu persengketaan jarang berlaku, dan kalau berlaku jarang berpanjangan.

Kedatangan orang-orang Eropah telah menambahkan kemasukan orang-orang bukan Melayu, terutama orang Cina dan India ke Tanah Melayu. Mereka tidak bermastautin di Tanah Melayu, dan hakikat ini menyebabkan mereka terasing dan tidak bercampur dengan orang-orang Melayu. Terhadapnya hubungan ini telah mengurangkan persengketaan, sungguhpun pada akhir-akhir pemerintahan British orang Melayu telah mulai menyedari bahaya orang-orang Cina dan India kepada kuasa politik orang Melayu. Sekali-sekala berlaku juga pergaduhan kaum antara orang Melayu dan orang Cina. Akan tetapi, disebabkan ketegasan pihak British mengawal keadaan, pergaduhan ini tidak merebak menjadi perselisihan kaum yang besar. Lagipun, hak orang Melayu di negara ini tidak pernah dicabar secara terang-terang oleh pihak penjajah British mahupun oleh pendatang-pendatang lain di negeri-negeri Tanah Melayu.

Di bawah pemerintahan British orang Melayu hidup terpisah dari orang Cina dan India, kecuali pertemuan singkat pada waktu siang. Sebahagian besar orang Melayu, terutama yang tinggal di kawasan desa tidak pernah bersua muka dengan orang Cina, dan begitu juga keadaan sebaliknya bagi orang Cina yang tinggal di bandar-bandar besar dan di kawasan lombong bijih. Pada waktu itu memang tidak berlaku pergaduhan kaum secara besar-besaran, namun tidak pula boleh dikatakan bahawa wujud harmoni dan toleransi antara kaum. Orang-orang yang hidup jauh terpisah di antara satu sama lain tidak semestinya hidup mesra. Kalau tidak ada sengketa, hakikatnya ialah kerana

tidak ada peluang untuk bersengketa. Apa yang wujud ialah kesedaran tentang kehadiran masing-masing, dan kesedaran yang kurang menyenangkan ini sudah cukup untuk menghalang pergaulan yang lebih rapat. Bibit-bibit persengketaan sebenarnya sudahpun ada, cuma ia tidak sempat membesar kerana disekat oleh kuasa British.

Penjajahan oleh Jepun telah memisahkan orang-orang Melayu dan Cina lebih jauh lagi. Segolongan orang Melayu boleh dianggap pro-Jepun, sementara yang lainnya walaupun tidak bersimpati, sekurang-kurangnya bukan anti-Jepun. Sebaliknya orang Cina telah mendapat layanan buruk dari pihak Jepun, sementara orang India pula menggabungkan diri mereka dengan perjuangan untuk membebaskan India. Menjelang akhirnya peperangan, hubungan ini mula bertukar corak. Sebahagian besar orang Cina telah bersubahat dan diterima baik oleh pihak Jepun. Sementara itu orang Jepun tidak mengendahkan lagi orang Melayu kerana mereka menganggap orang Melayu tidak begitu berguna bagi tujuan mereka. Walau apa sekalipun corak hubungan mereka dengan pihak Jepun, ternyata bahawa perbezaan antara kaum semakin ketara dan masing-masing saling mencurigai.

Apabila British kembali ke Tanah Melayu, hubungan Melayu-Cina boleh dianggap tidak begitu baik dan keadaan ini bertambah runcing bila golongan komunis (kebanyakannya orang Cina) cuba hendak menubuhkan kerajaan sendiri di negeri-negeri Tanah Melayu. Ini akhirnya menyebabkan berlakunya pertumpahan darah. Pertempuran ini mungkin akan merebak menjadi pertempuran kaum jika sekiranya pihak British tidak kembali dan mendirikan Pentadbiran Tentera British yang dibantu oleh Angkatan Tentera British. Pihak komunis kecewa dalam usaha mereka untuk merampas kuasa di Tanah Melayu. Orang Melayu, tanpa menyedari apapun, mengalu-alukan kedatangan British kerana mereka menyangka hubungan dengan British akan kembali seperti keadaan sebelum perang.

Orang Melayu merasa kecewa bila pihak British mencadangkan supaya orang Cina dan India diberi hak yang sama dengan orang Melayu dalam gagasan baru Malayan Union. Keruncingan hubungan Melayu-Cina memuncak semula, tetapi kali ini keadaan lebih rasional dan berterusan berikutan kesedaran

umum bangsa Melayu terhadap rancangan British itu. Sejak dari itulah sikap Melayu-Cina bertukar menjadi isu politik negara yang harus diselesaikan bukan di peringkat tempatan tetapi di peringkat pihak berkuasa yang paling tinggi di negara ini.

Walaupun cadangan British itu tidak dilaksanakan, namun kesannya terhadap hubungan orang Melayu dengan bukan Melayu semakin tidak menyenangkan. Malah, pemimpin Melayu yang paling dihormati sekalipun tidak dapat meredakan kecurigaan orang Melayu terhadap orang-orang bukan Melayu. Dato Onn (pengasas UMNO) telah keluar dari UMNO kerana cadangan beliau hendak bekerjasama dengan kaum bukan Melayu tidak diterima.

Walaupun bagaimanapun, UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah mencuba kerjasama Melayu-Cina di dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Keputusan pilihanraya itu agak menggalakkan hingga telah mengurangkan sedikit kerisauan dan kecurigaan di kalangan orang Melayu. Kerjasama tersebut telah dicuba sekali lagi dalam pilihanraya yang lebih besar pada tahun 1955 dan kejayaan dalam pilihanraya ini telah memulakan waktu terbaik dan kerjasama yang tulen di antara kaum di negara ini. Namun, keharmonian yang sebenar masih lagi dicari kerana tiap-tiap kaum menganggap pencantuman tadi hanya secara berkebetulan sahaja. Di zaman terbaik-inilah kemerdekaan dicapai.

Secara ringkas itulah latar belakang hubungan antara kaum di Tanah Melayu sebelum Merdeka. Hanya pada waktu hampir Merdeka nampak seperti ada harmoni antara kaum di Tanah Melayu. Sebelum itu, apa yang sewenangnyanya dikatakan keharmonian antara kaum sebenarnya mempunyai makna lain — iaitu tidak ada sengketa secara terang-terang. Faktor-faktor yang menyebabkan tidak adanya sengketa ini lebih didorong oleh desakan luar daripada desakan dalam.

Suasana tahun 1957 adalah penuh dengan harapan. Kerjasama antara orang Melayu dan orang Cina semasa menuntut kemerdekaan nampaknya telah mendatangkan hasil yang baik. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan semasa kemerdekaan telah mendapat sokongan majoriti dari rakyat berbagai kaum di Tanah Melayu. Pihak pembangkang adalah

lemah dan berpecah-belah, dan mereka hanya mempunyai seorang wakil di dalam badan perundangan tertinggi. Kaum-kaum sekutu dalam Kerajaan Perikatan sedar akan sengketa-sengketa masa lalu dan amat berhati-hati agar tidak membangkitkan masalah perkauman. Lagipun, mereka terpaksa berpegang kepada janji-janji dan persetujuan-persetujuan yang telah dicapai sebelum Merdeka, terutama untuk mengurangkan permusuhan antara kaum.

Manusia boleh ternoda oleh kuasa dan kuasa hampir mutlak yang diperolehi oleh Kerajaan Perikatan telah menodai fikiran pemimpin-pemimpin Perikatan. UMNO, yang menjadi teras kepada Parti Perikatan dan mempunyai lebih suara, haruslah lebih bertanggungjawab akibat kemerosotan yang beransur-ansur berlaku ke atas Kerajaan Perikatan sebaik sahaja kemerdekaan dicapai. Pergaduhan kaum yang berlaku pada 13 Mei, 1969 sebenarnya bermula ketika bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan. Dengan perasaan penuh semangat penduduk Malaysia telah memberikan gelaran Bapa Kemerdekaan kepada Tunku Abdul Rahman, yang bertanggungjawab merangka kemerdekaan Tanah Melayu. Gelaran ini memang kena pada tempatnya, dan tentunya diberikan secara ikhlas untuk menghormati orang yang telah bertanggungjawab mencapai kemerdekaan.

UMNO, seperti juga lain-lain parti politik, mempunyai perlembagaan yang menggariskan cara-cara pelaksanaan tugasnya. Ia mempunyai sebuah badan penggubal dasar yang telah ditetapkan tugas-tugasnya. Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO mempunyai kuasa tertinggi dalam parti tersebut. Namun, walaupun besar kuasanya, MKT harus membuat keputusan berdasarkan persetujuan para ahli dan bukan mengambil langkah yang bertentangan dengan kehendak ahli-ahlinya. Bagaimanapun, pada masa-masa tertentu MKT boleh membuat keputusan yang tidak selaras dengan kehendak ahlinya. Kuasa ini diberikan misalnya bila MKT mempunyai suatu maklumat khas dan mungkin sulit yang tidak boleh diberitahu kepada ahlinya. Namun begitu MKT tidak boleh mengenenipkan pendapat-pendapat ahlinya secara berterusan. Sebagai langkah untuk memberi peluang kepada ahli-ahli biasa supaya dapat menyuarakan pendapat mereka, kuasa tertinggi diberikan kepada Perhimpunan Agung Perwakilan UMNO

yang bersidang setahun sekali atau apabila perlu.

Malangnya, apabila pemimpin parti juga menjadi pemerintah yang tertinggi dan berkuasa dalam Kerajaan, peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan parti sudah tidak cocok dan dianggap tidak penting lagi. Kedudukan dan kuasa pegawai-pegawai parti sebagai ahli dalam Kerajaan adalah lebih tinggi daripada pegawai-pegawai di dalam parti. Perdana Menteri pula menjadi begitu berkuasa oleh sebab kedudukan dan kepopularannya sehinggakan parti harus tunduk kepadanya. Oleh itu, bukan sahaja Perhimpunan Agung Perwakilan UMNO telah ditangguhkan, malah Majlis Kerja Tertinggi UMNO tidak dipanggil untuk membincangkan dasar kerajaan ataupun dasar parti. Parti tersebut terus wujud bukan kerana ahli-ahlinya mempunyai idea-idea politik yang sama, tetapi melalui satu sistem naungan dan paksaan yang berdasarkan kepada kuasa Kerajaan lebih daripada kuasa parti.

Penaungan dan paksaan hanya boleh memberi kesan kepada orang-orang yang terdedah kepada sistem itu secara langsung. Sebilangan besar ahli biasa parti tidaklah begitu terlibat di dalam sistem tersebut hingga boleh memberi kesan kepada mereka. Apabila sistem naungan ini lama-kelamaan menjadi lebih tidak langsung, misalnya dalam penafian atau pemberian projek pembangunan kepada sesebuah kampung, maka semakin sukarlah untuk mendapatkan balasan yang memuaskan. Dalam pengertian lain, semakin tidak langsung naungan itu, maka semakin sukarlah diketahui apakah yang dikehendaki dari naungan tersebut. Oleh itu sistem naungan adalah terlalu menyekat dan tidak dapat menggantikan kepopularan yang tulen atau pegangan pendapat dan tujuan yang sama.

Sistem penaanungan sebagai satu faktor politik dalam parti adalah sangat penting. Ini bermakna pemimpin-pemimpin parti tidak lagi bertanggungjawab kepada ahli-ahli biasa dan penyokong-penyokongnya yang tidak dikenali, mereka hanya bertanggungjawab kepada diri mereka sendiri. Perasaan takbur biasanya akan mula meresap dalam diri orang-orang yang berkuasa memberi naungan, perasaan bahawa mereka boleh membentuk dan mencorak orang lain serta pendapat ramai mengikut kehendak mereka. Pemimpin-pemimpin UMNO yang menjadi sekutu terkanan dalam Kerajaan Perikatan telah diserang oleh penyakit ini. Mereka merasakan bahawa mereka tidak perlu

mempedulikan pendapat-pendapat para penyokong mereka, lalu pendapat-pendapat tersebut sentiasa sahaja diketepikan.

Sewaktu berkuasa, UMNO mempunyai lebih banyak suara dari yang diperlukan. Sikap tidak mempedulikan kritik-kritik dari dalam parti tidak meluakkan kekuatan parti itu pada mulanya. Namun kemerosotan sokongan dari orang ramai yang berlaku terus menerus, sedikit demi sedikit mengikis keupayaannya untuk mendapatkan sokongan yang cukup pada masa pilihanraya.

UMNO ditubuhkan oleh kerana rasa bimbang orang Melayu terhadap orang Cina. Masa terbaik-baik sebelum dan selepas Merdeka telah mengurangkan perasaan bimbang orang Melayu, tetapi kebimbangan ini tidak pernah lenyap sama sekali. Selagi orang-orang Cina atau pengikut-pengikut Malaysian Chinese Association (MCA) yang agak banyak itu bekerjasama dengan orang Melayu, kebimbangan ini dapat dipendamkan. Apabila pemimpin-pemimpin semakin menyeleweng dari dasar yang ditetapkan oleh UMNO dan ini ditambah pula dengan tuntutan-tuntutan secara terang-terang dan berterusan oleh orang-orang Cina yang berada di dalam ataupun di luar MCA, kebimbangan itu bangkit semula. Pemimpin-pemimpin UMNO lebih suka memenuhi hasrat orang Cina dan bergantung kepada kuasa penaungan tadi dan juga sikap patuh orang-orang Melayu sendiri untuk mengikut arahan-arahan parti. Namun sikap tidak mempedulikan kritik-kritik dan tidak mengendahkan penyokong-penyokong yang mula berpaling tadah sudah tentulah mempunyai kesan ke atas parti. UMNO menjadi semakin lemah dan menjelang pilihanraya 1969 kekuatan pengaruhnya begitu merosot sekali hingggakan terpaksa bergantung kepada sumbangan wang Kerajaan yang banyak untuk mendapatkan sokongan di beberapa buah kawasan yang tidak menyokongnya.

Pada jangkakan umum, sepatutnya ahli-ahli Kerajaan yang lebih bijak tentu sekali dapat mengenal tanda-tanda itu. Pergaduhan antara orang-orang Melayu dan Cina di Bukit Mertajam pada tahun 1964, dan Rusuhan Hartal di Pulau Pinang pada tahun 1968 adalah tanda-tanda yang menunjuk ke arah itu. Meskipun begitu, pihak Kerajaan nampaknya tidak sedar akan kejadian yang berlaku di sekitarnya. Oleh kerana Kerajaan mempunyai majoriti yang besar di Parlimen, kritik-kritik yang ditujukan kepada Kerajaan biasanya dipandang

rendah. Dasar-dasar Kerajaan ditetapkan tanpa menghiraukan pendapat-pendapat dari orang ramai. Contohnya ialah keputusan Kerajaan untuk membiayai kos guaman bagi seorang Menteri yang telah mendakwa seorang ahli pembangkang atas tuduhan fitnah. Keputusan ini dibuat setelah kes itu kalah. Andainya Menteri itu menang, sudah tentu dialah yang akan mendapat bayaran ganti rugi.

Satu lagi contoh ialah jawapan yang diberikan oleh Perdana Menteri di Parlimen kepada satu pertanyaan tentang mengapa Pejabat Konsol Malaysia perlu ditubuhkan di Taiwan. Perdana Menteri antara lain menjawab bahawa hubungan dengan Taiwan akan memudahkan lawatan menteri-menteri ke pulau itu yang dianggap sangat sesuai atau serasi untuk dilawati. Memang tidak dinafikan bahawa para menteri juga adalah manusia biasa. Akan tetapi sikap mengeneipkan kritik penting terhadap dasar Kerajaan dengan jawapan yang mengolok-olok begitu menunjukkan betapa kerajaan tidak mengendahkan moral dan jangkakan orang ramai. Undang-undang telah diluluskan secara tergesa-gesa tanpa rundingan-rundingan awal dengan para wakil yang akan "menjual" undang-undang ini kepada rakyat. Perubahan-perubahan bagi cukai telah dibuat dan kemudian diketepikan tanpa menghiraukan langsung kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh rakyat. Sidang-sidang Parlimen hanya dianggap sebagai suatu formaliti yang tidak bermakna, semata-mata memberi peluang kepada para ahli untuk berucap agar suara mereka dapat didengar dan dihebahkan. Meskipun begitu, hujah-hujah tersebut tidak berkesan langsung kepada pentadbiran Kerajaan. Perasaan umum ialah walau Parlimen bersidang ataupun tidak, Kerajaan tetap memerintah. Sidang-sidang tersebut diadakan hanyalah sebagai mematuhi amalan demokrasi. Tujuan utama sidang ialah untuk menunjuk-nunjukkan kekuatan Kerajaan. Dari masa ke semasa, kekuatan ini telah digunakan untuk meminda perlembagaan. Cara dan kerapnya perlembagaan dipinda kerana sebab-sebab yang tidak penting telah menjatuhkan taraf undang-undang tertinggi negara kepada lembaran kertas yang tidak berguna.

Sebuah negara yang baru merdeka memerlukan pentadbir yang betul-betul mahir memegang teraju Kerajaan. Keputusan hendaklah dibuat pada tiap-tiap hari, dan keputusan-keputusan

ini akan mempengaruhi negara dan rakyat. Menteri-menteri dan ahli-ahli Kabinet diberi kuasa untuk membuat keputusan-keputusan ini. Oleh itu sudah ternyata bahawa Menteri-menteri dan ahli-ahli Kabinet hendaklah terdiri daripada mereka yang betul-betul berkebolehan dan berpengalaman. Meskipun begitu, di Tanah Melayu yang merdeka, pemilihan ahli-ahli Kabinet ditetapkan sebagai satu ganjaran kepada kesetiaan terhadap ketua-ketua parti dan orang-orang yang diterima oleh Perdana Menteri. Selepas mereka dilantik, walaupun mereka tidak menjalankan tugas dengan sempurna, kedudukan mereka sebagai menteri tidak tergugat. Sebaliknya, walaupun seorang Menteri itu telah menjalankan tugasnya dengan baik tetapi gagal untuk berbaik-baik dengan Perdana Menteri maka dia akan disingkirkan dari kementeriannya.

Akibatnya, orang-orang yang kurang berkebolehan dibiarkan untuk mentadbir negara ini. Orang-orang yang berkebolehan tidak dapat berkhidmat dengan Kerajaan dan walaupun mereka diterima untuk berkhidmat mereka tidak pula kekal lama. Walaupun kabinet silih berganti dengan pola yang sama berterusan, namun harapan seluruh negara untuk melihat orang-orang yang betul-betul berkebolehan berada di dalam Kerajaan ternyata hampa. Rakyat mula bersikap sinis dan mereka kurang menghormati para menteri. Perasaan ini bukan sahaja terserap di kalangan mereka yang membangkang Kerajaan, malah juga pada mereka yang menjadi penyokong Kerajaan.

Seperti yang dijangkakan, Kerajaan yang dianggotai oleh orang-orang yang tidak berkebolehan ternyata kurang idea, tidak dapat memahami batas-batas kekuasaan mereka, dan umumnya tidak dapat memimpin dengan sempurna. Cara yang biasanya digunakan oleh Kerajaan untuk menjawab kritikan yang ditujukan kepadanya ialah dengan melantik suruhanjaya-suruhanjaya untuk mengkaji dan membuat laporan mengenai kritikan itu. Suruhanjaya ini yang terdiri daripada orang-orang ternama yang berkebolehan biasanya mengambil masa yang lama untuk menjalankan tugasnya. Sementara itu Kerajaan tetap menjalankan tugasnya seperti biasa. Akhirnya bila laporan itu siap ahli-ahli Kabinet pula mendapati sukar untuk mengkajinya. Jadi sebuah jawatankuasa yang baru akan dilantik untuk mengkaji tiap-tiap laporan. Dengan itu lebih banyak masa ter-

buang. Akhirnya apabila Kabinet membuat keputusan mengenai kajian laporan tadi, mereka akan menolak kebanyakan bahagian laporan itu dan pelaksanaan cadangan-cadangan juga ditangguhkan hingga ke suatu masa yang tidak ditetapkan. Sebenarnya, tugas suruhanjaya-suruhanjaya itu merupakan usaha yang sia-sia serta merugikan wang dan masa orang ramai. Kerajaan tetap meneruskan dasar-dasarnya seolah-olah tidak ada suruhanjaya yang telah dilantik.

Bagaimanapun, selama ini Kerajaan sedang sibuk mencari jalan untuk mengekalkan kuasanya. Langkah-langkah yang diambil ternyata ada udang di sebalik batu hinggakan kesannya lain dari yang diharapkan. Semua orang dapat melihat akan kepincangan ini, kecuali Kerajaan sendiri. Oleh itu, walaupun rancangan-rancangan luar bandar telah lama hilang kesan, Kerajaan masih lagi melaksanakan projek-projek seperti mendirikan masjid dan balai raya. Pelaksanaan projek itu dijalankan bukan kerana segala kemudahan tersebut difikirkan perlu, tetapi kerana anggapan yang salah kononnya langkah-langkah ini akan dapat memancing undi dalam pilihanraya yang akan datang. Seperti yang dijangkakan, apabila menjelangnya pilihanraya, maka peruntukan bagi rancangan pembangunan luar bandar akan bertambah. Menteri-menteri semakin sibuk menghulurkan cek-cek sebelum dan semasa pilihanraya. Sementara itu penerima-penerima bantuan ini menunjukkan rasa terima kasih mereka. Akan tetapi bagi mereka yang pernah memerhati tindakan ini dengan lebih dekat, ternyata bahawa rasa terhutang budi yang ditunjukkan oleh penerima-penerima tadi tidak semestinya diberikan kepada Kerajaan. Lebih buruk lagi ialah sistem pilih kasih dalam memberikan peruntukan kepada penyokong-penyokong atau kubu-kubu parti. Perbuatan memihak-mihak tanpa berselindung ini telah menimbulkan kemarahan terhadap Kerajaan, dan tentu sekali orang-orang yang menentang Kerajaan akan terus bersikap demikian. Sebaliknya pula, pihak Kerajaan memang tidak dapat memenuhi kesemua permintaan daripada penyokong-penyokong parti. Oleh itu perasaan kecewa di dalam parti semakin menjadi-jadi dan lebih ramai ahli parti yang berpaling tadah.

Memang sudah nyata bahawa menjelang pilihanraya tahun 1969 semua golongan penduduk negara ini tidak puashati dengan Kerajaan. Orang Melayu tidak puashati kerana dari

pandangan mereka Kerajaan terus memihak kepada orang Cina, sedangkan Kerajaan telah gagal untuk membetulkan ketidak-seimbangan pembahagian kekayaan dan kemajuan bagi kaum-kaum di Malaysia. Sewaktu menyuarakan perasaan tidak puashati mereka ini, mereka telah membangkitkan kemarahan penduduk bukan Melayu, terutama orang Cina. Tuntutan-tuntutan orang Cina pula bertambah apabila pemberian Kerajaan semakin menghairahkan keinginan mereka. Pada mulanya orang Cina yang berfahaman sederhana menganggap bahawa tuntutan-tuntutan golongan pelampau adalah langkah wajar untuk mengawal tuntutan orang Melayu. Malangnya, lama-kelamaan golongan sederhana ini akhirnya turut menjadi mangsa strategi mereka sendiri. Sebagai langkah untuk mengekalkan pengaruh mereka, golongan sederhana terpaksa menurut kehendak golongan pelampau. Sudah tentu sahaja tindakan tersebut membangkitkan semula permusuhan dan perasaan curiga orang Melayu. Jurang perpisahan antara orang Melayu dan bukan Melayu semakin meluas.

Selain daripada reaksi-reaksi perkauman tadi ternyata bahawa keyakinan rakyat terhadap kemampuan atau keinginan Kerajaan Perikatan memerintah dengan baik semakin merosot. Walaupun umumnya diterima hakikat bahawa Kerajaan Perikatan sahaja yang mampu memerintah negara ini, tetapi perlunya Kerajaan tersebut diberi kuasa yang mutlak patut dipersoalkan. Parti-parti pembangkang adalah kurang layak sebagai pengganti Kerajaan dan sebenarnya tidak mendapat sokongan orang ramai. Akan tetapi kebencian orang ramai terhadap Kerajaan Perikatan telah menimbulkan rasa anti-Perikatan. Hakikat ini sudah cukup untuk menggalakkan undi bantahan.

Akhirnya Kerajaan Perikatan telah melakukan satu kesalahan yang paling besar, iaitu mereka cuba menutup segala kesalahan dan sikap tidak acuh di masa-masa yang lampau. Parti Perikatan beranggapan bahawa kekuatan parti itu terletak kepada punca kewangannya serta kemampuannya untuk menjalankan satu kempen pilihanraya yang panjang dengan menggunakan pegawai-pegawai parti dan menteri-menteri, bahkan juga ramai pekerja upahan. Berdasarkan kepada pendapat ini Kerajaan telah memilih jangka waktu yang agak lama untuk kempen pilihanraya. Hakikat ini telah menyebabkan rasa tidak puashati di

antara kaum semasa pemerintah Perikatan semakin meluap-luap. Parti Perikatan semakin tidak berupaya apabila parti-parti pembangkang menggunakan sentimen perkauman untuk mendapatkan sokongan. Lebih meruncingkan, Kerajaan tidak berupaya untuk menahan sikap perkauman yang semakin buruk di dalam kempen pilihanraya tersebut. Pada waktu itu Kerajaan hanya dapat mengawal ahli-ahli Perikatan. Misalnya, apabila seorang pegawai perhubungan UMNO di Pulau Pinang dipukul sehingga mati, Kerajaan telah berjaya menghalang satu tunjuk perasaan yang hendak diadakan. Akan tetapi apabila seorang ahli Parti Buruh telah ditembak, Kerajaan tidak berjaya langsung untuk menahan satu perarakan tunjuk perasaan terhadap Kerajaan.

Keputusan Pilihanraya telah memeranjatkan Parti Perikatan dan Kerajaan Perikatan. Oleh kerana timbul keraguan tentang kedudukannya di negeri Selangor, di mana pihak Kerajaan cuma menguasai setengah daripada jumlah kerusi Dewan Negeri, Kerajaan telah membenarkan parti-parti pembangkang mengadakan perarakan kerana kemenangan mereka. Memang sukar sekali untuk difahamkan mengapa Kerajaan membenarkan perarakan serupa itu kerana perarakan sedemikian tidak syak lagi akan menimbulkan kekacauan, lebih-lebih lagi bila mengenangkan perarakan beberapa hari sebelum itu sewaktu kematian seorang ahli Parti Buruh. Pada masa-masa lalu pihak Kerajaan sangat berhati-hati tentang sebarang tunjuk perasaan. Sudah sememangnya pihak pembangkang begitu gembira apabila keputusan pilihanraya diumumkan. Seperti pengalaman yang sudah-sudah, pemimpin-pemimpin pembangkang tidak pernah dapat mengawal perasaan megah ahli-ahlinya. Dengan membenarkan juga perarakan tersebut Kerajaan telah memperlihatkan kegagalan untuk memahami perasaan hati pihak pembangkang dan juga penyokong-penyokong Kerajaan sendiri. Oleh itu Kerajaan hendaklah sama-sama memikul kesalahan yang menyebabkan peristiwa yang berlaku selepas itu.

Di mana silapnya? Memang banyak perkara yang silap. Pertama, dasar awal Kerajaan adalah salah. Kerajaan beranggapan bahawa harmoni sudah sedia wujud sejak dahulu dan kerjasama antara orang-orang Melayu dan Cina dalam usaha mendapatkan kemerdekaan adalah satu contoh harmoni antara kaum. Kerajaan beranggapan bahawa orang Cina hanya ber-

minat di dalam bidang perniagaan dan mengumpulkan harta, sementara orang Melayu hanya mahu menjadi kakitangan Kerajaan. Anggapan yang salah ini telah menyebabkan wujudnya dasar-dasar yang merombak persefahaman yang tipis di antara orang Melayu dan bukan Melayu. Di samping itu, kerana terlalu bongkak dengan suara terbanyak, Kerajaan semakin tidak mahu mendengar langsung kritikan yang disuarakan oleh pihak pembangkang mahupun dari penyokong-penyokong Kerajaan sendiri. Jurang di antara Kerajaan dengan rakyat semakin meluas hinggalah Kerajaan tidak lagi dapat menyelami perasaan rakyat atau mentafsirkannya dengan betul. Dengan itu Kerajaan tidak dapat merasakan perubahan radikal dalam pemikiran rakyat sejak kemerdekaan sehingga menjelang pilihanraya tahun 1969. Akhirnya apabila Kerajaan memenangi pilihanraya tahun 1969 hanya dengan majoriti yang merosot, Kerajaan amat terkejut hinggalah pertimbangannya pun tidak lagi sempurna. Maka berlakulah pembunuhan terhadap manusia dan pembakaran terhadap harta benda dan keadaan yang huru-hara pada 13 Mei, 1969. Di situlah letak silapnya.

### BAB 3: Pengaruh Keturunan dan Alam Sekitar Ke atas Bangsa Melayu

Bagaimanakah faktor-faktor keturunan memberi kesan terhadap kemajuan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu? Belum pernah dijalankan satu kajian yang saintifik mengenai perkara ini. Barangkali lebih bijak jika perkara ini dibiarkan begitu sahaja kerana kalau dikaji juga mungkin hal ini akan menyebabkan orang Melayu patah semangat. Meskipun begitu, memandangkan bahawa faktor-faktor keturunan adalah amat penting dalam perkembangan sesuatu bangsa, eloklah dilihat serba sedikit mengenai hal ini supaya dengan pemahaman yang lebih baik dan terperinci dalam hal ini bolehlah difahami dan sedikit sebanyak mengatasi kesan tidak baik dari faktor-faktor ini.

Tulisan ini bukanlah satu kajian yang saintifik. Paling hampir ia cuma merupakan suatu tekaan cerdas sahaja. Semoga ia akan membangkitkan satu minat baru mengenai perkara ini dan mungkin akan membawa satu kajian saintifik yang menyeluruh tentang teori-teori yang dikemukakan. Setidak-tidaknya tulisan ini diharap akan menarik perhatian umum kepada perkara yang penting ini.

Satu perkara yang telah diterima umum ialah faktor-faktor keturunan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sesuatu kaum. Ia tidak memerlukan kepakaran seorang ahli sains untuk menyatakan hal ini. Agak ternyata, kalau ciri-ciri dari bapa diperturunkan kepada anaknya, maka ciri-ciri kaum semestinya juga diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Andainya proses ini tidak berlaku maka satu kaum yang amat berlainan akan muncul dalam tiap-tiap generasi. Bagaimanapun, memandangkan bahawa ciri-ciri kaum dapat dilihat dalam tiap-tiap generasi, seperti juga dengan ciri-ciri keluarga, maka kita boleh menganggap bahawa ciri tersebut adalah ciri-ciri keturunan.

Manusia sudah lama sedar dan menerima hakikat, malahan sebelum pengajian sains menumpukan perhatian kepada sifat-sifat semula jadi manusia, bahawa anak-anak mesti mewarisi

beberapa sifat yang terdapat pada nenek moyang mereka. Sifat yang paling ketara ialah raut muka. Wajah kanak-kanak memang dijangkakan dan lazimnya mirip raut muka salah seorang dari ibu bapanya atau dari kedua-duanya sekali. Meskipun begitu, persamaan ini tidak sahaja melibatkan bentuk fizikal semata-mata. Malahan kadang-kadang perwatakan, kecerdasan mental dan citarasa juga mengikuti ibu bapa mereka. Walaupun demikian, persamaan ini tidaklah sepenuhnya. Beberapa ciri adalah agak berlebihan manakala ciri-ciri lain hanya mempunyai sedikit persamaan. Kadang kalanya ada pula ciri-ciri yang bercantum, dan ada kalanya ciri-ciri dari kedua ibu bapa mereka tidak ada langsung.

Memandangkan pemerhatian oleh manusia biasa terlalu singkat waktunya dan tidak pula mendalam, maka usaha ini terpaksa diserahkan kepada ahli-ahli sains untuk mengkaji lebih lanjut darihal keturunan. Ahli sains yang paling terkemuka dalam bidang ini ialah Gregor Johann Mendel. Beliau telah mengkaji secara sistematik kewujudan faktor-faktor keturunan dan bagaimana berlakunya penyaluran baka. Penemuan-penemuan beliau telah pun diterima secara meluas. Secara ringkas Hukum Mendel menyatakan bahawa zuriat itu bukanlah merupakan jenis perantaraan antara kedua-dua baka ibu bapa, tetapi menurut hukum yang lazim, baka salah seorang dari ibu bapa itu adalah lebih menonjol dalam zuriat yang dilahirkan. Hukum ini adalah penting kerana ia menolak konsep lazim yang menyatakan bahawa zuriat hendaklah merupakan perwatakan yang lebih sederhana dari sifat-sifat utama kedua-dua ibu bapa.

Hukum Mendel dijelaskan dengan baiknya dalam percubaan membiak tikus putih dan tikus coklat. Kalau satu siri ujikajian dijalankan, maka pembiakan di antara tikus putih dan tikus coklat tidak akan menghasilkan tikus bertompok atau putih-coklat, sebaliknya hasil yang paling banyak ialah tikus-tikus putih. Bagaimanapun, kalau tikus putih generasi pertama ini dibiakkan sesama jenisnya, maka zuriat yang dihasilkan bukanlah semuanya tikus putih, tetapi terdapat juga tikus-tikus coklat dengan nisbah tiga tikus putih bagi tiap-tiap seekor tikus coklat. Fakta yang diterangkan di sini ialah warna putih lebih ketara dalam generasi pertama. Namun begitu, walaupun tikus-tikus generasi pertama berwarna putih, ia juga mempunyai faktor coklat yang tersorok yang boleh disalurkan kepada generasi yang

berikutnya. Akan tetapi, faktor coklat ini adalah lemah dan fakta ini menunjukkan bahawa hanya terdapat seekor tikus coklat bagi tiap-tiap empat ekor tikus generasi kedua.

Bagi manusia, perkara yang agak sama boleh dilihat apabila seorang yang balar berkahwin dengan seorang yang mempunyai warna kulit yang biasa. Zuriat dari perkahwinan itu pada zahirnya adalah normal. Akan tetapi apabila mereka ini berkahwin dengan zuriat yang agak normal dan orang balar, maka seorang dari tiap-tiap empat orang yang dilahirkan dari generasi kedua adalah balar. Jadi ibu bapa balar adalah resesif. Jika seorang balar berkahwin dengan seorang balar, maka semua zuriatnya adalah balar. Faktor resesif itu tidaklah dilahirkan oleh sebarang faktor yang dominan dan muncul tiap-tiap kali.

Walaupun Hukum Mendel boleh digunakan dalam kebanyakan contoh, namun hukum itu tidaklah universal. Di kalangan ibu bapa yang mempunyai ciri-ciri yang dominan tetapi bertentangan, satu percampuran akan berlaku. Sifat-sifat yang berbeza dan yang tidak terdapat pada kedua-dua ibu bapa akan timbul dalam zuriat mereka. Meskipun begitu, ini amat jarang dan hanya sekali sekala berlaku.

Semua contoh ini hanya tertumpu kepada satu ciri. Walau bagaimanapun, binatang dan juga manusia mewarisi berbagai sifat dan ciri dari ibu bapa masing-masing. Perkara yang harus dipersoalkan di sini ialah sejauh manakah ciri-ciri ibu bapa ini diwariskan kepada keturunan mereka? Lebih-lebih lagi, sejauh manakah sifat-sifat yang kurang nyata seperti kecerdasan, kerajinan, kepintaran, dan lain-lain itu diwarisi? Oleh kerana sifat-sifat dominan tidak hanya terikat pada salah seorang ibu bapa, sudah tentulah zuriat itu akan mewarisi ciri-ciri dominan dari kedua-dua ibu bapa. Jika kedua-dua ibu bapa mempunyai faktor-faktor resesif yang sama ia juga akan diturunkan kepada zuriatnya.

Dalam proses evolusi keluarga faktor keturunan memainkan peranan yang penting. Perkahwinan di antara pasangan lelaki dan perempuan yang mempunyai ciri-ciri dominan yang baik ternyata akan menghasilkan zuriat yang lebih baik. Sementara itu, perkahwinan di antara pasangan lelaki dan perempuan yang mempunyai ciri resesif dan ciri yang kurang baik akan menghasilkan zuriat yang resesif. Sebaliknya pula, perkahwinan di antara orang yang mempunyai ciri-ciri dominan yang baik

dengan orang yang mempunyai ciri resesif akan menghasil lebih ramai zuriat yang mempunyai ciri-ciri yang baik.

Ciri dominan selalunya akan mengatasi ciri-ciri yang resesif. Oleh itu jika kedua-dua ibu bapa mempunyai berbagai ciri dominan, maka zuriatnya ternyata akan mempunyai percampuran semua ciri yang dominan dari kedua-dua ibu bapanya. Zuriat yang paling baik ialah hasil dari ibu bapa yang mempunyai ciri-ciri dominan yang berbeza. Kaum keluarga yang dekat lazimnya menyerupai antara satu sama lain, oleh itu besar kemungkinan mereka mempunyai ciri-ciri resesif yang sama. Dengan itu perkahwinan di dalam kaum keluarga ini tidak akan menghasilkan zuriat yang baik. Sebaliknya, orang yang tidak ada pertalian darah mempunyai banyak ciri yang berbeza. Oleh itu perkahwinan di antara orang-orang ini akan menghasilkan zuriat yang lebih baik sebab mereka akan mewarisi ciri-ciri dominan yang baik dari kedua-dua ibu bapa mereka, sementara itu ciri-ciri yang resesif akan pupus.

Bagaimanakah alam sekitar mempengaruhi perkembangan dan evolusi sesuatu kaum? Sebelum melihat sesuatu kaum itu secara lebih menyeluruh, elok kiranya ditinjau perkembangan sebuah keluarga terlebih dahulu. Umum mengetahui bahawa manusia belajar melalui pengalaman dan semakin banyak pengalamannya maka bertambahlah pengetahuannya. Manusia juga akan menyesuaikan dirinya dengan keadaan alam sekelilingnya. Namun lebih penting lagi ialah manusia biasanya belajar dari pengalaman orang lain dan meniru tauladan mereka. Penyesuaian ini boleh berlaku dengan tidak disedari, tetapi ia juga boleh dipelajari secara sedar. Lama kelamaan, pembelajaran secara sedar mula mengatasi pembelajaran secara intuitif, kecualilah dalam perkara asas. Pada hari ini peluang untuk mempelajari sesuatu boleh dikatakan tidak terbatas, tetapi keupayaan seseorang untuk mempelajari sesuatu itu agak berbeza-beza. Sudah sememangnya ada orang yang boleh menimba lebih banyak pengetahuan daripada orang lain. Perbezaan ini nampaknya lahir daripada ciri-ciri semula jadi.

Alam sekitar turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk diri seseorang, keluarganya dan kaumnya. Di samping faktor keturunan, alam sekitar adalah faktor yang sangat penting dalam membentuk perkembangan manusia dari segi fizikal, mental dan psikologi. Oleh kerana beberapa sebab,

tidaklah dapat diterima teori Darwin yang terkandung dalam bukunya *Origin of the Species*. Meskipun begitu, ada beberapa sarannya yang boleh dipertimbangkan. Bila setengah-setengah teori itu dipakai untuk menerangkan kedudukan manusia pada peringkat-peringkat akhir perkembangannya, teori tersebut ada logiknya. Kehidupan di dunia ini penuh cabarannya. Sejak zaman dahulu lagi tidak henti-henti terdapat pembunuhan dan pemusnahan di setiap pelusuk dunia. Gigitan serangga misalnya boleh mengakibatkan maut, samalah seperti akibat letupan bom atom. Orang yang terselamat dari segala bahaya adalah mereka yang tahu mengelakkan diri dari bahaya. Oleh itu orang yang pintar dan rajin berusaha sahaja yang dapat mengelakkan diri dari bahaya. Sementara itu orang yang leka dan bodoh akan musnah di pertengahan jalan.

Oleh kerana ciri-ciri boleh disalurkan dari satu generasi ke satu generasi lain, manusia haruslah sentiasa bertambah bijak dan lebih menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Proses penyesuaian ini berlaku terus menerus, generasi demi generasi, dan dalam tiap-tiap generasi mereka yang lemah dan tidak berupaya untuk hidup dalam alam sekitarnya akan terhapus dan hilang peluang untuk terus membiak. Proses memusnahkan jenis yang lemah dari segi mental dan fizikal akan berterusan sehingga lahir baka yang bijak bukan sahaja sekadar dapat menyesuaikan dirinya dengan alam sekitar tetapi juga dapat menggunakan alam sekitar untuk keperluannya. Oleh itu manusia telah mula melangkah keluar dari kehidupan di dalam gua dan membina tempat-tempat perlindungan sendiri. Akhirnya tempat-tempat perlindungan ini menjadi lebih kompleks dan besar seperti bandar-bandar kita sekarang.

Kesan keturunan dan alam sekitar ke atas manusia adalah saling berkaitan serta saling menyokong satu sama lain. Perkembangan sesuatu keluarga atau kaum hendaklah mengikut garis-garis yang telah ditetapkan oleh keadaan alam sekitar dan juga oleh penyaluran ciri-ciri ibu bapa kepada anak-anaknya. Penyaluran ini boleh berlaku hanya bila keadaan alam sekitar itu sesuai. Kajian darihal alam sekitar manusia adalah sangat kompleks lagi sukar, oleh itu saranan-saranan yang dibuat dalam kajian yang ringkas ini tidaklah menyeluruh. Alam sekitar manusia terdiri daripada berbagai faktor dan biasanya tiap-tiap faktor ini saling memberi kesan kepada faktor yang lain. Untuk

mengkaji secara lebih teratur eloklah dilihat unsur-unsur utama dalam alam sekitar satu per satu. Namun demikian, perlu diingatkan bahawa tiap-tiap unsur ini sering berkaitan rapat dan saling bergantung antara satu sama lain. Kalau hendak dikaji perkembangan orang Melayu di Tanah Melayu, terlebih dahulu hendaklah dikaji kedudukan alam Tanah Melayu dan meliha akan kesannya terhadap orang Melayu.

Tanah Melayu adalah tanah semenanjung dan terdapat sungai-sungai yang mengalir dari banjaran gunung di tengah-tengah semenanjung itu, dan dikelilingi pula oleh tanah-tanah yang rata dan berpaya. Orang Melayu yang menduduki Tanah Melayu pada masa dahulu mungkin mendapati dataran yang bermula dari kaki gunung atau tebing-tebing sungai hingga ke pantai begitu subur dan senang diteroka melalui sungai. Bahan makanan mudah diperolehi dan ditanam di dataran ini, begitu pula ikan dan daging, agaknya tidaklah sukar untuk mendapatkannya. Kawasan tanah tinggi diliputi hutan yang tebal dan sukar diterokai, lagipun berkeliaran binatang-binatang buas. Usaha bercucuk tanam juga sukar dijalankan di kawasan tanah tinggi ini. Di samping itu, dengan adanya tanah subur yang luas di kawasan dataran, maka tidaklah perlu bagi mereka untuk tinggal di bukit-bukit atau di gunung-gunung. Oleh itu kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan dataran, menjadi petani dan nelayan. Mereka tinggal di tebing-tebing sungai, bercucuk tanam di kawasan dataran yang merentang hingga di kaki gunung. Sungai-sungai menjadi jalan perhubungan mereka yang utama, dan juga sumber ikan di samping sebagai tempat menghanyutkan segala sampah-sarap. Orang Melayu mengembara melalui jalan laut dari satu kuala ke satu kuala. Dengan demikian pekan-pekan utama mereka terletak di kuala-kuala sungai ataupun di persimpangan sungai-sungai yang besar.

Dari penemuan-penemuan sejarah ternyata bahawa petempatan awal orang-orang Melayu adalah di dataran Negeri Kedah dan negeri-negeri utara atau di pantai timur. Bahagian selatan Tanah Melayu lebih banyak dilitupi bukit-bukau, oleh itu tidak ramai orang tinggal di kawasan tersebut sehinggalah orang-orang dari Sumatera dan Jawa datang untuk membuka kawasan-kawasan baru. Meskipun begitu, petempatan-petempatan ini juga terdapat di dataran-dataran kecil yang sesuai untuk tanaman padi. Kemudian, lautan yang menjadi jalan perhu-

bungan orang-orang Melayu di kawasan pesisir turut menjadi saluran kedatangan peniaga-peniaga asing, kemudian kaum-kaum pendatang dan akhirnya penjajah-penjajah ke Tanah Melayu.

Dengan demikian keadaan alam telah mempengaruhi orang-orang Melayu untuk menetap di kawasan-kawasan dataran. Tanah dataran masih banyak dan mereka tidak perlu bercucuk tanam atau tinggal di bukit-bukit. Di dataran tropika yang subur ini terdapat banyak sumber makanan yang dianggarkan cukup untuk menampung jumlah penduduk yang masih tidak ramai bilangan di Tanah Melayu pada waktu itu. Usaha-usaha mencari makanan dapat dilakukan dengan mudah tanpa kemahiran yang luar biasa. Pendeknya alam keliling menjamin keperluan makanan yang mencukupi untuk menampung seluruh penduduk sepanjang tahun. Kelaparan dan kebuluran yang sentiasa mengancam negeri-negeri lain, seperti Negeri China, tidak terdapat di Tanah Melayu. Dalam keadaan begini maka semua orang dapat terus hidup. Malahan mereka yang paling lemah dan paling malas juga boleh hidup dengan selesa dan dapat berkahwin dan beranak pinak. Dalam keadaan yang begini tidak dapat hendak dikatakan bahawa cuma mereka yang paling kuat dapat terus hidup. Oleh kerana terdapat banyaknya bahan makanan maka orang yang lemah juga akan dapat terus hidup.

Sebilangan besar orang Melayu terlibat di dalam penanaman padi, iaitu satu pekerjaan bermusim. Kerja-kerja yang sebenarnya hanya memakan masa selama dua bulan, hasilnya dapat menampung bekalan hidup untuk selama setahun. Hakikat ini hanya benar pada zaman dahulu sewaktu penduduk negara ini masih belum ramai manakala tanah untuk bercucuk tanam masih banyak. Masa lapang mereka begitu banyak. Malah selepas selesai mengerjakan tanaman lain pun, masa lapang mereka masih banyak. Iklim negeri ini yang panas dan lembab juga tidak begitu menggalakkan bagi kerja-kerja yang berat ataupun daya pemikiran yang lebih aktif. Oleh itu penduduknya, kecuali sebilangan kecil, lebih suka duduk rehat-rehat atau berbual-bual dengan jiran tetangga dan rakan-rakan mereka.

Kegiatan pertanian tidak menggalakkan tumbuhnya sebuah masyarakat yang besar. Orang Melayu hanya tinggal dalam

kampung-kampung yang kecil ataupun di ladang atau sawah milik mereka. Perhubungan sosial antara mereka adalah terbatas. Oleh itu kemudahan-kemudahan khidmat untuk masyarakat setempat tidak begitu penting bagi mereka. Pembahagian tenaga kerja dan pengkhususan kerja adalah terhadap oleh kerana kebanyakan petani dapat memenuhi kehendak ataupun keperluan asas mereka. Meskipun kebanyakan orang Melayu adalah petani dan tinggal di dataran-dataran yang subur pekan-pekan kecil turut membangun di persimpangan sungai dan kuala-kuala sungai di mana orang Melayu menjadi nelayan atau menjalankan perniagaan kecil. Pekan-pekan yang lebih besar ialah tempat tinggal raja-raja dan pembesar-pembesar tempatan.

Penduduk di bandar-bandar kecil ini hidup lebih sofistikated serta teratur daripada para petani. Tukang-tukang yang mahir, para cendekiawan, peniaga-peniaga dan juga pentadbir-pentadbir hidup dalam satu masyarakat yang mempunyai hubungan yang erat di bawah naungan raja-raja. Keadaan ini lebih jauh berbeza daripada cara hidup para petani biasa yang merupakan bahagian besar masyarakat Melayu. Hubungan sosial antara penduduk pekan dan petani-petani adalah terbatas manakala perkahwinan di antara kedua-dua belah pihak juga jarang berlaku.

Asalnya orang-orang Melayu memuja segala rupa semangat. Agama Hindu dan Islam dibawa masuk dari luar. Agama-agama ini dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Arab dan Hindu. Mereka ini bukan sahaja datang untuk berniaga tetapi ada juga mereka yang turut menetap di bandar-bandar serta berkahwin dengan orang-orang Melayu dari kerabat ternama di pekan-pekan tersebut. Lama-kelamaan keluarga-keluarga dari hasil perkahwinan campuran ini telah menjadi kaya dan sangat berpengaruh. Oleh itu perbezaan ekonomi dan sosial di antara penduduk pekan dan penduduk desa semakin ketara. Penduduk desa mendapati sukar untuk mencontohi cara hidup orang-orang di pekan.

Pengaruh agama Islam ke atas orang Melayu adalah sangat besar. Bahasa dan budaya Arab yang merupakan sebahagian dari agama Islam telah dipelajari oleh orang Melayu dan ini telah menyebabkan berlakunya perubahan yang besar dalam cara hidup mereka. Ahli-ahli Bahasa Melayu telah mengubah-

suaikan huruf-huruf Arab dan ini telah menambahkan lagi kenal huruf di kalangan orang-orang Melayu. Ini membuka jalan kepada orang-orang Melayu untuk mempelajari falsafah dan sains dari Timur Tengah. Malangnya, perubahan pendidikan dan budaya yang dibawa oleh agama Islam lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan bandar. Cuma kemudian baru guru-guru yang berpindah ke kawasan luar bandar mula mendirikan sekolah-sekolah agama, tetapi pengajaran mereka hanya tertumpu kepada hal ehwal agama semata-mata. Falsafah dan sains tidak dapat diterima dengan mudah. Pengaruh adat dan kepercayaan animisme tadi masih kuat di kalangan penduduk luar bandar dan halangan ini membatasi penyebaran ajaran Islam. Keadaan ini juga telah menyebabkan amalan-amalan Islam bercampur aduk dengan adat Melayu yang masih mempunyai saki-baki kepercayaan animisme.

Bandar-bandar kecil itu menjadi semakin sofistikated dan perbezaan ini begitu ternyata kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan luar bandar. Bandar-bandar ini mempunyai kadar kenal huruf yang agak tinggi di mana ciri-ciri pengaruh antarabangsa juga wujud disebabkan oleh penyerapan budaya dan agama pendatang tadi, dan juga melalui proses kahwin campur.

Agama Islam telah berkembang menjadi benteng yang kukuh bagi orang-orang Melayu dari berubah kepada lain-lain agama. Selama ini orang-orang Melayu bebas berkahwin dengan orang-orang di luar agama mereka. Akan tetapi Islam kini telah melarang amalan tersebut kecuali apabila syarat-syarat tertentu dipatuhi. Orang yang melanggar perintah-perintah agama akan menerima hukuman yang amat memalukan. Oleh itu perkara-perkara yang berbeza dari amalan Islam yang biasa tetap disyaki dan tidak akan diterima.

Kesultanan Melaka bertambah makmur sewaktu agama Islam sedang tersebar luas di Tanah Melayu. Melaka telah menarik ramai pedagang asing, dan seterusnya penjajah-penjajah yang hendak memerintah serta pendatang yang hendak bermastautin. Namun begitu, orang Melayu pada ketika itu tidak dapat lagi ditembusi oleh pengaruh-pengaruh agama lain. Dengan itu pendatang-pendatang Cina yang pada mulanya menetap di Melaka dan kemudian di kawasan-kawasan lain di Tanah Melayu telah terpisah sama sekali dari orang-orang Melayu. Di

Negeri Thai ada terdapat orang-orang Cina yang diserapkan ke dalam masyarakat tempatan, pada hal di Tanah Melayu perkara ini tidak berlaku. Malah ada orang-orang Cina yang bertutur dalam Bahasa Melayu, berpakaian serta mengikuti beberapa adat orang Melayu, namun mereka tetap juga tidak diterima disebabkan perbezaan agama. Kahwin campur antara orang Melayu dan orang Cina jarang sekali berlaku.

Selain daripada pengaruh agama Islam, perubahan yang paling nyata dalam kehidupan orang Melayu ialah kemasukan secara beramai-ramai pendatang-pendatang Cina. Orang Melayu jati atau peranakan, sebelum kedatangan orang Cina bukan sahaja terdiri dari golongan petani, bahkan peniaga-peniaga kecil dan ahli tukang dan pekerja mahir dan juga sebagai pentadbir di bawah sistem penghulu dan raja-raja. Kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu mengakibatkan pertelingkahan di antara dua kaum yang berbeza, baik dari segi pengaruh keturunan mahupun alam sekitar masing-masing. Sebelum memahami perbezaan ini eloklah dikaji secara ringkas akan latar belakang pendatang-pendatang Cina itu.

Sejarah Negeri China adalah penuh bergelombang dengan berbagai-bagai malapetaka baik dalam bentuk bencana alam mahupun akibat perbuatan manusia sendiri. Empat ribu tahun yang lalu telah berlaku bencana banjir yang amat besar, dan banjir besar begini biasanya diikuti pula oleh kekurangan makanan. Sementara itu, penceroboh dari luar, maharajamaharaja dan pembesar-pembesar mengganas di seluruh pelusuk negara tersebut. Bagi orang Cina kehidupan mereka adalah satu perjuangan yang berterusan. Dalam proses ini mereka yang lemah dari segi mental dan fizikal akan tewas kepada mereka yang kuat dan rajin berusaha. Proses ini dan juga pertarungan untuk hidup berlaku generasi demi generasi, selama empat ribu tahun atau lebih, di mana mereka yang kuat sahaja akan kekal. Seolah-olah itu belum mencukupi, adat orang Cina melarang perkahwinan dari kalangan rumpun keluarga yang sama. Ini menyebabkan berlaku lebih banyak peranakan dari keluarga yang terasing daripada pembiakan keturunan yang sama. Cara ini adalah berbeza dengan orang-orang Melayu yang lebih cenderung kepada amalan perkahwinan sesama keturunan. Adat orang Cina ini ialah untuk melahirkan ciri dan baka yang baik yang boleh memudah-

kan kehidupan mereka serta menambahkan lagi pengaruh alam sekitar ke atas orang-orang Cina.

Di samping menderita akibat malapetaka semulajadi dan peperangan yang berlaku berulang kali, orang-orang Cina terpaksa pula menghadapi penindasan dari maharaja-maharaja dan pembesar-pembesar serta pegawai-pegawai mereka yang sentiasa mengganas. Dalam keadaan begini, kalau hendak hidup dan menikmati kesenangan hendaklah pandai memenuhi kehendak-kehendak pemerintah tadi. Orang-orang Cina sudah begitu cekap dengan keadaan seperti ini hinggakan sistem hubungan di antara rakyat biasa dengan para pegawai menjadi ciri yang terkenal dalam masyarakat Cina. Pegawai-pegawai itu pula melindungi rakyat kerana menjaga kuasa mereka sendiri lebih daripada sebagai tanggungjawab mereka. Dari sistem ini maka membiaklah pertubuhan sulit sebagai satu cara untuk memberi perlindungan yang dikatakan tadi. Orang-orang Cina yang telah berpindah ke pulau-pulau dan tanah semenanjung Asia Tenggara telah pun mengalami pengaruh alam sekitar, keturunan dan lain-lain faktor. Mereka yang meninggalkan Negeri China untuk mengadu nasib di seberang laut adalah orang-orang yang berhati cekal dan rajin berusaha. Seperti juga penghijrah-penghijrah yang terdapat di seluruh dunia, orang Cina yang meninggalkan negerinya adalah mereka yang tidak puas hati dengan keadaan nasib mereka dan mempunyai keinginan mahu membaiki kehidupan mereka dan sudah tentulah kerana azam mereka akan berusaha ke arah matlamat itu. Demikian pulalah orang Cina yang datang ke Tanah Melayu, dan mendapat galakan dari pihak British, mereka lebih cekal menghadapi cabaran dan rajin berusaha.

Orang-orang Melayu yang selama ini lemah disebabkan oleh pengaruh keturunan dan alam sekitar tidak berupaya untuk menghadapi cabaran pendatang-pendatang Cina ini, hingga terpaksa mengalah. Apa sahaja yang boleh dilakukan oleh orang Melayu, orang Cina boleh melakukannya, tetapi dengan lebih baik dan lebih murah. Lama-kelamaan pendatang-pendatang Cina yang mempunyai keazaman yang kuat dan rajin bekerja mula mengambil tempat perniagaan-perniagaan kecil dan semua kerja mahir yang dahulunya diusahakan oleh orang Melayu. Apabila kekayaan mereka mulai bertambah hubungan sosial mereka juga bertambah. Dari pengalaman yang diperolehi di

negeri asal mereka, pendatang-pendatang Cina ini tidak lama kemudian telah mewujudkan corak hubungan yang serupa antara pegawai-pegawai dan pedagang-pedagang, seperti yang terdapat di Negeri China.

Dengan memenuhi kehendak-kehendak golongan pemerintah, secara terang-terang orang-orang Cina telah mengukuhkan lagi kedudukan mereka di bandar-bandar serta membantu mereka menguasai sepenuhnya kegiatan ekonomi. Bandar-bandar mula bertukar wajah. Kedai-kedai kecil milik orang Melayu kini telah digantikan dengan deretan kedai-kedai Cina. Apabila bilangan pendatang Cina semakin ramai, maka perniagaan mereka pun turut berkembang, harga tanah di kawasan bandar turut naik. Orang Melayu mula tertarik dengan tawaran harga yang tinggi bagi tanah-tanah mereka. Mereka mula menjual tanah mereka lalu berpindah semakin jauh dari pinggir bandar. Pola perubahan begini telah wujud apabila pihak British mula mentadbir negara ini. Pihak British sedar akan daya usaha orang-orang Cina dan kalau pendatang-pendatang Cina itu kaya maka keadaan ini akan menguntungkan pula perniagaan British. Orang Cina bukan sahaja menyediakan infrastuktur bagi perjalanan perniagaan import-eksport British, malah kekayaan orang-orang Cina akan menguntungkan pasaran barangan British. Pihak British telah menggalakkan kemasukan lebih ramai pendatang-pendatang Cina ke Tanah Melayu, dan akhirnya lahirlah bandar-bandar dengan ciri-ciri seperti yang terdapat di bandar Malaysia pada hari ini.

Orang-orang Cina menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada usaha untuk mendapatkan keuntungan dalam masa yang paling singkat dan masih ingat hendak pulang ke Negeri China. Beginilah pemikiran yang wujud di kalangan orang Cina kerana mereka berpendapat bekerja sebagai pentadbir kurang menguntungkan. Mereka membiarkan pentadbiran negara ini dijalankan oleh orang-orang Melayu walaupun mereka tidak suka kepada kekuasaan orang Melayu. Hal ini mungkin juga kerana orang Melayu sedar betapa pentingnya kuasa politik di negara ini dikekalkan. Sebaliknya, kalaulah orang-orang Cina sudah mengambil berat dalam bidang politik sejak di peringkat awal pentadbiran British, kedudukan orang-orang Melayu hari ini mungkin berada dalam keadaan lebih buruk. Orang-orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar kebanyakannya terdiri

daripada pegawai-pegawai rendah dan juga golongan-golongan yang rapat dengan keluarga diraja. Orang-orang Melayu ini menjadi lebih sofistikated, lebih berpelajaran dan pandangan mereka juga lebih luas oleh kerana hubungan mereka dengan kaum-kaum pendatang. Mereka telah menjadi pentadbir dan kakitangan awam yang baik. Ada juga di antara orang-orang Melayu ini yang berkahwin dengan golongan pendatang, iaitu dengan orang India Muslim dan orang Arab.

Perbezaan di antara orang Melayu di bandar dan orang Melayu kampung semakin ketara. Orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar adalah masih kekal sebagai Melayu jati. Dari segi sosial mereka tidak bergaul langsung dengan orang-orang bukan Melayu, dan mereka ini hidup sebagai petani tanpa sebarang minat di dalam perniagaan atau pertukangan. Walaupun golongan Melayu ini berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan berfahaman ortodoks, namun ada di kalangan mereka yang masih juga percaya kepada hantu jembalang seperti dalam zaman animisme dahulu. Orang-orang Melayu di bandar biasanya adalah dari keturunan campuran antara Melayu-India dan Melayu-Arab. Mereka juga bergaul agak bebas dengan orang-orang Islam bukan Melayu. Tempat mereka ini telah digantikan oleh orang-orang Cina dalam bidang perniagaan, tetapi mereka telah berjaya sebagai pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir. Meskipun mereka ini masih merupakan golongan Islam yang salih, tetapi mereka lebih bersikap toleran terhadap agama lain dan telah banyak mengengapikan segala amalan animisme. Namun begitu, pengaruh Hindu masih kuat dan boleh dilihat dalam adat perkahwinan dan lain-lain adat orang Melayu. Perbezaan yang wujud di kalangan orang Melayu ini adalah sangat sesuai bagi pihak British menjalankan dasar pecah dan perintah. Dasar ini hampir menghapuskan orang-orang Melayu sebagai pemerintah negara ini.

Pihak British bukan sahaja memisahkan orang Melayu daripada orang Cina tetapi juga telah memecah-belahkan orang Melayu di bandar dengan mereka yang di luar bandar. Walaupun pemisahan ini memang telah sedia wujud tetapi dasar Britishlah yang telah menceraikan hubungan yang sederhana di antara orang Melayu bandar dengan orang Melayu luar bandar. Proses pemisahan ini dijalankan secara halus.

Mereka telah menggunakan segala kesempatan yang sedia wujud dan menguatkan lagi keadaan melalui rancangan mereka sendiri. Pemisahan mereka dari orang-orang Cina dan pemisahan di antara orang Melayu bandar dan orang Melayu luar bandar telah mempengaruhi perwatakan orang-orang Melayu hingga menyebabkan mereka semakin kurang kuasa ekonomi dan politik.

Pihak British telah melihat bagaimana orang-orang Cina menghapuskan kebolehan orang-orang Melayu dalam bidang pertukangan, kerja-kerja mahir dan perniagaan, lalu mereka telah menggalakkan kemasukan pendatang Cina. Galakan British ini menyebabkan orang Melayu hilang langsung peluang pekerjaan mereka dalam bidang-bidang tersebut. Walau bagaimanapun, orang-orang Melayu di bandar digalakkan untuk memegang jawatan di dalam pentadbiran kerajaan. Pada ketika itu orang Melayu mulai sedar akan bahaya orang Cina lalu mereka menghargai sokongan pihak British untuk mengekalkan kuasa politik kepada orang Melayu. Dalam pada itu, kekuasaan politik yang diserahkan bulat-bulat kepada sebuah negara Melayu akan membahayakan kepentingan British. Memandangkan kurangnya perpaduan di antara orang Melayu bandar dengan orang Melayu di desa, pihak British telah menggunakan kesempatan itu dan mencari jalan untuk mengekalkan keadaan itu. Satu cara yang dilakukan oleh pihak British ialah dengan menggalakkan orang Melayu di bandar bekerja di pejabat lalu menanam di kalangan mereka itu anggapan bahawa status mereka adalah lebih tinggi daripada pekerja-pekerja buruh kasar dan para petani.

Orang Melayu yang tinggal di bandar telah diberikan pelajaran rendah dalam Bahasa Inggeris, tetapi pelajaran yang sama tidak pula diberikan kepada orang Melayu di luar bandar. Sistem tanah simpanan orang Melayu telah secara fizikal menambahkan lagi perpecahan tersebut. Orang-orang Melayu dari luar bandar mendapati amat sukar untuk mendapatkan tanah di bandar yang lazimnya bukan tanah simpanan. Tanah-tanah luar bandar pula hampir keseluruhannya adalah tanah simpanan untuk orang-orang Melayu. Secara tidak langsung hakikat ini telah menetapkan bahawa perkembangan serta kemajuan orang-orang Melayu cuma terbatas di luar bandar. Di samping itu pula, terdapat peruntukan-peruntukan yang mem-

bolehkan orang British memecahkan lagi tanah simpanan Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mereka boleh menentukan arah perkembangan orang Melayu mengikut kehendak mereka, sedangkan mereka juga cuba mengekalkan tanggapan bahawa mereka begitu berhasrat untuk menjaga kepentingan orang Melayu dari percerobohan orang Cina.

Perhubungan di antara orang Melayu di bandar dengan orang Melayu luar bandar juga terbatas kerana kurangnya pembinaan jalan raya. Jalan-jalan yang telah dibina oleh pihak British hanya menyambungkan bandar-bandar dan semata-mata untuk tujuan pentadbiran serta kemudahan untuk mengeksport getah dan timah. Pelajaran masih lagi di peringkat yang rendah, sedangkan sebaran berita tidak dapat dihebahkan secara meluas di kawasan-kawasan luar bandar. Pada waktu itu tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan untuk memperbaiki pendapatan para petani. Begitulah juga dengan keadaan kesihatan orang-orang Melayu di luar bandar, hampir tidak diendahkan langsung. Di Tanah Melayu memang terdapat berbagai jenis penyakit yang boleh melemahkan seseorang, seperti demam malaria dan penyakit puru. Di samping itu, penyakit-penyakit seperti wabak taun dan cirit-birit sering juga berlaku. Seperti juga dengan lain-lain masyarakat yang sering terdedah kepada penyakit-penyakit ini, orang Melayu di kawasan luar bandar juga dapat bertahan daripada serangan penyakit-penyakit ini. Meskipun mereka terselamat namun tenaga mereka semakin berkurangan. Misalnya, hampir kesemua orang Melayu di kawasan luar bandar pernah diserang demam malaria. Penyakit-penyakit begini telah menyebabkan tubuh mereka begitu lemah dan lesu akibat kurang darah dan sering diserang oleh penyakit tersebut. Oleh itu mereka enggan bekerja lebih daripada yang diperlukan. Kerja-kerja menanam dan menuai padi walaupun mengambil masa dua bulan dalam tiap-tiap tahun juga turut meletihkan tubuh mereka. Dengan demikian mereka tidak mempunyai lebihan tenaga untuk berusaha memperbaiki kehidupan mereka ataupun mempelajari kemahiran-kemahiran yang baru.

Lain-lain penyakit juga turut mempunyai kesan yang serupa ke atas kegiatan-kegiatan penduduk kampung. Azam mereka untuk maju, yang memang tidak begitu kuat kerana kurangnya hubungan dengan dunia luar, jadi semakin tipis. Lama-

kelamaan mereka ketinggalan di belakang di dalam berbagai bidang. Dunia di sekitar mereka terus maju ke depan, sedangkan segala perubahan pesat yang berlaku pada akhir abad ke-19 dan ke-20 berlaku begitu sahaja tanpa pun dilihat oleh orang-orang Melayu di kawasan luar bandar. Sementara itu, orang Melayu di bandar sedikit sebanyak turut menikmati perubahan-perubahan yang berlaku di sekitar mereka. Mereka menjadi lebih terpelajar dan lebih sofistikated oleh kerana pergaulan mereka dengan kaum-kaum lain, akibat perubahan yang sedang berlaku di dunia, dan kesihatan mereka juga lebih baik. Pandangan mereka juga lebih luas oleh sebab pengaruh suratkhbar, perkhidmatan pos dan lain-lain perkhidmatan perhubungan, serta perjalanan-perjalanan yang mereka lakukan.

Perwatakan orang Melayu di bandar bertambah kompleks dan mereka tidak menghadapi sebarang kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan masa. Ada di antara mereka yang kahwin campur. Satu perkara penting yang patut diberi perhatian dalam kahwin campur antara agama ialah sama ada sebelah bapa atau ibu itu seorang Melayu, anak-anak mereka tetap menganggap diri mereka sebagai orang Melayu. Kahwin campur begini telah memperkayakan lagi baka orang Melayu. Bukan pula semua orang Melayu di bandar berkahwin dengan orang bukan Melayu. Bagaimanapun, lama-kelamaan orang Melayu di bandar telah sedikit sebanyak mewarisi darah campuran. Oleh kerana zuriat hasil daripada kahwin campur tadi tidak dapat lagi dibezakan daripada orang Melayu sendiri, perkahwinan mereka dari keturunan campur ini dianggap perkahwinan orang Melayu.

Di kawasan luar bandar tidak ada orang Melayu yang kahwin campur, oleh itu mereka kekal sebagai orang Melayu jati. Mereka pula selalunya berkahwin dengan kaum kerabat sendiri. Orang Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar masih suka berkahwin dengan saudara mara mereka. Perkahwinan sesama sepupu masih lagi berlaku, dan ini menyebabkan berterusannya ciri-ciri yang kurang baik, sama ada ciri dominan atau resesif, yang ada pada diri abang atau kakak yang menjadi ibu bapa kepada pasangan yang berkahwin.

Satu lagi faktor yang mempengaruhi perkembangan fisiologi orang Melayu, terutama mereka yang tinggal di luar bandar,

ialah amalan kahwin muda. Amalan ini masih lagi terdapat hingga hari ini dan memang masih boleh dilihat pasangan pengantin dalam lingkungan usia tiga belas atau empat belas tahun. Perkahwinan yang awal begini bererti bahawa mereka mendapat anak sebelum pasangan itu cukup matang. Kesan ke atas ibu bapa dan kanak-kanak tersebut memang telah kita ketahui. Kesan yang paling buruk ialah kedua ibu bapa itu masih belum bersedia untuk menjaga anak-anak mereka. Malahan ibu bapa muda itu masih lagi bergantung kepada ibu bapa mereka sendiri. Ibu bapa mereka itu begitu gembira kerana menjadi datuk dan dengan senang hati pula menjaga cucu-cucu mereka. Dalam masyarakat begini sikap berdikari dan daya usaha tidak wujud. Cara kanak-kanak dibesarkan adalah tidak sihat kerana mereka itu terlalu dimanjakan oleh datuk-datuk mereka sedangkan ibu bapa mereka tidak berupaya untuk menjaga anak-anak sendiri. Kesan jangka panjang ke atas masyarakat dan kaum adalah sangat buruk.

Orang Melayu memandang rendah seseorang yang tidak berkahwin. Orang yang masih belum berkahwin adalah dianggap memalukan. Semua orang mesti berkahwin dalam masa hayatnya. Hakikat ini menyebabkan orang-orang yang tidak sepatutnya berkahwin juga akan dikahwinkan dan mendapat anak. Orang yang bodoh atau orang yang lurus biasanya akan dikahwinkan dengan seorang janda tua, supaya kononnya ada orang yang dapat menjaganya semasa dia sudah tua. Jika pilihan ini tidak ada, saudara maranya yang bodoh akan menjadi pilihan lalu dikahwinkan. Orang-orang ini terus kekal hingga mendapat anak dan akan meneruskan baka mereka. Akibat semakin bertambah amalan ini dapat dibayangkan.

Kesihatan ibu bapa memainkan peranan yang amat besar dalam usaha memajukan anak-anak mereka walaupun perkara ini tidak memberi kesan kepada ciri-ciri keturunan. Kita sudah mengetahui bagaimana penyakit malaria dan lain-lain penyakit telah mempengaruhi tenaga fizikal dan mental orang-orang Melayu di luar bandar. Andainya ibu bapa, terutama sekali ibu-ibu, sentiasa diserang penyakit maka pemeliharaan anak-anak mereka kurang mendapat perhatian. Oleh itu anak-anak orang Melayu akan membesar tanpa persediaan secukupnya untuk menghadapi cabaran hidup penuh saingan apabila berdepan dengan kaum-kaum pendatang yang lebih agresif.

Sejak Perang Dunia Kedua, alam sekitar orang-orang Melayu telah berubah dengan pesat dan lebih radikal. Penaklukan Jepun memberi kesan yang sangat mendalam kepada orang-orang Melayu. Keyakinan mereka kepada kuasa British telah mulai hilang. Peperangan dan penaklukan Jepun telah membawa kepahitan hidup kepada orang-orang Melayu sebagai satu pengalaman yang belum pernah mereka alami. Orang Melayu sudah tidak lagi boleh berpuas hati dengan mengharapkan orang lain untuk memberi perlindungan kepada mereka. Kali ini orang Melayu terpaksa berusaha lebih kuat untuk menjamin masa depan mereka. Walaupun demikian, masih ramai orang Melayu yang begitu yakin bahawa keadaan akan pulih seperti sediakala apabila pihak British kembali semula ke Tanah Melayu. Namun demikian ternyata bahawa harapan mereka itu berakhir dengan kekecewaan yang amat pahit. Kepulangan pihak British ke Tanah Melayu bukan lagi sebagai pelindung kepada orang-orang Melayu, sebaliknya mereka kembali dengan penuh niat untuk merampas segala-galanya daripada orang Melayu.

Sikap orang Melayu mengalami proses perubahan apabila harapan mereka bertalu-talu dikecewakan. Setelah sedar bahawa keselamatan mereka terletak pada kuasa politik, orang Melayu yang dahulunya begitu lembab, dengan daya usaha yang bersungguh-sungguh, telah bangun untuk bersatupadu. Pemimpin-pemimpin Melayu muncul dari setiap pelusuk negeri ini. Perbincangan-perbincangan politik yang selama ini hanya disertai oleh golongan elit telah menjadi pokok bualan umum dan dibincangkan di merata tempat. Semangat yang berkobar-kobar telah menyerap ke dalam semua peringkat masyarakat Melayu, dan semangat inilah yang telah memberangsangkan orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan.

Orang Melayu yang berusaha menuntut kemerdekaan agak berbeza sedikit sikap mereka daripada orang Melayu yang telah membiarkan penjajah British menduduki negara ini dan membiarkan kedudukan mereka dikuasai oleh orang-orang Cina dan India. Suasana yang membawa ke arah tercapainya kemerdekaan telah mengubah cara hidup orang Melayu amnya, sikap mereka terhadap keadaan sekitar dan cara mereka memberi perhatian dan mengatasi berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Pada mulanya disangkakan bahawa orang

Melayu akan meninggalkan sikap lemah lembut dan sikap memencilkan diri mereka. Namun begitu, kalau ditinjau lebih dekat ternyata bahawa perubahan-perubahan ini hanyalah pada lahirnya sahaja. Sedangkan dalam hati sanubari mereka masih tersemadi sifat dan sikap yang terbentuk sejak berabad lamanya.

Kemerdekaan telah memberi kuasa dan kemewahan kepada segelintir elit Melayu yang baru. Cabaran dan pergolakan perang dan tahun-tahun selepas perang sudah berlalu. Politik dianggap sebagai penawar kepada segala masalah. Politik memudahkan segala kehendak. Semua perkara boleh dicapai dengan mudah. Dengan politik juga seseorang itu mencapai kedudukan yang berkuasa. Dengan kuasa politik termaktub undang-undang dan dasar-dasar yang membolehkan sebilangan orang Melayu yang mempunyai kedudukan untuk menikmati kekayaan atau sekurang-kurangnya hidup lebih mewah tanpa bekerja kuat. Politik juga telah menyebabkan kehidupan di kampung lebih selesa dan tidak pula terpencil dari bandar. Dalam erti kata lain, politik telah mewujudkan suasana yang selesa dan tenteram bagi orang Melayu serta melupakan segala cabaran kepada kehidupan dan kemajuan mereka.

Soalan yang timbul sekarang ialah bagaimanakah faktor-faktor keturunan dan suasana yang baru ini mempengaruhi orang Melayu? Jangkaan umum ialah suasana yang baru tidaklah begitu baik bagi orang Melayu. Mereka akan menjadi lebih lemah lembut dan kurang berkemampuan untuk mengatasi sendiri segala kesusahan yang mereka hadapi. Mungkin dari segi ini, kuasa politik akhirnya akan mengakibatkan keruntuhan orang-orang Melayu.

Malangnya pilihan yang dikemukakan kepada pendapat di atas juga tidak menjamin sesuatu kebaikan. Andainya semua perlindungan dimansuhkan, orang Melayu akan berdepan semula dengan hukum primitif yang mana cuma mereka yang terkuat dan sihat sahaja akan terus hidup. Kalau hakikat ini berlaku ada kemungkinan akan lahir kaum yang tahan lasak dan rajin berusaha dan mereka ini akan mampu bersaing dengan mana-mana kaum pendatang. Malangnya, kita tidak mempunyai empat ribu tahun untuk mencuba ini semua.

Lagipun, berbeza dari keadaan di Negeri China yang tidak mempunyai ramai kaum pendatang, Malaysia mempunyai

terlalu ramai warganegara bukan Melayu yang boleh menguasai orang-orang Melayu sebaik sahaja segala perlindungan itu dihapuskan. Jadi, cadangan-cadangan yang kerap dibuat supaya orang Melayu hendaklah dibiarkan untuk mengatasi masalah mereka sendiri tidak boleh diterima secara serius. Jawapannya seolah-olah terselit di antara kedua-dua pilihan ini; iaitu suatu 'perlindungan yang membina' yang dirumuskan setelah pengaruh keturunan dan alam sekitar dikaji dengan teliti. Kecuali langkah ini diambil, kesan keturunan dan alam sekitar yang buruk ke atas orang-orang Melayu akan berterusan.

## BAB 4: Dilema Ekonomi Melayu

Di dalam bab ini saya cuba menyorot kembali, dan kadang kala cuba membuat kesimpulannya terhadap sejarah ekonomi orang Melayu mengikut peringkat-peringkat masa tertentu dalam sejarah Tanah Melayu. Usaha ini adalah untuk memberikan gambaran latar belakang kepada keadaan hari ini.

Pandangan orang Melayu terhadap kedudukan ekonomi mereka yang begitu rendah diterangkan di sini secara objektif seperti yang dirumuskan oleh orang Melayu. Kelemahan-kelemahan orang Melayu tidak pula dilupakan, tetapi adalah salah jika orang lain tidak turut sama dikaitkan kerana cara dan sikap mereka dalam perkara ini. Jelasnya, kecuali kalau orang Cina khususnya sanggup menahan perasaan mereka serta menghargai perlunya usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu, maka bukan sahaja keazaman orang Melayu malah rancangan-rancangan Kerajaan juga tidak dapat menolong mengatasi dilema ekonomi orang Melayu.

Pada masa ini sukar hendak dibayangkan negara Malaysia tanpa pekedai-pekedai Cina yang terdapat di merata tempat. Mereka menjalankan fungsi yang kini sudah menjadi suatu kelaziman kepada kehidupan rakyat Malaysia sehingga kita merasakan bahawa mereka seolah-olah sudah berada di negara ini dahulu lagi. Kegiatan mereka sebagai orang tengah terdapat di seluruh dunia. Mereka bukan sahaja menjual kepada orang ramai di seluruh negara segala keperluan harian dan barang-barang mewah, malahan mereka juga membeli hasil-hasil daripada para pelanggan untuk dijual di lain-lain tempat. Mereka adalah bahagian yang penting di dalam jentera ekonomi Malaysia.

Meskipun begitu, umum mengetahui bahawa pada suatu masa dahulu mereka tidak ada di sini. Di dalam sejarah Kesultanan Melayu di Kedah, Kelantan dan Melaka memang tidak ada pekedai-pekedai Cina pada waktu itu. Kesultanan pada masa itu sudahpun mempunyai masyarakat yang tersusun, dengan masyarakat bandar dan luar bandar serta kegiatan perdagangan di dalam dan di luar negeri. Pemasaran hasil-hasil

yang dikeluarkan, pengangkutan dan pembelian serta penjualan barang-barang keluaran tempatan dan barang yang diimport berjalan tanpa terpaksa melalui pekedai-pekedai Cina yang dikatakan sangat penting itu. Mungkin mereka tidak secepat atau begitu tekun seperti orang-orang Cina. Akan tetapi yang mustahaknya ialah pada zaman itu negeri-negeri tersebut telah pun mempunyai jentera perdagangan yang teratur walaupun sistem yang dijalankan agak primitif dan terbatas.

Sejak zaman ekonomi orang Melayu masih bebas hinggalah hari ini, telah berlaku satu rentetan peristiwa yang akhirnya menyebabkan orang Melayu terjerumus ke dalam dilema ekonomi seperti sekarang.

Memang telah diketahui bahawa pada zaman Kesultanan Melayu dahulu orang-orang Melayu sudah terlibat sepenuhnya dalam bidang pemasaran, perniagaan kecil, import dan eksport dan juga pengeluaran barang-barang. Orang Melayu juga sudah mahir dalam bidang pertukangan, pekerjaan tangan dan juga pekerja yang mahir. Kegiatan ekonomi pada waktu itu berjalan seperti mana keadaan sekarang ini, cuma bezanya bilangan penduduknya lebih kecil dan kawasannya lebih terhad dan tidak terdapat orang-orang Cina.

Pekan-pekan Melayu yang awal adalah perkampungan yang terletak di persimpangan sungai atau di kuala-kuala sungai. Pilihan ini dibuat kerana sungai dan lautan merupakan jalan perhubungan yang utama pada waktu itu. Kuda atau kereta kuda tidak pernah wujud, dan pengangkutan jalan cuma dengan menggunakan gajah dan kereta lembu. Kedudukan pekan-pekan tadi telah menyenangkan lagi perjalanan dan perhubungan. Apabila manusia mengembara mereka berdagang dan terpaksa menukar barangan atau wang. Seorang pengembara sudah tentu tidak boleh hidup tanpa membeli barang-barang keperluan untuk dirinya.

Pekan-pekan Melayu umumnya adalah pekan pasar yang ditadbirkan oleh seorang pembesar. Raja-raja Melayu tinggal di bandar-bandar besar, biasanya bandar pelabuhan. Istana diraja dan para pegawai pentadbir memerlukan barangan dan perkhidmatan. Dalam keadaan begini perniagaan yang teratur wujud dan berkembang dengan baiknyanya.

Sewaktu orang-orang India dan Arab tiba di Tanah Melayu, kesultanan ini sudah berkembang agak pesat di dalam bidang

perniagaan dan industri, serta mempunyai kemudahan-kemudahan dan kakitangan untuk menjalankan perniagaan eksport dan import. Ada juga bukti-bukti yang menunjukkan bahawa raja-raja juga turut terlibat dalam perniagaan, walaupun pada keseluruhannya kegiatan itu cuma melibatkan kutipan barangan daripada rakyat dan menukarkan barangan itu dengan barang-barang yang dibawa oleh peniaga-peniaga luar. Dengan cara ini raja-raja dan pembesar-pembesar istana memperolehi banyak pakaian dan barang perhiasan. Baki barangan ini dipasarkan kepada rakyat dan dengan itu rakyat juga mampu memiliki barangan yang dibawa masuk dari luar dengan menukarkan barangan mereka.

Dengan penggunaan wang, perniagaan menjadi lebih sofistikated. Kita tidak tahu sebenarnya bilakah mata wang mula digunakan di Tanah Melayu. Kita cuma tahu bahawa ia sudah digunakan sebelum kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu. Wang syiling yang digunakan oleh orang Melayu pada zaman dahulu memperlihatkan pengaruh Arab dan India dan kurang sekali, kalau adapun, pengaruh Cina. Jadi, kita boleh katakan bahawa perdagangan yang sofistikated yang menggunakan mata wang sudah pun wujud sewaktu orang Cina datang ke Tanah Melayu.

Orang-orang Arab dan India telah mengubah corak perdagangan di negeri-negeri Melayu lama. Mereka bukan sahaja datang untuk berniaga, sebaliknya ramai juga di antara mereka yang telah bermastautin dan berkahwin dengan orang-orang Melayu dari golongan pembesar-pembesar istana. Peniaga-peniaga ini adalah bijak dan kaya, kalau tidak masakan mereka dapat merantau jauh dari negeri mereka. Kalau begitu tidak hairanlah bila raja-raja Melayu mula mengakui kebolehan mereka. Lama-kelamaan mereka semakin berpengaruh di istana-istana raja dan diterima sebagai orang Melayu. Dengan sendirinya mereka semakin menguasai perniagaan di negara ini, malah menganggap diri mereka sebagai orang Melayu dan bukan lagi orang asing. Dengan pengetahuan yang meluas di bidang perniagaan serta hubungan mereka dengan orang-orang istana dan pedagang-pedagang luar mereka turut memajukan lagi perniagaan orang-orang Melayu. Raja-raja Melayu tidak lagi terlibat secara langsung dalam perniagaan. Mereka serta rakyat jelata telah mendapat khidmat dari peniaga-peniaga

dan pekedai-pekedai yang cekap dan boleh dianggap sebangsa dengan mereka walaupun asal keturunan mereka adalah berbeza.

Sewaktu perubahan ini berlaku, pedagang-pedagang Cina mula datang dan sebilangan kecil dari mereka turut menetap di sini. Pada zaman Kesultanan Melaka bilangan kedatangan mereka adalah kecil. Pedagang-pedagang Cina terpaksa bergantung kepada angin monsun pada satu-satu musim. Oleh itu mereka terpaksa berhenti di Melaka sementara menunggu angin monsun untuk pulang ke negara mereka. Dengan itu muncul pusat-pusat perdagangan yang dikendalikan oleh orang-orang Cina.

Pada mulanya orang-orang Cina hanya bertindak sebagai agen kepada rakan-rakan mereka. Mereka menjual barangan dari Negeri China dan membeli barang-barang tempatan untuk dibawa pulang ke negeri mereka. Perniagaan mereka yang sofistikated telah menyebabkan mereka menjadi kaya dan berpengaruh. Raja-raja mendapati orang-orang Cina berguna dan boleh memberi khidmat kepada mereka sementara negeri menjadi kaya dan terkenal dengan aktiviti-aktiviti mereka. Mereka biasanya mempersembahkan hadiah-hadiah yang mahal kepada golongan pemerintah, oleh itu hubungan mereka dengan semua golongan tadi semakin rapat. Lama-kelamaan prasangka terhadap mereka telah mulai hilang dan mereka bebas bergerak dan berniaga di mana-mana sahaja.

Lama-kelamaan bukan sahaja orang-orang Cina giat berniaga, malahan mereka yang bekerja di pusat perniagaan di Melaka turut memulakan perniagaan kedai runcit sendiri. Kejayaan pekedai-pekedai runcit ini menyebabkan lebih ramai lagi kemasukan pengembara-peniaga Cina. Lama-kelamaan sistem kedai runcit ini telah menjalar ke seluruh pelusuk Tanah Melayu dan keadaan ini kekal sepanjang zaman Kesultanan Melayu.

Ciri ini semakin menjadi-jadi dengan kedatangan orang Portugis, Belanda dan akhirnya orang British. Kita harus ingat bahawa orang-orang Eropah datang ke Timur untuk berdagang dan bukan untuk menakluk negeri-negeri di rantau ini. Bagaimanapun, sewaktu berniaga mereka tidak teragak-agak melakukan segala angkara. Mereka menakluk dan mengganas. Mereka menjalin ikatan melalui perjanjian, tetapi mereka juga

yang menodai janji tersebut. Sebenarnya mereka adalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab langsung.

Bagi orang Eropah yang tidak berhati perut peniaga Cina adalah suatu rahmat yang dicari-carikan. Orang Cina boleh bertutur dalam bahasa tempatan dan mereka juga mempunyai segala hubungan serta kemudahan yang membolehkan orang-orang Eropah memeras kesultanan Melayu. Dalam masa yang singkat sahaja terjalin hubungan yang baik di antara peniaga-peniaga Cina dan penjajah-penjajah dari Barat. Apabila hubungan ini semakin erat dan orang-orang Cina didapati begitu menguntungkan mereka, kemasukan orang-orang Cina ke Tanah Melayu seolah-olah mendapat galakan dan semakin cepat pula. Keadaan ini juga sangat menguntungkan pihak British yang telah mengambil alih kuasa daripada orang Portugis dan Belanda. Orang Cina yang menjadi kaya di bawah perlindungan British turut menjadi pelanggan yang utama bagi barang dagangan British. Pasaran bagi barangan British di Tanah Melayu bertambah luas serta sangat menguntungkan. Kedatangan peniaga-peniaga Cina ini diikuti pula oleh pekerja-pekerja mahir, dan kuli-kuli yang tidak mahir. Bagi pihak British, kedatangan orang-orang Cina dari segala lapisan dan kelas sosial bermakna wujud sebuah masyarakat yang lebih teratur dan sofistikated serta memudahkan penjajah British menjalankan perniagaan dan pentadbiran mereka. Walau bagaimanapun, bagi orang Melayu kemasukan beramai-ramai ini bererti kedudukan mereka sudah terancam. Pada mulanya mereka tersisih dari lapangan perdagangan, kemudian dalam bidang kerja-kerja mahir, dan akhirnya mereka turut tersingkir dari kerja-kerja yang tidak mahir. Di samping itu mereka juga tersingkir dari tempat tinggal mereka. Orang-orang Melayu terpaksa meninggalkan bandar-bandar, kecualilah kalau mereka itu bekerja dengan Kerajaan. Apabila nilai harga tanah di bandar-bandar melambung naik, dan begitu juga dengan berbagai sewa dan cukai, orang-orang Melayu terpaksa menjual harta mereka di bandar kemudian membeli pula tanah-tanah yang lebih murah di kawasan luar bandar.

Demikianlah pola geo-politik turut berubah mengikut pola sosio-ekonomi negara ini. Lama-kelamaan perubahan ini semakin ketara. Sementara itu, dasar Perbandaran dan Majlis Bandaran yang menetapkan supaya rumah-rumah dibina dari

batu dan menurut perancangan yang teratur serta mempunyai kemudahan-kemudahan moden turut menyingkirkan saki-baki orang-orang Melayu yang cuba bertahan kepada tanah-tanah mereka di kawasan-kawasan bandar. Di Kuala Lumpur pihak berkuasa Perbandaran mula sedar akan hakikat ini dan cuba menggariskan kawasan tanah simpanan orang Melayu di sekitar kawasan bandar supaya mereka tidak terusir terus dari bandar. Malangnya di tempat-tempat lain di bawah pemerintahan British, nasib orang-orang Melayu tidak dipedulikan langsung.

Menjelang tahun-tahun 1930-an orang-orang Melayu mulai sedar bahawa dilema ekonomi mereka sudah terlalu kompleks dan tidak dapat mereka selesaikan sendiri. Pegawai-pegawai tinggi Melayu di dalam perkhidmatan Kerajaan mula merancang langkah-langkah untuk menarik semula orang Melayu untuk memasuki bidang ekonomi. Namun, usaha ini agak terbatas kerana mereka tidak mempunyai kuasa mutlak, sedangkan sikap mereka masih terlalu merendahkan diri kepada pihak British. Kegiatan yang wujud cuma 'sekadar jualan di pekan sehari, seperti yang terdapat di negeri Kedah, di mana orang-orang Melayu diberi hak sepenuhnya untuk menjual hasil-hasil mereka yang dibawa keluar dari kawasan pedalaman serta barang-barang keperluan hari-hari. Pekan sehari ini memperlihatkan serta menonjolkan lagi dilema ekonomi orang Melayu.

Penaklukan oleh tentera Jepun menandakan satu lagi peringkat dilema orang Melayu. Dengan kekalahan pihak British, beribu-ribu orang Melayu di kawasan bandar yang bekerja dengan kerajaan British telah kehilangan kerja mereka apabila pihak berkuasa Jepun memberhentikan khidmat mereka. Oleh kerana terdesak pekerja-pekerja pejabat ini terpaksa menjaja dan menjual secara kecil-kecilan untuk menyara hidup mereka. Ketika itu juga mereka sedar, seperti kesedaran yang lahir di kalangan orang Melayu berpengetahuan sebelum perang — bahawa dilema ekonomi orang Melayu sudah berada dalam keadaan yang amat tenat.

Dengan kesedaran ini orang-orang Melayu bukan lebih berazam sebaliknya hilang pula minat mereka, malahan mereka cuma mahu kembali kepada kehidupan yang mudah dengan kerja yang tetap di bawah pentadbiran British. Orang Melayu menganggap penceburan mereka dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan cuma untuk sementara sahaja. Bagi

kebanyakan orang Melayu, mereka tidak pula mahu mengatasi dan menembusi monopoli perniagaan yang dipegang oleh orang-orang Cina. Meskipun begitu, ada sebilangan kecil orang Melayu yang telah mengharungi rintangan tersebut dengan hasrat mahu mengubah keadaan pada waktu itu.

Demikianlah keadaan yang wujud setelah peperangan tamat dan pihak British kembali berkuasa di Tanah Melayu. Dalam keadaan begini tergerak di kalangan segelintir orang Melayu yang mahu menggunakan kuasa politik yang diharap akan dikembalikan kepada mereka untuk menembusi dunia perniagaan. Malangnya, pihak British telah mengejutkan orang Melayu dengan mencadangkan penubuhan Malayan Union dan untuk seketika masalah kelemahan ekonomi orang Melayu telah dipudarkan oleh masalah politik yang memerlukan perhatian segera.

Akan tetapi, sebaik sahaja ada tanda-tanda kuasa politik orang Melayu dikembalikan, perhatian mereka tertumpu semula kepada bidang perdagangan mereka di tanah air sendiri. Sementara itu, kegiatan perniagaan orang-orang Cina pulih agak cepat setelah tergendak oleh keadaan inflasi dan kekurangan barang-barang serta tindakan monopoli oleh pihak Jepun sewaktu pemerintahan mereka. Pemulihan orang Cina bermula dengan kegiatan 'pasar gelap' dan mendapat kontrak yang amat banyak dari Pentadbiran Tentera British. Dengan cara itu peniaga-peniaga Cina yang mulanya serba kekurangan telah berjaya mengumpul modal yang cukup untuk memulakan semula perniagaan mereka yang lama.

Bagi orang-orang Melayu yang tidak begitu mengetahui tentang selok-belok perniagaan, mereka sudah keliru dengan cara perniagaan yang dijalankan selepas perang. Orang Melayu memang tidak arif dengan pemberian rasuah dan lain-lain cara putar belit, dan apabila golongan yang berpelajaran bekerja semula dengan Kerajaan peluang mereka untuk menjadi kaya dengan cepat dan memperbaiki kedudukan mereka dalam dunia perniagaan turut terlepas. Apabila Pentadbiran Tentera British tamat orang-orang Melayu semakin sedar bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan pola yang lama di mana orang-orang Cina menguasai semua perniagaan yang tidak diusahakan oleh gedung-gedung perniagaan British yang besar.

Namun begitu, orang-orang Melayu tetap mencuba bebe-

rapa kali untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Syarikat-syarikat awam telah dilancarkan, melalui peraturan-peraturan biasa seperti mengadakan mesyuarat-mesyuarat perasmianya serta perlantikan pengarah-pengarah dan lain-lain pegawai, dan kemudian syarikat itu ditubuhkan dengan berbagai kelemahan dan mendapat tentangan yang hebat dari syarikat-syarikat bukan Melayu yang telah sedia wujud. Modal orang Melayu yang sedikit lama-kelamaan habis sama sekali dan apabila kepercayaan orang ramai kepada penganjur-penganjur syarikat ini kian merosot maka tergendalalah segala usaha untuk menubuhkan syarikat-syarikat baru.

Sesudah itu orang-orang Melayu sedar akan peranan bank sebagai punca untuk mendapatkan modal. Kecuali dua atau tiga buah bank yang dikendalikan oleh orang-orang Cina, lain-lain bank di Tanah Melayu semuanya milik British. Semua bank itu enggan melayan permintaan dari peniaga-peniaga Melayu. Keputusan mereka ini mungkin ada sebabnya, tetapi bersebab atau tidak orang-orang Melayu tetap menentang rintangan ini yang menyekat kemasukan mereka ke dalam dunia perniagaan di negara sendiri.

Dalam keadaan inilah sebuah Bank Kebangsaan Melayu telah dicadangkan meskipun mendapat tentangan yang agak hebat dari orang-orang Melayu golongan lama. Golongan ini berpendapat bahawa amalan mengutip faedah dalam perniagaan bank adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Meskipun wujud rintangan ini sebilangan orang-orang Melayu kenamaan telah memberikan sokongan moral serta sumbangan wang kepada bank tersebut. Jumlah kutipan wang yang diperolehi untuk memulakan bank ini agak banyak. Namun perniagaan Bank ini nampaknya lebih berdasarkan kepada semangat nasionalis daripada kebijaksanaan di dalam kegiatan perniagaan.

Selang beberapa lama kemudian bank ini telah ditutup. Sewaktu bank ini wujud tidak banyak pertolongan yang dapat diberikannya kepada orang Melayu. Tetapi apabila bank ini ditutup orang Melayu merasa semakin lemah di dalam bidang perniagaan di tanah air sendiri. Sementara itu, kemarahan orang Melayu semakin membara terhadap semua pihak yang bukan sahaja cuba menyekat usaha hendak menyelesaikan dilema tersebut malah merasa senang hati melihat kegagalan

usaha orang Melayu di bidang ekonomi.

Kekecewaan yang dirasakan oleh orang-orang Melayu akibat kegagalan bank tersebut telah ditunjukkan dalam sikap politik mereka terhadap lain-lain kaum dan pentadbiran British. Pihak British sedar akan perasaan kecewa orang Melayu sedangkan kaum-kaum lain tetap tidak merasakan apa-apa perubahan. Tetapi pihak British menganggap perasaan kecewa orang Melayu ini sebagai satu kesempatan yang sesuai untuk merundingkan lebih lanjut mengenai masa depan politik negara ini. Lebih kurang pada waktu itu hubungan Cina-Melayu sedang melalui satu krisis semasa. Di bawah pimpinan UMNO, orang Melayu telah menuntut supaya Tanah Melayu adalah untuk orang Melayu. Sebaliknya orang-orang Cina pula telah menuntut hak kerakyatan diberikan kepada mereka berdasarkan kelahiran mereka di negara ini.

Usaha-usaha telah dijalankan oleh Pesuruhjaya Besar bagi Asia Tenggara untuk cuba mententeramkan kedua-dua kaum ini melalui Jawatankuasa Hubungan Kaum. Sungguhpun pemimpin-pemimpin kedua-dua kaum ini dapat dipujuk tetapi ahli-ahli biasa tetap berdegil dengan pendirian mereka. Orang Melayu tidak mahu bertolak ansur walaupun ada ura-ura untuk menjalin persaudaraan antara Cina-Melayu. Mereka sedar akan kuasa ekonomi yang dipegang oleh orang Cina. Orang Melayu berpendapat bahawa sekiranya kelemahan kuasa ekonomi ditambah pula dengan kelemahan kuasa politik maka kedudukan orang-orang Melayu sudah tentu akan menjadi lebih teruk dan dikuasai oleh orang-orang Cina. Mereka tidak yakin bahawa perasaan persefahaman dan simpati adalah benar di kalangan orang-orang Cina.

Pada ketika inilah Pesuruhjaya Tinggi British telah mencadangkan penubuhan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) yang kemudian telah dikecam hebat. Orang Melayu telah diberitahu bahawa Kerajaan akan menolong mereka mengatasi dilema ekonomi sekiranya mereka lebih bertolak ansur dalam soal politik. Sejumlah 5 juta ringgit telah diperuntukkan kepada perbadanan pembangunan yang baru ini dengan tujuan untuk memajukan perusahaan tradisional serta menolong orang-orang Melayu dalam perniagaan dengan menyediakan modal dan nasihat kepakaran.

Dasar Kerajaan ini dapat dianggap sebagai satu langkah yang

baru. Bantuan Kerajaan untuk perniagaan memang tidak pernah dibuat sebelum itu. Memang benar firma-firma British, sama ada firma tempatan atau yang berpusat di England, diberi keutamaan oleh Kerajaan, tetapi amalan ini bukanlah dasar yang telah ditetapkan. Biasanya bantuan serupa ini diberikan melalui kontrak-kontrak yang dirundingkan bukan secara rasmi tetapi dipersetujui di kelab-kelab yang eksklusif. Bagi orang Melayu khususnya, bantuan Kerajaan yang sebenarnya tidak ada. Ini ialah kerana orang Melayu yang ingin mencebur diri dalam perniagaan dengan kemudahan Kerajaan ataupun hendak memulakan perusahaan seperti perlombongan atau pengangkutan akan ditanya sama ada mereka mempunyai sebarang pengalaman dalam bidang berkenaan. Memandangkan bahawa selama ini orang Melayu telah tersisih dari dunia perniagaan oleh orang-orang British dan Cina, sudah tentulah mereka akan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang pengalaman. Jawapan ini telah dijadikan alasan mengapa orang Melayu tidak diberikan kontrak atau lesen, dan dengan tindakan ini mereka tidak mendapat pengalaman perniagaan selama-lamanya.

Memanglah mudah difahami kenapa orang Melayu tertarik dengan idea RIDA untuk menolong mereka dalam bidang perniagaan. Selama ini keluhan orang-orang Melayu ialah kekurangan modal. Bank yang mereka usaha tubuhkan turut gagal. Jadi kini pihak British benar-benar mencadangkan supaya bantuan wang dari Kerajaan diberikan kepada orang-orang Melayu sebagai modal perniagaan mereka, dan sebagai ganjaran mereka juga diberi bimbingan dalam selok-belok perniagaan. Sikap lebih bertanggungjawab pihak British mula mendapat perhatian. Namun begitu, bolehkah orang-orang yang menganjurkan cadangan yang begitu murah hati dan liberal menjadi orang yang boleh diragukan kejujuran dan keadilan mereka?

Seolah-olah ini belum cukup, pihak British menyatakan juga bahawa seorang pemimpin politik Melayu akan mentadbirkan wang ini. Orang Melayu boleh menganggap wang sejumlah 5 juta ringgit itu sebagai milik mereka. Mereka hanya perlu bersikap lebih liberal dan bekerjasama dengan pihak British nescaya wang tersebut akan menjadi hak mereka. Walau bagaimana sekalipun, apabila cengkaman ke atas ekonomi negara ini sudah kukuh mereka tidak perlu lagi bimbang kepada

kuasa politik orang-orang Cina.

Apa yang berlaku kepada RIDA sudah menjadi sejarah. RIDA telah dijalankan seolah-olah seperti jabatan kebajikan. RIDA tidak memberikan bantuan kepada peniaga-peniaga Melayu yang berkemampuan, sebaliknya wang diberikan kepada orang-orang kurang berada yang masih teragak-agak untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Orang-orang yang menunjukkan kemampuan mereka boleh berjaya dalam perniagaan tidak mendapat bantuan RIDA oleh kerana RIDA berpendapat bahawa tujuannya bukanlah untuk menolong orang-orang berada menjadi lebih kaya. Sesungguhnya, RIDA seolah-olah telah mewujudkan persaingan di antara peniaga-peniaga Melayu yang sudah berjaya dengan peniaga-peniaga Melayu yang dibantu oleh RIDA. Para peniaga baru ini diberi bimbingan untuk menghadapi segala rintangan.

Memanglah benar ada bidang-bidang yang mana RIDA beroleh kejayaan. Akan tetapi pada keseluruhannya kejayaan ini hanya sekadar membantut perniagaan-perniagaan yang boleh bersaing dengan peniaga-peniaga bukan Melayu. Bidang-bidang yang RIDA berjaya, selain daripada bidang perniagaan, ialah bidang pendidikan. Dengan bantuan RIDA ramai anak Melayu telah mendapat pendidikan yang sesuai dengan pekerjaan di dalam firma-firma perniagaan. Sebelum itu orang-orang Melayu hanya bergantung kepada pekerjaan dengan Kerajaan.

Pada keseluruhannya RIDA tidak dapat memenuhi janji-janji yang dibuat oleh pihak British. Selepas pihak British memperuntukkan jumlah wang itu dan melantik orang-orang Melayu untuk mentadbirkan perbadanan ekonomi ini, mereka pun terus menarik diri. Kini mereka bebas menghabiskan masa lapang mereka di kelab-kelab dan mengulangi amalan memberi kontrak kepada firma-firma British. Kalau orang-orang Melayu tidak mencapai kemajuan dengan bantuan RIDA, maka itu salah orang Melayu sendiri. Sebenarnya yang dikehendaki oleh pihak British dengan menubuhkan RIDA bukanlah pemulihan ekonomi orang Melayu tetapi niat mereka lain sama sekali. Hasrat ini terlaksana apabila orang-orang Melayu telah ber-setuju untuk bekerjasama dengan orang-orang Cina untuk memudahkan pengisytiharan darurat.

RIDA mungkin tidak mencapai kejayaan yang diharapkan, tetapi sebaliknya ia telah berjaya mengubah cara

pemikiran orang-orang Melayu di dalam kegiatan ekonomi. Ia juga telah mengikis sama sekali anggapan bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab langsung untuk menolong memajukan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan. Sejak itu setiap usaha orang Melayu, walaupun tidak mengharapkan bantuan Kerajaan, sekurang-kurangnya boleh menuntut agar Kerajaan jangan menghalang usaha mereka dengan helah-helah seperti kurang pengalaman, kurang modal dan lain-lain alasan. RIDA juga turut mengingatkan orang-orang bukan Melayu, terutama orang-orang Cina, bahawa baik orang Melayu mahupun Kerajaan sudah tidak mahu melihat orang Melayu tersisih dari bidang perdagangan di negara ini.

Apabila prinsip menolong orang-orang Melayu bukan lagi dianggap bersifat perkauman, sebaliknya diterima sebagai langkah yang perlu bagi kestabilan negara, maka banyak lagi agensi dan cara lain telah dimulakan oleh orang-orang Melayu dan Kerajaan untuk mengambil kesempatan dari perubahan sikap tadi. Misalnya, peruntukan yang tidak adil mengenai tanah simpanan Melayu yang kaya dengan biji timah atau lain-lain yang boleh diambil dan ditukar gantikan dengan tanah-tanah hutan yang tidak berharga kini tidak boleh lagi dibuat tanpa diberitahu terlebih dahulu tujuannya kepada orang Melayu. Hasilnya, perubahan dasar yang sedikit ini telah menyelamatkan berjuta-juta ringgit wang orang Melayu.

Kerajaan juga telah menegaskan supaya peratus tertentu pekerja Melayu perlu diadakan di dalam industri-industri baru. Tanah-tanah milik Kerajaan yang berharga di kawasan-kawasan bandar tidak lagi dijual hanya kepada pihak yang menawarkan harga yang paling tinggi atau dijual kepada orang-orang Cina atau Eropah yang lebih mengetahui tentang nilai tanah tersebut serta lebih berkemampuan untuk mengusahakannya. Orang Melayu telah diberi peluang untuk membeli tanah-tanah ini mengikut harga yang mereka mampu atau sekurang-kurangnya membayar secara ansuran dalam jangka waktu yang berpatutan. Kerajaan Negeri juga turut merasa bertanggungjawab untuk menolong orang-orang Melayu seberapa yang boleh supaya mereka dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bagi kali pertamanya Dewan Perniagaan Melayu telah dianggap sebagai suara peniaga-peniaga Melayu walaupun ahli-ahlinya hanya terdiri daripada peniaga-peniaga kecil atau

penjaja-penjaja.

Sewaktu berlakunya perubahan idea dan nilai-nilai ini, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Barangkali tidak keterlaluan dikatakan bahawa memang orang Melayu yang sangat-sangat inginkan kemerdekaan. Mereka sedar bahawa sebuah Kerajaan yang mempunyai lebih suara orang Melayu akan bersikap lebih liberal dalam usaha membantu mereka di dalam perniagaan dan lain-lain bidang. Taukeh-taukeh jutawan Cina juga turut melihat keadaan ini. Mereka sedar bahawa mereka sudah tidak lagi memperolehi secara mutlak hak perniagaan yang ditinggalkan oleh orang-orang British. Mereka juga melihat berakhirnya segala muslihat dan tipu helah yang selama ini dilakukan ke atas semua undang-undang yang kononnya melindungi orang Melayu. Mereka membayangkan empayar perniagaan mereka akan dicerobohi. Malah ada juga setengahnya yang membayangkan penubuhan sebuah negara sosialis Melayu di mana segala kekayaan yang mereka miliki akan diambil balik.

Sebenarnya (setelah merdeka) hanya sebahagian kecil dari harapan orang-orang Melayu dipenuhi. Lebih menakjubkan ialah bukan sahaja segala kebimbangan taukeh-taukeh Cina tadi tidak berasas sama sekali, tetapi sebaliknya Tanah Melayu yang merdeka telah membuka peluang yang tidak terbatas kepada orang Cina untuk mengumpul harta.

Sebelum ini telah pun dibincangkan tentang bantuan Kerajaan yang semakin bertambah kepada orang-orang Melayu hasil daripada perubahan sikap yang disemaikan dengan tertubuhnya RIDA. Memang tidak perlu disebutkan bahawa perubahan ini lebih menggalakkan lagi dengan tercapainya kemerdekaan. Berbagai agensi dan rancangan Kemajuan Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri, misalnya Perbadanan Kemajuan Negeri dan kuota-kuota perniagaan pengangkutan jalan, adalah hasil daripada kemerdekaan. Memanglah diakui bahawa Kerajaan selepas Merdeka telah banyak menolong orang-orang Melayu dalam perniagaan dan usaha ini masih diteruskan. Kadang kala perbuatan curang telah menggagalkan matlamat Kerajaan. Kadang-kadang cengkaman oleh syarikat-syarikat perniagaan Cina yang bersekutu turut menggagalkan usaha ini. Biar pun begitu, kedudukan istimewa orang-orang Melayu telah dapat menembusi, walaupun sedikit, keutuhan kedudukan ekonomi

orang-orang bukan Melayu. Baik atau tidak, orang-orang Melayu sudah tidak lagi boleh diketepikan dalam bidang perniagaan. Salah satu hasil daripada dasar Kerajaan selepas Merdeka ialah perlantikan orang-orang Melayu menjadi pengarah-pengarah dalam syarikat-syarikat besar milik bukan Melayu.

Setiap orang tahu bahawa pengarah-pengarah Melayu ini lazimnya tidak melabur satu sen pun, ataupun mempunyai keupayaan untuk memberi sumbangan ke arah tujuan yang terpenting, iaitu memberi keuntungan kepada syarikat. Setiap orang tahu bahawa ada di antara orang-orang Melayu ini yang hanya menjual nama mereka dan cuma mengambil kesempatan dari dasar kerajaan yang mahu melihat pembahagian kekayaan yang lebih sama rata. Setiap orang tahu bahawa hakikat ini bukanlah kehendak orang Melayu atau sesiapa pun. Meskipun begitu, setiap orang tahu bahawa memang tidak ada pilihan lain sekiranya orang-orang Melayu perlu membiasakan diri dengan nadi perniagaan-perniagaan yang besar, seperti yang diperlukan, untuk mengelakkan jurang perbezaan antara mereka dengan bukan Melayu daripada tidak terus berkekalan.

Adakah kritik terhadap orang-orang Melayu yang telah menjual nama mereka kepada syarikat-syarikat perniagaan boleh diterima sebulatnya? Sama ada baik atau tidak, berkebolehan atau tidak, dengan adanya orang-orang Melayu dalam berbagai badan tadi bererti mereka telah mengetahui sedikit sebanyaknya selok-belok perniagaan. Kebanyakan daripada mereka bukanlah bodoh. Mereka memang mempunyai keupayaan untuk belajar. Ada banyak bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang itu sudah banyak mengetahui tentang cara-cara perniagaan. Pengetahuan ini telah dapat disalurkan kepada syarikat-syarikat baru yang ditubuhkan oleh orang-orang Melayu. Di samping itu, kehadiran mereka dalam lembaga pengarah telah menghalang terjadinya prasangka terhadap orang-orang Melayu umumnya, dan khususnya dalam pengambilan orang Melayu bekerja, tidak lagi seperti di masa-masa lampau. Kehadiran mereka juga telah menyebabkan orang Melayu kini tidak boleh diketepikan begitu sahaja dalam pengambilan bekerja, dan orang Melayu sebenarnya boleh dan mampu berniaga dengan syarikat-syarikat tersebut — suatu hakikat yang dianggap mustahil pada masa lalu.

Akibatnya, dengan kedudukan mereka itu pengarah-peng-

arah ini boleh mengumpul kekayaan. Pada mulanya hakikat ini mungkin dianggap tidak adil. Orang-orang Melayu yang sege- lintir ini telah beroleh kekayaan bukan disebabkan oleh usaha sendiri, tetapi adalah hasil daripada dasar Kerajaan yang disokong oleh sebahagian besar orang Melayu yang miskin. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa sokongan dari orang-orang Melayu yang miskin adalah untuk memperkayakan sebilangan kecil kaum sendiri. Padahal orang-orang Melayu yang miskin tidak mendapat barang suatu pun. Meskipun begitu, kalaulah segelintir orang Melayu ini tidak kaya, nescaya orang-orang Melayu yang miskin juga tidak akan menikmati untungnya. Orang-orang Cina akan terus hidup dalam rumah-rumah besar dan menganggap orang Melayu hanya layak untuk menjadi pemandu kereta mereka. Kini, apabila sudah ada beberapa orang Melayu yang kaya, sekurang-kurangnya orang-orang Melayu yang miskin boleh berkata bahawa nasib mereka bukan lagi semata-mata bekerja untuk orang-orang bukan Melayu yang kaya. Kalau dipandang dari segi ego perkauman, malah ego ini masih kuat, maka perlu ada orang kaya Melayu ini.

Sebagai ganjarannya, orang kaya Melayu ini menjadi sumber modal dan kepimpinan di bidang perniagaan, iaitu status yang kurang terdapat pada orang-orang Melayu sebelum ini. Dengan kedudukan mereka, orang-orang ini bukan sahaja mampu memasuki berbagai bidang perniagaan di negara ini tetapi juga mudah berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai pegawai-pegawai yang biasanya bersikap sinis terhadap peniaga-peniaga Melayu yang sedang meningkat. Wang yang dikumpulkan oleh golongan peniaga ini telah menjadi harta bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada orang-orang Melayu amnya. Mereka juga mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap negara dan bangsanya. Di samping itu, apabila Kerajaan menyatakan hasratnya untuk memberi keutamaan kepada perusahaan Melayu, peniaga Melayu yang kaya inilah yang diharap akan dapat menyumbangkan modal dan pengetahuan yang boleh didapati di kalangan orang Melayu. Tanpa mereka ini sikap baru Kerajaan terhadap perniagaan orang Melayu tidak mendatangkan apa-apa hasil. Dengan bertambahnya bilangan syarikat perniagaan Melayu hasil daripada dasar Kerajaan dan dengan terdapatnya modal serta pengetahuan orang Melayu maka telah bertambahlah

taburan kekayaan di kalangan orang-orang Melayu.

Jadi di sini bolehlah dilihat bahawa jawatan-jawatan pengarah yang tidak manfaat yang disandang oleh orang-orang Melayu di dalam firma-firma bukan Melayu rupanya ada juga kebajikannya kepada kedudukan ekonomi orang-orang Melayu pada keseluruhannya. Secara tidak langsung dan sedikit sebanyak sumbangan mereka ini telah mengubah pola perdagangan yang selama ini hanya menguntungkan orang-orang bukan Melayu. Mereka telah berjaya memasuki lingkungan perniagaan yang dikuasai oleh peniaga besar, yang boleh mengubah atau menentukan kekayaan atau kemiskinan manamana lapisan masyarakat, kaum atau golongan tertentu. Andainya lingkungan ini hanya terhad semata-mata kepada bukan Melayu, ia akan mengakibatkan perbezaan taburan kekayaan yang amat berbeza di antara kaum di negara ini dan pada satu masa nanti akan mengakibatkan pula pergaduhan kaum. Buat masa ini bahaya tersebut telah kendur. Dengan ini, pengarah-pengarah Melayu tersebut telah menjalankan tugas yang juga penting untuk negara dan bernilai kepada kedudukan ekonomi orang Melayu. Oleh itu kritik terhadap mereka tidaklah wajar memandang tidak ada sebarang alternatif baginya.

Sebelum ditinggalkan perkara ini, patut juga diingatkan bahawa akhir-akhir ini pengarah-pengarah Melayu dari golongan baru sudah tidak lagi sama kaliber dengan pengarah-syarikat dari kumpulan awal. Kini semakin ramai peguam, akauntan, setiausaha dan doktor Melayu yang menjalankan usaha sendiri. Mereka ini merupakan kumpulan bakat yang akan menjadi pilihan syarikat-syarikat berkenaan. Pengarah-pengarah Melayu yang baru ini adalah ahli-ahli profesional yang berkebolehan serta berkemampuan untuk menjadi pengarah-pengarah syarikat yang cekap dan berpengetahuan. Mereka ini bukan lagi semata-mata memberikan nama mereka tetapi memang berguna kepada syarikat-syarikat yang melantik mereka. Mereka juga merupakan orang-orang yang berkedudukan baik. Oleh itu mereka boleh memberikan beberapa petunjuk yang berguna dalam urusan syarikat. Ini bermakna bahawa mereka benar-benar ada hak di dalam urusan syarikat yang mereka wakili dan kedudukan mereka dalam syarikat berkenaan bukanlah semata-mata kerana dasar Kerajaan.

Mungkin difikirkan bahawa sekiranya orang-orang ini benar-

benar berguna kepada syarikat-syarikat di mana mereka bekerja, maka tidak perlulah Kerajaan menggalakkan gedung-gedung perniagaan bukan Melayu supaya memberi tempat kepada mereka ini. Hakikat sebenar ialah tanpa dasar Kerajaan, kebolehan Melayu di bidang perniagaan tidak akan dapat meningkat maju. Kalaupun mereka mempunyai keupayaan namun perasaan perkauman di kalangan masyarakat peniaga masih kuat dan mereka hanya akan mengambil pekerja dari kaum mereka sahaja. Dasar positif Kerajaan menggalakkan penglibatan orang-orang Melayu dalam syarikat perniagaan bukan Melayu di negara ini adalah langkah yang amat wajar.

Di samping pengarah-pengarah Melayu, satu lagi perkara yang menjadi sasaran kritik yang hebat terhadap dasar Kerajaan yang mahu menolong orang-orang Melayu dalam perniagaan ialah perniagaan secara 'Ali-Baba' yang penuh keburukannya. Perniagaan berbentuk ini timbul hasil daripada dasar Kerajaan yang telah mengutamakan orang-orang Melayu semasa memberikan lesen perniagaan. Memandangkan bahawa bilangan orang Melayu yang mempunyai modal dan kebolehan dalam perniagaan adalah terhad, lesen-lesen untuk berbagai perniagaan, terutama pengangkutan, akhirnya diberi kepada orang-orang Melayu yang tidak mempunyai modal dan kebolehan. Cara yang paling mudah bagi orang Melayu itu ialah berkongsi niaga dengan orang Cina yang mempunyai modal dan pengetahuan tentang perniagaan. Perkongsian ini memanglah sah dan tidak salah. Malangnya rakan kongsi Melayu lebih cenderung menerima jumlah wang yang tetap bagi lesen perniagaan mereka dan tidak mengambil bahagian langsung dalam perniagaan tersebut. Perkongsian beginilah yang dipanggil perniagaan 'Ali-Baba'.

Perkongsian begini bukanlah satu amalan yang baru atau yang luar biasa bagi orang Melayu. Ia berlaku setiap masa dan di mana-mana sahaja. Misalnya, ada sebilangan orang Cina yang mengamalkan cara ini dalam perniagaan mencarigali bijih. Orang Cina yang telah mendapat lesen mencarigali bijih hanya membuat perjanjian dengan pelombong-pelombong Cina yang terkemuka untuk melombong di kawasan perlombongan yang telah diberikan kepada mereka. Peranan mereka dalam perniagaan ini hanyalah setakat mengutip bayaran royalti. Malahan di dalam lain-lain perniagaan yang memerlukan permit atau lesen,

memanglah amalan biasa lesen-lesen tersebut disewakan kepada orang-orang lain. Sesungguhnya industri-industri perintis yang merupakan usahasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan yang telah mendapat lesen perniagaan dan kemudian membuat peraturan dengan pengusaha luar untuk mendirikan dan membiayai industri tersebut juga tergolong dalam kategori menyewakan lesen.

Kalau dilihat dari segi usaha untuk menambahkan penyer-taan orang Melayu dalam bidang perniagaan, maka amalan secara 'Ali-Baba' sudah tentulah tidak patut dicadangkan. Namun demikian tidak perlulah ditumpukan sepenuh perhatian kepada penyalahgunaan hak keistimewaan Melayu ini. Bukan-lah semua perkongsian Cina-Melayu berupa perniagaan 'Ali-Baba'. Dalam kebanyakannya, peranan yang dimainkan oleh kongsi Melayu adalah agak besar. Sekurang-kurangnya segala urusan perbincangan dengan pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen, sebelum dan selepasnya, dilakukan oleh orang Melayu. Selain dari itu, keadaan mungkin telah memaksa mereka berkongsi dengan peniaga Cina. Cuma orang yang tolok sahaja yang tidak dapat mempelajari sesuatu dari hubungan begini. Walau bagaimanapun, kalau sudah 90% kekayaan negara ini dikuasai oleh orang-orang Cina, adalah tidak wajar untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang hanya akan menam-pung keperluan orang-orang Melayu yang miskin. Kalau sesebuah perniagaan ingin berjaya, ia tidak sepatutnya menjauhkan diri dari orang-orang Cina. Menghadkan perniagaan kepada orang Melayu sahaja adalah satu cara pengasingan yang akan menggagalkan.

Perkongsian cara 'Ali-Baba' akan terus merupakan ciri penyertaan orang Melayu dalam perniagaan untuk beberapa waktu akan datang. Perkara ini memang mendukacitakan. Akan tetapi perkongsian ini tidak seharusnya dijadikan hujah untuk menghentikan layanan istimewa kepada orang-orang Melayu ketika memberikan lesen. Ternyata benar bahawa tanpa layanan istimewa ini penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan di negeri ini pada masa akan datang tentulah malap sekali. Masanya akan tiba bila orang Melayu tidak lagi memerlukan layanan yang istimewa, tetapi kini belumlah masanya lagi.

Ternyata bahawa kemerdekaan telah menambahkan penyer-

taan orang-orang Melayu dalam bidang perdagangan. Lebih ramai orang Melayu menjadi pengarah syarikat, pengusaha pengangkutan, pelombong bijih, kontraktor dan pedagang-pedagang runcit. Dalam bidang profesional bilangan penyertaan orang Melayu juga turut bertambah. Bilangan firma-firma perakaunan dan urusetia Melayu telah bertambah sebab Kerajaan tidak lagi memberikan semua urusannya kepada firma-firma British. Setelah orang Melayu semakin banyak mengetahui dari hal perniagaan dan dapat pula membuat hubungan dengan firma-firma dan agensi-agensinya dari luar, maka lahirlah firma-firma import-eksport Melayu. Malah perusahaan-perusahaan tradisional di negeri-negeri pantai timur telah bertambah jumlah perniagaan masing-masing, khususnya kerana minat yang ditunjukkan oleh Kerajaan dan juga kerana mutu hasil keluaran mereka.

Walaupun orang Melayu telah mencapai kemajuan, namun dilema ekonomi mereka masih lagi wujud. Ia masih wujud kerana apabila orang Melayu maju selangkah dalam bidang ekonomi, orang bukan Melayu maju sepuluh langkah. Ia masih wujud kerana lain-lain dasar Kerajaan Persekutuan Malaysia yang merdeka adalah tidak selaras dengan dasar Kerajaan hendak menolong orang-orang Melayu. Ia masih wujud kerana konsep perniagaan telah bertukar ganti semasa orang Melayu baru mula memahami cara-cara lama yang dahulunya telah mengecewakan mereka.

Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan bahawa jumlah perdagangan dalam negeri telah bertambah berlipat ganda sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, dan terus meningkat dengan tercapainya kemerdekaan. Angka-angka perdagangan tahunan terang-terang menunjukkan hakikat ini. Malangnya angka-angka ini tidak pula menunjukkan bahawa sejak Merdeka syarikat-syarikat British telah beransur-ansur berkurangan di bidang perdagangan dan tempat mereka telah digantikan oleh firma-firma Cina. Sewaktu penjajahan British, orang-orang Cina hanya mendapat bahagian yang tidak dikehendaki oleh pihak British. Sebenarnya bahagian pihak British adalah sangat besar. Hampir semua gedung perniagaan import-eksport adalah milik British atau setidak-tidaknya milik orang-orang Eropah. Firma-firma ini mendapat perlindungan dari Kerajaan tanpa sebarang undang-undang. 'Undang-undang' perindu-

ngan ini dibuat di kelab-kelab Eropah yang eksklusif dan di situ jugalah undang-undang ini dilaksanakan. Firma-firma British telah diberi jaminan bahawa barangan yang mereka import tidak akan mengalami sebarang persaingan daripada barangan yang dibawa masuk oleh firma-firma tempatan.

Perlindungan ini juga agak menyeluruh bagi barangan eksport. Misalnya, pasaran getah dan bijih timah telah ditubuhkan oleh firma-firma tersebut di negara mereka. Pasaran ini tidak dibuka kepada firma-firma tempatan. Orang-orang Cina, sama ada mereka berupaya atau tidak, juga terpaksa menguruskan perdagangan mereka melalui firma-firma British atau Eropah ini. Getah dan bijih timah yang mereka keluarkan terpaksa dijual kepada firma-firma ini mengikut harga yang dikawal oleh firma-firma tadi. Mereka juga tidak boleh menjual kepada pihak lain. Orang-orang Cina sedar bahawa Kerajaan Penjajah British memang menyokong firma-firma ini. Jadi mereka tidak langsung berusaha untuk menubuhkan pasaran tersendiri ataupun mendapatkan sendiri kontrak-kontrak dari luar negeri.

Seolah-olah perlindungan Kerajaan belum mencukupi, pihak British telah mengawal semua perniagaan bank, terutama bagi pembiayaan perniagaan import-eksport. Cara bank-bank ini menjalankan urusan perniagaan dengan peniaga-peniaga tempatan samalah seperti pegawai-pegawai Kerajaan British menjalankan tugasnya dengan penduduk tempatan. Memang tidak perlu diberitahu, pegawai-pegawai bank Eropah dan British juga menjadi ahli kelab-kelab Eropah yang eksklusif dan kebanyakan urusan mereka diselesaikan di sini. Jadi, seolah-olah telah dipersetujui secara diam-diam di antara pegawai-pegawai Kerajaan, gedung-gedung perniagaan dan bank-bank untuk mengeneipkan orang-orang Cina dari perniagaan pada ketika itu.

Akhir sekali orang-orang Eropah telah menguasai hampir seluruh kegiatan perkapalan. Kecualilah kapal-kapal kecil yang membawa dagangan di antara Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda (Indonesia), semua kapal yang belayar di antara Tanah Melayu dan negeri-negeri lain mempunyai firma-firma British atau Eropah sebagai agen mereka di Tanah Melayu. Dengan kegiatan perkapalan antarabangsa dikuasai seluruhnya, maka perniagaan import-eksport orang Cina bolehlah dianggap tersingkir sepenuhnya.

Di dalam negeri, Kerajaan telah menyalurkan semua kontrak bagi pembinaan dan pembekalan kepada firma-firma British. Kerja-kerja pembinaan yang besar dan pengimportan kelengkapan moden ke negara ini adalah dilakukan oleh pihak Kerajaan dan jumlahnya pada ketika itu adalah lebih besar. Kontrak-kontrak Kerajaan bagi pembekalan dan pembinaan sudah cukup untuk mengekalkan beberapa buah firma pada waktu itu. Pemberian kontrak-kontrak kepada firma-firma British sudah menjadi suatu kebiasaan yang tidak dapat dikikis lagi hinggakan nama-nama kontraktor atau firma British yang membina bangunan-bangunan Kerajaan kerap terukir pada batu asas bangunan tersebut sebagai tanda peringatan. Pada hari ini memang tidak terfikir langsung untuk berbuat sedemikian. Sebut harga bagi kontrak-kontrak itu adalah amat tinggi dan menjamin keuntungan yang sangat besar. Kontraktor Cina tempatan hanya boleh mengharapkan kontrak-kontrak yang kecil atau sub-kontrak daripada firma-firma British. Firma-firma itu mendapat keuntungan yang amat besar hinggakan mereka boleh memberikan kontrak sepenuhnya dan masih mendapat keuntungan yang lumayan.

Kontrak-kontrak untuk pembekalan keseluruhannya dipegang oleh Agen Mahkota British. Bekalan-bekalan tempatan, bila diperlukan, juga dibuat melalui kontrak dengan firma-firma British. Firma-firma ini pula kadang-kadang terpaksa membeli daripada kedai-kedai Cina tempatan. Pegawai-pegawai dan peniaga-peniaga British merupakan golongan yang saling berdamping rapat dan biasanya diketuai oleh seorang Residen atau Penasihat British. Oleh itu orang-orang Cina tidak ada peluang untuk memberi rasuah untuk mendapatkan kontrak yang lebih baik. Perbuatan mereka itu besar kemungkinan akan dapat diketahui. Lagi pula Resident ataupun Penasihat British itu boleh dikatakan mempunyai kuasa mutlak ke atas pegawai-pegawai pentadbir. Ini bererti hukuman serta merta lagi berkesan dikenakan ke atas pegawai-pegawai itu kalau mereka cuba mengambil rasuah. Bagi syarikat yang cuba memberi rasuah ia akan dicatit dalam senarai kurang baik.

Penaklukan oleh Jepun telah membuka mata peniaga-peniaga Cina tempatan kepada keuntungan besar yang dapat diperolehi kalau membuat urusan dengan Kerajaan. Apabila tamat perang, British telah kembali ke Tanah Melayu dan meneruskan

semula cara perniagaan yang telah mereka lakukan sebelum itu. Pada ketika itu Kerajaan sedang giat membangunkan semula negeri ini. Ini bererti banyak kontrak yang dikeluarkan dan kontrak-kontrak ini dapat kepada firma-firma British yang lama dan yang baru. Kemarahan peniaga-peniaga Cina tempatan terhadap layanan pihak British dapat dibayangkan. Ini adalah kerana setelah menikmati hasil kontrak-kontrak yang kecil tadi (di zaman Jepun), orang Cina begitu bernafsu pula untuk mendapatkan kontrak yang lebih besar. Malangnya peluang mereka untuk menikmati hasil yang lebih lumayan amat tipis selagi pihak British memerintah negeri ini.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, proses Malayanisasi Tanah Melayu telah diluaskan meliputi semua bidang. Proses ini bukan sahaja melibatkan pegawai asing dalam perkhidmatan Kerajaan digantikan dengan pegawai tempatan malah semua sistem dan corak institusi lama turut ditukar. Seiring dengan proses ini berlaku perubahan kepada dasar yang selama ini hanya melindungi dan menjaga kepentingan firma-firma British. Dalam masa yang singkat peluang-peluang dibuka kepada penduduk Tanah Melayu untuk mengambil bahagian dalam kontrak-kontrak perniagaan yang begitu banyak dikeluarkan oleh Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Kontrak-kontrak pembinaan, pembekalan dan lain-lain kontrak yang menguntungkan kini terbuka kepada penduduk Tanah Melayu yang berhak. Berjuta-juta ringgit boleh dinikmati oleh penduduk Tanah Melayu.

Sewaktu berlumba-lumba merebut peluang tersebut ternyata orang Cina berjaya dengan mudah sahaja. Mereka amat pintar dalam urusan perniagaan, boleh menyediakan sesuatu dalam masa yang singkat dan kini disokong pula oleh bank-bank Cina yang baru ditubuhkan dan juga kekayaan mereka sendiri. Lama-kelamaan mereka sudah bersedia untuk menandingi firma-firma yang terkemuka. Perniagaan mereka telah berkembang berlipat-ganda dan pesat sekali. Mereka telah dapat mengumpul lebih banyak wang dan dengan kekayaan itu mereka dapat mengukuhkan lagi cengkaman ekonomi mereka dalam negara ini. Orang Cina sangat berpegang teguh kepada ikatan keluarga dan perasaan chauvanisme mereka amat ekstrem. Ciri-ciri ini wujud di dalam perniagaan mereka yang menghalang orang lain dari menikmati keuntungan mereka itu.

Mereka menggantikan hampir setiap perniagaan British yang selama ini menguasai kontrak-kontrak Kerajaan.

Tanah Melayu yang merdeka bukan sahaja mengalami proses Malayanisasi dalam bidang pekerjaan dan perniagaan. Selaras dengan kemajuan di negara-negara lain, Kerajaan telah melancarkan satu dasar pembangunan yang melibatkan perbelanjaan wang Kerajaan yang begitu banyak, bahkan juga bantuan wang dari Kerajaan untuk menolong membiayai perusahaan-perusahaan yang baru. Misalnya, Malaya Borneo Building Society, yang sebahagiannya dibiayai dan disokong oleh Kerajaan, telah menyalurkan wang yang begitu banyak bagi rancangan kemajuan perumahan. Malaysia Industrial Development Finance Limited telah menyediakan modal dan kepakaran dan tapak-tapak untuk perusahaan yang diuruskan sepenuhnya atau separuhnyanya oleh pengusaha tempatan. Rubber Replanting Board telah berjaya menjalankan rancangan tanaman semula getah di estet-estet yang besar. Langkah-langkah memberikan pengecualian cukai kepada perusahaan-perusahaan bertaraf perintis serta menentukan pelaburan modal tempatan bererti bertambahnya peluang-peluang perniagaan bagi warganegara Tanah Melayu.

Pembahagian yang berlipat-ganda di dalam kegiatan perdagangan yang terbuka kepada penduduk Tanah Melayu hanya bererti semakin bertambahnya kekayaan orang Cina. Kini segala-galanya tidak lagi dikhaskan kepada pihak British, maka tidak adalah penghalang bagi orang-orang Cina untuk memonopolikan setiap peringkat dan jenis perdagangan dan perniagaan di Tanah Melayu. Jadi hasrat Malaysia dalam melaksanakan proses Malayanisasi dan Malaysianisasi bererti mencincakan seluruh kegiatan ekonomi negara ini.

Ternyata lah bahawa sungguhpun orang Melayu akan menciburkan diri dalam bidang ekonomi namun mereka tidak dapat dan tidak mungkin dapat menyamai kejayaan yang dicapai oleh orang-orang Cina. Walaupun selepas Merdeka orang Melayu mendapat peluang yang lebih tetapi peluang bagi orang Cina berlipat-ganda pula banyaknya. Jadi kalau mereka ini sudah terlalu jauh maju maka hampir mustahil dan tidak guna lagi bagi orang-orang Melayu untuk menciburkan diri dalam bidang perniagaan. Dilema ekonomi orang Melayu masih belum dapat diselesaikan dan nampaknya akan terus begitu sedangkan

perasaan hampa dan kecewa di kalangan orang Melayu semakin memendam dan berpanjangan.

Malaysia adalah sebuah negara yang demokratik dan mengamalkan sistem perusahaan yang bebas. Sistem perusahaan bebas melibatkan persaingan dalam perusahaan dan perdagangan. Persaingan bebas di dalam sistem ekonomi ini menentukan paras harga barangan, gaji, pengagihan kekayaan dan peluang-peluang pekerjaan dan pelaburan. Pada keseluruhannya sistem perusahaan bebas adalah satu sistem yang dapat membetulkan keadaan sendiri dan akan terus berkekalan. Meskipun begitu, ada kalanya penglibatan oleh Kerajaan diperlukan untuk membetulkan kecenderungan yang tidak sihat serta memastikan agar persaingan tadi tidak keterlaluan atau terlalu berat sebelah. Jadi dalam ekonomi perusahaan yang bebas segala kemungkinan boleh berlaku, misalnya tarif pelindung, taraf perintis, undang-undang buruh malah bantuan wang dari Kerajaan yang boleh melibatkan Kerajaan secara langsung. Malah Kerajaan juga boleh membataskan perusahaan bebas. Walau bagaimanapun, di Malaysia batasan ini jarang-jarang dilakukan kerana sepertimana yang diketahui Kerajaan tidak berupaya untuk mencurahkan segala wang yang diperlukan dalam perniagaan. Jadi pada hakikatnya rancangan memilik-negarakan perkhidmatan keretapi, perkhidmatan pelabuhan, pembekalan tenaga elektrik dan lain-lain, yang menjadi batasan terhadap perusahaan bebas juga tidak begitu dipersetujui oleh Kerajaan.

Samalah seperti orang lain, orang Melayu juga menyetujui sistem perusahaan bebas. Malangnya keadaan telah bertukar corak, dan kini semakin nyata bahawa persaingan yang sepatutnya di antara individu dengan individu dan kumpulan perniagaan dengan kumpulan perniagaan telah menjadi persaingan di antara kumpulan-kumpulan kaum dalam mana satu kumpulan itu mempunyai kelebihan yang mutlak ke atas kumpulan yang satu lagi. Hakikat ini bukanlah satu persaingan yang adil. Malah Amerika Syarikat yang mengamalkan sistem perusahaan bebas dan mendapat sokongan yang ramai kepada sistem itu turut melarang kartel dan monopoli oleh mana-mana kumpulan. Walau bagaimanapun, di Malaysia perkara ini jarang-jarang sekali diperkatakan kerana khuatir berlaku persengketaan antara kaum. Apa yang tidak difikirkan ialah

kegagalan untuk mengatasi ketempangan ini boleh mengakibatkan persengketaan yang hendak dielakkan itu.

Semasa penjajahan British tidak terdapat persaingan yang sebenarnya di antara firma-firma British dan firma-firma tempatan. Firma-firma British telah dilindungi, bukan oleh undang-undang yang sah, tetapi oleh kesetiaan bangsa dan perasaan chauvinis. Peniaga-peniaga British dan pentadbir-pentadbir British sudah berpakat serta menentukan supaya perniagaan-perniagaan tertentu terus diusahakan oleh orang-orang British. Syarat-syarat kontrak atau peraturan perniagaan ini telah ditetapkan sebegitu rupa untuk memastikan agar peniaga-peniaga tempatan dicegah daripada bersaing atau menjalankan perniagaan yang dikhususkan kepada orang-orang British. Monopoli British ini berakhir dengan tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957. Sedangkan yang mendapat keuntungan yang paling besar dari situasi baru ini ialah orang-orang Cina. Dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia hakikat ini tidaklah boleh dianggap sebagai adil. Tiap-tiap kaum patut mendapat bahagian masing-masing. Tetapi jawapan biasa kepada hakikat ini ialah Malaysia mengamalkan sistem perusahaan bebas dengan persaingan yang menjadi sebahagian daripada sistem ini. Soalnya, apakah lebih mudah bersaing dengan orang Cina sebagai sebuah masyarakat, sedangkan dahulunya begitu sukar bersaing dengan pihak British sebagai rejim penjajah? Di sini perlulah diteliti cara-cara dan prinsip-prinsip orang Cina agar suasana yang sebenarnya dapat dijelaskan.

Kalau dibandingkan dengan peniaga-peniaga Eropah, orang-orang Cina tidak begitu menghiraukan syarikat-syarikat awam berhad yang disediakan dengan berbagai kemudahan dan kemampuan untuk terus maju selepas penubuhannya. Perniagaan orang-orang Cina adalah berasaskan kepada perusahaan keluarga. Oleh kerana keluarga (dalam masyarakat Cina) adalah satu unit yang sangat penting, maka asas perniagaan mereka adalah kukuh, sekurang-kurangnya semasa hayat pengasas syarikat itu. Selepas ikatan keluarga orang-orang Cina terikat kepada rumpun keluarga, wilayah tempat asalnya atau kumpulan dialek dan akhirnya kepada kaumnya. Ikatan-ikatan ini adalah sangat penting bagi mereka semasa menjalankan perniagaan. Ia mencerminkan peringkat-peringkat yang

tersusun dalam perhubungan mereka. Di dalam lingkungan kaumnya, kesetiaan terhadap keluarga dianggap paling utama, tetapi pemisahan yang paling nyata ialah antara kaumnya dengan lain-lain kaum. Orang-orang Cina tidak akan membenarkan bangsa lain terlibat di dalam perniagaan mereka kecuali kalau sudah tidak dapat dielakkan lagi.

Perniagaan orang-orang Cina bukan sahaja dikawal oleh ikatan keluarga dan rumpun bangsa tetapi juga dikawal oleh berbagai gabungan seniaga (guilds) dan dewan-dewan perniagaan Cina. Gabungan-gabungan seniaga merupakan tenaga penggerak yang penting di dalam perniagaan orang-orang Cina. Tujuan gabungan ini ialah untuk mengurangkan persaingan di dalam sesuatu perdagangan dan untuk mengurangkan kos pasti dengan memberikan kemudahan-kemudahan tertentu dengan menggunakan wang caruman daripada ahli-ahli. Jadi bagi sebarang perdagangan beberapa peratus tertentu daripada nilai harga barangan yang diniagakan oleh ahli-ahli akan diserahkan kepada gabungan tersebut. Sebahagian daripada wang yang dikumpul itu diguna untuk mendirikan rumah-rumah penginapan yang murah bagi ahli-ahli dan pekerja mereka semasa dalam perjalanan kerana urusan perniagaan. Gabungan-gabungan seniaga ini juga boleh menghalang peruncit bukan ahli dari mendapatkan barangan yang hendak dijual. Oleh kerana hampir semua kedai runcit ini adalah milik orang-orang Cina, dan gabungan seniaga itu pula adalah pertubuhan yang bersifat perkauman, maka perjalanannya telah menyekat kaum-kaum lain daripada memasuki bidang perdagangan tertentu.

Semua jenis perniagaan di Tanah Melayu, terutama selepas Merdeka, berkembang berlipat ganda. Ini bererti agak mustahil untuk menubuhkan dan menjalankan gabungan seniaga untuk perdagangan-perdagangan yang baru. Orang-orang Cina dapat mengatasi masalah ini dengan menubuhkan satu sistem dewan-dewan perniagaan yang saling bergabung. Bagaimanapun, dewan perniagaan ini tidak pula menumpukan sepenuh perhatiannya ke arah menggalak dan melindungi perniagaan orang-orang Cina. Berkali-kali dewan perniagaan ini telah menjadi jurucakap bagi masyarakat Cina dalam perkara-perkara yang lain daripada urusan perniagaan. Peranan perkauman yang ditunjukkan oleh dewan-dewan ini kerap kali

melebihi peranannya dalam bidang perdagangan. Dewan-dewan tersebut juga telah turut terlibat dalam lapangan politik dan terang-terang telah menyuarakan sokongannya kepada bahasa dan kebudayaan Cina. Memanglah boleh diduga pertumbuhan-pertumbuhan ini turut menggalakkan serta mengekalkan keistimewaan kaum itu dalam perniagaan. 'Raison d'etre' atau alasan kewujudan kumpulan ini ialah chauvinisme Cina secara terlindung. Perhatian yang dititikberatkan lebih kepada orang Cina daripada bidang perniagaan. Oleh itu dewan-dewan perniagaan ini telah menambahkan lagi perasaan perkauman yang selama ini secara senyap-senyap memang telah ada di kalangan keluarga Cina dan gabungan-gabungan seniaga. Dengan adanya ketiga-tiga faktor ini, iaitu dewan perniagaan, gabungan seniaga dan kesetiaan kepada keluarga maka sahlah orang-orang bukan Cina tersisih sepenuhnya daripada perniagaan yang dijalankan oleh orang-orang Cina.

Perniagaan orang-orang Cina banyak bergantung kepada urusan-urusan sulit dan urusan-urusan secara sulit. Memandangkan perniagaan mereka itu adalah kebanyakannya merupakan perusahaan keluarga maka amalan ini sangatlah penting. Kesetiaan kepada keluarga akan memastikan agar segala urusan perniagaan, betapapun tidak menurut amalan biasa, tidak akan diberitahu kepada orang lain hingga boleh merugikan perniagaan mereka. Begitulah juga dalam perniagaan runcit, orang-orang Cina hanya mengambil kaum keluarganya sebagai pekerja. Dengan cara ini mereka boleh mengubah-ubah harga barang hingga menyebabkan sukar bagi pihak lain untuk menawarkan harga yang lebih murah. Sistem perakaunan mereka juga dibuat mengikut cara lama tetapi berkesan. Harga yang berubah-ubah telah membolehkan kos perbelanjaan yang mungkin tidak dapat diambil kira kini boleh dimasukkan ke dalam harga barang. Bagi perniagaan runcit keluarga khususnya cara perakaunan ini boleh dikatakan tidak bermakna langsung kepada orang lain. Pentingnya perakaunan ini ialah kerana ia memenuhi kehendak Kerajaan. Ia menunjukkan secara kasar jenis-jenis dan jumlah barangan yang diniagakan di kedai tersebut. Bagaimanapun, lazimnya buku kira-kira yang berasingan disimpan untuk disemak oleh pihak Kerajaan.

Mempunyai tapak yang kukuh adalah amat penting dalam

perniagaan. Orang-orang Cina memang sudah lama kukuh dalam perniagaan dan mereka telah dapat memasuki semua lapangan perniagaan runcit serta kebanyakan perniagaan borong. Hakikat ini membolehkan mereka menetapkan syarat-syarat mereka semasa memasarkan sesuatu barang. Adalah amat penting bagi sesiapa jua yang ingin menjual sesuatu berurusan dengan orang-orang Cina. Andainya mereka cuba berurusan dengan orang lain maka bukan sahaja ini akan menyapakan saluran luar untuk barangan mereka malah bilangan pelanggan mereka juga akan terhad. Orang-orang Cina yang kaya-raya sudah tentulah merupakan pelanggan yang paling besar. Orang-orang Cina sudah tentulah lebih mengutamakan kedai-kedai Cina. Jadi mereka yang tidak dapat menjualkan barang-barang mereka kepada kedai-kedai Cina sudah pastilah tidak akan mendapat keuntungan yang diharapkan.

Salah satu misalan ialah edaran petrol. Orang-orang Melayu turut membuka stesen-stesen minyak setelah adanya galakan daripada Kerajaan. Orang-orang Cina tidak memulaukan keseluruhan stesen-stesen ini. Sebaliknya stesen-stesen ini tidak akan mendapat kontrak untuk membekalkan minyak kepada lori-lori dan bas-bas yang dimiliki oleh syarikat-syarikat pengangkutan Cina. Biasanya penjualan minyak kepada syarikat-syarikat ini merupakan sumber pendapatan yang dapat menampung urusan perniagaan stesen-stesen minyak tersebut. Oleh itu stesen-stesen minyak milik bukan Cina tidak dapat maju seperti mana stesen minyak Cina. Dalam hal ini hubungan-hubungan perniagaan tidak wujud. Demikianlah juga keadaannya dengan lain-lain perniagaan. Kuasa untuk memulau sebahagian atau sepenuhnya berada di tangan orang Cina dan mereka tidak pernah ragu-ragu untuk menggunakan kuasa itu. Orang-orang Cina tidak akan berniaga dengan orang-orang bukan Cina kecuali kalau keadaan memaksa. Malah firma-firma Eropah juga mendapati lebih mudah mengambil eksekutif-eksekutif Cina bekerja dengan mereka untuk memudahkan urusan dengan pemborong-pemborong dan pengedar-pengedar Cina.

Dalam kajian ringkas mengenai cara-cara perniagaan orang Cina eloklah disentuh sepatah dua berkenaan dengan perniagaan runcit orang Cina supaya gambaran ini dapat melengkapkan kajian ini. Kedai-kedai runcit Cina adalah perniagaan yang

diusahakan oleh satu-satu keluarga. Jadi soal gaji tidak timbul dalam perniagaan ini. Tuan punya kedai dan ahli-ahli keluarganya bekerja dengan hanya disediakan makanan dan tidak lebih daripada itu. Simpanan dari hasil perniagaan adalah amat besar. Sementara itu jumlah penjualan barang-barang, luasnya kedai dan modal perniagaan mereka bertambah begitu pesat. Di kedai-kedai ini harga barang-barang tidak ditetapkan dan sememangnya tanda-tanda harga tidak pula diletakkan pada barang-barang yang diniagakan. Ini membolehkan harga barang mudah diubah-ubah. Meskipun begitu, sifat kesetiaan pada keluarga memastikan agar lebihan keuntungan tidak pula tertumpah kepada jurujual. Jenis-jenis alat ukur dan penimbang yang digunakan juga mudah diubah-ubah hinggakan kalau sesuatu barang itu dijual lebih murah dari harga kos namun sebenarnya kedai itu tidak mengalami kerugian.

Kemudahan-kemudahan berhutang adalah digalakkan supaya pelanggan-pelanggan terus membeli di kedai tersebut. Kedai-kedai bukan Cina atau kedai koperatif tidak dapat bersaing dengan cara pemberian hutang begini. Di kampung-kampung cara pinjaman begini lama-kelamaan akan berubah corak menjadi satu bentuk perniagaan tukar menukar barangan di mana hutang tadi dibayar dengan cara menjual apa jua hasil tanaman tahunan yang telah dituai. Pekedai-pekedai runcit ini juga kadang-kadang meningkat selangkah lagi dengan memberi pinjaman wang tunai. Jadi lama-kelamaan pekedai dalam kampung itu akan menjadi agen pembeli, pemimjam wang dan secara tidak langsung menjadi pemilik kampung tersebut. Sebarang perniagaan dalam kampung tersebut sudah pasti melibatkan pekedai ini. Sebenarnya sering kali geran-geran tanah pertanian di sekitar kedainya disimpan sebagai cagaran walaupun perbuatan ini tidak sah di sisi undang-undang. Dalam keadaan begini memanglah sia-sia bagi orang lain untuk bersaing dengannya dalam perniagaan runcit kecualilah seorang pekedai Cina yang lain pula. Kedudukannya sudah menjadi kukuh dan dia tidak boleh dikeluarkan dari kampung lagi. Andainya pekedai itu dikeluarkan dari kampung itu maka para pelanggan dan peminjam-peminjam wang daripadanya akan membantah kerana merekalah yang akan rugi besar.

Cara-cara perniagaan orang Cina dan cengkaman mereka yang begitu meluas ke atas ekonomi negara ini menyebabkan

persaingan antara masyarakat mereka dengan lain-lain masyarakat agak mustahil. Walaupun dalam masyarakat perusahaannya yang bebas lain-lain kaum tidak dapat memecahkan cengkaman ekonomi oleh orang-orang Cina. Ini ialah kerana hubungan serta jalinan perniagaan bercorak perkauman itu begitu rapat. Sementara itu cengkaman mereka juga begitu meluas ke atas perniagaan runcit dan borongan, perusahaan pengangkutan bank-bank yang kukuh dan dengan kekayaan mereka sendiri. Sesungguhnya perusahaan bebas di Malaysia hanya terhad kepada masyarakat Cina. Bagi lain-lain masyarakat ekonomi negara ini mengikuti sistem monopoli dalam bidang perniagaan. Sedangkan di Amerika sekalipun sistem begini tidak dibenarkan. Sebenarnya monopoli kaum Cina adalah lebih meluas daripada sistem monopoli yang diamalkan oleh penjajah British dahulu. Pada waktu itu pihak British hanya menumpukan perhatian mereka kepada perniagaan-perniagaan besar dan membiarkan orang-orang Cina menjalankan perniagaan runcit. Sebaliknya bagi orang-orang Cina semua bentuk perniagaan daripada menjaja buah-buahan hinggalah kepada kerja-kerja pembinaan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit menjadi monopoli mereka sehinggakan keraknya pun tidak ditinggalkan untuk orang lain.

Sikap orang Melayu terhadap keadaan ini adalah berbeza-beza. Ada yang mengambil sikap tidak apa dan menerima sahaja hakikat bahawa mereka tersisih di bidang perniagaan dan perdagangan. Di samping itu ada pula yang merasa begitu iri hati dan membantah terhadap kuasa ekonomi orang-orang Cina. Pada masa ini sikap tidak apa di kalangan orang Melayu sudah beransur kurang kerana kerja-kerja dalam perkhidmatan kerajaan yang menjadi harapan mereka semakin berkurangan oleh kerana beberapa sebab. Apabila semakin ramai orang Melayu menghadapi masalah pengangguran, sikap tidak puas hati mereka kerana orang Melayu tersisih di bidang perniagaan semakin meningkat. Seperti biasa sikap orang Melayu yang bersopan santun dan sudi menerima kehadiran orang-orang bukan Melayu telah menghalang orang Melayu dari menyuarakan pendapat mereka secara terbuka. Perasaan tidak mahu bersikap kurang sopan ini amat ketara di kalangan orang-orang Melayu yang mempunyai kuasa dan boleh melakukan sesuatu untuk kebaikan orang Melayu. Sering kali golongan intelektual

dan pemimpin politik lebih bersikap mengalah, hinggakan untuk mengambil sisa-sisa orang lain yang dicampakkan kepada mereka pun orang Melayu merasa perlu meminta maaf.

Tahun demi tahun perangkaan yang terdapat menunjukkan taraf hidup di Malaysia bertambah baik, akan tetapi tiada siapapun yang berani menuntut supaya perangkaan ini menunjukkan perbezaan berasaskan kaum. Semua orang tahu bahawa tambahan secara kasar ini adalah tidak begitu tepat. Misalnya pendapatan per kapita akan berubah apabila terdapat beberapa orang yang menjadi jutawan, sedangkan yang lainnya tetap miskin. Begitu jugalah, satu-satu kaum yang kekayaannya bertambah dengan pesat dianggap sebagai peningkatan pendapatan yang sederhana bagi semua kaum. Sebenarnya sedikit tambahan kepada Keluaran Negara Kasar atau pendapatan per kapita boleh membawa erti perbezaan yang lebih besar dalam purata pengeluaran dan pendapatan tiap-tiap kaum.

Adalah tidak tepat untuk menganggap bahawa orang-orang Melayu tidak tahu bahawa perangkaan itu salah. Andainya mereka tidak menonjolkan kesalahan ini, sebabnya, seperti yang disebutkan tadi, ialah kerana mereka tidak suka bersikap tidak sopan terhadap orang lain. Di samping perasaan tidak suka menghadapi kenyataan hidup yang penuh cabaran, terdapat juga sikap tidak peduli yang sudah lazim di kalangan mereka. Setakat ini hanya kesusahan dan halangan yang dihadapi oleh orang Melayu telah dibincangkan. Sebenarnya tidaklah adil kalau orang lain sahaja disalahkan kerana kemerosotan ekonomi orang Melayu. Orang Melayu juga patut mengakui bahawa kemerosotan ini juga disebabkan oleh mereka sendiri. Sikap yang ditunjukkan oleh orang Melayu, sama ada para pemimpinnya mahupun penduduk-penduduk kampung, telah menyebabkan orang lain begitu mudah menyingkirkan orang Melayu dari bidang ekonomi.

Orang Melayu memang bersedia untuk menggunakan barang-barang baru atau kemahiran-kemahiran orang lain yang baru. Malangnya mereka tidak mahu mempelajari cara untuk memperolehi kemahiran ini. Dari bukti-bukti yang diketahui, orang-orang Melayu biasa menjadi tukang emas yang mahir. Akan tetapi apabila datang tukang emas Cina, hasil kerja orang Melayu telah digantikan oleh hasil kerja orang Cina yang lebih baik. Orang Melayu tidak pula berusaha untuk mempelajari

kemahiran ini dari orang Cina. Memang benar bahawa orang-orang Cina tidak akan mengajar kemahiran mereka kepada orang Melayu. Orang Melayu sepatutnya mudah mengorek rahsia ini dari orang-orang Cina kerana pada waktu itu bilangan mereka masih tidak ramai. Sebaliknya apa yang terjadi ialah pelanggan Melayu telah ditarik oleh orang-orang Cina kerana hasil kerja mereka adalah lebih baik. Orang Melayu lebih rela meninggalkan pekerjaan tersebut. Lama-kelamaan hampir tidak terdapat tukang emas Melayu di tempat-tempat yang terdapat tukang emas Cina. Perkara yang sama berlaku dalam tiap-tiap pekerjaan lain. Sewaktu rumah-rumah dibina dari kayu terdapat tukang kayu Melayu yang membuat rumah-rumah kayu dengan menggunakan seni ukiran dan pahat yang halus. Apabila rumah-rumah batu mula didirikan, orang-orang Melayu tidak mempelajari cara membuat rumah dari bahan-bahan ini. Pada hari ini bahan-bahan untuk pembinaan terlalu banyak jenisnya dan kompleks sekali. Kalaupun orang Melayu ada kemahuan namun mereka tidak dapat lagi membina dengan sendiri. Bagaimana sekalipun mereka pasti memerlukan tukang-tukang Cina. Kini orang-orang Cina tidak boleh diketepikan lagi bukan sahaja oleh negara tetapi juga oleh orang-orang Melayu sendiri.

Kemajuan yang pesat dalam penggunaan mesin dan elektronik telah memburukkan lagi keadaan ini. Kipas angin elektrik misalnya boleh dikatakan barang yang biasa di rumah orang Melayu. Orang Melayu tahu bagaimana menggunakan kipas itu, tetapi mereka tidak tahu langsung untuk membuat atau membaikinya. Pada masa yang sama orang-orang Melayu yang membuat kipas dari daun kipas telah berhenti membuatnya kerana orang tidak mahu membeli barang itu lagi. Proses itu turut berlaku setiap kali barang atau kemudahan moden diperkenalkan. Keinginan untuk maju seiring dengan kemajuan zaman tidak ada. Sikap kurang berminat telah tersemadi di kalangan orang Melayu yang menganggap diri mereka tidak layak menyertai apa-apa bidang sekalipun.

Apakah perkara ini benar? Apakah mereka tidak layak bagi apa-apa bidang sekalipun? Ada perkara di sebalik fenomena ini. Orang Melayu, kecuali mereka dari Kelantan, mungkin tidak dapat membina sendiri rumah-rumah batu. Akan tetapi arkitek-arkitek Melayu sebenarnya merancang dan mengarah-

kan keseluruhan operasi pembinaan. Jurutera-jurutera Melayu boleh merancang dan mengarahkan pembinaan jambatan-jambatan yang paling moden. Pakar pertanian Melayu boleh membuat eksperimen dan mengarahkan penanaman setiap jenis tumbuhan. Para doktor dan peguam Melayu adalah setanding dengan doktor dan peguam dari bangsa lain. Pentadbir-pentadbir Melayu adalah lebih baik dari lain-lain kaum. Orang-orang Melayu memang mempunyai keupayaan akan tetapi cuma dalam bidang-bidang tertentu sahaja mereka dimajukan. Di antara petani Melayu tradisional dan golongan elit terpelajar ada suatu kekosongan di kalangan orang Melayu. Potensi mereka dalam lapangan ini belum lagi dimajukan. Sebahagiannya adalah kerana sikap tidak apa mereka sendiri dan juga oleh sikap tidak berpandangan jauh pemimpin-pemimpin mereka. Sesungguhnya pemimpin mereka yang bertanggungjawab juga bersikap kurang berminat seperti yang tersemadi pada masyarakat Melayu.

Pemimpin-pemimpin Melayu pernah berkata bahawa orang Melayu tidak sesuai bagi perniagaan atau pekerjaan mahir. Mereka adalah kaum tani. Kononnya wang bagi orang Melayu tidaklah sama ertinya seperti bagi orang Cina. Mereka juga berpendapat bahawa orang Melayu memang tidak ada keinginan atau keupayaan untuk bekerja kuat. Lebih-lebih lagi orang Melayu tidak boleh berubah.

Sekali lagi apakah ini benar? Dilihat dari segi politik, orang Melayu telah berubah. Adalah sukar untuk memikirkan satu kaum yang begitu tidak berminat dengan politik seperti orang Melayu, terutama sebelum perang dunia. Mereka memisahkan diri daripada hal-hal negara. Mereka tidak mepedulikan apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Mereka bukannya membantah terhadap penjajah British sebaliknya telah memuji kehadiran pihak British. Malahan mereka merasa bangga kerana mereka termasuk di dalam Empayar British. Di dalam bukunya, *The Origin of Malay Nationalism*, Roff dengan jelas menerangkan bagaimana orang Melayu menganggap politik bukan urusan mereka, dan bagaimana mereka dengan keras menyatakan yang mereka tidak langsung terlibat dalam politik. Orang Melayu sangat senang menerima apa sahaja, sehinggakan pihak British menganggap mereka akan menerima sahaja dan tidak akan menentang walaupun negara mereka sendiri

dijajah. Tetapi sebaliknya reaksi orang Melayu adalah berbeza sekali daripada apa yang dijangka sehingga segala pendapat terhadap mereka terpaksa dikaji dan dinilai semula. Salah satu kualiti yang benar-benar perlu dinilai semula ialah keupayaan mereka mengubah sikap.

Perubahan minat orang Melayu terhadap politik telah memajukan orang lain bukan sahaja kerana hebatnya penglibatan mereka tetapi juga kerana perubahan tersebut kekal. Walaupun objektif asal mereka telah tercapai namun orang Melayu masih terus berkecimpung dan aktif dalam politik. Parti-parti politik telah menjalar ke seluruh kampung-kampung Melayu hingga ke kawasan pedalaman di mana orang-orang Melayu yang tidak kenal huruf pun turut mengadakan perjumpaan, memilih jawatan-jawatan dalam parti, menubuhkan cawangan-cawangan yang menjadi tenaga penggerak kepada jentera politik kebangsaan. Dalam keadaan ini orang Melayu juga dapat mengenyahkan kesetiaan utama mereka kepada negeri masing-masing dan telah memberikan taat setia mereka kepada negara yang baru ditubuhkan, sedangkan pada suatu masa dahulu mereka tidak sedar akan adanya konsep 'negara' itu. Pilihan-raya, yang boleh dikatakan tidak difikirkan langsung kira-kira satu dekad yang lalu, bukan sahaja telah diterima tetapi juga telah diamalkan dan dijalankan dengan penuh bersemangat oleh setiap orang Melayu. Pendek kata, perubahan sikap orang Melayu terhadap politik begitu radikal dan menyeluruh.

Soalnya sekarang ialah sama ada mereka boleh berubah sedemikian dalam bidang-bidang lain. Jawapan kepada soalan ini ialah: Kenapa tidak? Dalam bidang perdagangan dan perusahan perkara yang diperlukan ialah kesedaran oleh orang Melayu dan pemimpin mereka tentang kelemahan ekonomi mereka dan juga tentang malapetaka yang akan menimpa orang Melayu dan negara jika mereka hanya berdiam diri. Jika pemimpin-pemimpin ini mahu memberi perhatian untuk memimpin orang-orang Melayu ke arah penghidupan yang lebih baik, mereka hendaklah berusaha lebih tekun dan mengkaji sebab-sebabnya dan mengemukakan cara-cara untuk mengatasi keadaan ini. Langkah-langkah itu hendaklah keras dan berkesan, sama seperti langkah-langkah yang diambil oleh pemimpin-pemimpin Melayu semasa krisis politik Malayan Union dahulu. Kebenaran mestilah didedahkan tanpa ragu-

ragu. Orang Melayu hendaklah sedar akan kesalahan mereka sendiri di samping kesalahan-kesalahan orang lain. Kalau perlu undang-undang hendaklah digubal supaya dasar ekonomi yang perlu dilaksanakan akan berjalan lebih efektif. Langkah-langkah yang keras hendaklah diambil ke atas orang-orang yang cuba menyekat peningkatan orang Melayu ke tahap yang sama dengan kaum-kaum lain. Dengan pemimpin-pemimpin yang arif serta memahami masalah ini dengan mendalam dan berazam untuk menyelesaikan masalah ini maka sudah pasti tidak ada halangan bagi pertumbuhan ekonomi negara ini yang lebih pesat. Sesungguhnya, semasa orang Melayu dinaikkan ke tahap yang sama dengan lain-lain kaum di Malaysia, maka perangkaan pendapatan dan pengeluaran negara yang terkandung di dalam ucapan belanjawan pada tiap-tiap tahun akan menjadi lebih tepat.

Dilema yang dihadapi oleh orang Melayu bukanlah sekadar kurangnya usaha yang dijalankan ke arah membetulkan kepincangan kedudukan ekonomi yang mereka alami tetapi adalah menjadi satu kesalahan jika disebut bahawa kepincangan ekonomi benar-benar wujud. Pendapat umum ialah semakin kurang perkara ini dibincangkan maka semakin bertambahlah kestabilan ekonomi negara ini yang dibina melalui cengkaman orang-orang Cina. Orang-orang Melayu juga diberitahu bahawa Malaysia harus makmur sebagai sebuah negara dan golongan amateur, seperti orang Melayu di dalam perniagaan, tidak akan memberi apa-apa sumbangan kepada kemakmuran ini. Semua hujah ini memanglah benar. Andainya tidak ada langsung halangan ke atas penguasaan sepenuhnya oleh orang Cina ke atas ekonomi Malaysia, maka negara ini akan lebih makmur lagi. Dilema yang dihadapi oleh orang Melayu ialah sama ada mereka patut berhenti dari menolong diri mereka supaya mereka boleh berasa bangga sebagai warganegara miskin dalam sebuah negara yang sangat makmur atau sama ada mereka patut mendapatkan sedikit dari kekayaan yang dibangga-banggakan di negara ini walaupun perbuatan mereka mungkin akan mengeruhkan sedikit gambaran ekonomi Malaysia. Kesimpulannya, orang Melayu bukan sahaja menghadapi dilema ekonomi, malah lebih besar dari itu mereka juga menghadapi dilema bangsa Melayu.

## BAB 5: Pengertian Persamaan Kaum

Persamaan kaum adalah suatu syarat awal bagi keharmonian di antara kaum dan juga perpaduan kebangsaan. Tidak siapa dapat menafikan perkara ini. Keharmonian antara majikan dan pekerja, antara golongan kaya dan miskin dan antara pemerintah dan yang diperintah bukanlah harmoni yang sebenarnya. Itu adalah semata-mata penerimaan terhadap kebiasaan yang tidak dapat diubah lagi, selagi ia kelihatan tidak dapat diubah. Lama-kelamaan, perubahan nilai dan idea akan mengakibatkan penolakan terhadap keadaan 'status quo' — dan tindakan akan diambil untuk mewujudkan keadaan yang lebih saksama. Oleh kerana persamaan bererti keuntungan bagi pihak yang tidak berada dan kerugian bagi yang berada, maka proses pencapaian ini akan mengakibatkan ketegangan dalam hubungan yang dikatakan 'berharmoni' tadi. Apabila persamaan tercapai, maka akan kuranglah ketegangan dan tekanan terhadap masyarakat, dan besar kemungkinan keadaan harmoni akan wujud. Persengketaan pasti akan wujud tetapi sekurang-kurangnya salah satu daripada punca yang diakui telah dapat dihapuskan.

Walaupun persamaan kaum diakui amat penting untuk mencapai keharmonian kaum, malangnya tidak ramai orang yang memahami akan makna persamaan kaum. Setiap golongan masyarakat atau individu akan memberi tafsiran persamaan kaum mengikut cara yang boleh menguntungkan mereka sendiri. Oleh itu, misalnya dalam soal pemberian biasiswa, persamaan kaum yang dimaksudkan oleh setengah-setengah orang ialah persamaan untuk bersaing bagi mendapatkan biasiswa tanpa mengambil perkiraan kaum. Jika tafsiran begini diterima ertinya, setidak-tidaknya di Malaysia, bukanlah persamaan kaum tetapi perbezaan kaum yang lebih buruk. Dengan lain-lain perkataan, persamaan di dalam sesuatu bidang boleh mengakibatkan lebih banyak perbezaan dalam bidang yang lain.

Perbezaan kaum bukanlah satu ciri yang terdapat di Malaysia sahaja. Ciri ini terdapat juga di beberapa buah negara di mana berbagai-bagai kaum hidup bersama. Kewujudan masalah seperti ini di berbagai negara lain menunjukkan bahawa ia

bukan mudah diselesaikan. Lagi pun tidak ada dua negara yang mempunyai punca yang sama bagi persengketaan kaum. Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap negara-negara lain akan dapat memberi faedah, dan walaupun tidak dapat menyelesaikan masalah kita, setidak-tidaknya kita dapat memahami punca masalah itu dengan lebih meluas.

Dalam muka surat selanjutnya saya cuba memberi definisi makna persamaan kaum dengan membuat rujukan terutamanya kepada masalah kaum di Amerika Syarikat. Ini bukanlah sesuatu yang tidak memihak, tetapi oleh kerana telah terlalu banyak diperkatakan mengenai keistimewaan orang-orang Melayu di Malaysia, maka mungkin sudah sampai masanya untuk mendengar pendapat orang Melayu sendiri mengenai keistimewaan-keistimewaan ini dan tentang persamaan kaum. Sesudah itu terpulanglah kepada mereka yang ikhlas dan jujur untuk menilai dan kemudian merumuskan suatu penyelesaian bagi masalah ini.

Dalam mana-mana negara yang mempunyai banyak kumpulan etnik-budaya, persoalan persamaan kaum akan menjadi satu isu yang sangat mustahak. Sejak lahirnya Malaysia, bahkan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi masalah ini telah menimbulkan banyak kepahitan dan pertengkaran politik yang mendapat perhatian terus menerus. Kontroversi politik yang bangkit dari persoalan ini tidak luput walaupun sudah dua belas tahun merdeka dan terdapat sedikit sebanyak keharmonian kaum. Kejadian 13 Mei, 1969 telah mendedahkan masalah ini. Sekarang tibalah masanya kita memahami dengan lebih jelas akan makna persamaan kaum di Malaysia.

Persamaan kaum membayangkan nilai-nilai yang tertentu, dan nilai-nilai itu berbeza mengikut taraf yang diterima oleh sesuatu masyarakat. Untuk memahami makna persamaan kaum adalah penting mengetahui apakah nilai-nilai yang dibandingkan atau yang dijadikan ukuran. Ia akan menjadi lebih terang lagi jika nilai-nilai ini dibandingkan dengan nilai-nilai di negara-negara lain.

Apabila tajuk persamaan kaum diperbincangkan, negeri yang mula-mula terlintas di fikiran ialah Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat semua warganegara, tidak kira warna, kaum atau agama adalah sama di sisi undang-undang. Namun, ada

beberapa negeri dalam persyarikatan itu yang undang-undang-nya sendiri bersifat diskriminasi, tetapi Perlembagaan Persekutuan (Amerika Syarikat), seperti yang ditafsirkan oleh mahkamah, memberi kaum Negro status yang sama seperti rakyat Amerika yang lain. Perbezaan kaum yang terdapat di Amerika Syarikat bukanlah disebabkan oleh undang-undang yang bersifat diskriminasi tetapi adalah oleh sebab pemuluan ekonomi dan sosial. Jika reaksi yang merusuh itu dianggap sebagai satu petanda, maka kita dapati bahawa pengasingan sosial dan ekonomi adalah sama atau mungkin lebih dibenci dari perbezaan di sisi undang-undang.

Bagaimanakah kedudukan orang-orang Negro di Amerika Syarikat? Seperti yang telah dinyatakan, Perlembagaan Amerika dalam Pindaan yang ke 13, 14 dan 15 memberi orang-orang Negro status yang sama dengan warganegara lain di Amerika Syarikat. Interpretasi awal Perlembagaan ini adalah berat sebelah, tetapi Mahkamah Persekutuan Amerika telah dapat mengatasi perasaan prasangka hakim-hakim yang terdahulu. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa interpretasi sekarang menganggap bahawa semua warganegara, tidak kira warna, kaum, keturunan ataupun tempat asal, adalah sama di sisi undang-undang dan mempunyai hak yang sama sebagai warganegara. Rang Undang-undang Hak yang termaktub di dalam Pindaan 14 Perlembagaan Amerika telah menerangkan dengan lebih lanjut hak-hak warganegara. Oleh kerana Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi Amerika Syarikat dan mahkamah tinggi mempunyai kuasa ke atas semua negeri dalam Persekutuan itu, maka undang-undang dan amalan diskriminasi dalam sesuatu negeri yang tertentu boleh dimansuhkan dengan rujukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Dengan lain-lain perkataan, tidak dapat dinafikan bahawa dari segi undang-undang, persamaan kaum terdapat di Amerika Syarikat. Jika terdapat gangguan-gangguan dan rusuhan-rusuhan yang berlaku oleh sebab perbezaan kaum di Amerika Syarikat, ini bukanlah disebabkan kerana Perlembagaan itu bercorak diskriminasi tetapi adalah kerana wujudnya diskriminasi dalam bidang sosial dan ekonomi terhadap orang-orang Negro.

Diskriminasi sosial dan ekonomi adalah sama berkesan dan memalukan seperti juga diskriminasi undang-undang. Malahan ia boleh menjadi lebih berkesan daripada diskriminasi undang-

undang. *Ghetto* (kawasan pengasingan kaum) bukanlah dibina khas sebagai *ghetto* orang Negro. Pada mulanya ia adalah tempat-tempat tinggal biasa di kawasan bandar yang terbuka kepada semua warganegara. Roxbury di Boston, bahagian bandaraya yang diduduki oleh orang-orang Negro, kelihatan serupa sahaja dengan kawasan-kawasan bandar yang lain di Amerika Syarikat. Apa yang menjadikan Roxbury sebagai kawasan orang Negro adalah tindakan orang kulit putih berpindah keluar secara senyap-senyap dari sesuatu kawasan di mana orang kulit hitam pindah masuk. Sebaik sahaja orang Negro mempunyai cukup wang untuk membeli tempat-tempat kediamannya dalam sesuatu kawasan bandaraya yang lebih baik, orang-orang kulit putih akan meninggalkannya beramai-ramai lalu menjadikan kawasan itu suatu *ghetto* orang kulit hitam. Oleh kerana bangunan-bangunan yang ditinggalkan itu tidak akan didiami oleh orang-orang kulit putih yang lebih kaya dari orang kulit hitam, maka harganya mulai turun dan orang-orang kulit hitam yang miskin masuk tinggal di tempat itu. Kawasan bandar tersebut kemudian menjadi kawasan meleset Negro.

Apa yang menjadikan *ghetto* ini tiada lain hanyalah kerana permulauan sosial. Proses ini telah berlaku di seluruh Amerika Syarikat dan ia masih lagi berlaku. Tidak ada undang-undang yang dapat memaksa orang-orang tinggal di sesuatu tempat jika mereka tidak mahu. Juga tidak ada langkah yang dapat memaksa orang-orang kulit putih untuk tinggal berhampiran dengan orang-orang Negro. Oleh itu *ghetto* akan terus terjadi di Amerika Syarikat dan menyebabkan perbezaan kaum, biarpun ada undang-undang yang mencegahnya.

Ada banyak lagi contoh-contoh lain mengenai diskriminasi sosial yang berlaku di Amerika Syarikat. Pemulauan ekonomi merupakan satu lagi faktor yang menyebabkan kedudukan yang tidak seimbang di antara kaum-kaum di Amerika Syarikat, dan seperti pemulauan sosial, ia juga wujud dalam berbagai bentuk. Jika seseorang itu cuba mencari sebab-sebab terjadinya diskriminasi ekonomi ini, maka dia akan diberitahu bahawa apa yang terdapat bukanlah diskriminasi kaum tetapi sesungguhnya diskriminasi ekonomi. Orang-orang Negro dikatakan lebih inferior, tidak cerdas, tidak berupaya mengetahui tentang nilai wang, tidak berupaya memperolehi kemahiran dan tidak dapat membuat penyesuaian kepada cara-cara dan idea-idea baru.

Tidak ada orang yang mahu mengambil mereka bekerja kecuali jika sudah terpaksa. Dalam jangka panjang adalah lebih murah untuk mengambil orang-orang kulit putih bekerja sebab daya kerja mereka adalah lebih baik dan taraf kerja mereka lebih tinggi. Dan memandangkan tidak berkemungkinan kurangnya pekerja-pekerja kulit putih dalam apa bidang pun maka keperluan untuk mengambil orang-orang kulit hitam adalah kecil.

Persoalan yang timbul di sini ialah jika orang-orang Negro tidak berupaya bekerja mengapakah pula mereka dibawa masuk ke Amerika dahulu? Sebagaimana yang diketahui, orang-orang Negro diangkut dari hutan pedalaman Afrika untuk bekerja di ladang dan di rumah peneroka-peneroka Amerika. Mereka bukan sahaja menjadi pekerja-pekerja ladang yang baik tetapi juga menjadi tukang masak dan pembantu rumah.

Jika orang-orang Negro kini ketinggalan dalam kemahiran dan kecekapan, ini adalah kerana mereka disingkirkan secara sosial dan ekonomi sejak beberapa generasi. Generasi orang kulit putih telah maju mengikut masa, mengubah cara hidup mereka, mendapat pelajaran yang sesuai dan memperolehi kemahiran-kemahiran yang baru ketika Amerika Syarikat bergerak dari ekonomi pertanian ke ekonomi perindustrian yang sofistikated. Apabila jurang di antara orang-orang Negro dengan orang-orang kulit putih bertambah besar, maka orang-orang Negro mula bersikap tidak apa dan dengan itu menjadikan mereka semakin tidak mahu menyesuaikan diri dan mengurangkan jurang perbezaan tadi. Sikap tidak apa dan apa yang dianggap pada zahirnya sebagai tiada keupayaan untuk belajar dan menyesuaikan diri itu kini dijadikan sebagai satu sebab untuk mengasingkan orang-orang Negro dari segi ekonomi dan dengan itu semakin berterusan dan semakin meluaslah lagi jurang perbezaan mereka dengan orang-orang kulit putih.

Walau bagaimanapun, ada juga sebilangan kecil orang-orang Negro yang telah mendapat pencapaian yang baik. Mereka inilah yang melihat dan merasa tidak puashati dengan masyarakat mereka. Mereka juga mempunyai kemahuan untuk membetulkan keadaan yang menimpa orang Negro sejak beberapa generasi. Dengan tidak dapat dielakkan juga mereka telah menggunakan tindakan politik dan kekasaran yang telah memeranjatkan seluruh dunia. Dalam perjuangan mereka menuntut

persamaan kaum, tindakan merusuh, membakar dan juga membunuh tidak ketinggalan.

Kesimpulan dari perbincangan ringkas mengenai masyarakat Negro di Amerika Syarikat itu ialah persamaan di sisi undang-undang adalah tidak mencukupi. Persamaan bermakna berkongsi dalam segala perkara, termasuk perkara-perkara yang baik dalam hidup dan juga tanggungjawab. Perkongsian yang adil dalam menikmati kehidupan yang sempurna tidak seharusnya menjadi hasrat Kerajaan sahaja, ia mestilah juga menjadi hasrat atau cita-cita rakyat keseluruhannya. Dan hasrat atau cita-cita itu hendaklah dibuktikan dengan amalan. Kerajaan dan orang-orang Amerika telah berikrar kepada seluruh dunia bahawa mereka tidak mempunyai tujuan untuk menganggap orang-orang Negro sebagai warganegara yang inferior. Jika orang-orang Negro tidak dapat sama-sama menikmati kemewahan negara, maka itu adalah salah mereka sendiri. Tetapi menyalahkan orang-orang Negro dengan secara ini semata-mata adalah tidak betul dan tidak dapat diterima. Sebenarnya apa yang menyebabkan jurang di antara orang Negro dan orang kulit putih tidak dapat dikurangkan, adalah amalan pemulauan ekonomi dan sosial yang telah berlaku sejak beberapa generasi. Jurang ini menjadi semakin luas dengan sendiri dan menjadikan penyelesaian masalah ini semakin sukar untuk diatasi dari masa ke semasa. Tidakkah cukup sekadar mengatakan 'ambillah, kami tidak melarang. Semuanya akan kau punyai jika kau sedia berbuat seperti kami'. Kita tahu bahawa orang-orang Negro tidak mungkin mengatasi jurang kemunduran yang begitu ketara di dalam bidang ekonomi, sosial dan pelajaran yang telah wujud generasi demi generasi dengan hanya berkata 'Saya akan mengatasinya.'

Kerajaan Amerika sedar akan tanggungjawabnya untuk menolong orang-orang Negro mengurangkan jurang tadi. Berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan serta berbagai projek dan rancangan baru telah dimulakan untuk memberi peluang kepada orang-orang Negro mendapat jenis latihan yang perlu untuk menyesuaikan mereka kepada corak kemewahan ekonomi Amerika. Tetapi segala usaha-usaha Kerajaan ini tidak akan berhasil, kecuali rakyat Amerika sendiri secara keseluruhannya berhenti daripada mendiskriminasikan orang-orang Negro. Kedai, gudang, pejabat dan hotel-hotel mestilah menerima

orang-orang Negro dalam semua peringkat pekerjaan. Lebih mustahak lagi ialah satu peruntukan khas haruslah diadakan bagi orang-orang Negro dalam masa permulaan penyesuaian ini. Apa yang diperlukan bukanlah hanya semata-mata layanan yang sama tetapi satu usaha yang besar untuk memulihkan kedudukan orang-orang Negro ini. Memandangkan diskriminasi telah mengambil masa beberapa generasi bagi meluaskan jurang antara orang-orang Negro dengan orang-orang kulit putih, maka proses yang sengaja untuk meningkatkan orang-orang Negro akan mengambil masa beberapa generasi juga sebelum kesannya dapat dilihat. Apabila ini berlaku, maka barulah persamaan kaum yang tulen akan terlaksana menjadi kenyataan.

Persamaan di sisi undang-undang tidak memberi apa-apa makna jika pemuluan di dalam bidang sosial dan ekonomi oleh sesuatu kaum dibuat dengan cara yang tidak tertakluk kepada undang-undang. Seorang majikan yang menolak pengambilan pekerja Negro boleh memberi berbagai alasan yang kelihatan sah mengenai tindakannya itu. Jika Kerajaan dan masyarakat hanya menerima alasan-alasan itu tanpa usul periksa maka perbezaan kaum akan terus berlaku dan membawa kepada raa tidak puashati, dendam, rusuhan, pembakaran dan pembunuhan. Kerajaan dan masyarakat yang baik mestilah mengadakan langkah-langkah yang positif untuk perpaduan. Kedua-dua pihak harus bertindak menghapuskan perbezaan ini supaya di masa-masa yang akan datang tidak timbul tindak balas yang tidak diingini. Oleh kerana itu Kerajaan dan masyarakat haruslah meneliti bukan sahaja tindakan-tindakan awam tetapi juga tindakan sendirian supaya persamaan kaum itu akan tetap wujud. Seorang tuan punya kedai yang mempunyai seorang penolong boleh disyaki menjalankan diskriminasi kaum seperti juga suatu kompleks perindustrian yang besar yang mempunyai beribu-ribu pekerja. Pendapat-pendapat yang liberal di Amerika memanglah sedang menuju ke arah ini. Tetapi bilangan orang-orang Amerika yang liberal adalah kecil dan kesannya tidaklah dirasai di seluruh negara tersebut.

Ada satu lagi corak perbezaan kaum yang berlaku di Amerika Syarikat yang kurang mendapat publisiti. Kaum Red Indian juga menderita akibat perbezaan kaum seperti orang-orang Negro tetapi oleh sebab bilangan mereka kecil dan mereka

hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang jarang dilawati pemberita-pemberita akhbar, maka penderitaan mereka tidak berapa diketahui ramai. Namun demikian, yang anehnya ialah orang-orang Red Indian ini adalah sebenarnya orang-orang yang mempunyai keistimewaan di Amerika Syarikat. Mereka mempunyai tanah-tanah yang tidak boleh dibeli oleh orang-orang lain dan mereka juga telah dikecualikan daripada membayar cukai-cukai yang tertentu. Dari segi undang-undang mereka mempunyai 'persamaan' yang lebih daripada warganegara lain di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, mereka bukanlah satu bangsa yang kuat di Amerika tetapi mereka merupakan golongan paria. Satu pendapat umum orang-orang kulit putih Amerika mengenai orang-orang Red Indian ialah bahawa orang-orang Red Indian ini tidak dapat diperbaiki lagi. Sekiranya diberi duit mereka lebih suka membeli kereta *Cadillac* daripada memperbaiki diri mereka.

Walaupun bagaimanapun, jika seorang kulit putih menang loteri dia tidak semestinya terus memasuki bidang perniagaan dan memperkukuhkan keuntungannya itu. Dia mungkin juga akan menggunakan wang kemenangannya untuk membeli barang-barang mewah yang diidamkan pada satu masa dahulu. Reaksi orang-orang Red Indian tadi sebenarnya bukanlah sahaja terhadap kepada Red Indian tetapi adalah merupakan reaksi manusia. Apa yang kurang ialah kemahuan untuk menolong Red Indian bersatu padu dengan masyarakat Amerika yang lain. Dengan lain-lain perkataan, walaupun orang-orang Red Indian mempunyai banyak status istimewa, mereka dianggap sebagai inferior dan tidak layak menjadi rakan kongsi yang sama dalam masyarakat Amerika.

Orang-orang Red Indian tidak mengambil tindakan yang ganas seperti orang-orang Negro kerana bilangan mereka adalah kecil dan mereka pula tinggal di merata-rata tempat, jauh terpisah di antara satu puak dengan yang lain. Seseorang pelawat yang tinggal di Amerika berbulan-bulan lamanya mungkin tidak dapat bertemu seorang Red Indian pun. Tetapi walau bagaimanapun, perasaan marah orang Red Indian memang wujud. Seorang penyanyi Red Indian yang terkenal di seluruh Amerika Syarikat bernama Buffy St. Marie pernah menyanyikan lagu-lagu folk mengenai tanah-tanah mereka yang telah dirampas dari nenek moyang mereka dan dia bertanya-

tanya apakah yang didapati oleh orang Red Indian sebagai balasannya. Perbezaan kaum telah mengecewakan orang-orang Red Indian sama seperti orang-orang Negro. Tidaklah cukup sekadar mendapat keistimewaan dari segi undang-undang sahaja, malahan persamaan yang benar-benar wujud juga adalah perlu. Memang jelas bahawa orang-orang Red Indian juga perlu mendapat bahagian yang adil dalam kemakmuran ekonomi yang menjadi ciri-ciri orang kulit putih Amerika. Keistimewaan yang diperolehi oleh orang-orang Red Indian tidak sepatutnya digunakan untuk menjaga mereka sebagai barang-barang bersejarah yang mencantikkan lagi pemandangan Amerika Syarikat. Mereka sepatutnya disatupadukan ke dalam masyarakat Amerika dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Jadi apakah maksud persamaan kaum? Adakah ia suatu jenis undang-undang yang boleh ditafsir, dijeniskan dan dipertahankan oleh undang-undang? Jika inilah ertinya, maka orang-orang Red Indian adalah kaum yang agung di Amerika Syarikat. Namun demikian, daripada keganasan hasutan orang-orang Negro dan juga daripada rintihan membisu orang-orang Red Indian, kita tahu bahawa status absah tidaklah cukup. Persamaan bererti sesuatu kaum itu diterima oleh setiap lapisan masyarakat dari segi sosial, ekonomi dan politik sehingga ia mencerminkan nisbah kaumnya di dalam jumlah penduduk yang terdiri dari berbagai kaum. Tidaklah cukup sekadar Angkatan Tentera Amerika dipimpin oleh pegawai-pegawai Negro yang memerintah askar kulit putih. Tidak cukup sekadar Presiden Amerika melantik ketua biro dan pembantu-pembantu presiden dari orang-orang Negro. Tidak cukup dengan adanya hakim-hakim dan duta-duta orang Negro. Malah perlu juga ada eksekutif-eksekutif Negro dalam industri swasta, juruterbang, dan pramugari orang-orang Negro, pekedai-pekedai Negro dan restoran Negro, jurutera, peguam dan doktor Negro. Adalah perlu juga bahawa semua orang dalam kategori ini tidak diasingkan di tempat-tempat kerja mereka atau tinggal di *ghetto* atau di tanah simpanan.

Inilah yang difikirkan oleh orang-orang kulit putih dan Negro yang berfahaman liberal dan inilah juga apa yang diakui akan dilakukan oleh kerajaan Amerika. Tetapi bagi orang-orang kulit putih Amerika yang biasa, mereka masih mengamalkan diskriminasi dan menganggap diri mereka superior dan eksklusif. Jika

Kerajaan tidak mahu mengesahkan status superior orang-orang kulit putih, ini tidak menjadi masalah. Orang-orang kulit putih dengan sendiri, secara individu dan secara kolektif boleh menindas orang-orang Negro. Orang-orang kulit putih boleh membekukan peluang kerja atau perolehan kemahiran, menutup peluang perniagaan, menahan kemudahan kredit atau pengetahuan dan menutup peluang orang Negro menggunakan jentera-jentera kompleks dalam ekonomi moden.

Sejauh manakah perbezaan kaum di Amerika Syarikat relevan dengan keadaan di Malaysia? Jawapannya ialah 'amat relevan sekali', kerana perbezaan kaum di mana-mana sahaja akan menimbulkan perkara yang sama — perbezaan kaum yang lebih besar, perasaan tidak puas hati dan keganasan. Tahap perbezaan kaum di Malaysia tidaklah begitu hebat seperti yang terdapat di Amerika Syarikat tetapi bibit-bibit keganasan tetap ada.

Di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa status orang-orang Melayu adalah berbeza dengan status orang-orang bukan Melayu. Kategori orang-orang Melayu dan orang-orang Red Indian di Amerika Syarikat adalah lebih kurang sama. Orang-orang Melayu diiktiraf dan diakui sebagai bumiputera di negara ini tetapi negara ini bukan lagi menjadi milik mereka sepenuhnya. Walau bagaimanapun, untuk melindungi dan menjaga status mereka, undang-undang tertentu adalah perlu.

Salah satu undang-undang yang paling penting ialah mengenai Tanah Simpanan Melayu. Bagi orang-orang yang tahu mengenai sejarah kaum Red Indian, mereka akan melihat di sini, bukan sahaja persamaan istilah tetapi juga persamaan ciri-ciri sejarah. Undang-undang Tanah Simpanan Melayu diadakan oleh orang-orang British bukanlah disebabkan keistimewaan kebangsaan yang diberikan oleh mereka kepada orang-orang Melayu. Pendatang-pendatang pada masa itu memanglah berhak, dari segi undang-undang, untuk memiliki tanah. Malahan selepas Undang-undang Tanah Simpanan Melayu dikuatkuasakan, pendatang-pendatang dan orang-orang luar masih lagi boleh memiliki geran-geran tanah. Undang-undang tersebut bukanlah satu manifestasi kesedaran kebangsaan seperti setengah-setengah undang-undang di beberapa negara yang hanya membenarkan warganegaranya sahaja memiliki tanah. Undang-undang Tanah Simpanan Melayu ber-

tujuan sebagai satu langkah untuk menahan apa yang terang-terang sedang berlaku pada zaman penjajahan: iaitu, orang Melayu telah kehilangan tanah mereka yang dibeli oleh pendatang-pendatang dan orang-orang asing yang lebih kaya. Jelaslah, jika langkah undang-undang tidak diambil akibatnya kelak orang-orang Melayu akan menjadi penyewa kepada tuan-tuan tanah pendatang dan asing di dalam negeri orang Melayu sendiri. Jadi dengan lain perkataan, walaupun orang-orang Melayu memanggil negeri ini *Tanah Melayu*, namun sebenarnya mungkin tidak ada tanah yang dimiliki oleh mereka. Kemungkinan akan berlakunya apa yang diperkatakan ini amat ketara pada suatu masa dahulu.

Undang-undang asal Tanah Simpanan Melayu bukanlah untuk membeli semula tanah-tanah Melayu yang telah dijual. Ia juga bukanlah bertujuan untuk menahan secara keseluruhannya proses pembelian tanah oleh orang-orang asing. Sebenarnya ia adalah semata-mata bertujuan untuk menentukan supaya orang-orang Melayu mempunyai ruang untuk hidup, iaitu ruang yang dapat mereka anggap sebagai kepunyaan sendiri. Apa yang ada di tangan orang-orang bukan Melayu, yang juga pada masa dahulu bukan warganegara, akan terus menjadi harta kepunyaan mereka. Di samping itu, peruntukan-peruntukan dibuat bagi pengeluaran Tanah Simpanan Melayu supaya orang-orang bukan warganegara tidak akan tersekat secara mutlak untuk memiliki tanah-tanah baru jika dalam pandangan Kerajaan ia adalah penting bagi apa-apa tujuan.

Satu contoh yang paling nyata mengenai pengeluaran dari Tanah Simpanan Melayu yang tidak adil adalah melibatkan tanah yang mempunyai bijih di Negeri Perak. Setiap kali dijumpai bijih di dalam Tanah Simpanan Melayu, Dewan Perundangan Negeri akan memberi persetujuan seperti biasa untuk mengeluarkan bahagian tersebut bagi membolehkan orang British dan lain-lain orang bukan Melayu mendapatkan tanah itu. Sebagai ganti, tanah kepunyaan negeri yang sama besar akan diperuntukkan semula sebagai Tanah Simpanan Melayu. Tanah baru ini akan dipilih dari kawasan-kawasan hutan yang tebal, yang tidak dapat ditembusi dan dijangkakan tidak mengandungi logam yang berharga. Ertinya, Tanah Simpanan Melayu yang bernilai ditukar dengan tanah hutan yang tidak berharga dan tidak boleh digunakan dengan serta-

merta oleh orang Melayu atau sesiapa juga.

Di kawasan-kawasan bandar, pengambilan balik Tanah Simpanan Melayu adalah satu perkara biasa di zaman penjajah. Segala alasan yang diberi dianggap sesuai bagi tujuan tersebut. Alasan yang selalu digunakan ialah kemiskinan orang Melayu. Tuan-tuan tanah Melayu yang cuba menyamakan taraf hidup mereka dengan penghuni-penghuni yang lain di bandar tidak lama kemudian akan berhutang kepada peminjam-peminjam wang bukan Melayu. Seperti biasa, tanah mereka dijadikan sebagai cagaran. Apabila hutang tidak dapat dibayar, mahkamah akan memberi perintah supaya tanah mereka dilelong. Jika didapati tidak ada orang Melayu yang dapat membuat tawaran yang cukup tinggi, dan inilah yang lazimnya berlaku, maka tanah tersebut akan dijual kepada orang-orang bukan Melayu yang berhak untuk mengeluarkannya dari Tanah Simpanan Melayu. Proses begini bukan sahaja berlaku dalam kawasan bandar tetapi juga di kawasan luar bandar. Di Kedah misalnya, beribu-ribu relung tanah padi telah jatuh ke tangan orang-orang bukan Melayu oleh kerana peruntukan seperti ini.

Satu keanehan cara pengeluaran tanah simpanan ini ialah jika sekiranya orang-orang Melayu membeli kembali tanah-tanah yang telah dikeluarkan, maka tanah itu secara automatik bertukar statusnya menjadi Tanah Simpanan Melayu semula. Oleh itu peruntukan ini menghalang orang-orang Melayu untuk memperolehi kembali tanah yang dikeluarkan daripada Tanah Simpanan Melayu. Selalunya tanah di luar simpanan Melayu lebih tinggi harganya kerana tanah-tanah ini dipunyai oleh kaum yang lebih kaya dan lebih licik. Tanah-tanah ini selalunya menjadi sumber pendapatan yang baik bagi pemilik-pemilik bukan Melayu. Jika sekiranya tanah ini dibeli balik oleh orang-orang Melayu dan statusnya menjadi Tanah Simpanan Melayu semula, maka nilainya akan menurun. Dalam erti kata lain, tidak gunalah bagi orang-orang Melayu membeli balik Tanah Simpanan Melayu yang tergadai itu. Sekali dikeluarkan daripada Tanah Simpanan Melayu maka tanah tersebut menjadi tanah simpanan bukan Melayu.

Adakah peruntukan tanah simpanan untuk orang Melayu menjadikan mereka warganegara kelas yang lebih tinggi dari orang-orang bukan Melayu? Adakah peruntukan seperti begini

menyebabkan perbezaan kaum? Tidak perlu dianalisa dengan lebih mendalam untuk membuat keputusan bahawa perbezaan kaumlah yang telah mendorong enakmen undang-undang tersebut. Di waktu permulaan penjajahan British, telah begitu ketara bahawa orang-orang Melayu akan kehilangan tanah jika mereka dibiarkan terus dikuasai oleh pendatang-pendatang dan eksploitasi British. Ciri-ciri begini sangat nyata di kawasan bandar. Di Kuala Lumpur misalnya, pada tahun 1890 orang-orang Melayu hampir tidak mempunyai tanah sendiri di kawasan itu. Perhatikan kadar orang-orang bukan Melayu membeli tanah di Kuala Lumpur yang sedang berkembang itu, maka orang-orang Melayu akhirnya akan menjadi orang-orang luar di dalam bandar tersebut yang menjadi ibu negeri Selangor dan kemudian menjadi ibu negeri Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Oleh itu Kerajaan telah mewujudkan Tanah Simpanan Melayu di Kampung Baharu.

Begitu juga di tempat-tempat lain, undang-undang Tanah Simpanan Melayu adalah satu asas perundangan supaya sebahagian daripada tanah berada di tangan orang Melayu. Seperti yang telah dikatakan sebelum ini, ada berbagai cara yang telah dilakukan untuk mengatasi undang-undang ini. Cara-cara ini dan juga kekayaan orang bukan Melayu, dengan cara yang berkesan, telah dapat memansuhkan kedudukan baik orang Melayu yang diperolehi ketika undang-undang ini mula dibuat. Undang-undang ini tidak secara keseluruhannya menyekat tanah-tanah yang terkaya daripada dikeluarkan dan ditukarkan menjadi kepunyaan orang-orang bukan Melayu. Tahun demi tahun kesan undang-undang ini ialah untuk mengusir orang-orang Melayu ke tanah-tanah yang tidak begitu bernilai, sementara orang-orang bukan Melayu, terutamanya orang-orang Eropah, mengambil alih tanah-tanah yang mempunyai bijih dan tanah-tanah yang dapat ditanam dengan getah. Di dalam negeri-negeri tertentu, walaupun terdapat Undang-undang Tanah Simpanan Melayu, namun tanah milik orang-orang bukan Melayu lebih banyak daripada yang dimiliki orang-orang Melayu. Dari segi taksiran nilai sebenar, mungkin terdapat hanya satu atau dua buah negeri sahaja di mana jumlah tanah yang dipegang oleh orang Melayu adalah lebih besar nilainya daripada tanah yang dipegang oleh orang-orang bukan Melayu.

Tanah di kawasan-kawasan bandar selalunya lebih mahal

daripada tanah kawasan desa. Cara undang-undang Tanah Simpanan Melayu ditadbirkan telah memudahkan orang-orang bukan Melayu memperolehnya. Apabila orang-orang bukan Melayu berjaya memperolehi tanah ini nilainya dengan sertamerta melambung naik hingga tidak terdaya orang-orang Melayu memperolehnya. Tanah-tanah di kawasan bandar, walaupun kecil dari segi kawasan, namun nilainya lebih tinggi dari Tanah Simpanan Melayu yang begitu luas di desa.

Dapat dirumuskan bahawa dari segi penaksiran sebenar, orang bukan Melayu yang mempunyai tanah yang lebih berharga di kawasan bandar dan tanah-tanah yang mengeluarkan hasil yang lebih baik, sebenarnya berada dalam kedudukan yang lebih istimewa. Dengan lain-lain perkataan, walaupun wujud undang-undang Tanah Simpanan Melayu, orang-orang Melayu dapat dianggap sebagai tuan tanah kelas kedua. Apa yang lebih buruk keadaannya ialah undang-undang yang ada sekarang ini tidak mungkin dapat memperbaiki kedudukan mereka itu.

Dengan itu, undang-undang Tanah Simpanan Melayu itu tidak boleh dikatakan sebagai salah satu sebab perbezaan kaum. Sebenarnya, pada mulanya undang-undang tersebut adalah suatu langkah untuk membetulkan perbezaan kaum. Dari segi ini ia hanya separuh berjaya. Perlaksanaan undang-undang yang tidak wajar di masa lalu, dan jurang kekayaan ekonomi yang begitu ketara di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu, telah mengakibatkan undang-undang ini menjadi tidak berkesan. Walaupun ada undang-undang, namun perbezaan kaum masih berterusan. Tetapi perbezaan ini akan menjadi lebih buruk jika undang-undang tersebut dimansuhkan. Undang-undang ini telah diadakan oleh kerana kedudukan orang-orang Melayu yang tidak begitu baik, tetapi kedudukan ini telah tidak dapat diperbetulkan dengan sepenuhnya oleh undang-undang ini. Dan sudah tentulah tanpa undang-undang ini kedudukan orang-orang Melayu akan menjadi lebih buruk dan akan memperluaskan jurang perbezaan yang sedia ada.

Satu lagi perbezaan 'perundangan' adalah berkenaan dengan biasiswa dan pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam. Perbezaan ini pada asasnya berhubung dengan pelajaran. Dari segi pelajaran orang-orang Melayu ketinggalan jauh di belakang jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Dengan menatap

keputusan-keputusan sijil persekolahan tiap-tiap tahun sedarlah seseorang itu akan keadaan ini. Penduduk Semenanjung Malaysia terdiri dari 50 peratus Melayu tetapi dari keputusan yang diperolehi itu kejayaan orang Melayu tidak sampai pun 50 peratus. Apa yang lebih buruk ialah orang-orang Melayu yang mendapat gred satu adalah sangat kurang berbanding dengan kaum-kaum lain. Oleh itu, adalah jelas bahawa tanpa apa-apa peruntukan khas, tidak ada peluang bagi pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran lebih tinggi dari sekolah rendah dan mereka tidak akan dapat memperolehi kerja-kerja selain daripada kerja-kerja di peringkat paling rendah di negara ini.

Sebahagian daripada sebab keputusan yang lemah di kalangan pelajar-pelajar Melayu ini ialah kerana kemiskinan yang sangat ketara serta latar belakang desa mereka. Kesan buruk kemiskinan tidak benar-benar difahami oleh kebanyakan orang. Selalunya ibu bapa yang miskin dan tidak berpelajaran, tidak begitu bersedia untuk menjaga anak-anak mereka yang bersekolah. Mereka kurang faham akan nilai pendidikan, bersikap tidak peduli dan tidak mempunyai keyakinan akan keupayaan anak-anak mereka. Ibu bapa seperti ini selalunya gagal untuk memenuhi keperluan-keperluan asas kanak-kanak yang bersekolah. Jika kanak-kanak itu seorang yang bijak maka mungkin dia dapat mengatasi semua kelemahan ini, tetapi bagi seorang kanak-kanak yang biasa, tanpa keperluan-keperluan asas ini, kesan terhadap pelajarannya adalah buruk.

Ibu bapa Melayu yang kurang mengetahui dan kurang berminat, tidak memberi galakan moral yang cukup kepada anak-anak mereka yang bersekolah. Mereka tidak mendorong anak-anak mereka belajar. Mereka juga tidak dapat memberi ruang dan kemudahan yang cukup untuk belajar. Di kawasan desa, mereka tidak langsung menyediakan lampu untuk membolehkan anak-anak mereka belajar di waktu malam. Oleh kerana mereka sendiri tidak berpelajaran, mereka tidak dapat memahami keperluan-keperluan ini, apatah lagi untuk membantu pelajaran anak-anak mereka. Mereka tidak dapat memberi makanan dan jagaan perubatan yang sempurna bila anak-anak itu sakit. Dan sudah tentulah mereka tidak mampu mendapatkan bantuan tambahan bagi pelajaran seperti buku dan munshi bagi anak-anak mereka yang lemah. Malahan keluarga-keluarga

Melayu yang miskin tidak akan mengambil endah untuk menyekolahkan anak-anak mereka kalau tidak kerana diwajibkan oleh Kerajaan.

Salah satu cara yang lebih berkesan mengenai bantuan Kerajaan dalam pelajaran ialah dengan memberi biasiswa. Biasiswa ini diberikan kepada dua kategori pelajar yang berbeza. Pertama biasiswa ini diberi kepada pelajar-pelajar yang bijak. Ini dapat dianggap sebagai hadiah, dan seperti kebanyakan hadiah lain, ia bukan selalu dimenangi oleh orang-orang yang memerlukan-nya. Mereka yang menerima hadiah seperti ini akan berasa seronok dan berpuas hati tetapi mereka yang tidak memenangi-nya tidak akan berasa bahawa mereka itu kekurangan sesuatu. Pelajar-pelajar bijak yang memenangi hadiah ini bukan selalu-nya dari keluarga yang miskin. Adanya pelajar-pelajar yang bijak dari keluarga miskin memanglah satu kekecualian, berdasarkan alasan-alasan yang telah diterangkan sebelum ini. Dalam kemajuan pendidikan sesuatu kaum ataupun negara, biasiswa bentuk ini tidak dapat dikatakan sangat diperlukan.

Satu lagi jenis biasiswa adalah untuk pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan minimum, iaitu mereka yang kurang maju dalam pelajaran disebabkan masalah kewangan. Bagi pelajar-pelajar seperti ini, biasiswa ini memanglah sangat diperlukan. Pemberian seperti ini adalah satu cara untuk menghapuskan kitaran kekejaman hidup. Kemunduran dalam masyarakat moden mengakibatkan kemiskinan. Kemiskinan mengakibatkan rendahnya pencapaian mutu pelajaran. Mutu pelajaran yang rendah pula meneruskan kemiskinan. Putaran ini harus diberhentikan, dan sebuah negara yang kaya seperti Malaysia akan dituduh tidak mempunyai tanggungjawab moral sekiranya ia tidak membantu memajukan pelajaran golongan yang miskin. Biasiswa yang diterima oleh anak-anak Melayu yang miskin adalah wajar dari segi moral dan perlu dari segi sosial. Bagi masyarakat yang mundur di dalam sebuah negara yang sedang membangun, ini adalah langkah untuk mereka maju. Ini juga adalah satu cara untuk membetulkan perbezaan kaum dan meninggikan lagi kedudukan orang-orang Melayu ke tahap orang-orang bukan Melayu.

Soalan yang selalu dikemukakan ialah mengapakah kadar biasiswa yang diberi itu memihak kepada orang-orang Melayu? Bukankah kadar ini merupakan satu manifestasi pilih kasih

sesuatu kaum dan wujudnya perbezaan? Tidak adakah orang-orang Cina dan India yang miskin yang juga patut mendapat biasiswa ini?

Untuk menjawab soalan-soalan ini haruslah diteliti semula sebab-sebab asas mengapa layanan istimewa diberi kepada orang-orang Melayu. Tujuan di sebalik layanan istimewa ini bukanlah untuk meletakkan orang-orang Melayu ke suatu kedudukan yang superior, tetapi adalah untuk menyamakan kedudukan mereka dengan orang-orang bukan Melayu. Di zaman pemerintahan penjajah British dahulu, telah menjadi nyata bahawa orang-orang Melayu bukan sahaja mundur dari segi ekonomi, tetapi mereka juga ketinggalan di bidang pelajaran. Walaupun bilangan murid-murid Melayu di sekolah adalah lebih besar jumlahnya daripada murid bukan Melayu, namun murid-murid ini kebanyakannya hanyalah di dalam sekolah-sekolah rendah bahasa ibunda. Ini adalah kerana pendidikan dalam bahasa ibunda diberi percuma kepada orang-orang Melayu. Pendidikan sekolah rendah ini tidak menolong orang-orang Melayu untuk menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat moden. Malahan sebahagian besar dari orang Melayu sengaja tidak dirancangkan agar menyesuaikan diri dengan kehidupan moden. Kecuali sebilangan kecil, kebanyakan orang-orang Melayu dijangkakan untuk terus tinggal di kampung-kampung dan terus hidup dalam keadaan yang miskin seperti nenek moyang mereka.

Sebaliknya, bagi orang-orang bukan Melayu, oleh kerana kedudukan ekonomi yang lebih baik, mereka telah beroleh keuntungan dari pelajaran menengah yang diperkenalkan oleh orang-orang British. Malahan mereka telah terus mencapai setinggi-tinggi pelajaran mengikut kemampuan kewangan mereka. Benar, bukan semua orang bukan Melayu itu kaya dan mampu memperolehi pelajaran yang baik. Tetapi disebabkan kebanyakan dari mereka itu mampu, maka taraf pelajaran orang Melayu tertinggal jauh kebelakangan dari orang bukan Melayu. Kita tahu sekiranya orang bukan Melayu yang kurang berada, yang kecil bilangannya itu, dibantu untuk mencapai apa yang telah dicapai oleh kaumnya yang lebih kaya, maka jurang perbezaan dalam bidang pelajaran di antara orang Melayu dan orang bukan Melayu sudah tentu akan semakin bertambah besar.

Oleh itu di sini kita lihat bahawa layanan istimewa yang dituntut dalam pemberian biasiswa kepada orang-orang Melayu bukanlah kerana mereka superior. Biasiswa bukanlah manifestasi perbezaan kaum. Ia adalah suatu langkah untuk mengatasi kedudukan orang bukan Melayu yang lebih superior dalam bidang pelajaran. Orang-orang Melayu tidaklah megah dengan layanan ini. Mereka tidak merasa megah dengan 'keistimewaan' dilindungi oleh undang-undang, seperti perlindungan yang diberi kepada orang cacat. Jika boleh mereka ingin menyingkirkan keistimewaan ini, tetapi mereka terpaksa mengeneipkan perasaan bangga disebabkan kenyataan hidup yang tidak dapat dielakkan.

Jika pemberian biasiswa yang berat sebelah ini bukan satu tanda yang cukup mengenai perbezaan kaum, bagaimana pula dengan Perkhidmatan Awam Malaysia? Dalam bidang ini peruntukan dibuat supaya orang-orang Melayu menduduki empat tempat dalam perkhidmatan awam bagi tiap-tiap satu yang diduduki oleh orang-orang bukan Melayu. Ini akan dianggap sebagai meletakkan pentadbiran negara ini di bawah tangan kaum yang berjumlah tidak sampai setengah daripada jumlah penduduk negara ini.

Jika pilihan kerja berdasarkan kaum itu dianggap tidak sihat, maka sudah patutlah kerja-kerja ini diperolehi oleh orang-orang yang paling layak. Perkara yang paling penting ialah satu-satu kerja itu harus dibuat dengan baik. Namun demikian kita semua tahu bahawa ada terdapat keadaan-keadaan tertentu bila mana ia tidak boleh dipakai. Marilah kita teliti akan prinsip di sebalik keadaan-keadaan ini.

Sebelum Merdeka, orang-orang British telah memerintah negara ini dengan baik. Walaupun segala perkhidmatan mereka terhadap penduduk-penduduk yang bukan British bukanlah yang sebaik-baiknya, namun mereka adalah pentadbir yang pakar. Mereka menjalankan kerja dengan efisien. Mereka telah membina suatu perkhidmatan awam yang efisien dan mempunyai badan penguatkuasa undang-undang yang sangat berkesan. Mereka telah berjaya mententeramkan kekacauan yang berlaku di kawasan-kawasan perlombongan bijih timah negeri Perak dan Selangor. Mereka telah menyelesaikan peperangan-peperangan kecil di antara Raja-Raja Melayu dan juga menghapuskan kegiatan lanun. Mereka telah membina

jalan-jalan kereta dan landasan keretapi, dan mengutip cukai yang akhirnya terkumpul di perbendaharaan dan kemudian digunakan untuk membiayai perkhidmatan bagi orang ramai. Mereka adalah orang-orang yang sesuai bagi menjalankan pentadbiran.

Walau bagaimanapun, kita tidak puashati semata-mata kerana kerja-kerja itu telah dijalankan dengan baik oleh orang-orang yang paling sesuai untuk menjalankannya. Kita harus memikirkan martabat kita. Kita mahu memerintah negara kita sendiri. Kita mungkin tidak melakukannya dengan taraf kecekapan yang sama tetapi itu tidaklah penting. Apa yang penting bukanlah semata-mata mencapai kemerdekaan tetapi kita juga mahukan Malayanisasi. Kita menginginiya dengan segera, mengikut satu jangka waktu yang ditetapkan. Implikasinya ialah kita tidak peduli sama ada kerja itu dilakukan dengan baik atau tidak. Apa yang kita kehendaki ialah mengambil alih tugas itu sebab kita adalah orang-orang Tanah Melayu. Dengan lain perkataan, dalam keadaan ini kita mestilah menjalankan diskriminasi untuk kebaikan kita sendiri. Kita nyatakan secara terusterang bahawa pemilihan kerja sepatutnya berdasarkan kepada bangsa. Prasangka bangsalah yang membentuk asas Malayanisasi.

Prasangka ini mungkin terhenti andainya hanya satu masyarakat sahaja yang wujud di negara ini, ataupun jika masyarakat yang berbagai itu sama-sama mampu mengambil peluang Malayanisasi tanpa menyebabkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kerja-kerja yang dikosongkan oleh orang-orang British. Malangnya oleh kerana perbezaan ekonomi yang kemudiannya menyebabkan perbezaan pelajaran masyarakat yang berbagai tadi, maka pekerjaan-pekerjaan kosong akibat dari Malayanisasi hanya dapat diisi oleh satu kaum sahaja. Ini tidak akan menjadi masalah jika terdapat pertalian rapat di antara kaum sebagai penduduk Tanah Melayu. Tetapi orang-orang Melayu lebih banyak bezanya dengan orang-orang Cina dari orang British itu sendiri.

Lebih ramai orang Melayu yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris dari Bahasa Cina. Orang Melayu telah bekerja dengan orang-orang British di dalam pentadbiran Kerajaan, tetapi ini belum pernah berlaku di dalam syarikat-syarikat kepunyaan orang Cina. Bagi orang-orang Melayu, dan negara ini amnya,

adalah tidak munasabah untuk menukarkan pentadbiran British kepada pentadbiran Cina selepas proses Malayanisasi. Kemerdekaan tidak akan ada maknanya kepada orang-orang Melayu sekiranya mereka diperintah oleh orang-orang Cina Tanah Melayu yang lebih banyak perbezaannya dengan mereka, dan yang mempunyai kepentingan yang sering berlawanan dengan kepentingan mereka jika dibandingkan dengan apa yang mereka alami di bawah kekuasaan orang-orang British dahulu. Kemerdekaan itu akan hanya menjadi lebih bermakna jika orang-orang Melayu mempunyai perkongsian di dalam pentadbiran Kerajaan. Oleh itu peruntukan patut dibuat untuk menentukan bahawa pekerjaan diagihkan bukan sahaja berdasarkan kepada kebolehan samata-mata tetapi juga kepada kaum.

Walaupun orang-orang Melayu mahukan pengagihan kerja yang dahulu dipegang oleh orang-orang British dengan cara berat sebelah, mereka tidak sepenuhnya mengenyakan kelayakan. Mereka hanya menuntut tatacara ini digunakan dalam bidang-bidang kerja yang mereka dapat jalankan dengan baik, misalnya dalam perkhidmatan pentadbiran. Tujuan orang-orang Melayu meminta kuota yang agak tinggi dalam perkhidmatan awam adalah supaya mereka tidak tertinggal jauh ke belakang, kerana mereka belum lagi bersedia untuk memasuki bidang lain. Tetapi, walaupun kuota bagi orang Melayu dalam perkhidmatan (awam) Kerajaan itu tinggi, dengan nisbah empat orang Melayu kepada seorang bukan Melayu, namun bilangan orang Melayu masih juga rendah jika dibandingkan dengan peratus orang-orang Melayu di dalam negara ini.

Di Tanah Melayu, orang Melayu terdiri dari 48% penduduk negara ini sementara orang-orang Cina hanya berjumlah 38% sahaja. Tetapi dalam Bahagian I dan II Perkhidmatan Kerajaan, yang secara langsung paling terlibat dalam menentukan arahan dan menjalankan dasar Kerajaan, bilangan orang-orang Melayu hanyalah 1/3 dari jumlah seluruh pegawai kerajaan yang juga bermakna bahawa mereka hanya mendapat 1/3 daripada jumlah seluruh gaji yang dibayar. Oleh itu tidak dapat sama sekali dikatakan bahawa kuota orang-orang Melayu dalam Perkhidmatan Awam (Pentadbiran) menyebabkan atau merupakan perbezaan kaum. Nyatalah bahawa langkah ini

adalah untuk membetulkan keadaan perbezaan kaum yang wujud dan yang mungkin akan berlaku. Pandangan sekali imbas terhadap keputusan tahunan sijil persekolahan pelajar-pelajar di dalam institusi-institusi pengajian tinggi, maka sudah cukup untuk memberi gambaran Perkhidmatan Kerajaan Malaysia tanpa kuota Perkhidmatan Awam. Kemungkinan besar, dengan prasangka perkauman yang nyata sekarang, tidak akan terdapat langsung orang-orang Melayu di dalam perkhidmatan kerajaan tanpa peruntukan kuota. Ini sudah pasti akan merupakan perbezaan kaum paling buruk. Bagi orang-orang Melayu, ini bermakna bahawa proses Malayanisasi adalah satu momokan sebab kerajaan masih lagi seperti kerajaan asing, iaitu kerajaan British dahulu. Apa yang lebih buruk ialah sikap paternalisme orang British itu juga akan luput.

Selain daripada undang-undang Tanah Simpanan Melayu serta sistem kuota bagi biasiswa dan Perkhidmatan Awam, ada lagi undang-undang lain yang kelihatan bersifat diskriminasi bagi kepentingan orang-orang Melayu. Tetapi undang-undang dan dasar yang pada zahirnya seakan-akan mendiskriminasikan ini bukanlah bertujuan untuk memberi kelebihan bagi sesuatu kaum ke atas kaum yang lain. Sebenarnya ia digubal untuk menghalang perkara ini dari berlaku. Undang-undang dan dasar ini, pada peringkat tertentu, telah dapat membetulkan banyak kelebihan-kelebihan yang tidak adil, tetapi walau bagaimanapun langkah tersebut masih belum mencapai hasil dengan sepenuhnya. Bagi mereka yang tinggal di Tanah Melayu ini atau yang sedang datang melawat tentu jelas bahawa persamaan kaum di negara ini tidak wujud. Seperti juga yang berlaku di Amerika Syarikat, walaupun telah ada undang-undang yang menentang diskriminasi namun persamaan kaum masih belum wujud. Undang-undang tidak menjadikan orang ramai itu sama. Ia hanya dapat membolehkan persamaan tercapai. Apa yang mustahak ialah sikap masyarakat itu sendiri dan mereka itu sendiri-lah yang boleh menyamakan diri mereka.

Persamaan kaum dapat dikatakan wujud bukan sahaja apabila tiap-tiap kaum itu sama di sisi undang-undang tetapi cuma apabila tiap-tiap kaum itu diwakili dalam tiap-tiap lapisan masyarakat, di dalam tiap-tiap bidang pekerjaan mengikut kadar peratus mereka dalam jumlah penduduk negara itu. Jika tafsiran persamaan kaum itu betul apakah yang menjadikan perbezaan

kaum itu sangat nyata di Tanah Melayu? Sebelum bidang-bidang tertentu itu dibinhangkan, memang relevan jika gambaran amnya ditinjau dahulu. Gambaran am yang paling nyata ialah penyebaran geografi kaum-kaum di Malaysia. Di bandar terdapat ramai orang bukan Melayu tetapi di desa hampir keseluruhannya orang Melayu. Demografi yang aneh ini sendiri adalah satu bukti perbezaan kaum.

Dalam zaman moden ini kita tahu bahawa negara-negara yang maju adalah negara yang mempunyai urbanisasi yang maksimum. Sewaktu Amerika Syarikat mula membangun, 95 peratus daripada penduduknya terlibat dalam pertanian di kawasan luar bandar. Hari ini hanya 5 peratus sahaja penduduknya yang dapat dianggap benar-benar sebagai penduduk luar bandar. Kekuatan Amerika Syarikat adalah di bandar-bandar, di mana perniagaan dan industri menjadi tulang belakang kesemua perkara yang penting dalam penghidupan kebangsaan dan antarabangsa Amerika. Malahan Soviet Rusia juga telah melalui proses urbanisasi yang sangat pesat. Eropah pula adalah satu contoh di mana kekuatannya terletak kepada bandar dan proses urbanisasinya berlaku lebih lama daripada kawasan-kawasan lain di dunia ini.

Di Tanah Melayu, dengan terdapatnya kebanyakan orang Melayu di kawasan luar bandar dan orang bukan Melayu di bandar, maka berertilah bahawa terdapat perbezaan dalam kemajuan dan perkembangan masyarakat. Sesebuah negara atau masyarakat yang sedang membangun sepatutnya perlahan-lahan melalui proses urbanisasi. Walaupun Tanah Melayu berada dalam satu sistem politik yang sama seperti di bawah pemerintahan British, orang-orang Melayu tidak mengikut aliran pembangunan yang telah menjadi ciri kepada masyarakat pertanian di tempat-tempat lain di dunia ini.

Pentingnya proses urbanisasi dalam kemajuan sesuatu masyarakat terletak kepada organisasi kompleks yang terdapat di bandar-bandar dan di pekan-pekan. Ini menyebabkan penduduk bandar lebih cergas dan berpengetahuan. Sebaliknya, penduduk-penduduk luar bandar menjadi terpisah daripada pengalaman-pengalaman ini dan mereka terikat dengan pola hidup lama yang menjadi ciri kehidupan di luar bandar. Tingkat pengetahuan mereka lebih rendah dan keupayaan untuk berubah adalah terhad. Oleh itu masyarakat luar bandar lebih

statik jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Pendeknya terdapat perbezaan kemajuan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Perbezaan kaum di sini merupakan perbezaan dari segi keka-yaan, perbezaan dari segi peluang dan perbezaan dari segi kemajuan. Dalam usaha mencari sebab perbezaan kaum, kita harus mengambil perkiraan akan pentingnya pengagihan demografi. Ia adalah punca dan juga akibat perbezaan kaum. Dapat diperkatakan bahawa jika pengagihan penduduk di Tanah Melayu sendiri adalah suatu bukti perbezaan kaum, maka orang-orang Melayulah yang patut disalahkan. Jika dipandang sekali imbas seakan-akan nyata bahawa orang-orang Melayu memilih secara sukarela untuk tinggal atau untuk pindah ke kawasan luar bandar. Oleh itu mereka sendiri telah menyebabkan perbezaan kaum dengan menetap di kawasan luar bandar dan menyekat kemajuan mereka sendiri. Sementara kaum-kaum lain berkembang dengan ciri-ciri kemajuan pekan dan bandar, orang-orang Melayu seolah-olah berpuashati untuk memandang sahaja kemajuan berlalu. Pada zahirnya kelihatan seakan-akan tidak satu apa pun menghalang mereka dari berhijrah ke kawasan-kawasan bandar, namun mereka tidak melakukannya.

Adakah semua andaian ini betul? Sudah menjadi perkara biasa bagi orang ramai tertarik hati terhadap kehidupan bandar dan pekan, tetapi adakah orang-orang Melayu terkecuali dari sikap ini? Adakah mereka memilih untuk tinggal di luar bandar dan terus mundur? Untuk menjawab soalan-soalan ini, kita harus melihat pilihan-pilihan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam menentukan tempat tinggal mereka.

Pertama terdapat undang-undang Tanah Simpanan Melayu. Undang-undang ini telah menahan orang-orang Melayu dari kehilangan kesemua tanah mereka dan menjadi penyewa kepada tuan tanah yang bukan Melayu dengan sepenuhnya. Tetapi undang-undang ini tidaklah secara keseluruhannya membawa kebaikan kepada orang-orang Melayu. Kita telah melihat bagaimana undang-undang ini boleh menukar tanah yang tidak dikhaskan kepada tanah simpanan untuk orang-orang bukan Melayu. Oleh kerana dasar kerajaan cenderung untuk menjadikan tanah simpanan bukan Melayu di kawasan bandar, maka orang Melayu walaupun mereka kaya, lebih suka tinggal di

kawasan tanah yang telah disimpan untuk mereka di kawasan luar bandar; tanah yang lebih murah dan senang diperolehi. Biarpun mereka telah mempunyai tanah di kawasan bandar kemudahan mendapatkan tanah murah di kawasan luar bandar yang berhampiran mempengaruhi mereka untuk menjual tanah mereka di bandar itu lalu berpindah ke kawasan luar bandar. Tanah-tanah mereka di kawasan bandar pula lebih tinggi harganya apabila dijual kepada orang-orang bukan Melayu. Jika mereka tidak mahu menjual harta mereka ini, harganya akan dinaikkan supaya timbul keinginan mereka untuk menjualnya. Biarpun sekiranya harta bandar mereka itu di dalam lingkungan simpanan Melayu mereka tetap juga diminta menjualkannya. Orang-orang Melayu ini akan ditunjukkan berbagai cara untuk mengatasi undang-undang dan mereka akan memperolehi keuntungan yang banyak jika mereka berjaya berbuat demikian. Undang-undang Tanah Simpanan Melayu tidak berkesan untuk menentukan agar orang-orang Melayu tinggal di kawasan bandar. Hanya undang-undang yang lebih ketat seperti yang terdapat dalam undang-undang Tanah Simpanan Melayu di Kampung Baharu, Kuala Lumpur, sahaja yang dapat mengekalkan orang-orang Melayu tinggal di kawasan bandar.

Selain daripada undang-undang Tanah Simpanan Melayu ada juga faktor-faktor lain yang menyebabkan orang-orang Melayu meninggalkan kawasan bandar. Salah satu daripada sebabnya ialah kekurangan pekerjaan. Masyarakat bandar adalah masyarakat yang teratur dan menjalankan darjah pengkhususan yang tinggi. Setiap orang mempunyai kerja yang berguna kepada orang lain. Ia mungkin kerja-kerja berhubung dengan perkhidmatan sahaja seperti memandu kereta, lori atau beca, atau sebagai orang gaji. Ia mungkin kerja-kerja menyediakan dan menjual makanan atau barang. Ia mungkin dari segi memberi hiburan atau mengurus kemudahan-kemudahan hiburan. Mungkin apa sahaja asalkan ia boleh mendatangkan hasil untuk membeli makanan dan tempat tinggal. Keadaan di luar bandar adalah sangat berbeza dari ini. Makanan dan tempat tinggal dapat diperolehi dengan percuma. Sekeping tanah yang sekangk kera dan pondok kecil beratap rumbia sudah cukup untuk memenuhi kehendak rohani dan jasmani.

Apakah peluang-peluang kerja bagi orang-orang Melayu di kawasan bandar? Peluang yang terbaik bagi orang-orang

Melayu adalah Perkhidmatan Kerajaan di mana mereka tidak mengalami diskriminasi dan kerja-kerja ini adalah lebih baik gajinya dan lebih tetap kedudukannya. Di luar Perkhidmatan Kerajaan, kerja-kerja yang terbuka bagi orang-orang Melayu hanyalah kerja-kerja lapisan bawah sekali. Misalnya kerja-kerja sebagai pemandu ataupun penarik beca. Mereka juga mungkin boleh mendapat beberapa pekerjaan di firma-firma Eropah yang besar. Selain daripada itu tidak ada tempat kerja lain bagi orang-orang Melayu untuk memperolehi nafkah hidup di pekan dan di bandar. Kedai-kedai Cina dan India tidak mahu mengambil orang Melayu sebagai pekerja. Orang-orang India pula sehingga akhir-akhir ini masih lagi mengimport pekerja-pekerja dari India. Orang-orang Cina pula tidak mahu mengambil orang-orang Melayu sebagai pembantu kedai mereka kerana beberapa sebab. Salah satu di antara sebabnya yang selalu diberi ialah kerana orang-orang Melayu tidak tahu menjual barang-barang. Tetapi orang-orang Melayu juga telah tidak diberi kerja-kerja yang tidak memerlukan apa-apa kemahiran penjualan. Firma-firma dan bank-bank Cina yang moden tidak mahu mengambil pekerja Melayu jangankan sebagai eksekutif, kerani pun tidak. Oleh kerana aktiviti-aktiviti perdagangan di bandar-bandar Tanah Melayu ini adalah di dalam tangan orang-orang bukan Melayu maka diskriminasi yang begini bererti bahawa beribu pekerjaan tertutup kepada orang-orang Melayu. Oleh kerana kerja adalah sangat mustahak kepada penghidupan bandar maka akibat daripada diskriminasi ini orang-orang Melayu yang segelintir tinggal di bandar berpindah ke luar bandar dan ini juga menyekat pemindahan orang-orang Melayu dari luar bandar ke kawasan bandar.

Barangkali jika orang-orang Melayu ingin terus tinggal di kawasan bandar mereka haruslah melibatkan diri dalam perniagaan seperti membuka kedai sendiri dan dengan itu juga boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang Melayu lain. Sekiranya telah diakui bahawa tidak akan timbul integrasi antara kaum dan dalam perniagaan pula akan terus terdapat ruang-ruang yang berasingan, maka kedai-kedai Melayu di kawasan bandar boleh membawa orang Melayu ke bandar. Malangnya untuk memulakan sesuatu jenis perniagaan walau bagaimana kecil sekali pun bukanlah perkara yang mudah. Kedudukan orang-orang Melayu yang ketinggalan

dalam bidang perdagangan dan perindustrian menjadikan usaha-usaha yang begini lebih menyulitkan. Mereka bukan sahaja harus bersaing dengan orang-orang yang mempunyai modal yang lebih besar tetapi juga mereka harus bersaing dengan satu tradisi dan pengalaman perniagaan yang tidak ada tolak bandingnya di negara ini. Mereka terpaksa bersaing dengan orang-orang Cina. Orang-orang Cina mempunyai berbagai organisasi yang saling berpaut untuk menjaga kepentingan perkauman dalam perniagaan. Mereka mempunyai gabungan seniaga (guilds) dan badan pertubuhan di dalam hampir berbagai bidang perdagangan dan juga terdapat Dewan Perniagaan Cina yang sangat kuat. Perdagangan borong hampir keseluruhannya berada di dalam tangan mereka, dan dengan ketiadaan harga tetap serta juga dengan kelonggaran sistem kredit mereka, maka peruncit-peruncit senang sahaja diputarbelitkan.

Ini dan juga beberapa lagi sikap perkauman mereka, menyebabkan orang-orang Melayu yang berani bersaing dengan mereka menghadapi keadaan yang sangat tidak menguntungkan. Peluang untuk terus berkecimpung di dalam bidang perdagangan dan perniagaan yang pesat persaingannya di bandar-bandar adalah sangat minimum biarpun bagi orang-orang Melayu yang berpengalaman dan mempunyai modal yang banyak. Bagi orang-orang Melayu peluang ini tidak ada sama sekali. Hanya segelintir dari mereka yang mungkin terus bertungkus lumus tetapi kebanyakan dari mereka hanya berhenti di peringkat rancangan sahaja. Jika kita anggap cara untuk membandarkan orang-orang Melayu ialah dengan cuma mengadakan syarikat-syarikat Melayu di pekan dan bandar, maka peluang untuk mencapai kejayaan adalah hampir tiada. Hanya dengan satu cara sahaja yang dapat orang Melayu tinggal di bandar, iaitu orang bukan Melayu hendaklah memberhentikan amalan diskriminasi mereka terhadap orang Melayu.

Betapa meluaskah amalan diskriminasi terhadap orang Melayu ini? Dalam bidang perniagaan amalan diskriminasi ini sangatlah luas sehinggakan ianya dianggap sebagai perkara biasa sahaja. Sebuah syarikat Cina sama ada kecil atau besar tidak akan mengambil pekerja-pekerja Melayu kecuali sebagai pemandu, dan tidak siapa yang akan menganggap ini sebagai diskriminasi. Memanglah diakui bahawa pengambilan kerja secara ini

adalah lebih kerana praktisnya dari perkauman. Orang Cina menjalankan perniagaan dalam Bahasa Cina termasuk semua perakaunan dan penyimpanan rekod. Perhubungan-perhubungan perniagaan juga dalam Bahasa Cina. Lagi pula kedai-kedai kecil dikendalikan berdasarkan taat setia pada keluarga yang menjadi asas kepada kejujuran.

Walau bagaimanapun, orang-orang Melayu boleh diambil bekerja jika ada kemahuan berbuat demikian. Kedai-kedai runcit yang biasa boleh mengambil pekerja-pekerja Melayu sebagai jurujual. Mungkin mutu pekerjaan mereka tidaklah sebaik orang-orang Cina, tetapi kedudukan mereka itu tidak akan bertambah baik jika peluang untuk belajar tidak diberi kepada mereka. Pada mulanya mungkin banyak yang tercicir. Namun demikian, patutlah dijangka bahawa sebilangan kecil dari mereka akan berterusan dan berjaya. Firma-firma dan bank-bank Cina yang besar menjalankan perniagaan mereka dalam Bahasa Inggeris, oleh itu tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh mengambil pekerja-pekerja Melayu. Mungkin mereka tidak bekerja setekun orang-orang bukan Melayu. Tuduhan ini mungkin ada asasnya, tetapi tidak mungkin pula keadaan itu seburuk yang diceritakan. Jabatan-jabatan kerajaan dan beberapa buah firma British telah dapat meneruskan perniagaan mereka dengan pekerja-pekerja Melayu. Tidak sepatutnya semua orang-orang Melayu digolongkan ke dalam satu kategori dan diberi pula label 'malas'. Apa yang perlu ialah satu sikap yang lebih liberal dan bersefahaman. Pada suatu masa kelak akan muncul golongan nadi orang-orang Melayu yang telah dapat menyesuaikan diri dan mempunyai kebolehan serta pengetahuan mengenai perniagaan dan perkara-perkara berkaitan. Pengetahuan mereka adalah hampir sama, walaupun tidak sama dengan orang bukan Melayu. Malahan sekarang pun sudah ada orang-orang Melayu yang telah membuktikan kebolehan mereka yang lebih baik dari biasa dalam bidang-bidang yang berjaya mereka masuki.

Perbezaan kaum bukanlah berdasarkan pada asal usul etnik semata-mata tetapi juga ditentukan oleh beberapa ciri yang lain. Ciri-ciri ini adalah sangat mustahak. Bagaimana ciri-ciri ini berkembang adalah suatu perkara lain, tetapi apabila kaum-kaum ini bersaing antara satu sama lain dalam bidang-bidang tertentu, ciri-ciri ini memainkan peranan yang sangat penting.

Orang-orang Yahudi misalnya bukan sahaja mempunyai hidung tinggi dan bengkok tetapi mempunyai naluri yang amat tajam terhadap wang. Orang-orang Eropah pula bukan sahaja berkulit cerah tetapi juga mempunyai sifat ingin tahu yang tidak terbatas. Orang-orang Melayu bukan hanya berkulit kuning langsung tetapi bersifat santai dan toleran. Orang Cina bukan hanya orang-orang yang bermata sepet tetapi secara semula jadi berbakat menjadi pedagang. Kemajuan mereka di seluruh Asia Tenggara menjadi buktinya.

Ciri-ciri yang begini membezakan satu kaum dari yang lain lebih dari faktor-faktor fizikal seperti warna dan fisiognomi. Semua ciri ini terdapat dalam tiap-tiap kaum secara yang nyata atau tidak. Ciri-ciri ini tidak mempunyai makna sehinggalah kaum-kaum yang berbeza ini mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kebakhilan dan kemahiran mengendalikan wang membolehkan orang-orang Yahudi mengawal perdagangan di Eropah. Ini telah membangkitkan perasaan anti Yahudi yang tenggelam timbul di kalangan orang-orang Eropah sejak berzaman-zaman dahulu. Semangat ingin tahu dan dahagakan pengalaman baru, yang menjadi sifat utama orang-orang Eropah, telah membawa mereka menjelajah dan menakluki tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang Asia dan Afrika yang tidak tinggi semangat ingin tahunya. Perasaan toleran dan sikap *laissez-faire* (tidak apa) orang-orang Melayu telah membolehkan orang-orang British menakluki Tanah Melayu tanpa peperangan yang diisytiharkan dan kemudian diikuti dengan kemasukan orang-orang Asia yang bukan Melayu secara beramai-ramai. Ketajaman fikiran dalam perniagaan telah menjadikan orang Cina sebagai orang-orang tengah yang universal di Asia Tenggara. Dapat dilihat bahawa sifat-sifat ini menentukan hubungan antara kaum bila mereka bertemu antara satu dengan lain. Dalam lingkungan kaum yang sama sifat-sifat ini tidak penting kerana hal ini tidak memberi kelebihan atau kekurangan bagi sesiapa. Tetapi apabila kaum-kaum ini bertemu antara satu dengan lain, sifat-sifat ini akan menonjol dan menimbulkan perbezaan etnik.

Untuk membandingkan dengan lebih mendalam lagi tentang perbezaan kaum dan maknanya di Malaysia eloklah kita menyimpang sedikit kepada perkara yang lain. Perkara ini menerangkan mengapa orang-orang Melayu itu tinggal di desa

dan mundur dari segi ekonomi, dan mengapa orang-orang bukan Melayu boleh tinggal di bandar dan maju dari segi ekonomi. Bukanlah kerana keinginan mereka maka orang-orang Melayu tinggal di desa dan hidup dalam kemiskinan. Ini adalah akibat dari pertembungan sifat-sifat perkauman. Orang Melayu bersifat santai dan toleran. Orang-orang Cina terutamanya, rajin bekerja dan licik dalam perniagaan. Bila kedua-dua kaum ini bertemu akibatnya tidak dapat dielakkan. Sebelum kemaraan orang-orang Cina yang mengganas ini, orang-orang Melayu telah berundur ke kawasan-kawasan yang kurang menarik. Kerajaan telah menjangkakan akibat dari persaingan sifat-sifat perkauman ini, oleh itu dengan tergesa-gesa diadakan Tanah Simpanan Melayu yang walaupun menolong orang-orang Melayu tetapi juga menjadi alat yang menentukan orang-orang Melayu terus tinggal di desa.

Perkara ini akan berakhir di situ jika tidak kerana faktor-faktor pendidikan dan politik. Orang Melayu perlahan-lahan melihat perkara ini dari pandangan yang agak berbeza. Mereka, seperti juga orang-orang lain, tidak mahu tinggal di luar bandar dan terus miskin. Mereka mahu menjadi sama seperti orang-orang lain dalam negara ini. Mereka juga mahu tinggal di bandar, mahu kaya dan mahu maju dalam pendidikan. Mereka juga mahu apa yang mereka anggap sebagai hak atau bahagian mereka dalam kemewahan negara ini. Tiada faedahnya menerangkan bahawa kesalahan itu letaknya pada sifat-sifat mereka. Tiada faedah juga mengatakan kepada mereka bahawa semua langkah yang dapat diambil untuk menolong mereka telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Selagi mereka tidak mendapat bahagian yang sama dan selagi ada perbezaan kaum, mereka tidak boleh mengeneipikan atau membiarkan faktor dan amalan-amalan yang menghindar cita-cita unggul mereka untuk mendapatkan tempat di negara ini. Bagi mereka, apa yang akan sentiasa menyebabkan mereka mundur ialah diskriminasi di bidang perniagaan dan perusahaan. Mereka tidak diberi peluang seperti orang-orang lain yang merdeka. Memang benar bahawa Kerajaan sedang melakukan segala yang boleh, tetapi dengan usaha Kerajaan sahaja tidak cukup untuk mewujudkan persamaan kaum. Rakyat juga haruslah mengamalkan persamaan kaum sebelum ia dapat menjadi satu kenyataan. Untuk mengamalkan persamaan kaum rakyat haruslah menghapuskan

amalan sistem diskriminasi dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Diskriminasi ini bukan sahaja mengakibatkan perbezaan kaum, tetapi dengan menyisihkan orang-orang Melayu dari kawasan bandar akan meneruskan dan menekankan lagi perbezaan kaum.

Bagaimanakah pula dengan mengekalkan orang-orang Melayu di desa akan menerus dan memperkukuhkan lagi perbezaan kaum? Saya telah menjelaskan bagaimana orang-orang bandar lebih sofistikated daripada orang-orang desa disebabkan pengalamannya yang berbagai di bandar. Tetapi bukan pengalaman dan latar belakang sahaja yang telah memajukan orang-orang bandar. Berbagai faktor lain juga, secara langsung dan tidak langsung, bertanggungjawab bagi keadaan ini.

Kebanyakan sekolah-sekolah yang baik terdapat di bandar. Di Tanah Melayu, walaupun ada berbagai usaha kerajaan untuk memberi kemudahan yang sama tarafnya kepada kawasan-kawasan desa, namun telah menjadi kenyataan hingga kini bahawa kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar lebih berpeluang untuk memasuki sekolah yang lebih baik jika dibandingkan dengan kanak-kanak desa. Sekolah-sekolah yang ternama pula didapati di bandar-bandar besar yang hampir keseluruhan penduduknya terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Guru-guru yang baik dan kemudahan-kemudahan serta alat bantu mengajar yang baik terdapat di sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu sudah tentulah belanja persekolahan di sekolah-sekolah ini lebih mahal dan di luar kemampuan kebanyakan orang-orang Melayu yang tinggal di pekan dan bandar.

Di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang, hampir keseluruhan murid di sekolah-sekolah yang terbaik terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Sekolah-sekolah yang baik tidak dapat diwujudkan dalam waktu yang singkat. Sekolah-sekolah yang baik di bandar mempunyai tradisi-tradisi yang beratus tahun lamanya. Bangunannya kukuh dan besar. Kawasan tempat bermain teratur dan terjaga. Guru-guru terdiri daripada yang terbaik dan berdedikasi. Dan keputusan tahunan menunjukkan kecemerlangan murid-murid dari sekolah-sekolah ini. Dari sekolah-sekolah inilah lahirnya pelajar-pelajar yang telah dan akan menduduki kelas yang istimewa dalam masyarakat

Malaysia. Mereka akan menjadi doktor, peguam, arkitek dan ahli-ahli profesional yang lain. Mereka akan jadi pengarah dan usahawan. Mereka akan menjadi pemimpin di masa hadapan. Dengan sifat mereka yang agresif serta pula berpengetahuan luas dan sangat memahami akan selok-belok dunia, maka mereka mempunyai kebolehan yang cukup untuk menyisihkan rakan sebaya mereka yang di desa, biarpun rakan sebaya ini mempunyai kelulusan yang sama.

Masalah persekolahan ini akan berterusan hingga ke kolej dan universiti. Oleh kerana terdapat latar belakang pendidikan yang berbeza di antara berbagai kaum, maka tidaklah hairan jika pengajian tinggi akan menguat dan meneruskan lagi perbezaan kaum di negara ini. Kolej-kolej dan Universiti Malaya selalu menuntut kebebasan daripada campurtangan politik. Mereka mahu dan telah pun mendapat kebenaran untuk memilih pelajar-pelajar mereka tanpa mengambil perkiraan akan kehendak politik negara ini. Mereka mendakwa bahawa sebagai institusi pengajian mereka hanya mengambil berat tentang kelayakan dan taraf akademik. Mereka tidak ambil kira tentang asal usul kaum. Mereka tidak menjalankan diskriminasi. Dan hasilnya ialah diskriminasi. Latar belakang pendidikan, seperti yang telah kita nyatakan tadi, selalunya memberi kelebihan kepada penduduk-penduduk bandar, dan ini bererti penduduk-penduduk bukan Melayu. Orang-orang inilah yang tahun demi tahun mendapat keputusan-keputusan yang baik. Merekalah orang-orang yang beroleh keistimewaan di dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah yang terbaik. Hasil keistimewaan ini membawa mereka kepada keistimewaan yang lebih besar di kolej-kolej dan di universiti.

Di Malaysia terdapat lebih ramai kanak-kanak sekolah rendah Melayu daripada bukan Melayu. Di sekolah menengah kelebihan ini berkurangan, iaitu kanak-kanak Melayu di sekolah menengah lebih sedikit daripada yang bukan Melayu, terutama sekali di sekolah beraliran Inggeris. Tetapi dalam institusi pengajian tinggi, pola perbezaan kaum untuk masa hadapan telah mula terbentuk. Kolej-kolej dan institusi-institusi, sama ada di dalam atau di luar negeri, mempunyai lebih ramai penuntut bukan Melayu daripada penuntut Melayu.

Kita boleh menyatakan bahawa institusi-institusi pengajian tinggi tidak dapat menyeleweng dari matlamat mereka, iaitu

*raison d'être* mereka. Kepentingan mereka ialah pelajaran bukan masalah perkauman. Mereka hanya memilih mengikut kebolehan. Sekarang marilah kita kaji keadaan negara-negara lain. Adakah kebolehan pelajaran sahaja yang menjadi kriteria ulung untuk kemasukan ke universiti? Tidakkah terdapat syarat-syarat tertentu negara tersebut yang mempengaruhi kemasukan ke sesebuah kolej atau universiti?

Di Amerika Syarikat, selepas Perang Dunia Kedua, universiti terpaksa menerima bekas-bekas tentera yang ingin memasuki mana-mana universiti. Asas diskriminasi untuk menampung bekas-bekas tentera ini bukan sahaja untuk menghargai jasa mereka tetapi adalah kerana peperangan telah menjadi penghalang kepada askar-askar ini. Peperangan telah memaksa askar-askar ini berhenti daripada mendapat pelajaran biasa yang mungkin boleh membawa sebilangan dari mereka ke peringkat universiti. Oleh sebab pada masa itu tidak ada cara untuk membezakan mereka yang boleh ke universiti dengan yang tidak boleh, maka setiap bekas tentera diberi layanan seolah-olah mereka mempunyai potensi untuk mendapat pelajaran tinggi. Tidak dapat disangkal bahawa jika tidak kerana mereka dianggap veteran peperangan, sebahagian besar daripada mereka tidak mungkin dapat memasuki universiti-universiti. Tetapi apa yang hendak dinyatakan di sini ialah oleh kerana adanya peluang yang diberi kepada mereka maka setengah dari mereka yang tidak begitu baik telah juga memperolehi kejayaan. Bukankah hujah seumpama ini berlaku juga di Malaysia?

Bukanlah tujuan di sini untuk memperkecilkan negara-negara lain, tetapi nyata kepada sesiapa sahaja yang ingin mengkajinya, bahawa taraf akademik di setengah-setengah negara tidaklah begitu tinggi, sekadar memenuhi syarat minimum sahaja. Bagi negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan, kebanyakannya telah berebut-rebut menubuhkan universiti-universiti baru. Universiti-universiti nasional ini cuba memenuhi kehendak-kehendak negara baru itu dan telah juga mengambil kira keadaan-keadaan yang terdapat di negara mereka. Jika taraf pelajaran di negara baru itu rendah, maka universiti nasional mereka akan menerima masuk sesiapa sahaja yang telah mencapai gred yang ditentukan. Tetapi jika taraf mereka itu tinggi, maka dengan mencapai gred itu sahaja tidaklah cukup. Malah mereka haruslah memperolehi gred yang baik pula. Dengan lain per-

kataan, walaupun terdapat ramai bilangan pelajar yang telah mempunyai kelayakan asas yang cukup untuk memperoleh pelajaran universiti, tidak semua dari mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang hanya mempunyai kelulusan minimum tetapi mempunyai bimbingan yang cukup juga boleh mencapai taraf yang tinggi. Keupayaan untuk menimba pengetahuan bukanlah mengikut kadar yang sama seumur hidup. Demikian juga dengan cara memberi gred kepada keupayaan pembelajaran seseorang itu, ia bukanlah sentiasa betul. Dari itu mungkin mereka yang tercicir juga boleh mengatasi pelajar-pelajar yang telah berjaya.

Sebelum mencapai kemerdekaan, negara Congo (Zaire) hampir tidak mempunyai seorang pun mahasiswa universiti. Semua dianggap tidak mempunyai potensi. Ini adalah kerana taraf yang dicapai oleh orang-orang Congo di dalam pelajaran rendah dan menengah tidak menunjukkan keupayaan untuk mencapai pelajaran tinggi. Tetapi sejak kemerdekaan, Universiti Nasional mereka dan juga universiti-universiti luar negeri telah menerima pelajar-pelajar Congo yang mempunyai gred yang rendah dari apa yang selalunya diperlukan oleh universiti. Sejak kebelakangan ini bilangan orang-orang Congo yang memperoleh ijazah universiti telah makin bertambah dengan pesatnya. Jika sekiranya universiti-universiti itu berpegang teguh untuk menjaga taraf masing-masing, maka pasti kebanyakan daripada orang-orang Congo tidak berpeluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi. Sekiranya kemasukan ke universiti hanya berdasarkan kepada peperiksaan persaingan dengan, katakanlah, bekas penjajah mereka, tidak mungkin ada orang Congo yang akan mendapat pelajaran universiti. Ini adalah satu contoh di mana pelajaran tinggi dibentuk untuk memenuhi keperluan dan mengikut keadaan yang terdapat dalam sesebuah negara.

Sekarang marilah kita perhatikan keadaan di Malaysia. Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang unik. Malahan orang-orang Negro di Amerika lebih senang diintegrasikan dengan orang-orang kulit putih jika dibandingkan dengan berbagai kaum yang terdapat di Malaysia yang sukar untuk bersatupadu. Orang-orang Negro beragama Kristian. Mereka bertutur dalam bahasa yang sama dan pada asasnya

mempunyai adat yang serupa dengan orang-orang kulit putih. Perkahwinan campuran selalunya berlaku. Tetapi di Malaysia pembahagiannya bukan sahaja berdasarkan semata-mata kepada etnik, budaya, keupayaan, bahasa dan ekonomi tetapi juga seperti yang kita lihat sebelum ini, dari segi pendidikan juga. Orang-orang Melayu yang tinggal di desa dan lebih miskin tidak banyak berpeluang untuk mendapat pelajaran sekolah rendah dan menengah jika dibandingkan dengan orang-orang bukan Melayu yang lebih kaya dan tinggal di bandar. Tiap-tiap tahun keputusan-keputusan peperiksaan menunjukkan perbezaan yang meruncingkan di antara kedua-dua kaum ini. Walaupun telah dijalankan berbagai usaha, kesan pengalaman dan latar belakang beberapa generasi tidak dapat sama sekali dihapuskan untuk menghasilkan persamaan peluang bagi kemajuan semua kaum. Untuk beberapa tahun akan datang kelayakan pelajaran tinggi orang-orang Melayu secara puratanya adalah akan tertinggal di belakang kaum-kaum yang lain. Dalam keadaan yang begini persaingan yang biasa di antara pemohon-pemohon untuk memasuki universiti dan kolej, sama ada dalam negeri ataupun luar negeri, tentu sahaja tidak menguntungkan orang-orang Melayu. Di dalam tiap-tiap kursus pengajian, jika tempat yang kosong kurang daripada bilangan pemohon-pemohon, maka orang-orang Melayu tidak akan diterima masuk ataupun hanya sebilangan kecil sahaja akan diterima. Jika perbezaan di antara tempat-tempat kosong dan bilangan pemohon-pemohon adalah besar maka peluang orang-orang Melayu menjadi semakin kecil untuk mendapat tempat di universiti. Apabila peluang untuk membaiki kedudukan mereka adalah terhad, maka peluang mereka untuk mengalami proses urbanisasi juga terhad. Seperti yang telah dijelaskan tadi, jika kurang orang-orang Melayu tinggal di bandar maka semakin besarlah perbezaan kaum.

Sebagai satu contoh, lihat sahajalah Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Tiap-tiap tahun fakulti ini mempunyai tempat yang terhad bagi pelajar-pelajar untuk mengambil ijazah perubatan di universiti tersebut. Setiap tahun pelajar-pelajar yang terbaik di negara ini memohon untuk mengikuti kursus perubatan. Tiap-tiap orang pelajar ini harus mempunyai kelayakan asas untuk menjadi seorang doktor. Pengalaman di berbagai tempat telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar

yang mempunyai kelayakan yang minimum, jika diterima masuk dalam Fakulti Perubatan dan diberi latihan yang sempurna, akan akhirnya lulus sebagai seorang doktor. Tetapi oleh kerana tempat-tempat yang terhad, maka hanya yang terbaik sahaja dapat diterima. Dan oleh kerana pelajar-pelajar Melayu yang selalunya dari desa atau dari sekolah-sekolah yang inferior di bandar, selalunya secara purata mempunyai keputusan yang lebih lemah, maka lazimnya segelintir sahaja yang mempunyai keputusan yang baik dan mendapat tempat di antara pelajar-pelajar yang dipilih untuk mengikuti latihan perubatan. Persaingan untuk mendapat latihan perubatan selalunya tidak menguntungkan orang-orang Melayu di negara ini. Sekiranya tidak ada persaingan orang-orang bukan Melayu, sudah pasti kesemua pemohon-pemohon Melayu diterima. Tetapi pelajar-pelajar bukan Melayu yang mempunyai keputusan peperiksaan yang lebih baik, dicapai melalui persekolahan dan latar belakang yang lebih baik, akan memenuhi tempat-tempat kosong yang ada dan dengan itu menyekat bilangan orang-orang Melayu menjadi doktor mengikut bahagian peratus penduduk Melayu di negara ini. Elok juga dinyatakan di sini bahawa sebahagian besar dari calon-calon bukan Melayu yang tidak berjaya memasuki Universiti Malaya akan mengikuti kursus perubatan di India atau lain-lain negara kerana mereka berkemampuan berbuat demikian. Ini sudah tentu akan menambahkan perbezaan bilangan doktor dalam setiap kaum.

Apa yang berlaku dalam Fakulti Perubatan juga berlaku dalam kursus-kursus profesional yang lain. Malahan dalam Fakulti Sastera pun bilangan orang-orang bukan Melayu lebih ramai daripada orang-orang Melayu. Oleh itu jurang pelajaran di antara orang Melayu dan bukan Melayu menjadi lebih besar lagi oleh sebab orang-orang yang bertanggungjawab mengenai pelajaran tinggi mempercayai bahawa kenyataan politik dan sosial yang terdapat di negara ini tidak bersangkutan paut dengan apa yang mereka katakan pengejaran pengetahuan.

Oleh itu pelajaran tidak menjadi alat untuk mencapai persamaan kaum, tetapi sebaliknya meneruskan dan juga memperkukuhkan perbezaan kaum. Kemiskinan dan kekurangan pekerjaan di kawasan bandar telah menjadikan orang-orang Melayu tinggal di desa. Oleh kerana miskin dan tinggal di desa,

orang-orang Melayu semakin kebelakangan di dalam bidang pelajaran menengah dan rendah jika dibandingkan dengan orang-orang bukan Melayu. Pelajaran menengah yang lemah telah menyekat orang-orang Melayu daripada memperolehi kerja-kerja yang lebih baik atau menjadi ahli-ahli profesional. Kekurangan pekerjaan dalam bidang-bidang profesional menyisihkan orang-orang Melayu ke kawasan-kawasan desa dengan kemiskinan yang akan membawa pelajaran yang rendah mutunya. Inilah yang menjadi kitaran kekejaman hidup.

Peluang-peluang pekerjaan bagi orang-orang Melayu sangat terhad kerana adanya diskriminasi di bidang perdagangan dan perniagaan yang dikawal oleh orang-orang bukan Melayu. Di dalam perkhidmatan kerajaan tidak ada diskriminasi yang sedemikian. Di dalam bidang yang tidak ada diskriminasi ini kekurangan pelajaran di kalangan orang-orang Melayu tidak diambil kira. Pelajaran yang terhad di kalangan orang Melayu juga telah menyebabkan lebih ramai orang-orang bukan Melayu dari orang-orang Melayu dalam Bahagian I dan II perkhidmatan kerajaan. Ini berlaku walaupun terdapat kuota 4:1 memberat kepada orang Melayu dalam Perkhidmatan Awam.

Pelajaran profesional dan teknikal bagi orang-orang Melayu adalah jauh terkebelakangan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Hakikat ini bukanlah sentiasa demikian. Di Kedah, sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat lebih ramai pelajar-pelajar kejuruteraan Melayu, dalam semua gred, berbanding dengan yang bukan Melayu. Jika rancangan kerajaan Kedah tidak terganggu oleh peperangan, orang Melayu pasti telah mengambil alih semua jawatan kejuruteraan yang dipegang oleh orang-orang British di dalam Jabatan Kerja Raya Kedah.

Selepas peperangan, kedudukan orang-orang Melayu telah terbalik. Pintu untuk memasuki perkhidmatan kerajaan telah dibuka luas kepada orang-orang bukan Melayu dan, dengan pelajaran yang lebih baik, mereka telah memperolehi kelayakan yang diperlukan untuk memenuhi kesemua kerja-kerja baru yang timbul oleh kerana kemajuan yang pesat di Tanah Melayu selepas perang. Dengan itu kita dapati bahawa walaupun jawatan-jawatan tertinggi dipegang oleh orang-orang Melayu, tetapi jawatan-jawatan lain kebanyakannya dipegang oleh orang-orang bukan Melayu. Dalam sedikit masa lagi, oleh kerana proses persaraan, akan hapuslah orang-orang Melayu

yang memegang jawatan-jawatan tinggi.

Oleh kerana kebanyakan daripada jawatan-jawatan Bahagian I dan II adalah jawatan teknikal, maka jumlah bilangan orang-orang Melayu yang menduduki jawatan ini lebih kecil jika dibandingkan dengan penduduk Melayu yang terdapat di negara ini. Jika suatu kajian mengenai alirarah diadakan, ia akan menunjukkan bahawa nisbah ini dapat diperkurangkan.

Tetapi bagaimana pula dengan kerja gred-gred rendah dalam perkhidmatan kerajaan? Tentu terdapat cukupnya orang-orang Melayu yang berkelayakan untuk memenuhi sebahagian besar jawatan-jawatan ini. Kerajaan tidak mengeluarkan perangkaan mengenai perkara ini, tetapi kajian tentang perkhidmatan pelajaran dan perkhidmatan perubatan boleh memberi gambaran yang sebenar.

Salah satu daripada pencapaian hasil dari kemerdekaan ialah perkembangan dalam perkhidmatan pelajaran. Untuk memenuhi perkembangan ini berbagai institusi telah ditubuhkan untuk melatih guru. Kerajaan telah terus mengendalikan 'Kirby College' dan 'Brinsford Lodge Teachers Training College' yang telah diperbesarkan selepas merdeka. Serentak dengan itu Pusat Latihan Harian dan sekolah-sekolah serta institusi latihan guru yang lain telah ditubuhkan di Tanah Melayu.

Institusi-institusi latihan guru telah dibuka kepada semua kaum kecuali Maktab Perguruan Sultan Idris dan Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka. Tiap-tiap tahun terdapat ramai calon yang berkelayakan memohon untuk memasuki maktab-maktab ini. Oleh kerana bilangan pelajar bukan Melayu yang mempunyai gred yang tinggi lebih dari bilangan tempat dan biasiswa untuk pengajian tinggi, maka terdapat ramai pemohon-pemohon bukan Melayu yang berkelayakan lebih dari yang diperlukan telah memohon pula untuk memasuki maktab perguruan. Kesan dari pemohon yang berlebihan ini mengurangkan peluang orang-orang yang mempunyai kelayakan sekadar yang cukup. Oleh kerana bilangan orang-orang Melayu yang berkelayakan telah mendapat kerja di tempat-tempat lain, maka hanya sebilangan kecil sahajalah orang-orang Melayu yang dapat masuk ke maktab-maktab perguruan atau Pusat-pusat Latihan Harian sebab kebanyakan daripada mereka hanya mempunyai kelayakan yang minimum dan tidak dapat bertanding dengan pemohon-pemohon bukan

Melayu yang berkelayakan lebih dari yang dikehendaki.

Lama-kelamaan, akibat dari apa yang dikatakan, pemilihan berdasarkan kepada kebolehan adalah untuk menjadikan jawatan guru di sekolah-sekolah, selain dari sekolah vernakular Melayu (disalah-namakan — Sekolah Kebangsaan), bertambah kekal bagi orang-orang bukan Melayu. Kecenderungan yang sama terus berlaku di dalam jawatan-jawatan Bahagian III yang mencerminkan perbezaan peluang bagi orang-orang Melayu. Jika dilihat kepada keputusan peperiksaan tahunan, maka ia akan menunjukkan mengapa perkara ini telah berlaku sedemikian rupa dan akan terus berlaku. Kita juga telah ketahui akan sebab-sebab orang Melayu mendapat keputusan lemah dalam pelajaran. Kitaran kekejaman hidup juga bergerak dengan keputusan yang dapat diramalkan di dalam perkhidmatan pelajaran.

Perkhidmatan jururawat dahulunya hanya mempunyai satu kategori. Kategori ini bermula dengan jururawat pelatih yang selepas menjalankan latihan akan menjadi jururawat terlatih dan boleh dinaikkan pangkat sehinggalah ke Ketua Matron. Di masa penjajahan British dahulu ini hanya pada teori sahaja tetapi kini ia sudah menjadi satu kenyataan.

Sejak mula lagi perkhidmatan jururawat mempunyai hanya sebilangan kecil orang-orang Melayu. Tidak ada diskriminasi yang berlaku terhadap mereka, tetapi prasangka mereka sendiri dan juga kurangnya gadis-gadis Melayu memperolehi kelayakan asas yang telah menghalang mereka untuk memasuki perkhidmatan Jururawat. Dalam tahun-tahun selepas perang, kebanyakan prasangka telah pun diatasi, tetapi bilangan gadis-gadis Melayu yang mempunyai kelayakan prasyarat masih lagi kecil dan tidak memberi kesan bagi perkhidmatan tersebut.

Sebelum Merdeka satu kategori baru jururawat dalam grad yang lebih rendah telah diwujudkan. Mereka ini dipanggil penolong jururawat dan tidak perlu memiliki kelayakan yang sama seperti jururawat biasa. Ini telah menambahkan lagi bilangan gadis-gadis Melayu yang boleh memohon untuk memasuki perkhidmatan tersebut. Tetapi kemajuan mereka di dalam lapangan baru ini tidak tahan lama.

Oleh kerana bilangan jawatan kosong dalam perkhidmatan jururawat biasa tidak dapat memenuhi kehendak gadis-gadis bukan Melayu yang mempunyai kelayakan yang perlu, maka

terdapat sekali lagi jawatan penolong jururawat itu dibanjiri dengan pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan yang lebih daripada yang diperlukan. Tidak berapa lama kemudian bilangan mereka ini telah bertambah hingga menyebabkan penurunan syarat kelayakan itu gagal untuk memberi peluang kepada gadis-gadis Melayu yang kurang berkelayakan untuk menjadi penolong jururawat. Pengambilannya kini sering mengikut kadar seorang Melayu bagi 20 orang bukan Melayu.

Jadi, peluang orang Melayu dalam jawatan Bahagian IV ini juga semakin sempit. Apa yang boleh dikatakan terhadap jawatan penolong jururawat ini boleh juga dikatakan terhadap beberapa kategori pekerja Kerajaan. Persaingan yang berdasarkan apa yang dikatakan kebolehan atau merit beransur-ansur menysihkan orang-orang Melayu dari semua bidang perkhidmatan kerajaan. Kini peringkat penyisihan orang-orang Melayu berbeza mengikut negeri. Negeri-negeri yang dahulunya dikatakan Negeri-negeri Tidak Bersekutu masih lagi mempunyai jumlah orang-orang Melayu yang agak ramai. Kadar orang-orang Melayu adalah lebih rendah di dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan yang paling rendah sekali ialah di dalam Negeri-negeri Selat. Apabila negeri-negeri ini disatukan, mobiliti pemohon-pemohon bukan Melayu tidak dapat disekat dari memasuki negeri-negeri yang mempunyai penduduk-penduduk Melayu yang ramai. Lama-kelamaan dapatlah kita anggap bahawa kekurangan peluang bagi orang-orang Melayu akan menjadi sama di seluruh Semenanjung Malaysia.

Masih ada sebilangan kecil kerja-kerja yang boleh didapati oleh orang Melayu, umpamanya jawatan seperti askar dan polis biasa. Terdapat juga agensi-agensi bagi bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat, FAMA dan Bank Bumiputera yang dengan terang-terang memberi keutamaan kepada orang Melayu. Dan ada kumpulan pekerja pejabat yang menjadikan pejabat-pejabat kerajaan di Kuala Lumpur kelihatan seperti pejabat Melayu. Mereka ialah budak-budak pejabat yang memakai pakaian Melayu yang diringkaskan.

Apa yang telah dihuraikan tadi ialah satu perkara yang asas dan nyata. Dari perbezaan peluang yang begini muncullah perbezaan-perbezaan lain seperti perumahan yang tidak sempurna bagi orang-orang Melayu jika dibandingkan dengan rumah-rumah bukan Melayu, kesihatan yang kurang baik di

kalangan orang Melayu jika dibandingkan dengan kecergasan orang-orang bukan Melayu, kadar kematian bayi yang tinggi di kalangan orang-orang Melayu berbanding dengan bukan Melayu dan kekurangan simpanan dan modal di kalangan orang-orang Melayu jika dibandingkan dengan orang-orang bukan Melayu.

Senarai ini tidak akan habis. Sekatan-sekatan perbezaan peluang akan diperkukuhkan dan akan bertambah dengan tiap-tiap perbezaan yang wujud di antara orang Melayu dan bukan Melayu. Dan perbezaan yang paling buruk ialah perbezaan meluahkan perasaan dan pendapat. Oleh kerana berpelajaran rendah, bersopan santun dan tidak boleh bergerak disebabkan kurang bebas dalam memilih pekerjaan, maka orang-orang Melayu tidak dapat menyatakan isi hati mereka dengan jelas. Dengan lidah yang kelu, orang-orang Melayu melihat sahaja dengan kecewa sementara orang-orang bukan Melayu menuduh mereka, yang sudah hampir tidak mempunyai apa-apa, menghalang peluang-peluang untuk orang lain, mengamalkan diskriminasi terhadap orang-orang bukan Melayu dan menguasai politik. Suatu kejadian yang berlaku baru-baru ini menunjukkan betapa tidak munasabahnyanya tuduhan-tuduhan terhadap orang Melayu. Oleh kerana hendak menunjukkan bahawa ia mengikut saranan-saranan Kerajaan, salah sebuah firma rokok yang besar di Malaysia yang menggunakan nama sebuah firma di London yang terkenal telah melantik seorang Melayu sebagai Pengerusi Lembaga Pengarahnya dan juga telah mengambil sebilangan kecil orang-orang Melayu untuk bekerja sebagai pekebun, pemandu dan pekerja-pekerja kilang yang tidak mahir. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja firma ini, termasuk pegawai-pegawai eksekutif, kerani dan pekerja-pekerja mahir adalah orang-orang bukan Melayu.

Tiba-tiba ada suatu khabar angin menyatakan bahawa firma ini telah membuang pekerja-pekerja Cina dan menggantikan mereka dengan pekerja-pekerja Melayu. Dengan tidak menunggu kepastian khabar angin ini, peruncit-peruncit firma rokok tadi yang 95 peratus darinya terdiri daripada orang Cina telah melancarkan pemulauan. Sebenarnya tidak ada satu pun arahan yang diberi oleh mana-mana organisasi yang bertanggungjawab. Pemulauan ini telah dijalankan dengan cara menyampaikannya dari mulut ke mulut hinggalah tersebar ke

seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam masa seminggu firma ini telah merasai kesannya. Belum pun sebulan, keadaan menjadi begitu buruk hinggalah firma tersebut terpaksa meminta pertolongan daripada pengedar-pengedar Cina dan Dewan Perniagaan Cina. Firma ini telah dipaksa untuk menerima kumpulan-kumpulan Cina, satu demi satu, datang memeriksa sendiri sebelum mereka menyatakan tuduhan itu tidak berasas dan menyeru ditamatkan pemulauan itu.

Mungkin terlintas di fikiran seseorang bahawa orang-orang Melayu pasti akan membuat bantahan terhadap sikap anti-Melayu yang dilakukan secara terang-terang. Tetapi malangnya tidak berdecit sedikit pun suara mereka ketika peraturan dibentuk supaya orang-orang Cina tidak boleh digantikan oleh orang-orang Melayu, biar apa pun syaratnya. Ini adalah kemenangan mutlak bagi orang-orang Cina. Dengan itu gudang-gudang dan syarikat-syarikat hendaklah berjaga-jaga agar tidak menimbulkan kemarahan orang-orang Cina sekiranya mereka mahu perniagaan mereka itu terus baik.

Hanya persamaan kaum sahajalah yang dapat menjadi asas harmoni kaum di dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Untuk mewujudkan persamaan kaum perlu difahami apa sebenarnya makna persamaan kaum itu. Di Malaysia, kenyataan yang setiap kaum itu merasai mereka didiskriminasi oleh kaum lain menjadi satu bukti bahawa persamaan kaum tidak betul-betul difahami.

Kedudukan orang-orang Melayu telah diterangkan secara panjang lebar. Bagi orang-orang bukan Melayu asas tidak puas hati dan kemarahan mereka ialah wujudnya undang-undang dan dasar-dasar yang nampaknya memihak kepada orang-orang Melayu, dan seolah-olah menjadikan orang-orang bukan Melayu warganegara kelas kedua. Andainya undang-undang ini adalah seperti yang difikirkan oleh orang-orang bukan Melayu, maka dapatlah dianggap bahawa ini adalah sekatan-sekatan yang tipis dalam usaha untuk mencapai keharmonian dan persamaan kaum. Ia hanya memerlukan beberapa keping kertas dan ucapan 'setuju' dalam majlis perundangan tertentu untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tadi.

Tetapi adakah dengan memansuhkan undang-undang tadi dengan sewenang-wenang akan mewujudkan persamaan dan keharmonian kaum di Malaysia? Jika apa yang dikatakan setakat

ini sedikit sebanyak ada kebenarannya, maka nampaknya dengan memansuhkan undang-undang yang dikatakan membawa diskriminasi tadi bukan sahaja akan menyebabkan gagalannya mewujudkan persamaan kaum tetapi ini juga akan menambahkan lagi jurang dan perbezaan di antara kaum. Orang-orang Melayu berpendapat bahawa diskriminasi itu bukanlah timbul dari undang-undang yang dibuat oleh manusia tetapi tingkah laku manusia yang semulajadi.

Telah dijelaskan bahawa tiap-tiap kaum dapat dibezakan bukan sahaja dari segi warna, fisiognomi, bahasa dan kebudayaan tetapi juga oleh sifat-sifat mereka. Sifat semula jadi kaum adalah punca mengapa orang-orang Jepun dan orang-orang German pulih dengan cepatnya selepas kalah dalam Perang Dunia Kedua. Sifat kaum juga dapat menerangkan mengapa orang British memberi layanan yang tidak kejam ke atas orang-orang German dan orang-orang Jepun walaupun terdapat berbagai perbuatan kejam yang dilakukan oleh kedua-dua pihak semasa berperang. Pembangunan Amerika Selatan tertinggal di belakang Amerika Utara, walaupun mereka itu mempunyai sumber-sumber yang kaya, kerana orang Eropah Selatan yang telah menakluki Amerika Selatan mempunyai tingkah laku dan sifat yang berbeza dari orang Eropah Utara yang telah menakluki Amerika Utara. Kejayaan cemerlang Afrika Selatan jika dibandingkan dengan negara-negara Afrika yang lain adalah hasil daripada perbezaan sifat kaum di antara pendatang-pendatang Afrika yang berkulit putih dengan pribumi Afrika yang berkulit hitam.

Sifat dan tingkah laku kaum tidak dapat ditukar dalam sekelip mata dengan undang-undang yang dibuat oleh manusia. Bagaimanapun perubahan sifat dan tingkah laku kaum tidaklah mustahil. Misalnya tatasusila di zaman pertengahan tidaklah sama seperti apa yang terdapat sekarang. Toleran beragama yang pada satu masa dahulu tidak wujud di kebanyakan negara, sekarang menjadi lazim di mana-mana sahaja. Malahan negara Komunis Rusia yang pada masa dahulu mahu mengubah dunia kepada Komunisme dengan apa cara sekalipun, sekarang ini adalah kurang agresif dan telah menerima konsep hidup bersama. Orang-orang kulit putih yang berbeza dan kadangkadangkang berseteru yang telah berpindah ke Amerika Syarikat telah bertukar sifat mereka menjadi apa yang dapat dikatakan

sebagai 'American'. Sifat-sifat ini sangat berbeza dari sifat keturunan mereka yang berasal dari Eropah. Sifat kaum bagi manusia boleh berubah tetapi manusia memerlukan masa untuk membuat penyesuaian. Perubahan juga memerlukan galakan dan suasana yang baik.

Orang-orang Melayu mengatakan bahawa diskriminasi yang mereka alami di Malaysia bukanlah berdasarkan kepada undang-undang tetapi adalah berdasarkan kepada sifat dan tingkah laku kaum lain di Malaysia. Orang-orang Melayu tinggi sifat kerohaniannya, toleran dan suka bersenang-senang. Orang-orang bukan Melayu, terutama sekali orang-orang Cina, adalah materialistik, agresif dan mempunyai kemahuan untuk bekerja. Untuk mewujudkan persamaan kaum maka perlulah kaum-kaum yang berbeza ini menyesuaikan diri antara satu sama lain. Undang-undang tidak dapat melakukan ini semua. Hanya persefahaman, rasa muhibah dan masa sahaja yang boleh melakukannya. Persefahaman dan rasa muhibah hanya akan wujud sekiranya makna persamaan kaum itu difahami oleh semua yang berkenaan.

## BAB 6: Asas-asas Perpaduan Kebangsaan

Perpaduan negara, seperti lain-lain istilah politik, lazimnya mempunyai tafsiran yang berbeza-beza. Seperti keadilan, konsep ini adalah sesuatu yang universal. Pentafsirannya tidaklah boleh mengikut kehendak khusus satu golongan masyarakat sahaja. Sebaliknya ia mestilah merangkumi nilai-nilai tertentu yang mempunyai unsur-unsur persamaan di kalangan berbagai-bagai golongan, walaupun bukan persamaan yang mutlak.

Kini terdapat sebuah Jabatan Perpaduan Negara. Ini adalah satu tanda yang menunjukkan bahawa perpaduan kebangsaan telah diiktiraf bukan sahaja oleh Majlis Gerakan Negara malahan juga oleh orang-orang yang berfikiran wajar.

Secara mudah, asas perpaduan kaum ialah satu kumpulan etnik yang mengamalkan bahasa, kebudayaan dan agama yang sama serta tinggal dalam satu kawasan yang bersempadankan keadaan alam tertentu. Kalau semua faktor ini wujud, sudah pasti lahirlah sebuah negara dalam erti katanya di zaman dahulu.

Pada masa dahulu kemudahan perhubungan dan perjalanan sangat terhad, apa yang disebut bangsa itu hanyalah merupakan lanjutan rangkaian suku-kaum. Rangkaian suku-kaum ini pula adalah lanjutan rangkaian keluarga. Faktor yang menghadkannya ialah sempadan alam, sama ada jarak, gunung-ganang, laut ataupun sungai. Di dalam kawasan yang tertentu itu suku-suku ini bersatu semasa aman atau perang melalui perkembangan satu bahasa, kebudayaan dan agama yang sama, lalu berpadu menjadi sebuah negara.

Rasa kesetiaan dan perpaduan di dalam sesuatu negara timbul oleh kerana kebolehan untuk memahami satu bahasa, kebudayaan dan agama yang sama. Apabila lain-lain kumpulan kaum yang berlainan kebudayaan dan sebagainya bertembung maka timbullah pertikaian kerana ketiadaan rasa saling mengerti. Dalam pertempuran bersenjata perasaan kekeluargaan yang lebih kuat dalam setiap kumpulan akan menimbulkan rasa perpaduan kebangsaan yang lebih kuat.

Dalam zaman moden ini Amerika Syarikat telah menjadi satu

contoh pembinaan bangsa. Apabila tiga belas jajahan di Amerika itu mencapai kemerdekaannya mereka telah membuktikan bahawa raja-raja tidaklah penting dalam menyatupadukan rakyat. Selepas merdeka, penduduk-penduduk dari keturunan Anglo-Saxon mula menerima pendatang-pendatang dari berbagai keturunan etnik dan bangsa yang berbeza dari segi agama, kebudayaan dan bahasa. Soalnya ialah sama ada penerimaan dan penggunaan, dan bukannya pewarisan satu bahasa dan kebudayaan yang sama, yang dapat mewujudkan kesetiaan terhadap sesebuah negara yang absah, iaitu negara yang dilahirkan melalui undang-undang. Amerika Syarikat adalah sebuah negara absah dan bukan negara semulajadi yang mana pemisah alam tabii menjadi sempadannya.

Amerika Syarikat telah menghadapi cabaran yang hebat dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20 dengan kebanjiran pendatang-pendatang baru ke sana. Pendatang-pendatang baru ini terdiri dari berbagai kaum termasuk orang-orang Cina dan Rusia. Boleh dikatakan bahawa mereka terdiri dari hampir kesemua kumpulan bahasa dan etnik. Pengetahuan mereka tentang bahasa Inggeris, iaitu bahasa rasmi, adalah cetek dan malah kadang-kadang tiada langsung. Apatah lagi pengetahuan mengenai kebudayaan dan latar belakang sejarah Amerika Syarikat. Agama mereka juga berbeza. Dari pelbagai latar belakang manusia ini perpaduan kebangsaan dibina terutama sekali berdasarkan kepada bahasa. Tiga belas jajahan yang asal itu diduduki oleh orang-orang yang bertutur Bahasa Inggeris dan keturunan mereka inilah yang menjadi teras negara tersebut. Di sinilah satu prinsip penting telah ditetapkan dan diikuti — iaitu pendatang-pendatang yang ingin menjadi rakyat Amerika Syarikat wajib mempelajari Bahasa Inggeris, iaitu bahasa rasmi serta penerimaan mereka mestilah sepenuhnya dan ia mestilah bahasa yang digunakan dalam pertuturan harian. Tidak timbul persoalan bagi rakyat mengaku, 'Kami menerima Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Amerika Syarikat' dan kemudian tidak menghiraukannya. Dalam pada itu pula tidak terdengar langsung cadangan-cadangan supaya bahasa-bahasa kaum pendatang itu diletakkan sama taraf dengan Bahasa Inggeris, dan secara rasmi bahasa-bahasa tersebut tidak diambil kira sama sekali. Malahan ia menjadi syarat kerakyatan, yang dimaksudkan dengan kesetiaan kepada perlembagaan, bahawa rakyat

baru yang bukan berasal dari rumpun Anglo-Saxon tidak berhak untuk menuntut persamaan taraf bahasa-bahasa lain dengan kedudukan Bahasa Inggeris. Perkara ini difahami dengan begitu jelas sekali hingga, walaupun di daerah-daerah tertentu terdapat kumpulan besar orang-orang bukan Anglo-Saxon, mereka tidak mengambil sebarang langkah untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka. Dalam kebanyakan hal, bahasa ibunda mereka lenyap selepas satu generasi.

Setelah mewujudkan satu masyarakat yang bertutur bahasa yang sama, satu kebudayaan kebangsaan pula dibiarkan berkembang secara bebas. Tetapi oleh kerana bahasa dan kebudayaan adalah terjalin rapi, ibarat isi dengan kuku, hasilnya timbullah satu kebudayaan yang pada asasnya adalah Anglo-Saxon, namun agak istimewa kerana ianya telah menerima pengaruh-pengaruh bukan British yang telah diubahsuai. Dengan demikian, tanpa persamaan keturunan etnik, tanpa persamaan agama dan tanpa tapal batas alam semulajadi, akhirnya tercapai juga perpaduan kebangsaan itu. Memang benar bahawa beberapa langkah telah diambil untuk mengawalinya. Sistem pelajaran hampir kesemuanya adalah berbahasa pengantar Inggeris. Sejarah yang diajar adalah terhad kepada sejarah Amerika dan asal-usul negara Amerika sebagai jajahan British lebih diutamakan dari latar belakang sejarah pendatang-pendatang yang terkemudian. Bagi mewujudkan kesetiaan kepada negara yang tidak mempunyai raja serta sempadan-sempadan alam semulajadi, maka hormat kepada perlembagaan, bendera dan lain-lain simbol kenegaraan telah diajarkan di sekolah dan di mana sahaja rakyat berkumpul.

Dugaan muktamad terhadap perpaduan kebangsaan timbul dalam masa kedua-dua perang dunia yang melibatkan Amerika Syarikat. Tidak dapat dielakkan bahawa ada orang-orang Amerika yang terpaksa berperang dengan orang-orang yang sama kumpulan etniknya dengan nenek moyang mereka. Mungkin-kah kesetiaan mereka kepada Amerika begitu kuat hinggakan mereka sanggup berperang dan membunuh orang-orang yang dahulunya ialah setanah air dengan mereka? Jawapannya jelas sekali apabila General Eisenhower yang berdarah German memimpin Amerika Syarikat dan Pihak Berikat ke arah kemenangan.

Percubaan dan pengalaman Amerika dalam pembinaan

bangsa telah diulang dengan jayanya oleh negara-negara Amerika Latin dan Australia. Seperti juga di Amerika Syarikat, orang-orang dari berbagai kaum telah berhijrah masuk ke negara-negara ini lalu menerima bahasa yang sedia digunakan di tempat itu serta belajar menghormati simbol-simbol kenegaraan dan menjadi rakyat yang bersatu, dikenali dan diiktiraf di kalangan antarabangsa. Bahasa nampaknya adalah kunci perpaduan kebangsaan. Ia membuka pintu ke arah satu kebudayaan asas, dan melalui satu sistem pelajaran kebangsaan, ia juga membawa ke arah lain-lain simbol perpaduan yang penting seperti perlembagaan, bendera, lagu kebangsaan dan undang-undang negara.

Keutamaan yang diberikan kepada bahasa sebagai alat perpaduan tentunya menimbulkan cabaran di mana Switzerland telah membuktikan bahawa satu bahasa kebangsaan tidak perlu bagi perpaduan kebangsaan. Mereka yang mengambil Switzerland sebagai contoh telah mengeneipkan beberapa perkara yang unggul mengenai orang-orang Swiss dan negara Switzerland. Switzerland bersatu tidak semata-mata kerana perpaduan dalam negeri malahan lebih kerana kuasa-kuasa luar, iaitu negara-negara di sekelilingnya yang menganggap Switzerland sebagai negara penampan, satu jalan keluar dan tempat berkecuali semasa sebarang pertikaian. Switzerland hanya mempunyai satu peranan — berkecuali. Pergolakan politik kuasa dan perang bukanlah untuk negara tersebut.

Kekayaan Switzerland letaknya pada kemahiran rakyatnya dan ketenangan suasana politik yang dapat menarik pelancung-pelancung. Semakin kurangnya pengaruh politik, maka semakin majulah perusahaan-perusahaan begini. Dengan ini, oleh kerana sebab-sebab luar dan juga kepentingan dalam negeri, orang-orang Swiss tidak suka pada politik. Dalam pilihanraya umum yang lalu tidak ramai yang bertanding atau mengundi dan kerajaan yang sama telah terus berkuasa semata-mata kerana tiada siapa yang berminat dengan politik. Dalam suasana begini bahasa tidak akan menjadi satu isu politik. Ia tidak dapat menyatukan atau memecah-belahkan rakyat.

Satu lagi perkara yang istimewa ialah orang Swiss mempunyai empat bahasa rasmi. Bahasa Romansch adalah digunakan oleh satu komuniti yang kecil (satu pertiga penduduk-penduduk wilayah Graubauden). Oleh itu dapat dianggap hanya

ada tiga bahasa rasmi, iaitu Perancis, Itali dan German. Boleh dikatakan setiap rakyat Swiss bercakap sekurang-kurangnya dua dari tiga bahasa rasmi tadi. Dengan itu bermaknalah tidak akan timbul keadaan di mana seorang Swiss tidak dapat memahami seorang Swiss yang lain. Lagipun, bahasa Perancis dan Itali adalah dari rumpun bahasa yang sama. Oleh itu mudah sekali bagi sesuatu kumpulan untuk belajar bahasa kumpulan yang satu lagi.

Akhir sekali orang Swiss adalah semuanya orang Eropah. Orang yang bercakap Perancis dan Itali adalah keturunan Latin dan orang-orang yang bercakap German adalah berketurunan Teutonik. Oleh kerana semua kumpulan ini adalah berkebudayaan Eropah yang hampir-hampir serupa maka tidaklah menjadi masalah bagi mereka untuk bercampur-gaul di Switzerland. Dalam keadaan yang begini bahasa menjadi satu faktor yang tidak penting dalam perpaduan kebangsaan. Terdapat berbagai persamaan lain dan terdapat banyak kuasa dalam dan luar yang memupuk ke arah perpaduan. Oleh itu adanya empat bahasa sebagai bahasa rasmi tidak mempunyai makna dalam hal ini.

Berbalik semula kepada apa yang telah dibincangkan, bolehlah kita katakan bahawa asalanya asas perpaduan kebangsaan adalah sebuah kawasan yang terhad yang penghuninya terdiri daripada orang-orang yang sama bangsa, kebudayaan, bahasa dan agama. Aliran sejarah moden telah menunjukkan bahawa bangsa dan agama tidaklah begitu penting. Bahasa dan kebudayaan yang berkait rapat dengannya tetap menjadi faktor yang penting dalam memupuk perpaduan kebangsaan. Oleh itu dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, perpaduan dapat dicapai sekiranya terdapat persetujuan tentang pemilihan bahasa dan kebudayaan yang berkaitan dengannya. Sekiranya bahasa yang dipilih itu diterima, sebuah negara berbilang kaum itu boleh membentuk perpaduan kebangsaan dengan menggunakan cara-cara tambahan, umpamanya menonjolkan tumpuan kesetiaan seperti raja, pengajaran sejarah kebangsaan, penghormatan kepada simbol-simbol kebangsaan dalam bentuk bendera, lagu kebangsaan, lambang-lambang kebangsaan dan sebagainya, dan akhir sekali ialah keluhuran perlembagaan dan undang-undang negara. Sepanjang masa ini rakyat mestilah benar-benar bercampur gaul. Setiap rintangan dari segi bangsa, etnik atau keturunan mestilah dihapuskan.

Diskriminasi dalam semua lapisan hidup dihentikan dan akhirnya kahwin campur hendaklah digalakkan. Ini adalah asas perpaduan kaum dan fahaman terhadapnya adalah *sine qua non* atau syarat mutlak kepada sesebuah masyarakat berbilang kaum yang mempunyai hasrat untuk membina sebuah negara yang kukuh dan berjaya.

## BAB 7: Pemulihan Bangsa Melayu dan Dilema Melayu

Dilema Melayu bukanlah semata-mata dari segi ekonomi tetapi juga dari segi politik. Kini ramai yang memperkatakan tentang kaitan pergeseran kaum dengan kemajuan yang tidak seimbang di antara kaum-kaum di Malaysia. Pada suatu masa dahulu telah difikirkan bahawa cara yang paling baik untuk mengatasi perbezaan ini ialah dengan tidak mempedulikannya langsung. Malahan sebilangan orang mempercayai bahawa tidak ada sebarang dilema kerana orang Melayu tidak ingin berubah dari sifat mereka yang suka merendah diri itu.

Peristiwa 13 Mei, 1969 telah menunjukkan bahawa kenyataan, walau bagaimana tidak menyenangkan sekalipun, mestilah dihadapi. Orang-orang yang mengamuk pada hari itu ialah orang-orang Melayu. Cetusan yang mendadak itu telah menghapuskan hampir kesemua yang telah dicapai selama dua belas tahun yang lalu. Jika kita tidak mahu peristiwa malang ini berulang kembali, maka eloklah kita teliti beberapa sebab-musabab yang telah membangkitkan huru-hara tersebut, dan memikirkan dengan bersungguh-sungguh cara untuk memulihkan orang Melayu.

Dilema Melayu dengan sendirinya juga merupakan dilema Malaysia. Negara Malaysia tidak dapat maju dan makmur jika terdapat barah yang memakan jantungnya. Oleh kerana orang-orang Melayu merupakan sebahagian besar dari penduduk negara ini maka sebarang perkara yang terjadi ke atas mereka akan memberi kesan kepada negara. Oleh itu adalah amat perlu bahawa usaha-usaha dibuat untuk menyelesaikan dilema ini dengan bersungguh-sungguh. Keperluan yang pertama ialah satu revolusi. Revolusi adalah satu perkataan yang menimbulkan ketakutan yang tidak sewajarnya di Malaysia. Revolusi biasanya menggambarkan pembunuhan dan anarki, tetapi revolusi juga ada yang kreatif dan berperaturan jika sekiranya cara-caranya difahami oleh orang-orang yang paling layak untuk menjalankannya.

Kalau tidak revolusi, maka pilihan yang lain ialah evolusi.

Evolusi tidak dapat dikawal dengan sempurna dari segi kecepatannya dan objektifnya. Ia terlalu banyak bergantung kepada keadaan dan berbagai faktor lain yang sukar untuk dikesan dan oleh itu ia susah untuk diguna dan dikawal. Jika revolusi itu adalah satu penyelesaian bagi masalah orang Melayu di Malaysia maka ianya haruslah merupakan satu revolusi yang dirancang dengan teliti. Ia sepatutnya membawa kebaikan dan mengelakkan bahaya yang terdapat pada revolusi-revolusi lain. Inilah sebabnya analisa tentang sifat, kebudayaan dan kebolehan orang Melayu sangat berguna.

Revolusi membawa erti perubahan yang mendadak. Revolusiner yang terlalu patuh kepada doktrin selalunya gagal oleh kerana mereka hanya melihat objektif tetapi telah mengenyepikan sama sekali keadaan, kuasa dan institusi yang sedia ada. Untuk menjayakan sesuatu revolusi di Malaysia, perlulah kita mengenali apa yang patut dihapuskan dan apa yang patut diteruskan, malah digalakkan. Tujuannya adalah untuk memperbaiki kedudukan orang-orang Melayu dengan tidak memusnahkan orang lain. Orang-orang Melayu boleh mengambil tempat mereka yang sewajarnya dalam masyarakat Malaysia tanpa menggantikan tempat orang-orang lain.

Perkara yang mula-mula sekali terlintas di fikiran kita ialah kebanyakan orang Melayu adalah berfahaman fuedal dan mereka mahu terus berfahaman demikian. Revolusi yang dimulakan dengan mengajar pemusnahan institusi kesultanan yang sudah termaktub akan gagal. Ia tidak akan mendapat sokongan dari kebanyakan orang Melayu yang ortodoks. Lagi pula kesultanan itu tidak membawa apa-apa kerugian terhadap orang-orang Melayu ataupun sesiapa juga. Pemeliharaan sistem yang begini tidak dapat dinafikan memang tinggi biayanya, tetapi oleh kerana raja-raja dipisahkan dari kuasa, maka ia tidak merupakan penindasan. Lagi pula Malaysia tanpa raja bermaknalah seolah-olah orang Melayu tidak wujud sama sekali. Pada masa yang lampau raja-rajalah yang telah memberi dan meneruskan ciri-ciri Melayu di Tanah Melayu. Jika mereka disingkirkan maka bermaknalah peninggalan akhir Tanah Melayu tradisional akan hilang. Inilah sebabnya orang Melayu masih lagi bersifat feodal walaupun mereka telah menerima pendidikan moden dan mempunyai sofistikasi dalam politik. Oleh kerana itu maka sangat perlulah sistem beraja itu

diteruskan. Sebagai raja yang mengikut Perlembagaan, sultan-sultan adalah berihisan dan sedar akan perubahan-perubahan zaman. Mereka tidak menghalang kemajuan yang sedang berlaku. Jika perubahan yang dicadangkan itu baik untuk negara dan untuk orang Melayu, sultan-sultan juga tidak akan menghalangnya. Malahan apabila kita menuntut kemerdekaan, persetujuan raja-raja Melayulah yang telah membuka jalan bagi peralihan kuasa yang licin dan mengelakkan pertelingkahan yang selalu berlaku di tempat-tempat lain.

Satu lagi kuasa yang bertapak kuat pada orang Melayu ialah agama. Sesuatu perubahan, rancangan atau ideologi yang bertentangan dengan agama orang Melayu tidak akan berjaya. Oleh itu agama Islam janganlah disentuh dalam usaha mencari kemajuan orang-orang Melayu. Malahan Islam mestilah dipertahan dan dikembangkan lagi jika kemajuan hendak dicapai.

Kuasa ketiga yang terdapat pada orang Melayu ialah adat tradisional yang timbul dari sistem nilai mereka. Walau bagaimanapun, adat tidaklah sepenting dahulu lagi. Cengkaman adat ke atas orang Melayu telah mula longgar. Kini jarang sekali orang-orang Melayu berkata, 'Biar mati anak jangan mati adat'. Oleh itu adat boleh diubah atau diketepikan dalam proses kemajuan. Revolusi ini patut mengambil kira tentang adat tetapi ianya tidak sepatutnya terikat kepada adat.

Setelah menilai dan menerima akan kuasa-kuasa yang bertapak kuat ini maka masa depan orang Melayu dapat dirancang. Sayugia diingat bahawa tidak akan terdapat suatu rancangan yang lengkap. Pasti ada kelemahan-kelemahannya dan akan terdapat perkara-perkara yang tertinggal. Malahan akan juga terdapat kesilapan. Yang lebih penting ialah kita sedar akan perlunya satu rancangan yang bersifat revolusi dan cara perlaksanaannya yang cepat dan menyeluruh.

Pada dasarnya faktor-faktor alam sekitar dan keturunanlah yang telah menyebabkan orang-orang Melayu menjadi kaum luar bandar dan hanya segelintir sahaja dari mereka yang tinggal di bandar. Orang-orang luar bandar di mana-mana sahaja adalah kurang sofistikated dan kurang maju jika dibandingkan dengan orang bandar. Penyelesaian kita kepada masalah ini ialah dengan menukarkan keadaan tersebut. Dengan lain perkataan, kita mesti mencari jalan untuk membandarkan orang-orang Melayu.

Ini akan menimbulkan banyak tentangan tetapi semua tentangan tentunya akan lenyap apabila berdepan dengan kekurangan tanah yang boleh dicucuk tanam di tempat-tempat di mana terdapat begitu ramai orang-orang Melayu. Pemindahan dan penempatan semula di luar bandar akan menyelesaikan masalah ini hanya bagi satu generasi kerana pembahagian harta pusaka kawasan baru ini, mengikut hukum Islam sebaik sahaja pemiliknya itu meninggal dunia, akan mengakibatkan pemecahan kawasan ini kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil dan tidak ekonomik. Terdapat terlalu banyak bidang tanah kecil yang dipegang dan diusahakan oleh terlalu ramai orang, dan kebanyakannya tidak mempunyai geran yang sah, sementara waris-waris harta itu cuba dengan susah payahnya, bertahun-tahun, untuk menyelesaikan selok-belok undang-undang harta pusaka.

Masalah pemandaran adalah banyak dan bermacam-macam. Tetapi, berlainan dengan keadaan di negara-negara lain, masalah-masalah ini tidak dapat dibiarkan untuk selesai begitu sahaja. Masalah ini haruslah diatasi dengan perancangan yang sistematik oleh Kerajaan. Oleh kerana orang Melayu dari segi tradisinya adalah orang luar bandar, maka bilangan mereka yang tertarik untuk pindah ke bandar tidaklah seramai bangsa lain. Oleh itu perlulah mereka didorong secara positif untuk datang ke bandar. Dan ganjaran yang dapat meyakinkan mereka ialah jaminan pendapatan yang tetap.

Malaysia telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk pembangunan. Jambatan, jalan raya, bangunan, kilang-kilang dan projek-projek lain dibina tiada henti-hentinya. Kebanyakan dari kerja-kerja pembinaan ini adalah dibuat melalui kontrak. Kerajaan, melalui Jabatan Kerja Raya, hanya menyelia semata. Kontraktor-kontraktor besar di Malaysia adalah terdiri daripada orang-orang Cina atau Eropah. Terdapat hanya beberapa kontraktor kecil Melayu. Oleh kerana syarat-syarat dan masa yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya, pihak kontraktor merasakan lebih baik jika mereka tidak memasukkan pekerja-pekerja Melayu walaupun dalam kerja-kerja yang tidak mahir. Andainya kini Kerajaan berkeras mengambil alih sedikit demi sedikit sebahagian besar projek-projek pembangunan, maka ada kemungkinan lebih ramai lagi orang Melayu dari kawasan luar bandar yang akan diambil

bekerja. Bermula dengan kerja-kerja yang tidak mahir, sedikit demi sedikit mereka akan maju ke arah kerja-kerja separuh mahir dan seterusnya kerja-kerja yang mahir. Mereka akan belajar menerusi latihan di samping mendapat gaji. Ini adalah mustahak. Orang-orang Melayu mestilah memperolehi kemahiran semasa bekerja. Jangan mereka disuruh belajar secara teori sahaja. Satu percubaan untuk mengajar kemahiran kerja kepada belia-belia Melayu di sekolah-sekolah lanjutan kampung telah gagal oleh sebab belia-belia ini tahu yang mereka tidak mempunyai masa depan. Jika sekiranya mereka menjadi tukang bata yang mahir, tidak seorang pun akan mengambil mereka bekerja oleh kerana prasangka perkauman. Di sebaliknya firma-firma pembinaan yang dipaksa oleh Kerajaan untuk mengambil pekerja-pekerja Melayu mendapati yang pekerja-pekerja tadi adalah berupaya dengan sepenuhnya memperolehi kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Dalam skim ini, peluang mendapatkan pekerjaan dijamin dahulu kemudian barulah latihan. Jika sekiranya ganjaran yang cukup diberi untuk memperolehi kemahiran, tukang-tukang Melayu yang berkebolehan akan mendapat peluang untuk mengguna dan memajukan kemahiran mereka.

Akan tetapi jaminan pekerjaan tidak sepatutnya dimestikan sebab ianya mungkin tidak menggalakkan daya usaha. Sistem pencen yang sekarang dijalankan oleh perkhidmatan Kerajaan telah mengikat orang-orang Melayu kepada Kerajaan. Orang-orang Melayu di dalam perkhidmatan Kerajaan selalunya adalah lebih berpengetahuan dan lebih berkebolehan dari orang-orang Melayu yang bekerja di tempat-tempat lain. Ini bukan secara kebetulan tetapi adalah kerana Kerajaan dapat menarik pekerja yang paling baik melalui gaji yang ditawarkannya. Lagipun bekerja dengan Kerajaan memberi mereka peluang mengetahui tentang selok-belok urusan rasmi, dan pengetahuan ini adalah berguna dalam bidang perniagaan. Mereka inilah, setelah bekerja dengan Kerajaan beberapa tahun, orang-orang yang paling layak untuk keluar dan menandingi orang-orang bukan Melayu. Tetapi orang-orang Melayu dalam perkhidmatan Kerajaan tidak akan meninggalkan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan kerana jaminan pencen. Walaupun apabila mereka sedar yang mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup untuk memperolehi pendapatan

yang lebih lumayan dalam kerja-kerja lain, mereka tidak akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan oleh kerana takut hilang hak pencen mereka.

Ini dapat dilihat dalam bidang politik. Apabila negara ini memerlukan pemimpin-pemimpin Melayu yang berkebolehan, maka telah disedari yang kebanyakan dari mereka adalah terdapat dalam perkhidmatan Kerajaan. Mereka tidak mahu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kerana ia adalah terjamin. Cuma apabila satu skim dimulakan di mana pencen mereka akan tetap terjamin, barulah mereka dapat diajak untuk mencebur diri di arena politik.

Begitulah juga dalam skim untuk mengambil orang-orang Melayu dan melatih mereka bagi kerja-kerja mahir dan separuh mahir dalam projek-projek Kerajaan, maka pengaruh pencen yang boleh menyekat langkah ini tidaklah sepatutnya dibiarkan. Orang-orang Melayu mestilah diberi kesedaran bahawa bekerja dengan Kerajaan adalah semata-mata sebagai batu loncatan kepada kerja-kerja lain yang lebih baik. Setelah kemahiran itu diperolehi mereka janganlah teragak-agak pergi ke tempat lain untuk mendapatkan kerja yang lebih baik. Sepatutnya mereka ini diberi galakan untuk berbuat demikian. Peruntukan kumpulan wang simpanan pekerja, walau bagaimanapun, tidak mempunyai kesan yang sama dengan skim pencen. Jika jaminan masa tua itu adalah suatu kewajipan moral yang mustahak, maka kumpulan wang simpanan pekerja yang lebih sesuai. Kelebihannya ialah ia mengikat seseorang pekerja itu ke mana sahaja dia pergi. Ia tidak mengikat seseorang itu hanya kepada satu majikan sepanjang hidupnya sebagai pekerja seperti apa yang dilakukan oleh skim pencen.

Jaminan pendapatan yang tetap walau bagaimana kecil sekalipun akan menarik orang-orang Melayu bekerja. Tujuannya bukanlah semestinya untuk memberi mereka pekerjaan yang tetap, tetapi adalah untuk membiasakan mereka membuat kerja-kerja lain selain dari menanam padi dan juga untuk membandarkan mereka. Oleh yang demikian gaji yang diberikan adalah sangat penting. Ia sepatutnya lebih tinggi dari purata pendapatan orang Melayu dari penanaman padi selepas mengambil kira kos hidup yang rendah di kampung dan sikap toleran orang-orang Melayu terhadap saudara-mara yang tidak

bekerja. Namun seelok-eloknya gaji tidak sepatutnya menyebabkan mereka teragak-agak untuk meninggalkan kerja tersebut untuk menerima kerja-kerja yang gajinya lebih baik di tempat lain.

Kesatuan sekerja telah bertapak di Malaysia. Pada umumnya ia dianggap sebagai sesuatu yang baik untuk kaum pekerja. Ia menyekat eksploitasi tenaga kerja dan membolehkan pekerja-pekerja mendapat bahagian yang adil dari kemakmuran yang sebahagiannya wujud hasil dari tenaga kerja mereka. Malangnya setengah pekerja yang megah dengan kuasa mereka yang baru itu melihat kesatuan sekerja bukan sahaja sebagai peluang untuk menggunakan perundingan majikan-pekerja bagi mendapatkan gaji yang lebih, malah untuk membuat tuntutan-tuntutan lain. Tidak ada tindakan disiplin yang dapat dijalankan tanpa tindakan perusahaan yang tinggi perbelanjaannya. Di dalam keadaan begini ketekunan tidak digalakkan dan kemahuan untuk memperbaiki diri sendiri adalah terhalang. Dalam skim untuk memaksa pekerja-pekerja Melayu mencebur diri dalam bidang kerja separuh mahir dan mahir yang penuh persaingan itu, kesatuan sekerja tidak mempunyai tempat. Skim ini bukanlah bertujuan untuk memberi jaminan yang sepenuhnya ataupun mewujudkan keadaan kerja yang lebih baik. Oleh itu kesatuan sekerja adalah tidak perlu. Untuk menentukan yang pekerja-pekerja mendapat ganjaran yang berpada dan mengelakkan nepotisme dan lain-lain bentuk pilih kasih, sebuah badan yang tidak memihak mana-mana patut ditubuhkan untuk menjaga kebajikan para pekerja.

Apabila ramai pekerja bertumpu ke bandar, maka kawasan-kawasan sesak pun tumbuhlah seperti cendawan. Tujuan langkah-langkah untuk membandarkan orang Melayu supaya mereka dapat menikmati kemudahan dan keserbanekaan bandar tidak akan tercapai jika mereka dibiarkan tinggal dalam keadaan dan kawasan yang sesak. Rumah-rumah harga murah perlulah dibina untuk tempat kediaman mereka. Kelebihan yang didapati oleh penduduk desa yang baru di-bandarkan itu dapat mencapai peringkat yang paling tinggi jika bandar-bandar satelit kecil yang lengkap dapat dibina. Bandar-bandar ini patutlah mengandungi kedai, pasar, sekolah, balai raya dan kemudahan kesihatan.

Saya telahpun menunjukkan kebaikan-kebaikan yang boleh

diperolehi oleh orang Melayu bila bergaul dengan orang bukan Melayu. Bandar-bandar satelit ini adalah tempat yang mula-mula di mana hubungan ini boleh dilakukan. Satu ciri penting masyarakat baru ini semestinyalah berupa kemudahan untuk berhubung dengan orang-orang bukan Melayu. Sebahagian dari rumah-rumah dan kedai-kedai itu patutlah diuntukkan bagi orang-orang bukan Melayu. Kakitangan yang menguruskan jabatan-jabatan kemudahan awam mestilah sedikit sebanyak terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Namun perhubungan ini mestilah dikawal kerana sering ada kemungkinan bagi orang bukan Melayu untuk menyingkir orang Melayu sedikit demi sedikit, terutamanya di pasar-pasar dan kedai-kedai. Kemudahan untuk berniaga runcit sepatutnya dapat menarik orang Melayu untuk menjadi orang bandar.

Pada masa dahulu orang-orang Cina telah berjaya menyihkan orang-orang Melayu dari semua bidang perniagaan. Sebab-sebab mengapa ini berlaku adalah diketahui umum. Sebab-sebab yang bersangkutan-paut dengan ciri-ciri kaum adalah susah untuk diatasi. Sesungguhnya hanya ada satu jalan sahaja, iaitu dengan membandarkan orang-orang Melayu. Namun kita tidak boleh menunggu hingga perkara ini berlaku sebelum orang-orang Melayu dapat mengaut ganjaran yang diperolehi dari perdagangan walau bagaimana kecil sekali pun.

Oleh sebab itu perlindungan mestilah diberi kepada pekedai-pekedai Melayu pada mulanya. Kebanyakan dari kedai dan pasar di bandar-bandar satelit yang baru ini mestilah diuntukkan bagi orang-orang Melayu. Namun ini sahaja tidaklah mencukupi. Sebagai langkah supaya penduduk-penduduk baru ini berlanggan di kedai-kedai masyarakat mereka sendiri, maka perlulah diwujudkan keadaan yang menyusahkan atau menambahkan belanja mereka jika mereka membeli-belah di tempat lain. Kedai-kedai koperasi, pada teorinya, akan menggalakkan ahli-ahlinya untuk berlanggan di kedai mereka sendiri. Dari segi amalan, kedai-kedai koperasi telah gagal di kalangan masyarakat Melayu. Dividen yang dihasilkan oleh kedai-kedai yang begini, walau bagaimana baik pun pengurusannya, adalah sangat kecil dan hanya diberi setahun sekali. Orang-orang Melayu pada kebiasaannya tidak sabar dan lebih tertarik kepada keuntungan yang serta-merta. Pelanggan-pelanggan Melayu akan meninggalkan kedai-kedai

koperasi mereka jika terdapat harga yang lebih murah serta kemudahan berhutang yang diberikan oleh pekedai-pekedai Cina sendiri. Koperasi bolehlah ditolak sebagai satu cara untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan runcit dan juga untuk mengawal pengaliran pendapatan orang Melayu.

Satu faktor kecil tetapi penting yang boleh menolong pekedai-pekedai runcit Melayu adalah dengan menggunakan kerajinan semulajadi dan kepintaran wanita-wanita Melayu. Di kalangan penanam-penanam padi kaum lelaki bekerja lebih kurang dua bulan dalam setahun. Kaum wanita bekerja sepanjang tahun. Mereka terlibat dalam penanaman padi seperti juga kaum lelaki. Tambahan pula semasa musim menanam dan menuai mereka juga memasak untuk semua yang bekerja di bendang mereka. Selepas kerja di bendang itu selesai, mereka terus membuat kerja-kerja rumah, menjaga anak-anak dan sibuk dengan berbagai-bagai tugas lain yang walaupun kecil tetapi sangat penting. Kadang kala wanita-wanita ini akan membuat kuih untuk dijual bagi mendapatkan duit lebih, ataupun menjaja kain dan menjual hasil-hasil dari hutan. Kerja-kerja seperti membuat ikan masin dan membuat pekasam adalah keseluruhannya dibuat oleh kaum wanita. Wanita Melayu adalah lebih rajin dan pandai dari kaum lelaki Melayu. Wanita Melayu juga mempunyai kecenderungan yang lebih untuk berjimat dari kaum lelaki. Mereka lebih gemar membeli barang-barang kemas dari membeli barang mewah lain yang tidak kekal nilainya.

Dalam skim pambandaran yang disebutkan tadi, kaum lelaki diperlukan bekerja dalam kerja-kerja yang bergaji. Kaum wanita walaupun terlibat dalam kerja-kerja rumah, akan juga mempunyai masa untuk menjaga kedai-kedai yang kecil. Apa yang penting ialah kedai dan tempat tinggal adalah ditempatkan dalam bangunan yang sama. Di Kelantan, kedai-kedai Melayu di kampung adalah selalunya bahagian hadapan rumah dan kedai tersebut dijaga keseluruhannya oleh kaum wanita. Sesungguhnya kebanyakan dari perniagaan runcit dan penjajaan adalah dibuat oleh kaum wanita di Kelantan. Walau bagaimanapun, kesemua langkah-langkah jagaan dan perancangan yang dibuat ini akan gagal jika sekiranya persaingan dari pekedai-pekedai runcit Cina yang pandai berjimat dan pintar itu

tidak dikurangkan. Kita tahu bahawa sebelum orang-orang Cina datang ke Tanah Melayu orang-orang Melayulah yang menjadi para pekedai dan peniaga runcit. Oleh kerana taktik perniagaan orang Cina yang lebih baiklah maka kedai-kedai Melayu telah lenyap.

Kemahiran perniagaan Cina dapat dilihat dari banyak segi. Asasnya ialah sikap semulajadi orang Cina yang suka berjimat cermat. Ini telah membolehkan mereka membuat simpanan dan membesarkan perniagaan mereka berdasarkan dari keuntungan yang minimum. Orang-orang Melayu boleh disuruh lebih berjimat tetapi tabiat dan sifat yang bergenerasi lamanya itu tidak boleh dibuang dengan sekaligus. Ada berbagai-bagai taktik yang digunakan oleh orang-orang Cina yang boleh dipintas supaya pekedai-pekedai Melayu berpeluang untuk bersaing dengan mereka dengan cara yang adil. Salah satu darinya ialah kemudahan berhutang. Orang-orang Cina yang lebih cekap menilai watak seseorang itu membenarkan orang-orang Melayu berhutang sedikit dan dengan itu mengikat pelanggan-pelanggan Melayu itu kepada mereka. Termasuk juga dalam taktik ini ialah pinjaman wang tunai sebagai pendahuluan. Di kampung-kampung taktik begini telah berkembang menjadi sistem padi kunca yang sangat memeras itu. Amalan begini harus dihentikan dengan cara undang-undang. Pembelian mestilah tunai, dan jika kredit atau hutang diberi, ianya mestilah dicatat dalam buku akaun yang betul dan mestilah diperiksa oleh pegawai-pegawai pemungut cukai. Hutang yang bertimbun-timbun janganlah dibenarkan. Tanggungan mestilah terletak atas pekedai supaya dialah yang akan rugi segala-galanya dari amalan mengikat pelanggan-pelanggannya. Dengan cara ini hutang-hutang kecil yang diberi kepada pelanggan Melayu tidak akan digunakan untuk menyekat mereka dari membeli di sebarang kedai lain.

Satu faktor yang paling bertanggungjawab menyingkirkan orang-orang Melayu dari perniagaan runcit ialah cara menetapkan harga barang-barang. Barang-barang tidak pernah ditetapkan harga di semua tempat sebelah Timur dari Suez. Tawar menawar adalah satu cara jual beli yang telah diterima. Pembelian adalah proses tawar menawar, satu pertandingan di antara pembeli dan penjual. Biasanya dianggap bahawa pekedai tidak pernah rugi dalam proses jual beli ini. Ini tidaklah

selalunya benar. Sering juga terdapat pekedai-pekedai yang bersetuju untuk menjual dengan harga yang lebih murah dari harga yang dibelinya supaya boleh mendapat untung dari perkara-perkara lain yang kurang nyata. Perasaan muhibah adalah satu komoditi yang sangat penting dalam perniagaan. Seorang pekedai tidak akan teragak-agak untuk rugi beberapa sen dahulu jika dengan ini dia dapat memastikan bahawa pelanggan tersebut akan datang semula untuk membeli daripadanya lain kali. Jika terdapat persaingan dengan kedai-kedai jiran maka lebih senanglah lagi dia memutuskan untuk rugi dahulu dan untung kemudian. Dengan berjimat cermat serta modal yang lebih besar, pekedai-pekedai Cina mampu menanggung rugi lebih kerap dari orang-orang Melayu, ataupun mereka boleh menentukan margin keuntungan yang lebih rendah dan ini akan memastikan pelanggan-pelanggan tadi akan terus berlanggan dengan mereka.

Andainya penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan runcit hendak digiatkan semula maka sistem harga yang boleh berubah-ubah itu mestilah dimansuhkan. Jika semua barang yang dijual oleh semua kedai mempunyai harga yang ditetapkan dan dipaparkan dengan terang, dan sekiranya penjualan dengan harga yang lebih rendah dari yang ditunjukkan itu ditegah maka persaingan cekik leher akan dapat dihentikan. Pelanggan-pelanggan tidak dapat memilih harga di dalam sesuatu kawasan itu dan akan membeli dari berbagai kedai. Dalam keadaan seperti ini kedai Melayu yang berada di sebelah kedai Cina tidak akan tercekik mati. Dia tidak akan dituduh menjual barang-barang dengan harga yang lebih tinggi secara sembunyi-sembunyi dan kebolehannya dalam tawar menawar dengan pelanggan tidak akan diuji setiap kali dia menjual. Namun tentu ada cara yang boleh mengatasi sistem menetapkan harga ini. Perbezaan harga borong mungkin memberi kesan kepada keuntungan sebenar seseorang peruncit. Ini dapat diatasi dengan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut, menentukan adanya resit dan dengan menetapkan harga jual beli borong yang mesti disertakan dengan resit dan ditunjukkan dalam penyata pendapatan yang diterima. Undang-undang mestilah dibuat untuk memastikan bahawa hanya mesin timbang spring sahaja yang digunakan dengan sepenuhnya. Dacing yang digunakan sekarang mempunyai penimbang yang boleh diubah-

ubah dan boleh dimainkan supaya timbangannya berkurangan. Peruncit-peruncit Cina yang kecil cekap melakukan perkara ini, malahan dengan keji sekali menggunakannya sebagai senjata dalam persaingan.

Apa yang telah disebutkan adalah dua cara yang dapat digunakan untuk mengatasi penetapan harga dan paparan harga. Tinjauan dan pemeriksaan yang rapi haruslah kerap dibuat supaya semua percubaan untuk mengatasi persaingan dengan cara yang tidak adil dapat dikurangkan sekecil-kecilnya. Sudah tentunya cadangan-cadangan ini tidak sepatutnya terhad kepada skim penempatan semula orang-orang luar bandar ke kawasan bandar. Ia sepatutnya dilaksanakan di seluruh negara supaya persaingan yang adil menjadi satu keadaan yang biasa dan bukannya merupakan satu pengecualian.

Tidak mungkin dinyatakan di sini semua langkah yang boleh diambil untuk membandarkan orang-orang Melayu. Tujuannya adalah semata-mata untuk menunjukkan yang ianya adalah berfaedah dan dapat dilaksanakan. Jika dikawal dan dirancang dengan betul, hanya pembedaan sahaja nampaknya cara yang dapat meletakkan orang Melayu setara dengan kemajuan yang berlaku di sekitar mereka dan di seluruh dunia. Mereka juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan moden yang terdapat di bandar. Kemudahan-kemudahan ini tidak mungkin dapat dibawa ke kawasan luar bandar walau bagaimana sekalipun dicuba. Kesihatan, pendidikan dan pandangan mereka akan berubah tanpa usaha yang disedari.

Sebaliknya, pendapat pada ketika ini yang membiarkan orang Melayu terus tinggal di kawasan luar bandar supaya mereka tidak akan menambahkan bilangan penganggur di bandar bermakna bahawa kita enggan menerima kenyataan tentang masalah kemiskinan dan kemunduran yang runcing di kawasan luar bandar. Ketiadaan tanah adalah sebenarnya satu kenyataan sama seperti kekurangan tanah. Dalam masa satu generasi sahaja undang-undang Islam mengenai warisan harta pusaka mungkin akan membahagikan tanah-tanah yang ada sekarang menjadi bahagian-bahagian yang sangat kecil hingga ianya tidak ekonomi lagi untuk diusahakan. Sekarang ini hutan dan tanah-tanah simpanan yang lain telah didiami dan diusahakan oleh peneroka-peneroka yang sedia melanggar undang-undang. Oleh itu hanya bandar dengan industri-industrinya dan peluang-

peluang perniagaan runcit sahaja yang dapat mengurangkan pengangguran orang-orang Melayu di masa hadapan. Bagi membolehkan penyerapan ini berjalan dengan licin dan efisien, perancangan untuk pemandaran yang sewajarnya mestilah dimulakan sekarang. Tidak ada jalan keluar yang lain bagi orang-orang Melayu atau Kerajaan.

Pemandaran dan perolehan kemahiran kerja secara dipaksa bukanlah merupakan satu revolusi, sekalipun dalam konteks masyarakat Melayu. Namun ia adalah merupakan satu perubahan yang radikal. Proses pemandaran adalah dengan sendirinya melibatkan proses mencabut orang-orang Melayu dari akar umbi, dari segi rohani dan jasmani, masyarakat luar bandar yang tradisional. Tidak dapat disangkal lagi dengan pembongkaran ini, nilai-nilai dan cara hidup yang lama mesti diganti dengan yang baru. Apa yang telah menyekat orang-orang Melayu adalah nilai-nilai lama dan cara hidup yang lama. Kesemua inilah yang selama ini telah memencilkan orang-orang Melayu dari perubahan yang sedang berlaku di seluruh negara dan di dunia ini. Seseorang itu perlu membandingkan struktur fizikal sebenar kampung-kampung Melayu untuk melihat bagaimana statiknya masyarakat tersebut.

Untuk memulihkan orang-orang Melayu dengan sepenuhnya, maka terpaksa mereka berpisah dengan adat lama dan menggantikannya dengan cara-cara pemikiran yang baru dan sistem nilai yang baru. Pemandaran sedikit sebanyak akan menukarkan ini, namun apa yang penting ialah orang-orang Melayu mesti berusaha secara sadar untuk menghapuskan cara-cara lama dan menggantikannya dengan nilai-nilai dan idea-idea yang baru. Orang Melayu mestilah disemukakan dengan kenyataan hidup dan mestilah dipaksa mengubah cara pemikiran mereka sesuai dengan kenyataan.

Kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai rancangan untuk membantu memajukan orang-orang Melayu. Pendidikan telah diperhebatkan dan orang-orang Melayu luar bandar telah diberi peluang untuk melawat kawasan-kawasan bandar. Namun semua ini tidaklah mencukupi. Orang Melayu tidak mendapat orientasi yang sistematik dan selaras ke arah kemajuan. Paling malang sekali percubaan untuk mengorientasikan orang Melayu yang sedikit di sana dan sedikit di sini dibuat secara tidak tersusun.

Satu perkara yang boleh menunjukkan bagaimana pemikiran orang-orang Melayu belum lagi disesuaikan adalah aduan yang kerap dibuat terhadap majikan-majikan bukan Melayu. Orang-orang Melayu yang bekerja di firma-firma bukan Melayu atau di bawah penyelia-penyelia bukan Melayu tidak berhenti-henti membuat aduan mengatakan mereka itu didiskriminasi. Nampaknya apa yang mereka tidak faham ialah perbuatan tersebut adalah satu perkara yang biasa. Orang-orang bukan Melayu yang bekerja di bawah orang-orang Melayu juga beraşa serupa. Namun berlainan dengan orang-orang bukan Melayu yang menerima perkara ini sebagai kebiasaan, orang-orang Melayu akan cuba menentangnya habis-habisan. Mereka tidak cuba untuk mengambil hati ketua-ketua mereka. Mereka tidak cuba mengatasi persaingan-persaingan dari orang-orang bukan Melayu. Mereka juga tidak cuba menjadikan diri mereka pekerja yang sebegitu baik hingga susah bagi majikan untuk mencari gantinya. Akibatnya mereka tidak akan disukai dan kedudukan mereka pun tidak dapat dipertahankan lagi.

Ketidakupayaan untuk menerima sesuatu yang tidak dapat dielakkan merupakan kegagalan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan. Ketidakupayaan ini akan menjadi penghalang besar di masa hadapan apabila siswazah-siswazah Institut Teknologi Mara memasuki bidang industri dan perdagangan. Firma-firma Melayu atau yang dikawal oleh orang-orang Melayu tidak dapat mengambil bekerja semua siswazah ini. Kebanyakan dari mereka haruslah bekerja secara langsung di bawah orang-orang bukan Melayu. Kumpulan ini akan berhadapan dengan masalah yang sama mengenai diskriminasi kaum. Jika pemuda-pemudi Melayu tidak memahami hakikat diskriminasi ini mereka akan dapati kedudukan mereka tidak dapat dipertahankan. Sekiranya perkara ini berlaku orang-orang Melayu akan gagal lagi.

Ini adalah satu contoh tentang kegagalan orang Melayu untuk menilai kenyataan dan menyesuaikan diri mereka. Jika orang-orang Melayu hendak dipulihkan semula, maka semua sikap dan nilai yang telah membawa kepada dilema mereka sekarang mestilah dikaji dan dinilai dan di mana yang perlu ditinggalkan atau diubah.

Pembandaran, perolehan kemahiran baru dan penerimaan orang Melayu akan nilai-nilai baru yang tidak bertentangan

dengan agama dan pandangan feodal mereka, adalah merupakan satu revolusi. Sebenarnya cadangan ini bukanlah perkara yang baru. Kesemuanya ini adalah sedang berlaku sekarang. Namun setakat ini rentak perubahan tersebut merupakan proses evolusi yang perlahan dan tidak melibatkan satu tindakan bersatu dan pelaksanaan yang tegas. Seluruh proses ini mestilah dirancang dan dijalankan dengan pantas dan sepenuhnya untuk menghasilkan perubahan yang lengkap dan radikal pada orang Melayu. Sekiranya revolusi ini dijalankan maka mereka akan dipulihkan dan dilema mereka akan berakhir. Negara akan dapat maju tanpa bebanan masalah orang-orang Melayu.

## BAB 8: Masalah Melayu

Di Malaysia, atau lebih tepatnya di Tanah Melayu, orang Melayu sedang menghadapi suatu masalah pribadi. Masalah ini ialah mengenai perasaan hati mereka yang sebenar terhadap Tanah Melayu dan Malaysia, terhadap berkongsi bumi orang Melayu dengan orang-orang lain. Masalah itu juga berkaitan dengan harapan mereka apabila kemerdekaan tercapai dan terhempasnya beberapa harapan mereka apabila berhadapan dengan realiti. Inilah kedudukan berbahaya yang tidak mahu dinyatakan oleh siapa jua di khalayak ramai oleh kerana beberapa sebab. Orang-orang Cina dan India berpendapat bahawa orang Melayu sedar bahawa mereka menghadapi masalah yang membingungkan, dan perbincangan umum mengenai masalah ini mungkin akan menimbulkan reaksi yang kait mengait dan tidak terkawal serta membawa bencana. Orang Melayu sendiri mengelakkan kenyataan terbuka mengenai masalah ini sebab masalah itu memalukan mereka dan memalukan orang-orang lain juga. Merekalah yang terutamanya bertanggungjawab memendam masalah orang Melayu yang khusus ini.

Pada zahirnya, sengaja mengelakkan perbincangan ini nampaknya baik. Perbuatan itu menjaga suasana tenteram yang disalahertikan sebagai keharmonian kaum di Tanah Melayu. Suasana ini menjadikan pentadbiran berjalan dengan baik. Ia menggalakkan pelaburan modal dan pembangunan. Namun, keadaan sebenarnya di sebalik ketenangan dan keharmonian yang zahir ini penuh dengan bahayanya. Tiap-tiap kaum, sama ada Cina, India mahupun Melayu berpegang teguh kepada kesetiaan kaum, akan terus membangkitkan masalah Melayu ini. Dan oleh kerana sesuatu golongan tidak mengetahui akan kekuatan pihak yang lain dan betapa hebatnya perasaan yang terlibat maka persaingan ini cenderung ke arah ketegangan yang mungkin meletup. Jika hal ini berlaku dan ada kemungkinan besar hal ini akan berlaku, maka kekurangan pengetahuan bersama akan menyebabkan tidak mungkin berlaku kompromi. Keadaan itu mungkin tidak terkawal lagi, dan akan terjadilah malapetaka. Apa yang terjadi di Nigeria akan menimpa

Malaysia pula.

Kecualilah bagi orang yang faham sifat orang Melayu, adalah satu paradoks bahawa orang-orang Melayu sendirilah yang lebih banyak menekan masalah ini. Oleh kerana itu perlulah diketahui keadaan orang Melayu yang khusus ini. Sifat ini merupakan sebahagian yang tidak dapat dipisahkan dari masalah ini. Sebenarnya sifat ini menyebabkan masalah tersebut menjadi lebih besar dan lebih kompleks. Orang Melayu bersifat sopan-santun dan tidak suka menonjol diri. Dunia mereka penuh dengan golongan bangsawan dan mereka tidak pernah jauh dari raja-raja dan pembesar-pembesar. Mereka lebih suka mengalah dan memberi hormat. Berbuat begitu adalah tanda bersopan. Perbuatan itu bukanlah hina. Sesungguhnya kelakuan itu merupakan asuhan yang baik. Sudah menjadi kebiasaan orang Melayu untuk undur ke tepi dan memberi jalan untuk orang lain lalu. Bukan sahaja mereka berundur ke tepi, malahan mereka juga menunduk untuk menunjukkan tanda hormat. Orang Melayu yang menerima penghormatan ini juga akan menunjukkan latar belakang pendidikannya yang baik dengan tidak mengambil sepenuh kesempatan yang diberikan. Sambil memberi jalan dia juga akan menunduk. Tiap-tiap seorang mengharapkan budi bahasa ini dari yang seorang lagi. Tetapi harapan ini akan putus sebaik sahaja pihak lain itu bukan orang Melayu. Orang bukan Melayu itu dikecualikan. Dia tidak tahu. Dia tidak patut disalahkan. Orang bukan Melayu selalunya diberi keistimewaan. Dia tidak diharapkan menyesuaikan diri. Dia boleh berkata atau berbuat perkara-perkara yang dianggap kurang ajar atau kurang sopan bagi orang Melayu. Malahan dia boleh berkelakuan paling tidak sopan dari pandangan orang Melayu di depan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu, dan tiada siapa jua yang akan berkata apa-apa. Hakikat bahawa orang Melayu bersedia memaafkan dan membiarkan sahaja orang bukan Melayu berbuat begitu tiap-tiap kali sudah merupakan dia telah mendapat asuhan yang baik. Memalukan tetamu adalah suatu perbuatan yang buruk dan orang bukan Melayu itu selalunya dianggap sebagai tetamu oleh orang Melayu, tetamu di negeranya.

Malangnya, amalan yang dianggap sebagai sopan-santun yang baik oleh orang Melayu telah disalah-ertikan oleh orang-orang bukan Melayu. Pihak British menganggap sifat memberi

hormat dan sentiasa mengalah orang Melayu itu sebagai bukti kelemahan dan rendah diri orang Melayu. Kebiasaan orang Melayu memanggil mereka 'tuan' dianggap oleh mereka sebagai penerimaan bahawa orang-orang Eropah adalah 'tuan' kepada orang Melayu.

Malahan salah sebuah kamus Bahasa Melayu-Inggeris karangan Winstedt secara keterlaluan menyatakan bahawa cara yang betul bagi orang Melayu, termasuk raja-raja, memanggil orang Eropah ialah dengan meletakkan kata hormat 'tuan' di depan nama mereka. Jika kesombongan ini tidak pernah ditentang secara terbuka ataupun jika kesalahan ini tidak pernah dibetulkan maka sebabnya ialah orang Melayu menganggap tidak sopan membetulkan kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh orang asing.

Orang-orang Cina dan India yang datang dari negara-negara yang penduduknya sangat ramai tidaklah begitu mengambil berat tentang tingkah laku dan sopan-santun. Dalam kehidupan mereka, kemuliaan yang selalunya dikaitkan dengan asuhan tidak pernah wujud. Yang mereka hormati hanyalah umur dan kekayaan semata-mata. Orang-orang Cina dan India tidak pernah faham akan kebiasaan mengalah diri oleh orang Melayu. Mereka tidak melihat amalan ini sebagai suatu petanda yang membayangkan asuhan yang baik. Mereka tidak terasa kagum dan tidak pula pernah mereka merasa perlu menirunya. Bagaimanapun, mereka dapati kebiasaan itu betul-betul menguntungkan mereka. Mereka dapati bahawa mereka tidak perlu mematumhinya, dan mereka boleh berbuat apa sahaja tanpa dicela. Mereka mendapati sangat beruntung kerana mereka dapat melakukan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh orang Melayu. Sesungguhnya mereka dapati bahawa di bumi Melayu ini mereka mempunyai kedudukan istimewa.

Sifat orang-orang Melayu yang sopan dan suka merendah diri itu hanyalah salah satu aspek daripada watak orang Melayu. Perasaan sabar yang selalu dipaksakan oleh orang Melayu ke atas diri sendiri bukanlah suatu kelaziman. Selalunya ada pergelutan dalam hati sanubari orang Melayu, iaitu satu pertelingkahan, dan pertelingkahan ini dinyatakan dalam pelbagai cara. Akibat pertama dan paling penting ialah dia menjadi pendiam dan mengongkong dirinya kepada kaumnya sendiri. Dia tidak pernah berterus terang kecuali dengan orang-orang

yang simpatinya betul-betul dapat dipercayai. Dan dia betul-betul dapat mempercayai hanya bangsanya sendiri. Oleh kerana itu pendapat-pendapat yang dilahirkan kepada orang-orang yang bukan sebangsa dengannya berbeza daripada pendapat-pendapat yang dilahirkan kepada orang-orang sebangsanya. Sudah barang tentu perbezaan ini lahir hanya apabila perkara yang hendak dinyatakan itu sesuatu yang tidak baik dan tidak menyenangkan. Sekiranya pendapat yang sebenar tidak menyebabkan apa-apa yang tidak baik atau kemarahan, maka dia tidak akan teragak-agak untuk menyuarakan pendapatnya itu kepada masyarakat sendiri dan juga kepada masyarakat lain. Oleh kerana itu adalah salah kalau orang Melayu diterima pada lahirnya sahaja. Lebih baik jika sopan-santunnya dan perasaan jijiknya terhadap perkara-perkara yang tidak baik difahami betul-betul. Pertelingkahan dalam dirinya itu sangat berbahaya dan sentiasa sahaja mencari jalan untuk lahir.

“Amuk” adalah sepatah perkataan Melayu. Perkataan ini sekarang difahami orang di seluruh dunia. Tidak ada sepatah perkataan lain yang dapat memberi huraian mengenai ‘amuk’. Dan sebabnya nyata sekali — kerana ‘amuk’ itu menerangkan satu lagi sifat Melayu. ‘Amuk’ merupakan curahan perasaan jasmaniah mengenai konflik yang terdapat di dalam diri orang Melayu yang timbul disebabkan pematuhan yang terus-terusan terhadap undang-undang dan peraturan dalam kehidupannya. Mengamuk merupakan akibat daripada kegetiran dalam hatinya yang meluap-luap dan melimpah ruah. Mengamuk merupakan putusannya ikatan yang mengikatnya. Itulah pelepasan diri yang terakhir dan yang selengkapnya dari segi latihan dan pertimbangan akal fikiran. Tekanan dan kongkongan terhadap dirinya telah dilepaskan, maka dia sudah tidak mempunyai tanggungjawab lagi. Tidak ada suatu apa yang penting. Dia bebas lepas. Ikatan dengan masa lampau sudah putus dan masa depan tidak mempunyai apa-apa makna. Yang pentingnya hanyalah sekarang. Dengan pengertian biasa dia naik darah. Dalam keadaan tidak sedarkan diri itu dia menyerang secara membabi-butu. Sifatnya yang pemalu, merendah diri itu telah berubah. Dia sekarang menjadi harimau — kejam, tidak berperasaan dan mahu memusnahkan semua. Akan tetapi, peralihan dari orang Melayu yang sopan-santun dan merendah diri kepada pengamuk itu selalunya merupakan proses yang

sangat perlahan. Proses ini tersangat perlahan hinggalah kadang-kadang peralihan ini tidak berlaku langsung. Dia mungkin akan mati sebelum pergolakan dalam dirinya ini meletus.

Sekarang mengamuk hanyalah menjadi legenda. Peradaban telah menundukkan orang Melayu. Dia masih menyimpan perasaan dendamnya tetapi dia dapat mengawalinya dengan lebih baik. Dengan itu, dia sudah menjadi orang yang lebih baik kerana sifat itu. Namun begitu, sifat ini masih menjadi sebahagian penting dari peribadinya, satu sifat asas dalam perwatakannya.

Ada lagi segi-segi lain sifat orang Melayu. Buat masa ini segi-segi itu tidaklah mustahak. Semuanya ada hubungan dengan masalah orang Melayu, tetapi ciri-ciri ini lebih bersangkutan paut dengan soal menyelesaikan masalah tersebut, bukannya memahami kemungkinan bahaya masalah itu. Ciri-ciri ini akan dibincangkan kemudian nanti.

Kajian ringkas mengenai beberapa aspek sifat orang Melayu hanyalah sekadar untuk menunjukkan bahawa masalah mereka adalah lebih berbahaya daripada bukti-bukti yang ternampak berkenaannya. Tujuannya ialah memusatkan perhatian kepada sifat 'keanehan' orang Melayu memendam perasaan tidak puas hati mereka. Sekarang dapatlah difahami mengapa sepanjang-panjang sejarah orang Melayu nampaknya berpuas hati berundur selangkah demi selangkah ke belakang. Nampaknya secara lembut mereka telah menyerahkan setiap kuasa dan kekuasaan di tanah air mereka.

Pihak berkuasa British mengambil alih kuasa di Tanah Melayu secara yang tidak disedari dan seolah-olah dengan kerjasama orang Melayu, dari Sultan hinggalah kepada orang kampung biasa. Pembunuhan seorang Residen British sedikit pun tidak mengganggu proses ini, malahan perbuatan itu menyebabkan pihak British lebih bermuslihat dan licik. Mereka mulai mengerti arus tidak puas hati yang terpendam di kalangan orang Melayu selama ini, dan pertelingkahan di antara perasaan ini dengan kesopanan semulajadinya. Mereka telah belajar cara melembutkan hati orang Melayu. Tahulah mereka sejauh mana mereka dapat bertindak. Semenjak itu dan seterusnya usaha mereka untuk mengambilalih kuasa secara beransur-ansur tidak lagi mengalami peristiwa-peristiwa yang kurang menyenangkan-

kan. Kemasukan pendatang, pada mulanya hanya menetes-  
netes telah menjadi arus sewaktu pemerintahan British, telah  
mengeneppikan orang Melayu, seolah-olah tiada tentangan dari  
mereka.

Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua sudah terdapat  
tanda-tanda bahawa orang Melayu telah sedia untuk mempe-  
cahkan belenggu kelemahan yang mereka kenakan ke atas diri  
mereka sendiri. Kesatuan Melayu Muda sudah hampir  
berselisih secara terbuka dengan Residen British apabila Jepun  
menyerang. Jabatan Perisik British tahu akan hal ini tetapi pihak  
Westminster tidak tahu. Demikianlah rancangan Malayan  
Union telah disusun oleh Kerajaan British yang tidak menge-  
tahui keadaan di sini. Rancangan ini bertujuan merampas segala  
kekuasaan dan kedudukan orang Melayu yang masih ada pada  
mereka di Tanah Melayu. Seorang pegawai perkhidmatan  
awam yang bongkok telah diberi tugas untuk merancang usaha  
pura-pura mematuhi kehendak undang-undang, walhal se-  
benarnya tindakan telah pun diambil bagi pelaksanaannya.  
Sekali lagi perasaan tidak puas hati yang terpendam di kalangan  
orang Melayu mengancam untuk meletup. Orang Melayu yang  
menganggap diri mereka hanya sebagai rakyat kepada raja-raja  
di negeri masing-masing secara tiba-tiba bersatupadu untuk  
menghadapi bahaya yang menggugat mereka. Sekali lagi pihak  
British, yang sensitif dan sedar akan peristiwa-peristiwa lalu,  
mengalah secara terhormat. Sifat budiman orang Melayu sedar  
akan tindakan tersebut. Orang yang budiman telah bertindak  
seperti yang sepatutnya dilakukan oleh orang budiman. Kedu-  
dua pihak berbaik semula. Sesungguhnya perasaan hormat  
kepada pihak British semakin tinggi.

Setelah diberi jaminan dan ditenteramkan, orang Melayu  
sekali lagi menjadi budiman yang sopan. Tetapi tidak lama  
kemudian nyatalah pihak British hendak mencubanya sekali  
lagi. Perjuangan menentang prinsip-prinsip Malayan Union  
belumah selesai. Orang Melayu mulai sedar akan tindak-tanduk  
yang akan digunakan oleh pihak British. Mereka kini sentiasa  
berhati-hati dan meneliti keadaan sesudah diperlakukan begitu  
rupa dalam peristiwa Malayan Union dahulu. Dalam keadaan  
sentiasa waspada, mereka menentang tindakan British itu  
dengan cara tidak langsung. Sampai setakat ini kita sudah  
melihat bahawa pihak British pandai mengendalikan orang

Melayu. Setiap kali apabila keadaan nampaknya tidak terkawal maka mereka lazimnya akan berundur secara terhormat. Orang Melayu yang berasa lega ini kemudian berdepan pula dengan tindakan-tindakan baru yang lebih bijaksana. Kesimpulan dari segala-gala itu orang Melayulah yang rugi.

Semasa pihak British berada di Tanah Melayu mereka menjadi pemisah atau 'buffer' antara orang Melayu dengan pendatang-pendatang Cina dan India. Perhubungan di antara kedua-dua kaum pendatang ini dengan orang Melayu dikekalkan ke tahap paling rendah, baik dari segi pentadbiran mahupun dari segi sosial. Kehadiran Pelindung-pelindung British bagi orang Cina dan agen-agen untuk orang India bererti bahawa masalah kaum-kaum pendatang itu terletak di luar bidang kuasa pegawai-pegawai Melayu. Pengasingan dan perbezaan bahasa dan budaya menyekat perhubungan sosial. Akibatnya pendatang-pendatang ini tidak begitu mengetahui tabiat dan sifat orang Melayu dan mereka langsung tidak tahu bagaimana hendak berurusan dengan orang Melayu.

Tetapi dengan kemerdekaan British tidak lagi menjadi pemisah atau 'buffer'. Tiba-tiba sahaja perhubungan dimulakan bagi semua peringkat di antara orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu. Keadaan beransur-ansur menjadi lebih tegang apabila orang Melayu, dengan sopan-santun lamanya dan keenggannya memalukan orang lain, berhadapan dengan orang-orang yang tidak menghargai sifat-sifat ini dan tidak pula tahu bagaimana berurusan dengan mereka. Mujurlah ada cukup ramai pemimpin bukan Melayu dalam teraju Kerajaan yang tahu akan masalah orang Melayu dan cara-cara British mengelakkan pergaduhan yang mungkin berlaku itu. Tetapi setelah bertahun-tahun semenjak Merdeka bilangan pemimpin-pemimpin yang bijak ini tidaklah ditambah. Pemimpin-pemimpin bukan Melayu dan generasi yang baru hanya dapat melihat orang Melayu sebagai penghalang kemahuan kaum mereka untuk maju tanpa sekatan. Mereka melihat sifat sopan-santun dan perasaan takut orang Melayu kepada huru-hara sebagai kelemahan yang harus dipergunakan, bukan difahami.

Jurang ini semakin lebar. Toleransi digantikan dengan kesetiaan yang sempit. Masalah ini membesar hari demi hari dan konflik di dalam diri orang Melayu sendiri semakin memuncak. Sopan-santun dan keinginan mengelakkan keadaan yang tidak

diingini bertembung dengan keperluan memelihara diri sendiri. Berapa lamakah sopan-santun dan asuhan akan terus diutamakan? Sejauh manakah masalah Melayu dapat digelembungkan sebelum meletus? Jawapannya tentulah terletak pada orang-orang Melayu, Cina dan India. Kita mestilah mempelajari taktik British. Kita harus belajar memahami masalah ini. Kita harus tahu akan asasnya, besarnya dan dasar kebenarannya. Perkara yang menyakitkan hati orang-orang Melayu mestilah dileraikan. Satu penyelesaian haruslah dicari, satu penyelesaian adil yang memberi segala sesuatunya kepada orang lain tetapi dalam pada itu memberikan kepada orang Melayu tempatnya di bumi Tanah Melayu ini. Masalah orang Melayu itu haruslah dinyatakan, dianalisa dan dinilai supaya kita dapat mencari penyelesaiannya. Masalah ini haruslah dihadapi dan dihadapkan sekarang juga, iaitu sebelum terlambat.

Secara tiba-tiba sedarlah orang Melayu bahawa dia tidak boleh menganggap Tanah Melayu sebagai tanah airnya. Tidak ada lagi *Tanah Melayu* — tanah air bagi orang Melayu. Dia sekarang sudah jadi orang lain, orang Malaysia, tetapi orang Melayu Malaysia dengan kuasanya di Tanah Melayu — tanah airnya — sekarang bukan sahaja diperkongsikan dengan orang lain, malahan diperkongsikan secara tidak sama rata. Tambahan pula dia sekarang diminta supaya melepaskan lebih banyak lagi pengaruh yang ada padanya.

Ini adalah pendirian asasi orang Melayu yang ditentang oleh kaum-kaum lain. Orang Melayu mendakwa Tanah Melayu sejak dahulu hinggalah sekarang adalah tanah air mereka. Jika kewarganegaraan hendak diberikan kepada kaum-kaum lain yang telah menetap dan menjadikan Tanah Melayu ini tempat tinggal mereka, maka terserahlah kepada orang Melayu untuk menentukan bentuk kewarganegaraan, keistimewaan dan tanggungjawab mereka. Setelah menjadi warganegara, orang-orang bukan Melayu bukan sahaja sama-sama berkongsi Malaysia dengan orang Melayu tetapi juga syarat-syarat bagi seseorang warganegara dan syarat-syarat kewarganegaraan itu sendiri. Ini termasuklah perkara-perkara yang tidak sepatutnya ditukar oleh warganegara yang baru itu.

Apakah Tanah Melayu tanah air orang Melayu? Sesungguhnya orang Cina dan India pun telah berada di sini begitu lama dan mereka juga mempunyai hak menuntut yang sama

serupa dengan orang Melayu. Lagi pula orang Melayu bukanlah penduduk pertama di Tanah Melayu. Orang-orang Asli sudah tinggal di sini sebelum orang Melayu. Jika orang Melayu dapat mengambil tanah ini daripada orang Asli maka orang Cina dan orang India pun boleh berbuat begitu. Oleh kerana itu orang-orang Cina dan India haruslah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang Melayu. Kempen yang halus untuk menafikan hakikat yang telah lama diterima tentang hak asasi orang Melayu ke atas Tanah Melayu bermula dengan konsep gagasan Malayan Union yang dianjurkan oleh British. Kempen ini juga tenggelam timbul seiring dengan perubahan politik Tanah Melayu. Akhirnya yang menjadi kemuncaknya ialah kenyataan sangat terkenal yang dibuat oleh Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew, sebelum Singapura menarik diri dari Malaysia, yakni 'kami (orang Cina) berada di sini kerana hak'. Dengan lain-lain perkataan orang Melayu tidak mempunyai hak yang lebih terhadap Semenanjung Tanah Melayu daripada orang-orang Cina atau India.

Siapa yang memiliki negara mana sudah menjadi punca peperangan dan pertelingkahan sejak permulaan zaman lagi. Pihak-pihak yang terlibat dalam pertelingkahan ini tidak pernah mencapai persetujuan biar apa jua kebaikan yang dikemukakan atau akibat pertempuran atau peperangan. Rasanya sia-sialah mencuba memberikan sebab-sebab dakwaan orang Melayu di sini. Tetapi mujurlah ada pula negara-negara yang mempunyai masalah seperti di Tanah Melayu dan penerimaan dunia terhadap dasar kewarganegaraan dan tokoh-tokoh antarabangsa telah menyediakan asas bagi memperkuatkan tuntutan orang Melayu. Salah satu contohnya ialah Australia. Orang-orang British yang menetap di Australia hanya baru beberapa kurun yang lalu telah secara sepihak membahagi-bahagikan tanah orang-orang Asli Australia itu sesama mereka. Tetapi sekarang tidak siapa pun secara sungguh-sungguh menganggap bahawa orang putih Australia tidaklah begitu berhak memerintah Australia seperti penduduk peribuminya. Orang-orang Australia diterima oleh persetujuan antarabangsa sebagai bangsa Australia.

Penerimaan dan pengiktirafan antarabangsa sangatlah penting bagi menegakkan identiti kebangsaan. Pengiktirafan ini berlaku dalam berbagai bentuk. Bentuk yang paling konkrit

ialah perwakilan diplomatik, tetapi apabila tidak ada wakil ditauliahkan, kerajaan ataupun pihak yang berkuasa bagi jajahan yang mana negara-negara asing berunding, membuat perjanjian dan berdagang, menjadi kaum ataupun pemerintah yang sah bagi kawasan berkenaan. Hakikat bahawa seluruh dunia berunding dan berurusan dengan orang-orang Australia dan bukan dengan kaum Asli Australia mengukuhkan pengiktirafan bahawa Australia adalah hak kepunyaan kaum pendatang Australia.

Kita tahu yang pendatang Australia yang pertama adalah dari keturunan British. Kemudiannya datang pula penduduk yang berketurunan Eropah lainnya. Tetapi menjelang datangnya kaum-kaum lain, orang Australia telah diiktirafkan sebagai personaliti antarabangsa. Dia bercakap Inggeris, mengamalkan adat yang pada dasarnya adat resam Inggeris dan menganuti agama Kristian. Dia menerima hubungan dengan Raja British dan malahan apabila negaranya merdeka sekali pun, dia masih memelihara hubungan tersebut. Penegakan identiti ini bermakna bahawa pendatang-pendatang Eropah yang datang kemudian dan pendatang-pendatang Asia juga patut mematuhi identiti ini. Kalau mereka gagal mematuhi identiti ini bermakna mereka gagal memperolehi kedudukan yang sah sebagai rakyat Australia. Hakikat bahawa penduduk bukan British telah memutuskan semua hubungan dengan negara asal mereka dan tidak berniat hendak meninggalkan Australia, tidaklah secara automatik menempatkan mereka sebagai rakyat Australia. Penduduk tetap Australia menentukan bila pendatang baru boleh menyebut dirinya rakyat Australia.

Sekiranya dia mematuhi syarat-syarat yang lazim untuk menjadi rakyat Australia maka barulah dia memperoleh status yang sah dan keturunannya akan menjadi rakyat Australia. Bagaimanapun, haknya dan hak anak-anaknya sebagai rakyat Australia tidak melampaui hingga menuntut definisi tentang rakyat Australia itu diubah supaya bahasa, adat resam dan tradisi sesuai dengan bahasa, adat resam dan tradisi negara asalnya. Orang Australia dari keturunan Rusia tidak akan menuntut agar bahasa dan adat resam Rusia patut dijadikan bahasa dan adat resam Australia kerana dia mempunyai hak yang sama dengan orang-orang Australia lainnya. Orang Cina Australia tidak akan meminta supaya kebudayaan dan bahasa

Cina diterima sebagai kebudayaan dan bahasa Australia.

Dengan lain perkataan, oleh kerana personaliti antarabangsa Australia telah ditegakkan, dan oleh kerana orang Australia sendiri ingin memelihara identiti tersebut, maka tidak ada orang Australia yang boleh mengubahnya mengikut tafsirannya sendiri. Orang-orang Australia yang datang terdahulu dan yang bercakap Inggeris tidak akan mengizinkan tindakan seperti itu dan mereka akan mengambil langkah-langkah untuk mencegah agar kedudukan mereka tidak akan menjadi lemah. Mereka akan menyingkirkan orang-orang neo-Australia dan mencegah kemasukan pendatang-pendatang seperti itu.

Sesungguhnya, seluruh dasar imigrasi, pentadbiran dan pelajaran direncanakan untuk terus mengekalkan keperibadian orang Australia sebagai orang kulit putih, bercakap Bahasa Inggeris, adat resam Inggeris dan menganuti agama Kristian pada dasarnya. Imigrasi dikawal sedemikian rupa hingga senantiasa terdapat cukup orang Australia tetap untuk mengurangkan pengaruh pendatang-pendatang baru ini.

Amerika adalah sebuah lagi negara dengan sejarah dan dasar yang serupa dengan Australia. Walaupun orang-orang Red Indian Amerika mempunyai organisasi yang lebih baik dan lebih maju daripada orang-orang Asli Australia tetapi mereka tidak pernah dianggap sebagai pemilik Amerika Syarikat dari sudut antarabangsa. Orang-orang yang menetap di berbagai bahagian yang sekarang ini disebut Amerika Syarikat bukanlah semua berketurunan Anglo-Saxon, malah semenjak dari mulanya. Ketiga-tiga belas koloni itu ialah koloni British. Ramai orang Belanda menetap di New Amsterdam yang kemudiannya dinamakan New York. Louisiana di Selatan dihuni oleh orang Perancis. Oleh kerana bilangan mereka yang besar dan melalui peperangan dan perundingan, keturunan Anglo-Saxon yang berbahasa Inggeris itu telah menguasai Amerika dan membangunkan imej tetap orang Amerika. Arus pendatang Eropah yang berturut-turut datang selepas itu akhirnya mengatasi jumlah bangsa British tulen, tetapi, kerana begitu ketat peraturannya maka bahasa dan kebudayaan Inggeris tetap menjadi asas keperibadian Amerika.

Di Amerika sekarang ini terdapat kelompok-kelompok orang yang masih menggunakan bahasa negara asal mereka dan sedikit sebanyak adat resam dan agamanya. Orang-orang Yahudi, Itali,

Puerto Rico dan malahan orang Cina juga tinggal dalam masyarakat yang tersendiri dengan menggunakan bahasa mereka sendiri. Malahan mereka mempunyai surat khabar sendiri. Mereka masih memelihara ikatan dengan 'negara' lama mereka. Tetapi sebagai orang Amerika, mereka bertutur dalam Bahasa Inggeris dan tidak mencuba mengusahakan agar bahasa dan kebudayaan mereka sendiri diiktirafkan sebagai bahasa dan kebudayaan Amerika Syarikat. Sesungguhnya sesudah mereka mencapai pengiktirafan umum mereka pun cuba melupakan bahasa dan negara asal mereka, cuba keluar dari kawasan meleset atau ghetto dan memulakan hidup baru sebagai orang biasa Amerika. Mereka kemudian menjadi lebih 'American' daripada orang Amerika, dan dengan penuh cemburu mereka mengawal undang-undang imigrasi, dasar pelajaran dan lain-lain jentera kerajaan agar konsep Amerika yang diterima ramai itu terus kekal.

Lebih dekat dengan tanah air kita ialah Negeri Thai dan Vietnam. Negeri Thai mempunyai salah satu masyarakat minoriti Cina yang terbesar. Menurut anggaran kasar kira-kira tiga juta orang Cina terdapat di negara itu yang mempunyai 25 juta orang penduduk. Tambahan pula sebahagian besar daripada orang Cina ini telah berkahwin dengan orang Thai dan dianggap sebagai orang Thai. Imigrasi Cina ke Negeri Thai bermula pada masa yang sama sewaktu orang Cina memulakan kembara mereka ke kawasan-kawasan yang masih mereka sebut kawasan Selatan. Negara-negara di tanah besar Asia Tenggara dianggap sebagai negara taklukan Maharaja China dan perwakilan diplomatik Cina lebih dahulu diberi tauliah daripada sebarang negara lain. Akhirnya hasrat mereka untuk berniaga dan memperolehi kekayaan telah menyebabkan semakin bertambah orang Cina pindah dan menetap di negara-negara Asia Tenggara. Orang Cina ini tidak ingin menuntut kerakyatan negara tempat mereka menetap sehinggalah sejak akhir-akhir ini.

Negeri Thai menyedari bahayanya hegemoni ekonomi orang Cina semenjak awal-awal lagi. Tidaklah diketahui dengan tepat bilakah orang Thai sedar bahawa masyarakat Cina yang besar dan yang tidak diserap itu mungkin menjadikan Negeri Thai sebuah negara taklukan Maharaja China. Dalam hal ini perlu pula disedari bahawa Negeri Thai terlalu dekat dengan negeri China. Akan tetapi yang pasti ialah semenjak awal-awal sejarah

Negeri Thai, peraturan untuk menghalang pengaruh masyarakat Cina yang semakin bertambah daripada menjejaskan identiti kebangsaan dan antarabangsa orang Thai telah dikenakan secara sewenang-wenangnya. Kahwin campur dan penyerapan kebudayaan, bahasa dan agama Thai digalakkan melalui sekatan-sekatan pekerjaan dan perniagaan yang dikenakan ke atas orang Cina tulen. Pentadbiran dipelihara dengan tegas supaya kekal di dalam kekuasaan orang Thai ataupun dalam tangan orang berketurunan Cina-Thai yang patuh kepada keperibadian Thai. Dalam sejarah Negeri Thai tidak pernah terjadi pertelingkahan mengenai siapa yang lebih berhak terhadap Negeri Thai. Walau apa pun masyarakat asing yang datang menetap di Negeri Thai, namun orang Thai yang tetap inilah yang mempunyai kata putus mengenai siapa yang berhak menjadi warganegara. Hakikat bahawa sekarang ini ada tiga juta orang Cina yang mempunyai taraf penduduk tetap Negeri Thai tidaklah bererti mereka mendapat hak menyebut diri mereka sebagai orang Thai dan menuntut agar kebudayaan dan bahasa mereka diterima sebagai bahasa dan kebudayaan Thai.

Pada asalnya orang Cina berada di Vietnam sebagai pemerintah. Orang Cina tidak pernah diserapkan sepenuhnya di Vietnam. Semasa pemerintahan Perancis orang Cina hidup berasingan dari orang Vietnam. Tidak pernah timbul keraguan tentang siapa yang memiliki Vietnam. Orang Vietnam mewarisi Vietnam dari Perancis. Mereka kemudian mengambil langkah menyekat orang Cina (yang berjumlah lebih kurang 2 juta) dalam masyarakat mereka. Keturunan Cina yang datang sebagai penakluk dan juga pedagang Cina yang datang kemudian adalah dianggap sebagai orang asing tanpa hak kerakyatan. Orang Cina lebih lama tinggal di Vietnam daripada di tempat-tempat lain di Asia Tenggara. Negara mereka berjiran, agama mereka sama dan nama mereka pula hampir-hampir tidak dapat dibezakan. Tetapi bangsa Vietnam berkeras mengatakan bahawa merekalah yang memiliki Vietnam dan mereka sahaja yang boleh menentukan siapa dan apa dia orang Vietnam.

Di tempat-tempat lain di Asia Tenggara orang Cina sudah tinggal lama seperti lamanya mereka tinggal di Malaysia. Tetapi di mana-mana pun, mereka tidak pernah mendakwa ataupun diterima sebagai penduduk peribumi negara berkenaan.

Pokok perbincangan saya ialah bahawa orang Melayu adalah pemilik Tanah Melayu yang sah. Jadi jika sekiranya kerakyatan hendak diberikan kepada kaum-kaum lain yang bukan keturunan Melayu maka pemberian itu patut dibuat berdasarkan persetujuan orang Melayu. Persetujuan itu bersyarat.

Kesimpulan kita yang pertama dari kajian mengenai negara-negara lain ialah bahawa kehadiran penduduk peribumi sebelum negara itu diduduki oleh kaum-kaum lain tidaklah bermakna negara itu diiktirafkan dari sudut antarabangsa dimiliki oleh penduduk peribumi. Orang asli terdapat di Australia, Taiwan dan Jepun, sc kadar beberapa contoh, tetapi mereka tidak pernah dianggap sebagai orang tetap di negara berkenaan. Orang-orang tetap adalah mereka yang mula-mula membentuk kerajaan dan kerajaan inilah pula yang diiktiraf oleh negara-negara lain dan dengan kerajaan inilah negara-negara lain itu menjalankan segala urusan rasmi dan mengadakan perhubungan diplomatik.

Ada pula satu syarat lain. Orang-orang yang mula-mula membentuk kerajaan yang berkesan dan warisan-warisan mereka yang sah mestilah senantiasa lebih ramai jumlahnya daripada puak-puak orang asli yang ada di dalam sesuatu negara itu. Beginilah halnya di negara-negara yang saya sebutkan, tetapi di Afrika Selatan, Kenya dan Rhodesia (kini Zimbabwe) orang asli lebih ramai jumlahnya daripada kaum-kaum yang membentuk kerajaan berkesan yang pertama.

Kita tahu sikap dunia moden terhadap keadaan di negara-negara ini. Walaupun kerajaan kulit putih di Kenya ialah kerajaan pertamanya yang berkesan, tetapi pendapat moden berkeras mengatakan bahawa orang-orang kulit hitam Afrika yang asal sepatutnya membentuk kerajaan dan dianggap penduduk tetap Kenya oleh sebab jumlah mereka lebih besar daripada jumlah orang kulit putih dan oleh kerana merekalah orang asal tempat tersebut. Lama-kelamaan, disebabkan tekanan pendapat-pendapat dunia maka keadaan telah berubah di Kenya. Alasan-alasan yang sama juga boleh digunakan bagi Afrika Selatan dan Rhodesia meskipun terdapat hakikat bahawa penduduk kulit putihlah, di kedua-dua buah negara ini, yang membentuk kerajaan berkesan yang pertama dan telah diterima sejak lama dahulu di kalangan antarabangsa sebagai orang tetap, namun mereka diminta supaya mengalah kepada orang-orang Afrika kulit hitam yang jumlahnya jauh lebih besar daripada

jumlah orang kulit putih itu dan merekalah juga dari segi etnik ada kaitan dengan kawasan-kawasan tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa di Tanah Melayu orang Melayulah yang mula-mula sekali membentuk kerajaan yang berkesan. Negeri-negeri Melayu telah diiktiraf di kalangan antarabangsa sejak permulaan sejarah Tanah Melayu lagi. Perniagaan, perjanjian dan perwakilan diplomatik dengan negara-negara lain dirundingkan dengan kerajaan negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu yang diperintah oleh orang Melayu. Orang Melayu selamanya menjadi orang tetap di Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang asli tidak pernah diberi pengiktirafan seperti itu dan mereka sendiri pun tidak pernah mendakwa bahawa mereka ada menerima pengiktirafan seperti itu. Tidak pernah diketahui adanya kerajaan orang asli ataupun negeri yang diperintah oleh orang asli. Lagi pula jumlah mereka tidak pernah melebihi jumlah orang Melayu pada bila-bila masa pun. Adalah nyata, bahawa jika sekarang ini ada empat juta orang asli, hak orang Melayu untuk menganggap Semenanjung Tanah Melayu sebagai milik mereka akan dipersoalkan oleh dunia. Tetapi sesungguhnya orang asli itu berjumlah hanya beberapa ribu orang sahaja.

Kerajaan Maharaja China menerima upeti dari beberapa buah negeri Melayu. Perbuatan ini dengan sendirinya merupakan satu bentuk pengakuan Negeri China terhadap wujudnya negeri-negeri Melayu dan sahnya kerajaan Melayu itu dari segi undang-undang. Oleh kerana itu, jika amalan antarabangsa dijadikan ukuran, maka orang Melayu adalah orang tetap di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu pemerintah yang asal dan sebenar dan pemilik Tanah Melayu. Tidak ada sebarang kaum lain yang mempunyai alasan untuk membantah hakikat ini. Sejarah, terutama sejarah baru-baru ini, tambah memperkuat lagi tuntutan orang Melayu ini. Segala urusan dengan kerajaan-kerajaan dan orang asing dibuat dengan raja-raja Melayu sebagai pemerintah negeri-negeri tersebut. Tidak ada siapa lagi yang pernah mengaku dirinya mempunyai hak untuk mengadakan perjanjian atau persetujuan bagi pihak Semenanjung Tanah Melayu. Melaka dirampas oleh Portugis daripada orang Melayu. Kemudiannya, negeri itu terlepas dari Portugis kepada Belanda dan dari Belanda kepada British. Pulau Pinang pula dipajakkan kepada British oleh Sultan Melayu

Kedah, kemudian Seberang Perai ditambahkan pula kepada jajahan British Pulau Pinang, juga dengan perjanjian dengan Sultan Kedah. Daerah Dinding dan Pulau Pangkor dipajakkan oleh Sultan Melayu Perak. Apabila kedua-dua daerah ini sudah tidak berguna lagi kepada British maka daerah-daerah tersebut dipulangkan kembali kepada Sultan Negeri Perak. Tidak ada apa-apa soalan yang pernah dibangkitkan sama ada rakyat jajahan British di kedua-dua kawasan seharusnya mewarisi jajahan itu. Malahan pendapat mereka tidak pernah diminta. Dan tidak ada bantahan atau hasutan yang berlaku apabila daerah Dinding dan Pulau Pangkor dikembalikan kepada Perak.

Berkenaan dengan Singapura, pihak British telah menipu Maharaja Johor. Nyatalah bahawa seandainya tidak terjadi penukaran sultan di Johor, secara rahsia diatur oleh pihak British, maka Singapura tidak mungkin diserahkan kepada pihak British. Bahawa semua ini perlu dilakukan menunjukkan bahawa pihak British mengetahui dan mengakui hak orang Melayu ke atas pulau Singapura.

Dalam sejarah pentadbiran British di Tanah Melayu selepas itu, orang Melayu dan raja-raja Melayu sahajalah orang-orang yang diminta pendapatnya dan yang diakui oleh British sebagai orang tetap di Tanah Melayu. Di Negeri-negeri Selat, pihak British memerintah dengan tidak mempedulikan orang Melayu. Hal ini mungkin kerana raja-raja Melayu tidak dapat membantah. Sultan Kedah memang telah berusaha untuk mendapatkan kembali Pulau Pinang tetapi mengalami kekalahan teruk di tangan askar upahan British. Sesudah kejadian ini maka dirasakan lebih baiklah British dibiarkan sahaja. Nyatalah kepada orang Melayu bahawa apabila kawasan-kawasan dipajakkan kepada pihak British, maka mereka akan bertindak bukan sebagai pemajak malah sebagai pemilik yang sah ataupun sebagai tuan tanah. Kalau tidak ada angkatan tentera yang boleh mengalahkan kuasa British maka sebarang percubaan untuk memaksa pihak British mengubah takrif mereka tentang perkataan 'pajakan' itu akan sia-sia sahaja.

Di tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu, pihak berkuasa British memerintah melalui orang Melayu. Memang diakui pula bahawa orang Melayu tidak mempunyai pilihan kecuali mengikut sahaja perintah pihak British. Terdapat kepalsuan perkataan-perkataan yang ditulis di dalam berbagai

perjanjian dengan British dan menurut perjanjian-perjanjian tersebut raja-raja Melayu 'mesti menerima nasihat Penasihat-penasihat British apabila nasihat diberikan'. Ini sudah tentu akan memalukan semua orang lain kecuali pihak British. Cara ini membolehkan British melakukan apa sahaja yang mereka suka. Dan yang mereka suka tidak ada hadnya. Antaranya termasuklah memecat raja-raja dan mengubah undang-undang penggantian waris mereka.

Akan tetapi hakikatnya masih juga pihak British yang memerintah Tanah Melayu melalui orang Melayu dan bukan melalui orang lain. Memanglah benar bahawa badan-badan penasihat perundangan mengandungi beberapa orang bukan Melayu, tetapi tugas badan-badan ini sedikit sekali kena mengena dengan kuasa eksekutif. Badan-badan ini dapatlah dikatakan sebagai semata-mata untuk menebus malu British. Orang-orang bukan Melayu yang dilantik menjadi ahli dewan perundangan di negeri-negeri Melayu sebenarnya adalah 'pak turut' semata-mata. Semua perubahan yang utama, seperti membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan cadangan sebuah Kesatuan Kastam yang meliputi semua negeri di Tanah Melayu, dirundingkan secara langsung dengan sultan-sultan sebagai ketua eksekutif yang sebenarnya bagi tiap-tiap negeri.

Penaklukan Tanah Melayu oleh Jepun tidak mengubah kedudukan raja-raja Melayu. Jepun membiarkan mereka sebagai sultan, walaupun Kerajaan Tentera Jepun merasa tidak perlu meminta nasihat mereka dalam hal ehwal pentadbiran atau dasar. Semasa peperangan sedang melanda Asia Tenggara, Jepun telah memindahkan keempat-empat buah negeri Melayu di utara kepada pemerintahan Thai. Negeri Thai memerintah negeri-negeri ini melalui gabenor tentera tetapi mereka tidak pun menghapuskan kedudukan raja-raja. Sesungguhnya pula sultan-sultan itu lebih istimewa kedudukan mereka di bawah pemerintahan Thai daripada di bawah pemerintahan Jepun.

Kekalahan Jepun diikuti dengan beberapa perubahan di dalam pentadbiran wilayah-wilayah yang dahulunya terletak di bawah naungan British. Raja Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara British telah diminta menyerahkan kekuasaan mereka di kedua-dua wilayah itu kepada Kerajaan British. Mereka tidak mempunyai pilihan lain. Apabila salah seorang anggota keluarga Brooke membantah maka tindakan yang di-

ambil terhadapnya membayangkan keazaman British mengenai hal ini. Malahan pembunuhan Gabenor British di Sarawak pun tidak menghalangi pihak British.

Di Tanah Melayu, rancangan British telah mengeneipkan bagi kali pertamanya amalan-amalan yang sudah-sudah, iaitu berunding dengan raja-raja Melayu yang memerintah negeri ini. Kerajaan Buruh di Britain pada waktu itu, kerana kurang pengetahuan atau tidak mempunyai pengetahuan tentang negara ini, merasakan sultan-sultan Melayu itu tidaklah begitu demokratik. Oleh itu, mereka hendak diturunkan kepada ketua agama semata-mata dan pentadbiran negara akan diambil alih sepenuhnya oleh British. Tambahan pula semua orang yang tinggal di Tanah Melayu akan dijadikan warganegara dan mempunyai hak yang sama seperti orang Melayu. Memanglah kalau mengenai soal membahagikan harta benda orang lain pihak British bersikap dermawan. Misalnya di Palestin, seluruh negeri itu diambil dari orang Arab dan diberikan kepada orang Yahudi.

Bagaimanapun, sikap mahu merasmikan sesuatu masih kekal pada pihak British. Walaupun mereka mempunyai kuasa dan kekuatan untuk mengeneipkan sultan-sultan dan orang Melayu, namun mereka masih mahu memperolehi persetujuan yang rasmi dari para sultan untuk gagasan Malayan Union yang dicadangkan itu. Sesuai dengan itu seorang pegawai dari Palestin telah dipilih untuk menjalankannya. Secara tergesa-gesa persetujuan itu diperolehi secara paksa dari kesembilan raja Melayu setelah mereka diancam bahawa mereka tidak akan diiktiraf jika mereka berdegil. Perkara yang hendak ditekankan di sini ialah bahawa sekalipun pada waktu paling genting dalam perhubungan di antara orang Melayu dan British, pihak British masih mengakui secara rasmi kuasa sah yang dipegang oleh sultan-sultan Melayu di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu. Ini diperkukuh lagi apabila British telah memulihkan status raja-raja Melayu selepas berlaku tentangan dan rusuhan hebat oleh orang Melayu. Ini telah memaksa British menarik balik rancangan mereka untuk membentuk Malayan Union.

Sejak dari itu dan seterusnya segala perubahan yang berlaku sehingga tercapai kemerdekaan Tanah Melayu dalam tahun 1957 dibuat dengan perundingan dan persetujuan sepenuhnya dari raja-raja Melayu dan juga dengan bangsa Melayu diwakili oleh parti politik Melayu yang terbesar, iaitu Pertubuhan

Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Maka jelaslah bahawa sehingga mereka menyerahkan kuasa mereka pada Hari Kemerdekaan dalam bulan Ogos tahun 1957, British mengakui bangsa Melayu sebagai satu-satunya bangsa yang perlu dirujuk untuk mendapatkan persetujuan mereka sebelum sebarang perubahan dilakukan di Tanah Melayu. Kaum-kaum lain juga dibawa berunding tetapi sebarang cadangan yang ditentang oleh orang Melayu tidak akan lulus sama sekali.

Sejak Merdeka telah timbul berbagai pendapat lain mengenai tuntutan persamaan hak orang Cina dan India dengan orang Melayu terhadap Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara mereka sendiri. Tuntutan-tuntutan ini mengenyepikan semua kejadian yang dapat dijadikan tauladan dan fakta sejarah. Salah satu dakwaan yang agak menarik ialah bahawa orang-orang Cina dan India adalah orang-orang yang telah memajukan Tanah Melayu dan menjadikannya makmur. Dakwaan ini nampaknya memberikan hak kepada para pemaju sebagai pemilik tanpa memperhitungkan pertimbangan-pertimbangan lain.

Pertamanya, kenyataan ini tidaklah begitu tepat. Ada berbagai faktor yang telah menyebabkan Tanah Melayu menjadi maju dan semua kaum turut memberikan sumbangan terhadap kemajuan ini. Toleransi orang Melayu terhadap migrasi yang beramai-ramai tidak dapat diketepikan sebagai suatu faktor yang tidak kurang pentingnya. Jika orang Melayu membantah hal ini dari mulanya, maka tidak akan terdapat pendatang-pendatang untuk memajukan Tanah Melayu. Bukan sahaja orang Melayu membenarkan migrasi, malahan mereka juga bertanggungjawab bagi memerintah dan mengawal negara ini supaya pendatang-pendatang ini dapat mengumpulkan harta tanpa perasaan takut bahawa harta itu akan dirampas. Memanglah benar bahawa dalam tugas ini mereka dinasihati dan dibantu oleh British, tetapi bukankah ini hanya menunjukkan bahawa British juga bertanggungjawab memajukan negara ini dan menjadikannya makmur. Pendatang-pendatang itu datang ke Tanah Melayu bukanlah untuk memajukannya. Mereka datang oleh kerana kekayaan yang dapat diperolehi dalam suasana yang penuh dengan toleransi dan kestabilan. Ini membezakan Tanah Melayu daripada tanah-tanah jajahan dan negara-negara lain di Asia Tenggara. Faedah yang diperolehi dari kemajuan ini, ter-

utamanya, tertumpu kepada pendatang-pendatang yang mencari kekayaan. Orang Melayu yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar tidak mendapat banyak faedah daripada kemajuan dan kemakmuran ini. Jadi, walaupun tidak ada kemajuan, mereka tidak akan mempedulikannya. Mereka sudah tentu tidak akan melepaskan tuntutan mereka terhadap Tanah Melayu semata-mata untuk digantikan dengan kemakmuran yang tidak dapat mereka nikmati bersama.

Persoalan yang ditimbulkan oleh dakwaan ini ialah apakah orang-orang yang memajukan negara itu secara automatik berhak memilikinya. Jika pembangunan semata-mata sudah memberikan hak kepada sesuatu kaum yang mendatang terhadap sesebuah negara tempat mereka menetap, maka sudah tentulah pihak British mempunyai hak tuntutan yang pertama ke atas Tanah Melayu, Kenya dan negara-negara jajahan lainnya. Orang Cina juga telah banyak memberikan sumbangan kepada kemajuan di Filipina, Negeri Thai, Indonesia dan Vietnam. Namun selagi pemaju-pendatang Cina ini tidak memenuhi berbagai syarat yang rumit, di antaranya mungkin termasuk pertukaran nama dan berkahwin dengan rakyat tetap, maka mereka tidak boleh mendakwa negara itu sebagai negara mereka. Di Amerika Syarikat, pendatang-pendatang yang dipilih mengikut kemampuan mereka memberikan sumbangan kepada kemajuan negara itu masih perlu memenuhi berbagai kelayakan bermastautin. Mereka terpaksa mengikuti ujian bahasa sebelum diterima menjadi warganegara dan seterusnya mendakwa Amerika Syarikat sebagai negara mereka sendiri.

Di mana-mana pun, sumbangan kepada kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara tidak pula dijadikan ukuran hinggakan penyumbang boleh mendakwa bahawa negara tersebut milik mereka. Oleh itu dakwaan bahawa orang Cina dan orang India bertanggungjawab memajukan Tanah Melayu masih belum lagi bererti bahawa pendatang-pendatang itu dan keturunan mereka berhak mendapat kedudukan yang setaraf dengan orang Melayu peribumi. Mereka mestilah memenuhi berbagai syarat sebelum mereka dapat menuntut status ini.

Satu pendapat lagi mengatakan bahawa sudah tidak terbilang banyaknya pendatang yang telah menetap di Tanah Melayu selama satu generasi atau lebih dan mereka telah pun memutuskan hubungan dengan negara asal mereka. Mereka ini men-

dakwa, oleh kerana kesetiaan mereka tertumpah hanya kepada Tanah Melayu, bahawa mereka haruslah diberi kewarganegaraan Tanah Melayu dan mempunyai sama hak dengan orang Melayu. Adalah mudah untuk menyatakan kesetiaan. Sebaliknya, untuk membuktikan kesetiaan itu keadaan-keadaan yang mencabar mestilah timbul bagi menduga dakwaan ini. Namun demikian, tidak mungkin pula terbukti segala syarat tersebut. Kaum pendatang itu boleh menyatakan bahawa Tanah Melayu adalah satu-satunya negara mereka. Mereka dilahirkan di Tanah Melayu, mereka bekerja di sini dan mereka mempunyai harta di sini. Mereka akan mati di sini dan mereka akan dikebumikan di sini. Seperti orang Melayu juga, mereka tidak mempunyai negara lain yang boleh mereka pergi dan menganggap sebagai negara mereka. Sama ada di tanah air atau di seberang laut mereka adalah penduduk Tanah Melayu.

Meskipun demikian masih ternyata bahawa jika sekiranya orang Melayu dan orang India dipaksa meninggalkan Tanah Melayu maka orang India itu boleh menetap di India dan menjadi orang India sedangkan orang Melayu tadi tidak boleh berbuat begitu. Begitu jugalah halnya dengan orang Cina. Biar apa pun dia menganggap dirinya, namun dia masih dapat diterima oleh Negeri China jika sekiranya dia terpaksa balik ke negara tersebut. Sesungguhnya tidak pernah kita dengar tentang orang India dari Tanah Melayu tidak diterima menjadi warganegara India jika sekiranya mereka membuat permohonan. Begitu juga orang Cina seberang laut dari Indonesia dan Tanah Melayu diterima dengan tangan terbuka oleh Negeri China apabila mereka itu diusir keluar kerana sebab-sebab politik. Ke manakah orang Melayu akan pergi jika mereka dibuang dari Tanah Melayu? Mereka tidak akan dapat mencari sebuah negara pun yang mahu menerima mereka sebagai rakyat berdasarkan kepada ikatan-ikatan kaum. Malahan Indonesia pun tidak menganggap orang Melayu berasal dari Indonesia dan tidak akan menerima orang Melayu buangan ini secara automatik.

Untuk menjadi bumiputera yang tulen maka seseorang itu haruslah menjadi anggota bangsa yang betul-betul dapat dikaitkan dengan sesebuah negara. Jika asal keturunan seseorang dikenal pasti dan bangsanya diakui oleh negara lain, seseorang itu tidaklah lagi dapat dianggap sebagai bumiputera. Dia tidak

boleh mendakwa bahawa negara tempat dia menetap itu sebagai kepunyaannya. Ini bukanlah bermakna bahawa jika semua kelayakan lain bagi mendapatkan kewarganegaraan telah dipenuhi maka tuntutan ini tidak sah. Sebaliknya dakwaan kesetiaan atau rasa kepunyaan tidaklah dengan sendirinya menjadi asas bagi mendapat kewarganegaraan.

Kita sekarang berada dalam proses membina sebuah negara baru yang merupakan penyatuan berbagai-bagai kumpulan kaum. Bentuk negara baru dan kewarganegaraan baru mestilah begitu rupa supaya semua kaum yang menjadi bahagiannya merasa puas hati. Persefahaman tentang hak-hak dan tuntutan tiap-tiap kaum adalah sangat penting, jika sekiranya kita mahu mengelakkan perbezaan yang ditimbulkan oleh prasangka kaum dan kepentingan diri sendiri. Persefahaman ini haruslah bersifat universal dan menyeluruh. Paling penting, persefahaman haruslah berdasarkan kenyataan yang munasabah dan bukan semata-mata kepada sentimen dan kepentingan diri sendiri.

Saya berpendapat bahawa orang Melayulah penduduk asal atau penduduk bumiputera Tanah Melayu dan orang Melayulah sahaja yang dapat mendakwa Tanah Melayu sebagai satu-satunya negara mereka. Mengikut amalan di seluruh dunia, maka ia bermakna orang Melayu mempunyai hak-hak yang tidak dapat dipisahkan mengenai bentuk dan tanggungjawab kewarganegaraan yang boleh dikenakan ke atas warganegara yang bukan berketurunan bumiputera. Sebelum kita membincangkan apakah hak-hak ini dan sejauh manakah orang Melayu telah menuntut dan mendesaknya, maka eloklah disedari bahawa di Tanah Melayu penggunaan hak-hak yang sedikit ini pun lebih ketara daripada yang sepatutnya. Sebabnya agak mudah dilihat. Pemberian kewarganegaraan kepada masyarakat bukan Melayu yang beraneka ragam, yang tidak terasimilasi dan terlalu ramai untuk dapat dikendalikan itu, telah dibuat secara agak tergesa-gesa. Di negara-negara lain di Asia Tenggara (dan di Australia, Amerika dan Brazil), proses pemberian kewarganegaraan itu dibuat dengan lebih berhati-hati dan dikawal melalui dasar imigrasi yang berpandangan jauh. Apabila kumpulan-kumpulan kecil pendatang dari berbagai asal keturunan mendapat kerakyatan, mereka menerima dan mengguna ciri-ciri dan bahasa serta kebudayaan kaum tetap yang lebih besar bilangannya dalam negara yang berkenaan.

Rakyat baru ini telah melupakan keturunan asal mereka dan mereka tidak dapat lagi dibezakan daripada kaum tetap. Mereka malahan menuntut supaya syarat-syarat kewarganegaraan yang dikenakan ke atas mereka itu dikekalkan. Proses mengekal dan mengabadikan keperibadian kaum tetap yang pada mulanya dibuat-buat dengan sendirinya menjadi tujuan utama dan memperoleh momentumnya sendiri. Proses ini mempergunakan nilai-nilai dan sifat-sifat tertentu manusia. Kedudukan sebagai kumpulan minoriti yang tidak memiliki keistimewaan (sebagai warganegara) menimbulkan keinginan di kalangan pendatang-pendatang baru ini untuk bersatu dengan kaum majoriti dan memperolehi kedudukan yang istimewa. Kehilangan serta merta kebudayaan mereka yang asal, ciri-ciri kaum dan bahasa tidaklah penting jika dibandingkan dengan keistimewaan yang akan diperolehi sebagai warganegara. Dan setelah mencapai keistimewaan ini dan diterima sebagai setaraf, maka timbullah perasaan cemburu manusia yang semulajadi. Mereka pula mahu taraf mereka itu dipelihara. Proses ini apabila bermula tidak dapat dikawal lagi jika pendatang-pendatang yang lebih agresif dan maju dari suatu kumpulan kaum tertentu mencurahkan masuk.

Di Malaysia ada bukti yang menunjukkan bahawa kalau tidak kerana pemerintahan British inilah yang akan terjadi. Orang Cina dan India yang datang ke Tanah Melayu, sebelum British mengembangkan pengaruh mereka, telah menunjukkan sedikit tanda bahawa mereka sedang mengalami proses asimilasi yang biasa. Di Melaka, orang-orang Cina dan India telah tidak tahu lagi menggunakan bahasa mereka sendiri dan telah menggunakan Bahasa Melayu. Mereka juga telah memakai pakaian Melayu dan mengamalkan kebudayaan Melayu walaupun mereka masih berpegang kepada agama mereka. Pastilah bahawa sekiranya pihak British tidak menggalakkan orang-orang Cina dan India datang beramai-ramai hingga tidak dapat dikendalikan dan kemudian mengasingkan pula mereka dari orang Melayu, maka kaum-kaum ini sudah tentu akan mempunyai sedikit sahaja perbezaan dengan orang Melayu, dan masalah Melayu tidak mungkin timbul. Dalam keadaannya sekarang, malahan mengenakan syarat-syarat kewarganegaraan yang paling minimum sekalipun ke atas kumpulan-kumpulan heterogen, yang telah biasa dengan hak-hak tertentu tanpa sebarang tanggungjawab, telah begitu sekali menarik perhatian.

Kalau kita berbalik kepada soal hak kaum yang asal, dapat pula kita katakan bahawa hak ini pun terhad. Matlamat dan amalan hak-hak ini bukanlah direncanakan untuk mengekalkan hak-hak kaum tetap yang asal itu hingga menyebabkan kaum-kaum pendatang yang baru itu tersisih, melainkan semata-mata untuk mengekalkan ciri-ciri kaum yang tetap itu. Oleh itu asal usul etnik tidaklah penting dan tidak menyekat penduduk-penduduk yang baru ini. Perlaksanaan semua syarat ini hanya bererti bahawa penduduk-penduduk yang bersedia mematuhi sifat-sifat warganegara tetap sesungguhnya akan menjadi warganegara yang tetap dan mereka akan memperolehi hak dan keistimewaan yang sama. Tetapi hak-hak dan keistimewaan ini tidak meliputi hak mengubah ciri-ciri kaum tetap itu. Penekanan terhadap ciri-ciri khusus ini dan bukannya ke atas asal usul keturunan merupakan prinsip yang penting. Penggunaannya juga dapat dilihat dalam konteks batasan hak-hak warganegara baru untuk mengubah ciri-ciri ini.

Orang Melayu di Tanah Melayu selamanya mengakui prinsip ini dan penerimaan orang bukan Melayu yang mengamalkan ciri-ciri Melayu sudah berlaku dalam sepanjang sejarah negara ini. Satu-satunya sekatan tambahan ialah tuntutan bahawa seorang Melayu, menurut definisi, ialah seorang yang menganut agama Islam. Tuntutan ini telah menghadkan pemberian kewarganegaraan Melayu, hanya kepada orang-orang Indonesia, Arab dan India Muslim. Oleh itu kita mempunyai orang Melayu yang nyatanya berketurunan Arab, Indonesia dan India. Yang penting ialah bahawa orang-orang ini bukan sahaja mematuhi kesemua adat resam Melayu malahan menuntut supaya kriteria untuk menjadi orang Melayu itu dikekalkan.

Di negara-negara lain, hak-hak warganegara berketurunan pendatang untuk mengawasi dan mengekalkan ciri-ciri mereka yang khusus adalah terbatas. Pembatasan ini berbeza-beza menurut negara masing-masing. Sebaliknya pula langkah-langkah kawalan untuk mengekalkan ciri-ciri kebangsaan yang khusus bagi sesebuah negara bukanlah semata-mata tanggungjawab warganegara tetap tetapi juga tanggungjawab warganegara melalui naturalisasi. Adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat untuk menerima dan mematuhi dasar-dasar yang berkenaan dengan bahasa, imigrasi, kebudayaan dan lain-lain yang bertujuan untuk mewujudkan dan

memelihara ciri-ciri kebangsaan yang khusus.

Bahasa memang diakui sebagai ciri yang paling penting. Bahasa rakyat sesebuah negara selalunya membezakan mereka daripada orang lain. Yang terkecuali ialah Bahasa Inggeris. Secara kebetulan dalam sejarah, maka Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa kebangsaan di beberapa buah negara lain selain dari England. Namun prinsipnya tetap sama sahaja — bahawa pengkalan bahasa yang pada mulanya dijadikan bahasa kebangsaan menjadi hak dan tanggungjawab bukan sahaja penduduk asal tetapi juga hak dan tanggungjawab orang-orang yang menjadi warganegara melalui proses undang-undang. Di Tanah Melayu, Bahasa Melayu adalah bahasa bumiputera yang mula-mula mendirikan kerajaan yang efektif. Oleh kerana itu amat munasabah kalau Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu mungkin mengalami pelbagai perubahan disebabkan oleh penerimaan perkataan-perkataan baru dan susunan-susunan baru, tetapi bahasa itu mestilah setiap masa diakui sebagai Bahasa Melayu.

Mungkin boleh diujahkan bahawa oleh kerana Bahasa Melayu pada dasarnya juga Bahasa Indonesia, maka Bahasa Melayu bukanlah bahasa peribumi Tanah Melayu seperti juga bahasa-bahasa Cina dan India. Bahasa Indonesia bukanlah bahasa asli Indonesia. Di kepulauan Indonesia berbagai bahasa yang khusus berkaitan dengan Bahasa Melayu digunakan dalam pertuturan. Oleh kerana itu, di Pulau Jawa maka bahasa Jawalah yang umum dipertuturkan, sementara di Sumatera terdapat bahasa-bahasa Aceh, Mendahiling, Minangkabau dan bahasa-bahasa Sumatera lainnya. Di Sulawesi lain pula bahasa yang dipertuturkan, iaitu mempunyai sedikit sebanyak persamaan dengan Bahasa Melayu. Secara kebetulan dalam sejarah, Bahasa Melayu yang menjadi bahasa peribumi di Melaka dan lain-lain tempat di Semenanjung Tanah Melayu, Riau dan beberapa kawasan di Sumatera, telah menjadi *lingua franca* atau bahasa perantaraan umum bagi keseluruhan kepulauan Melayu. Apabila kesedaran politik mula berkocak dan membangkitkan semangat orang-orang dari daerah-daerah berbeza, sekarang ini dipanggil Indonesia, maka *lingua franca* inilah satu-satunya alat perhubungan yang ada dan digunakan secara meluas sebagai faktor penyatuan. Maka wajarlah kalau kemudiannya bahasa itu diterima sebagai bahasa kebangsaan

Indonesia. Bagaimanapun, penduduk di daerah-daerah lain di Indonesia masih menggunakan dialek masing-masing apabila mereka bertutur dalam masyarakat kaum mereka sendiri. Hanya di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu sahajalah Bahasa Melayu menjadi bahasa yang sama bagi kaum bumiputera. Bahasa Melayu sesungguhnya merupakan bahasa jati Tanah Melayu. Sebagai bahasa bangsa yang mula-mula tinggal dan membentuk kerajaan yang efektif di Semenanjung, maka Bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang lebih utama daripada bahasa-bahasa lain sebagai bahasa tetap negara ini.

Ada sebab-sebab lain mengapa Bahasa Melayu diterima. Bagaimanapun, sebab-sebab itu tidak ada kaitannya dengan perbincangan sekarang ini, yang tertumpu kepada hak orang-orang asal untuk mengekalkan aspek bahasa dalam sifat mereka. Bahasa mereka membezakan mereka daripada warganegara yang lain, dan apabila bahasa itu diterima oleh warganegara bukan Melayu yang baru, ia juga akan membezakan mereka daripada orang-orang lain.

Dalam soal bahasa kebangsaan, hak-hak warganegara baru adalah terhad. Mereka tidak mungkin boleh mencari jalan untuk menggantikannya dengan bahasa-bahasa lain, walaupun dari sudut teknik dan perundangan ini boleh dilakukan. Bahasa kebangsaan Tanah Melayu termaktub dengan jelasnya dalam Perlembagaan. Oleh kerana Perlembagaan itu boleh dipinda dengan persetujuan dua-pertiga daripada ahli-ahli Parlimen, maka nampaknya penggantian bahasa kebangsaan mungkin dapat dilakukan oleh warganegara-warganegara yang baru ini. Akan tetapi sebarang langkah yang begini bertentangan dengan semangat pemberian kewarganegaraan yang ditawarkan oleh orang Melayu dan yang diterima oleh orang bukan Melayu.

Hakikat bahawa di Tanah Melayu bilangan warganegara yang tidak bertutur dalam Bahasa Melayu sangatlah besar, mungkin dijadikan alasan untuk menyeleweng dari amalan biasa yang berlaku di tempat-tempat lain. Namun begitu perlulah diingatkan bahawa bertambahnya warganegara yang bertutur bukan dalam Bahasa Melayu adalah dengan persetujuan orang Melayu atas kefahaman bukan sahaja peraturan kewarganegaraan patut dipatuhi tetapi juga tidak boleh dipinda. Pasti-lah bahawa persetujuan orang Melayu terhadap pemberian kewarganegaraan secara liberal kepada penduduk bukan

Melayu tidak akan diperolehi jika sekiranya orang Melayu menaruh syak wasangka bahawa warganegara baru ini mempunyai niat untuk menggantikan Bahasa Melayu dengan apa cara sekalipun. Amalan biasa di tempat-tempat lain di dunia ini meyakinkan orang Melayu bahawa warganegara bukan Melayu tidak boleh mengubah kedudukan asasi Bahasa Melayu sebagai bahasa yang khusus bagi penduduk di Tanah Melayu.

Tetapi orang Melayu dengan sifat toleran biasa mereka tidak mendesak keistimewaan mutlak bagi bahasa kebangsaan yang mana menjadi perkara semestinya di negara-negara lain. Penggunaan dan perkembangan yang berterusan bahasa kaum-kaum pendatang bukan sahaja dibenarkan malahan dijamin pula dalam Perlembagaan. Penindasan yang berlaku terhadap bahasa-bahasa kaum pendatang di negara-negara Asia Tenggara lainnya dan kawalan yang lebih efektif tetapi tidak begitu ketara di Australia dan di Amerika tidak dituntut supaya dilakukan di Tanah Melayu. Ujian-ujian kelayakan bahasa bagi orang-orang yang ingin menjadi warganegara tidaklah bererti apa-apa jika dibandingkan dengan syarat-syarat yang diwajibkan di Australia dan di Amerika. Sesungguhnya bolehlah dikatakan bahawa orang Melayu sebenarnya menolong memajukan bahasa-bahasa bukan Melayu sebab mereka memenuhi tuntutan-tuntutan terhadap sekolah-sekolah bukan Melayu yang mendapat bantuan kerajaan untuk digunakan oleh warganegara bukan Melayu semata-mata.

Semuanya ini seolah-olah menyekat sedikit sebanyaknya penggunaan dan pertumbuhan Bahasa Melayu sebagai bahasa tetap yang diiktiraf. Dan beginilah hasrat orang Melayu yang tidak mahu menyusahkan orang lain dan tidak mahu menjadi punca kegelisahan orang lain sehingga menyebabkan mereka terjerumus ke dalam suatu dilema yang tidak mungkin terdapat di tempat-tempat lain.

Pada hari ini ada percubaan di pihak warganegara baru untuk bertindak melampaui batasan amalan biasa. Tuntutan supaya bahasa-bahasa golongan pendatang digunakan menjadi semakin bertambah lantang dan semakin keterlaluan. Dalam zaman penjajahan dahulu penggunaan Bahasa Inggeris dalam semua dokumen Kerajaan dianggap perkara biasa. Orang-orang yang tidak tahu Bahasa Inggeris diharap akan mencari jurubahasa mereka sendiri. Notis dan papan tanda semuanya dalam Bahasa

Inggeris kecuali beberapa buah sahaja, dan jika kadang-kadang notis dan papan-papan tanda ini tidak berguna kepada kebanyakan orang ramai, namun perkara ini sudah diduga dan diamkan sahaja. Malahan Bahasa Melayu dalam zaman penjajahan dahulu lebih sering digunakan dan lebih difahami daripada Bahasa Inggeris. Penggunaan dan kefahaman bahasa itu adalah lebih meluas sekarang ini. Namun penggunaan sepenuhnya Bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan, dalam dokumen-dokumen serta kenyataan-kenyataan ditentang atas alasan bahawa hanya sebilangan kecil sahaja warganegara bukan Melayu yang tua-tua dapat memahaminya. Namun begitu, tidak ada pula tentangan pada masa yang lampau apabila orang yang sama tidak juga memahami Bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa-bahasa pendatang bukan Melayu sebenarnya telah bertambah di Radio Malaysia. Malahan kurang pengetahuan dalam dialek bahasa Cina merupakan satu penghalang untuk mendapat pekerjaan di setengah-setengah syarikat awam. Universiti Malaya mengadakan penyelidikan terhadap bahasa-bahasa Cina dan Tamil dan juga mengajarkan bahasa-bahasa itu. Bahasa Cina diajar di sekolah-sekolah berbahasa pengantar Inggeris dan jika sekiranya ada permintaan bahasa tersebut boleh diajar di sekolah berbahasa pengantar Melayu. Filem-filem Barat mempunyai sarikata bahasa Cina, tetapi tidak ada sarikata dalam bahasa kebangsaan. Pengambilan lebih ramai pegawai bukan Melayu ke dalam perkhidmatan awam bermakna orang Melayu yang berurusan dengan pegawai-pegawai ini tidak boleh bercakap secara langsung dengan mereka tetapi perlu menggunakan jurubahasa.

Semua ini tidak mungkin berlaku di negara-negara yang berjiran dengan Malaysia, tidak juga di Amerika atau Australia. Sebaliknya di Malaysia warganegara bukan Melayu sebenarnya berkeras mengatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan untuk memajukan dan mengembangkan penggunaan bahasa-bahasa asing itu tidak memadai. Kerajaan didesak supaya meluaskan penggunaan bahasa Cina dalam jentera Kerajaan dan menganjurkan pelajaran bahasa Cina dari peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat universiti. Kelayakan pelajaran dalam bahasa Cina adalah diterima sebagai sudah cukup untuk mendapatkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Meskipun semua ini terjadi namun orang Melayu masih tetap berdiam diri.

Kebanyakan orang Melayu tidak membantah sebab mereka itu sopan-santun dan lemah lembut seperti biasa. Pemimpin-pemimpin mereka pula mendesak supaya mereka bertenang dan setengah pemimpin ini sesungguhnya menganjurkan supaya orang Melayu bersikap lebih toleran. Akibat kebingungan dan tidak terdaya mereka, maka orang Melayu menanggung sahaja kesusahan mengenai masalah bahasa yang mereka hadapi, bukan dengan perasaan penuh kebenaran melainkan hanya berserah kepada takdir. Petanda-petanda menunjukkan bahawa sikap ini akan terus menjadi sifat orang Melayu. Oleh kerana itu sebarang penghargaan terhadap Bahasa Melayu dan sebarang tindakan yang adil terhadap orang Melayu haruslah datang dari orang bukan Melayu. Kalangan orang bukan Melayu yang lebih sofistikated telah sedar akan keadilan yang dituntut oleh orang Melayu itu.

Mengawal imigrasi adalah salah satu cara biasa yang dilakukan oleh penduduk sesebuah negara bagi menjaga keberibadian mereka. Ini terutamanya berlaku di negara-negara yang dibentuk melalui penempatan dan penjajahan oleh kumpulan-kumpulan kaum dari negara-negara asing seperti Australia, New Zealand, Amerika dan negara-negara Amerika Latin. Jika orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu telah mengawal imigrasi pada masa lepas maka kedudukan mereka sebagai penduduk tetap negara ini sudah tentu terjamin pada bila-bila masa sahaja. Mereka tidak akan terancam akan terhapus. Bagaimanapun, orang Melayu gagal berbuat demikian, bukan kerana mereka tidak insaf terhadap bahayanya tetapi kerana gabungan sikap toleransi dan *laissez faire* (tidak apa) dan kepercayaan mereka kepada orang lain.

Sebelum kedatangan orang Portugis, ada kumpulan-kumpulan kecil pendatang asing dari keturunan Arab, India dan Cina yang telah menetap di beberapa kawasan negeri-negeri Melayu. Akibat terputusnya hubungan dengan tanah air mereka, maka orang-orang ini cenderung menyerap sifat-sifat khas Melayu dan mereka diserap pula ke dalam masyarakat Melayu. Kumpulan yang paling kuat menahan penyerapan ini ialah orang Cina yang tetap berlainan dan terasing walaupun mereka telah mengamalkan pemakaian bahasa, pakaian dan kegiatan sosial Melayu. Namun begitu selagi tampuk Kerajaan terletak dalam tangan orang Melayu, pendatang-pendatang

yang tidak dapat diserapkan itu tidak dapat menambahkan bilangannya sehingga boleh mencabar orang Melayu.

Bagaimanapun, imigrasi yang berleluasa tidak berlaku sehinggalah Melaka dan kemudiannya Pulau Pinang dan Singapura terlepas dari tangan orang Melayu. Penguasaan sepenuhnya oleh kuasa asing ke atas kota-kota pelabuhan ini telah menyebabkan orang Melayu tidak mempunyai suara langsung dalam hal imigrasi. Mereka tidak mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap sebarang perasaan bimbang yang mungkin timbul disebabkan oleh curahan masuk orang-orang Cina dan India yang kian bertambah itu. Akibatnya pelabuhan-pelabuhan jajahan ini menjadi tempat pelancar atau pengkalan bagi kemasukan orang-orang Cina dan India ke kawasan-kawasan pedalaman. Pada mulanya mereka bukanlah datang sebagai penduduk melainkan sebagai pedagang dan peniaga. Perasaan bimbang raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu diatasi dengan pemberian hadiah-hadiah yang mewah dan perkongsian untung secara langsung yang selalunya telah menjadi salah satu ciri perniagaan Cina. Monopoli perjudian dan perniagaan candu yang diberikan kepada saudagar-saudagar Cina mendatangkan hasil yang besar kepada pembesar-pembesar Melayu. Dan mereka juga mendapati bahawa lebih banyak keuntungan dapat diperolehi dengan cara menyerahkan tanah-tanah lombong kepada orang-orang Cina dari mengerjakan sendiri lombong-lombong tersebut.

Kebimbangan yang mungkin dirasai oleh raja-raja akibat bilangan orang Cina dan India yang bertambah ramai masuk ke negara ini disenyapkan oleh kutipan lumayan dari berbagai cukai yang dikenakan ke atas perniagaan dan perusahaan kaum pendatang itu. Pada zaman itu pendatang-pendatang tersebut tidak pula menunjukkan keinginan mereka hendak menetap di sini atau menuntut hak kewarganegaraan, apatah lagi mereka sedikit pun tidak menunjukkan bahawa mereka mahu supaya ciri-ciri warganegara di negeri-negeri Melayu diubah supaya sesuai mengikut kehendak-kehendak mereka sendiri. Mereka itu umumnya adalah rakyat India dan Cina yang datang mencari keuntungan dan setelah itu balik semula ke negara masing-masing. Jika mereka mempunyai rumah di Tanah Melayu, maka rumah itu biasanya terletak di tanah jajahan British di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Mereka menggunakan

tempat-tempat itu sebagai pangkalan gerakan mereka. Jadi apabila British mengembangkan pemerintahan mereka ke negeri-negeri Melayu, masyarakat kaum-kaum pendatang bukan Melayu ini sudah pun ramai jumlah mereka. Pihak British, sebagaimana yang sudah dikatakan, sedar dan menghargai peranan orang-orang Cina dan India, telah berusaha menggalakkan pertambahan pendatang tersebut sebaik sahaja mereka memerintah negara ini secara efektif. Bagi mereka langkah ini ada untungnya. Pada pandangan mereka, sebarang kerugian akan ditanggung oleh orang Melayu.

Selang beberapa lama kemudian kebimbangan orang Melayu memuncak sehingga menyebabkan mereka bertindak. Tetapi oleh kerana pihak British sudah menjadi pemerintah *de facto* di negara ini maka satu-satunya tindakan yang dapat diambil oleh orang-orang Melayu yang sedar ini hanyalah sekadar menentang secara pasif. Mereka tidak menuntut supaya imigrasi dikawal melainkan menyuarakan rasa bimbang bahawa mereka diketepikan sebagai rakyat yang sebenar di negara ini. Pihak British sudah bersedia menghadapi keadaan ini. Mereka mencadangkan beberapa langkah untuk melindungi orang Melayu. Mereka menjelaskan bahawa langkah-langkah ini sudah cukup untuk menjamin Semenanjung Tanah Melayu kekal sebagai negeri Melayu. Langkah-langkah melindungi orang Melayu dan sultan-sultan mereka ini berkisar di sekitar Perkhidmatan Awam Melayu yang khusus untuk orang Melayu dan tanah simpanan yang hanya untuk orang Melayu. Kemudian peruntukan-peruntukan ini diputarbelitkan pula oleh British dan orang-orang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini, selepas dicadangkan, sekali lagi melalaikan orang Melayu dan menyebabkan mereka merasa terjamin walaupun langkah itu semata-mata palsu. Perasaan bimbang yang mula mereka rasakan akibat kemasukan orang Cina dan India yang bertambah itu terhapus sebentar dan usaha hendak memberhentikan arus kemasukan ini ditangguhkan.

Walaupun bagaimanapun, menjelang Perang Dunia Kedua perasaan cemas orang Melayu sekali lagi timbul. Penaklukan Tanah Melayu oleh Jepun menghancurkan kepercayaan Melayu terhadap kemampuan British untuk melindungi mereka. Apabila British kembali dan mencadangkan gagasan Malayan Union dengan dasar kewarganegaraan yang setaraf bagi semua orang,

perasaan tidak percaya terhadap kemampuan British tadi diperteguhkan pula oleh perasaan tidak percaya terhadap kejujuran British. Kebimbangan mereka takut dikuasai oleh kaum pendatang menjadi kenyataan, malahan di kalangan raja-raja Melayu sekalipun. Semasa bantahan menentang Malayan Union berlaku, soal mengawal imigrasi menjadi perkara yang mendesak bagi nasionalis-nasionalis Melayu. Memandangkan pemberian hak kewarganegaraan sepenuhnya kepada pendatang-pendatang bukan Melayu tidak lagi dianggap sebagai perkara yang tidak munasabah sebagaimana yang difikirkan oleh orang Melayu sebelum perang dahulu, maka keadaan di mana golongan pendatang akan melebihi jumlah penduduk bumiputera sekali-kali tidak boleh dibiarkan berlaku. Sesungguhnya dalam zaman semasa orang Melayu memandang ke Indonesia sebagai sumber inspirasi, terdapat rancangan yang bersungguh-sungguh untuk menggalakkan kemasukan orang Indonesia yang mudah diasimilasikan itu supaya dapat mengekalkan dan mungkin pula menambahkan lagi bilangan orang Melayu.

Rasanya amatlah wajar bahawa sebaik sahaja orang Melayu sudah mendapatkan semula kuasa, dari tangan British, untuk menentukan masa depan negeri mereka sendiri maka mereka akan mengawal dasar imigrasi supaya menguntungkan mereka. Walaupun Kerajaan yang menggantikan Kerajaan British itu terdiri daripada perikatan di antara Melayu, Cina dan India, namun orang Melayu masih cukup kuat untuk mengambil tindakan ini. Sekali lagi sifat sopan-santun dan keadilan orang Melayu mencelah. Kerajaan yang dikuasai oleh orang Melayu itu bertolak ansur dan tidak menuntut supaya langkah-langkah yang positif dijalankan mengikut dasar imigrasi untuk membina kekuatan kaum mereka sendiri. Mereka merasa puas hati membiarkan sahaja pelaksanaan sebenar dasar imigrasi itu di tangan orang bukan Melayu. Sebenarnya orang Melayu memejamkan mata sekalipun diketahui ada pendatang bukan Melayu yang telah menyeludup masuk ke negara ini disebabkan undang-undang imigrasi tidaklah dipatuhi secara bersungguh-sungguh. Mereka berbuat begini kerana mereka tidak mahu memalukan orang-orang bukan Melayu dan rakan sejawat mereka yang selalunya melakukan amalan pecah amanah ini. Perkara ini menjadi masalah lain pula. Ketika orang Melayu mempunyai kuasa untuk menguatkan kedudukan politik,

mereka membiarkan peluang ini terlepas kerana mereka tidak sampai hati berbuat apa yang dilakukan oleh orang lain. Kawalan imigrasi di negara-negara lain sentiasa dijadikan alat untuk mengekalkan kuasa politik supaya berada dalam tangan penduduk tetap. Penduduk tetap di Tanah Melayu tidak melakukan hal ini. Dan perkara ini berlaku kerana pilihan mereka sendiri. Sifat sopan-santun yang semulajadi itu sekali lagi menguasai orang Melayu. Semua ini tentulah berfaedah jika orang-orang lain menghargainya. Malangnya, sifat-sifat ini bukan sahaja tidak dihargai, tetapi semua perbuatan ini sebenarnya dipandang sebagai tanda kelemahan dan sebagai akibat perasaan tidak yakin orang Melayu sendiri mengenai hak-hak istimewa mereka sebagai penduduk tetap dan asal di Tanah Melayu.

Selain daripada fungsi menyampai dan memajukan pengetahuan, dasar pelajaran mana-mana negara sekalipun biasanya adalah suatu cara bagi menanamkan dalam fikiran bakal rakyat perasaan bersatu, taat setia dan bangga terhadap negara. Di negara-negara yang baru merdeka, pelajaran dipergunakan dengan meluas untuk tujuan di atas. Di Amerika dan Australia kaum tetap menggunakan pelajaran untuk menanamkan dalam fikiran bakal rakyatnya yang berasal dari berlainan keturunan, sebagai rakyat negara tersebut, supaya mereka secara automatik tertakluk dan mewarisi kebudayaan dan ciri-ciri penduduk tetap. Itulah sebabnya orang German di Amerika lebih diberitahu tentang pentingnya semangat tahun '76 (1776 — kebebasan Amerika dari British) daripada keagungan Empayar German. Begitu juga, orang-orang Australia yang berasal dari Greece lebih mengetahui darihal Botany Bay daripada keagungan silam negara asal mereka, iaitu Greece.

Bahasa pengantar sangatlah penting dalam membentuk perasaan bersatu. Oleh itu bahasa pengantar lazimnya adalah bahasa kaum yang tetap. Memang sesiapa pun tidak terlintas untuk menuntut supaya bahasa pendatang-pendatang baru dijadikan bahasa pengantar. Bagaimanapun, bahasa bukanlah satu-satunya aspek penting dalam dasar pelajaran kebangsaan. Seluruh kurikulumnya penting. Pengajaran sejarah, geografi dan sastera semuanya direncanakan untuk memupuk suatu idea: yakni negara adalah milik penduduk tetap dan untuk menjadi warganegara negara itu dan mendakwa menjadi milik negara

itu, maka seseorang itu hendaklah mengenal pasti dirinya dengan penduduk tetap. Mengetahui pasti ini meliputi segala-galanya dan sekali-kali tidak boleh ada kenal pasti dengan negara atau kebudayaan lain. Mengetahui pasti dengan penduduk tetap bererti menerima sejarah mereka, geografi mereka dan sastera mereka, kebudayaan dan bahasa mereka dan menolak semua yang lainnya.

Sistem pelajaran kebangsaan biasanya bersifat tunggal dan kebangsaan. Memang tidak ada negara lain yang memberikan pelajaran kepada kaum-kaum pendatang dalam bahasa kaum pendatang itu kecuali Kanada. Malahan Kanada juga tidak mencerminkan amalan yang sebenarnya sebab orang Perancis bukanlah kaum pendatang ke dalam negara yang asasnya orang British. Mereka sudah berada di sana sebelum British datang.

Di negara-negara lain di Asia Tenggara, selain dari Malaysia, prinsip-prinsip ini nyata sekali diikuti tatkala menyusun dasar-dasar pelajaran kebangsaan. Lazimnya yang membentuk dasar pelajaran kebangsaan ialah penduduk tetap, yakni penduduk yang mula-mula membentuk kerajaan yang efektif, supaya rakyat masa depan akan memelihara dan memajukan bahasa, kebudayaan dan kadang-kadang agama yang akan membezakan mereka dari orang lain. Inilah amalannya dan inilah keistimewaan dan hak penduduk tetap. Kaum-kaum pendatang tidak dikenakan sekatan. Mereka itu diterima tetapi penerimaan mereka adalah menurut syarat yang ditetapkan oleh penduduk tetap. Salah satu syarat itu ialah bahawa dasar pelajaran mestilah ditetapkan oleh penduduk tetap.

Prinsip asasi ini telah diabaikan di Tanah Melayu. Pihak Britishlah yang bertanggungjawab. British tidak mengikuti amalan yang mereka lakukan bagi kaum mereka sendiri di tanah-tanah jajahan yang mereka duduki seperti di Australia dan New Zealand. Sebaliknya, di Tanah Melayu mereka membiarkan perkembangan pelajaran yang tidak berbentuk kebangsaan. Boleh dikatakan hampir semua jenis sekolah dibenarkan, segala macam bahasa pengantar digunakan, dan berbagai kurikulum digunakan. Semuanya tidak terasa aneh. Ada sekolah-sekolah Melayu yang tujuan utamanya semata-mata untuk menambah bilangan orang yang tahu membaca dan menulis, sedangkan kurikulumnya sedikit pun tidak membayangkan dasar pelajaran yang berorientasikan kebangsaan ataupun kedaerahan. Ada

pula sekolah-sekolah Inggeris untuk mengeluarkan pekerja-pekerja pejabat yang rendah pelajaran dan yang lebih setia kepada sistem imperialis British dan dongeng-dongeng tentang negara tersebut daripada menaruh kesetiaan kepada negara tempat tinggalnya. Ada sekolah-sekolah Tamil yang betul-betul tidak bertujuan langsung. Ada sekolah-sekolah mubaligh yang berkhidmat memberi pelajaran dan juga penyebaran agama Kristian. Ada pula sekolah-sekolah Arab yang di luar kawalan British tetapi tetap juga berkembang biak. Dan akhirnya sekolah-sekolah Cina yang merupakan tidak lebih daripada 'negeri-negeri China kecil' yang dipindah-tanam di Tanah Melayu. Seluruh sistem pelajaran Cina semasa penjajahan British tidak lain daripada sistem pelajaran kebangsaan Cina, yang dibentuk dalam abad ke-19 dan permulaan abad ke-20, dan telah diusahakan dengan penuh semangat.

Keganjilan seluruh bentuk sistem pelajaran itu tidak pernah disebut-sebut oleh orang-orang yang bertanggungjawab untuk menasihati kerajaan-kerajaan Melayu. Sesungguhnya ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa idea tentang sistem pelajaran kebangsaan sengaja ditekan. Sementara semua negara lain yang merdeka, termasuk bekas-bekas tanah jajahan British dan juga Amerika Syarikat, telah pun menggunakan sistem pelajaran untuk membina keperibadian dan kesetiaan kebangsaan, Tanah Melayu telah dengan sengaja tidak diberitahu tentang perkembangan ini. Pandai membaca dan menulis dianggap sebagai matlamat terakhir, bukannya cara untuk memperolehi perkara-perkara lain yang lebih baik. Ada anggapan bahawa pelajaran dan identiti kebangsaan merupakan dua perkara yang berbeza dan oleh kerana itu sistem pelajaran asing, seperti pelajaran Cina, dianggap tidak janggal.

Penerimaan keadaan yang ganjil ini sebagai suatu perkara yang biasa menjadi asas bagi kesulitan yang sekarang ini menimpa dasar pelajaran kebangsaan Malaysia. Oleh kerana mereka sudah biasa berbuat sekehendak hati mereka, maka orang Cina dan India hanya dapat melihat betapa tidak adilnya perlaksanaan satu sistem pelajaran yang cenderung meletakkan sekolah-sekolah mereka yang berorientasi asing. Mereka tidak nampak apa salahnya jika sebuah negara memajukan dan menggalakkan bahasa, kebudayaan dan sistem negara-negara lain. Dan mereka enggan menerima amalan yang telah

berlaku di negara-negara lain dalam bidang pelajaran.

Walaupun mereka berhadapan dengan keadaan begini, namun orang Melayu masih belum mengungkit hak mereka sebagai penduduk tetap negara ini. Ungkitan ini akan menimbulkan malu kepada rakan-rakan sejawat dan kawan-kawan mereka dari kaum lain itu. Orang Melayu secara bermurah hati menawarkan kompromi. Perasaan bermurah hati mereka ini tidak pula dihargai. Sikap itu dianggap sebagai sudah sewajarnya. Konsesi yang dibuat oleh orang Melayu sangatlah banyak dan berbagai-bagai pula, bermula dengan membuang huruf jawi yang telah mereka perembangkan sebagai tulisan kebangsaan mereka. Pada zahirnya ini mungkin dianggap sebagai perkara kecil tetapi jika dibandingkan dengan kemarahan masyarakat Cina Tanah Melayu jika tulisan Cina dihapuskan, maka pengorbanan yang dibuat oleh masyarakat Melayu boleh dianggap sebagai amat besar. Haruslah diingatkan bahawa orang Melayu masih perlu mempelajari huruf jawi ini kerana agama mereka, maka konsesi itu sesungguhnya sangat menakutkan. Tetapi bukan ini sahaja konsesi yang dibuat oleh orang Melayu. Bahasa dan sistem dari negara-negara lain diizinkan untuk menjadi sebahagian daripada apa yang dikatakan sistem pelajaran kebangsaan Malaysia.

Bahasa-bahasa dan sistem-sistem pelajaran ini dipisahkan daripada sistem pelajaran berpengantar Bahasa Melayu, bukan sahaja oleh perbezaan kurikulum dan bahasa tetapi juga dari sudut fizikal, dengan cara menempatkan murid-murid dalam bangunan dan tempat yang berasingan, dan mempunyai guru-guru dan sistem pentadbiran dan sistem pengambilan tenaga pekerja yang dibataskan oleh asal-usul kaum. Dalam beberapa hal, sistem pelajaran yang asing ini mencapai tingkat yang lebih tinggi daripada sistem yang berpengantar Bahasa Melayu. Namun tuntutan bagi lain-lain konsesi berlaku terus, dan akan terus berlaku selagi orang Melayu keberatan menyinggung orang lain dengan mengatakan bahawa, sebagai penduduk tetap, mereka berhak menyusun bentuk sistem pelajaran kebangsaan.

Amalan pelajaran yang luar biasa oleh pemerintahan British haruslah diakui keganjilannya. Sesudah kita sedar akan hal ini, maka pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan yang sebenarnya di Malaysia tidaklah lagi akan menerima banyak

gangguan dari orang-orang yang secara terus terang menuntut perkara yang luar biasa sebagai hak mereka. Orang Melayu haruslah menghadapi masalah ini dengan tegas, tanpa ragu-ragu bercampur takut disebabkan oleh perasaan kurang yakin akan hak mereka sendiri. Dalam jangka panjang, satu sistem pelajaran kebangsaan Malaysia yang sebenar-benarnya haruslah diakui dan diterima oleh semua warganegara sebagai satu-satunya cara bagi membentuk negara yang unggul dan bersatu-padu. Sesudah dasar ini diterima dan dilaksanakan, maka ia akan berkembang dengan sendirinya. Orang Melayu tidak lagi perlu menuntutnya sebab semua yang menjadi rakyat Malaysia, tidak kira apa jua asal usul kaum dan kebudayaan mereka, akan menjunjung dan melaksanakan dasar pelajaran ini.

Dalam zaman sebelum imigrasi beramai-ramai dan tatkala perhubungan masih belum maju, kewarganegaraan tidak menjadi masalah di kebanyakan negara. Kumpulan kecil pendatang yang tinggal berselerakan tanpa hubungan dengan negara asal mereka mudah diasimilasikan. Setelah ini terjadi, hilanglah perseteruan dan rasa cemburu yang biasanya ditunjukkan kepada orang asing yang berkebudayaan lain, dan kewarganegaraan pun diberikan dan diterima sebagai sudah sewajarnya. Sesungguhnya tidak akan ada perbincangan mengenai kewarganegaraan dari segi undang-undang sebab pengenalan pasti diri dengan penduduk tetap begitu sempurna hingga tidak perlu dipersoalkan lagi.

Di England misalnya, sejumlah besar orang Perancis pindah ke situ dalam zaman penaklukan Norman. Lama-kelamaan orang-orang ini telah kehilangan hampir semua keperibadian Perancisnya dan menjadi orang Inggeris baik dalam hal per-tuturan, tingkah laku dan sentimen mereka. Perhubungan yang sukar menghalang mereka daripada mengikuti perkembangan kebudayaan Perancis pada ketika itu. Secara beransur-ansur, tanpa perlu diberi taraf kerakyatan dari segi undang-undang, mereka itu menjadi orang Inggeris. Tidak ada usaha sedar yang terlibat.

Di Semenanjung Tanah Melayu proses yang sama biasa berlaku sebelum kedatangan British. Pedagang-pedagang kaum pendatang dari keturunan Arab, India dan Cina telah menyerap kebudayaan Melayu, termasuk bahasa dan pakaian dan sudah menjadi warganegara Melayu jika sekiranya imigrasi dan

asimilasi yang seimbang itu tidak diganggu. Malangnya kemasukan pendatang yang digalakkan oleh British dan pengasingan yang berlaku sesudah itu, menyekat proses yang sihat dan biasa itu lalu menimbulkan pula masalah-masalah yang telah menganggu orang Melayu sejak itu hingga sekarang dan juga telah meruntuhkan hak mereka sebagai penduduk tetap di Semenanjung.

Kemasukan pendatang-pendatang secara beramai-ramai dan perhubungan yang semakin baik di antara kaum pendatang dengan negara asal mereka inilah yang menyebabkan soal kewarganegaraan merupakan perkara yang membimbangkan penduduk tetap. Oleh itu mereka mahu mengawal kewarganegaraan sebagai hak istimewa mereka. Di seluruh dunia prinsip yang telah diterima ialah bahawa kewarganegaraan sesebuah negara dikawal supaya sesuai dengan penduduk tetap. Untuk maksud ini maka imigrasi dikawal. Tetapi yang lebih pentingnya, pemilihan pendatang yang boleh menjadi warganegara menjadi tanggungjawab yang sah penduduk tetap. Oleh kerana itu undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mendapatkan kewarganegaraan di kebanyakan negara disusun begitu rupa bagi menghalang kaum pendatang daripada menukar kedudukan mereka dan memaksa pula penduduk tetap supaya menerima ciri-ciri keperibadian mereka. Dengan lain pengertian, undang-undang itu disusun untuk mengelakkan penaklukan, sebab apabila kaum pendatang terus menerus memelihara kebudayaan mereka dan juga menguasai politik dan ekonomi sesebuah negara, maka pada hakikatnya mereka telah menakluki penduduk asal negara tersebut. Adalah tidak beresesuaian untuk menyatakan bahawa pendatang-pendatang ini bersedia mempertahankan negara hingga ke titisan darah yang terakhir; mereka hanya semata-mata mempertahankan negara yang telah mereka takluki.

Kewarganegaraan tidak pernah dianggap sebagai hak pendatang. Kewarganegaraan biasanya adalah suatu bentuk pengiktirafan dan hanya boleh diberikan apabila penduduk asal merasa bahawa pendatang itu telah menunjukkan kesetiaan, dan benar-benar telah menyesuaikan diri dengan penduduk tetap. Di kalangan orang dari kumpulan etnik yang sama, walaupun bahasa dan kebudayaan asalnya mungkin berbeza, pengiktirafan ini selalu mudah diperolehi. Di kalangan kumpulan etnik yang

berlainan, sekali pun mereka telah tahu akan bahasa, kebudayaan dan keperibadian penduduk tetap, namun pengiktirafan masih sukar diperolehi. Di beberapa buah negara Asia Tenggara, walaupun kaum pendatang hampir tidak dapat dibezakan lagi daripada kaum peribumi namun kewarganegaraan tidaklah diberikan secara automatik. Di negara-negara Eropah, orang Asia dan orang Afrika yang sudah hampir tidak lagi mempunyai hubungan dengan kebudayaan mereka sendiri dan yang sudah mengikut kebudayaan negara tempat mereka tinggal juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan kewarganegaraan. Berbagai-bagai sekatan yang berubah-ubah dikenakan ke atas mereka. Hanya selepas memperoleh sesuatu kejayaan yang sangat cemerlang barulah pengiktirafan yang betul-betul setaraf diberikan. Contoh yang jelas mengenai perkara ini ialah orang-orang Jepun di Amerika selepas pengorbanan mereka yang sangat besar semasa Perang Dunia Kedua dahulu.

Oleh kerana kewarganegaraan adalah seperti suatu pengiktirafan, maka semua pendatang di seluruh dunia didapati sangat mengambil berat untuk meniru dan menunjukkan ciri-ciri khusus penduduk tetap. Di Amerika dan di Australia memanglah biasa bagi kaum pendatang menjadi lebih bersifat orang Amerika atau orang Australia daripada penduduk tetap Amerika atau Australia. Perkara yang sama juga benar bagi pendatang-pendatang negara-negara Asia Tenggara yang lain. Nampaknya warganegara pendatang di negara-negara Asia Tenggara sering lebih keras daripada warganegara asal terhadap pendatang-pendatang baru. Warganegara yang baru ini merasakan bahawa jika sekiranya mereka tidak menekankan kenal pasti yang sepenuhnya maka mereka akan dicurigai. Oleh kerana itu mereka ingin membuktikan bahawa mereka betul-betul telah menolak asal usul mereka yang asing itu.

Inilah yang dilakukan oleh orang-orang Jepun di Amerika yang telah berperang dengan gigihnya di pihak Amerika semasa perang Pasifik dahulu. Dalam waktu damai peluang begini tidak akan mereka perolehi. Oleh kerana itu, dalam kehidupan seharian kaum pendatang, mereka akan mencuba membuktikan kejujuran dan kenal pasti mereka. Kebanyakan pendatang Cina yang sekarang ini menetap di Amerika bukan sahaja mencuba melupakan kebudayaan dan bahasa mereka yang berusia empat ribu tahun itu, malahan mereka itu sebenarnya berasa bangga

pula kerana dapat berbuat demikian. Orang-orang Cina Filipina pernah menyatakan bahawa diskriminasi terhadap orang Cina asing sebenarnya suatu perkara yang baik. Orang Cina Thai menggunakan bahasa Thai sepenuhnya sewaktu di rumah mereka. Orang Cina Indonesia menunjukkan perasaan benci terhadap Negeri China. Nama mereka diubah supaya sebutannya seperti nama penduduk tetap di negara itu. Agama mungkin diketepikan dan digantikan dengan agama yang umum bagi negara tersebut.

Proses mengenal pasti itu biasanya selesai dalam tempoh dua atau tiga keturunan, kecuali apabila asal usul etniknya terlalu kuat. Apabila perkara ini telah dicapai, maka sentimen, reaksi dan tingkah laku secara automatik akan mencerminkan kenal pasti dengan negara dan penduduk tetap. Keturunan kaum pendatang itu akan disamakan dengan penduduk negara tersebut sehingga mereka akan menganggap diri mereka sebagai penduduk tetap.

Di Malaysia, sebelum kedatangan British, tidak banyak pendatang yang telah terserap atau sedang diserap. Pada zaman British berlaku kemasukan ramai pendatang, mula-mula ke tanah jajahan Negeri-negeri Selat dan kemudiannya ke negeri-negeri Melayu. Soal kewarganegaraan tidak timbul, kecuali di Negeri-negeri Selat kerana di situ satu bentuk kewarganegaraan diberikan sewenang-wenangnya kepada kaum pendatang itu. Di lain-lain bahagian Semenanjung Tanah Melayu, hanya orang Melayu sahajalah warganegara yang sah dan diterima sebagai penduduk tetap. Sekalipun apabila kaum pendatang itu bertambah, tidak terlantas untuk memberikan hak kewarganegaraan kepada pendatang baru yang lebih tetap ini. Sehingga akhir Perang Dunia Kedua, orang-orang Melayu hanya menghadapi masalah imigrasi. Kewarganegaraan dianggap sebagai hak mutlak dan urusan orang Melayu sahaja dan tidak dianggap sebagai suatu masalah.

Adalah jelas sekarang bahawa walaupun kaum pendatang tidak berminat untuk menjadi warganegara tetap dan tidak pula membuat desakan bagi mendapat taraf ini, mereka telah lama merasa tidak puas hati dan marahkan rintangan (yang dikenakan oleh pihak warganegara) yang menghalang mereka daripada mengumpul harta kekayaan serta meluaskan bidang-bidang aktiviti mereka tanpa apa-apa had dan batasan. Sementara

mereka masih ingin mengekalkan kedudukan mereka sebagai warganegara negara-negara asing, mereka tidak dapat memahami sebab-sebab mengapa pihak warganegara asal mengenakan sekatan-sekatan ini. Mereka bukan sahaja berkehendakkan persamaan layanan dari pelbagai kerajaan negeri dan kuasa penjajah, malahan mereka juga berkehendakkan perubahan pada struktur dan pentadbiran Tanah Melayu supaya menyebelahi mereka. Tidak adanya satu jentera Kerajaan pusat serta dengan adanya sekatan-sekatan kastam di antara negeri-negeri menyebabkan kesukaran perniagaan, dan ini telah menimbulkan kebencian di kalangan peniaga-peniaga pendatang Cina. Kuasa pentadbiran orang-orang Melayu yang terhad juga merupakan satu punca rasa tidak puas hati mereka dan mereka tidak dapat memahami mengapa pihak British tidak dapat mentadbir negeri-negeri Melayu sebagaimana mereka mentadbir Negeri-Negeri Selat.

Sejak dari tahun 1920-an lagi tatkala peniaga-peniaga Cina menyokong langkah-langkah untuk memusatkan kerajaan negeri-negeri Melayu dan mengadakan satu kawasan kastam bersama (yang akan mengakibatkan penyekatan kuasa raja-raja Melayu), tidak terlintas di hati sesiapa pun untuk mencadangkan pembentukan satu kewarganegaraan kebangsaan Melayu sebagai cara untuk menyesuaikan aspirasi kaum pendatang dengan kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai rakyat asal. Jika semua dasar mengenai imigrasi, pelajaran dan kewarganegaraan yang sekarang ini berkuatkuasa di Malaysia dilaksanakan pada ketika itu, seterusnya jumlah pendatang yang lebih kecil ditambah pula dengan perhubungan yang kurang baik dengan negara-negara asal mereka, masalah kerakyatan tidak akan menjadi masalah yang mencabar bagi orang-orang Melayu pada hari ini. Tetapi pihak British terlampau mengahargai perniagaan Cina dan buruh India sehingga tidak sempat memikirkan nasib orang-orang Melayu. Sudah pun ada peruntukan yang kononnya melindungi orang-orang Melayu di dalam pentadbiran dan hal ehwal tanah. Orang-orang Melayu diberi jaminan tentang berkesannya peruntukan-peruntukan ini dan kedudukan mereka yang tetap sebagai rakyat Tanah Melayu tunggal yang sah. Sementara itu, percubaan separuh hati telah dibuat bagi mengawal imigrasi. Tidak ada percubaan yang dilakukan untuk meyakinkan kaum pendatang bahawa sebagai

seorang pendatang dan orang asing, mereka mesti menerima had-had tertentu selaras dengan amalan di seluruh dunia.

Setelah gagal usaha untuk memusatkan sepenuhnya pemerintahan negeri-negeri Melayu, dan pemeliharaan hak-hak istimewa orang Melayu terus dijamin, tidak ada cadangan untuk meluaskan hak kewarganegaraan sehinggalah Malayan Union dicadangkan oleh British selepas perang. Tiba-tiba sahaja bangsa Melayu berdepan dengan satu hakikat buruk bahawa pegangan British terhadap dasar-dasar yang dipersetujui dapat dihancurkan oleh orang British bersendirian sahaja. Cadangan untuk memberikan hak-hak kewarganegaraan yang sama kepada semua penduduk Tanah Melayu dan dengan demikian menjatuhkan taraf kedudukan orang Melayu di negara mereka sendiri begitu memeranjatkan sehingga hapus sikap 'tidak apa' orang Melayu. Barangkali inilah pertama kalinya reaksi orang Melayu tidak mencerminkan sifat orang Melayu biasanya. Boleh jadi cadangan yang begitu mendadak timbul itu mengejutkan orang Melayu dari kelalaian.

Selepas mereka berjaya menentang cadangan kewarganegaraan dalam rancangan Malayan Union itu maka wajarlah kalau kita menduga bahawa orang Melayu akan mengukuhkan kedudukan mereka. Kekuatan mereka semasa menentang rancangan Malayan Union itu adalah terbukti dan pendirian yang tegas mengenai soal kewarganegaraan sepatutnya boleh diambil. Mereka tahu akan amalan di negara-negara lain di dunia dan pengetahuan ini dapat dipergunakan untuk mengukuhkan tuntutan mereka. Perasaan takut akan menjadi golongan minoriti tanpa sebarang keistimewaan di negara mereka sendiri masih terlalu nyata ketika itu untuk menghentikan tentangan mereka terhadap pemberian hak kewarganegaraan kepada orang lain. Namun, dengan tidak diduga sama sekali, apabila langkah-langkah baru dibuat untuk memberi hak kewarganegaraan kepada pendatang-pendatang yang bukan sahaja diragukan kesetiiaannya malahan benar-benar memusuhi mereka, orang Melayu tidak bertindak seperti mana yang mereka lakukan tatkala terkejut ke atas cadangan-cadangan rancangan kewarganegaraan Malayan Union dahulu. Mereka nampak akan perbezaan yang sangat tipis di antara kedua-dua rancangan kewarganegaraan itu, insaf akan hakikatnya, namun mereka tidak berbuat suatu apa mengenai hal itu. Kajian tentang

kewarganegaraan yang berlaku semenjak rancangan Malayan Union akan menunjukkan bahawa rancangan itu telah disusun dengan teratur sekali seperti satu jadual yang tetap. Pada setiap peringkat dan setiap kali Perlembagaan dipinda, jumlah warganegara Melayu di negara ini menjadi semakin berkurangan jika dibandingkan dengan warganegara yang berasal dari kaum pendatang. Sekarang kedudukan kewarganegaraan itu hampir-hampir sama dengan yang akan diperolchi jika Malayan Union dahulu diterima oleh orang Melayu. Walaupun mereka sedar akan keadaan ini namun mereka tidak bertindak seperti yang mereka lakukan dahulunya. Mereka sekali lagi bersikap seperti dahulu. Rancangan itu masih terus diusahakan tetapi kita boleh menduga orang Melayu akan berdiam diri sahaja dan berserah kepada takdir. Setengah-setengahnya malahan sampai mengatakan bahawa negara ini bukan lagi negara mereka melainkan negara siapa sahaja yang ingin menuntutnya. Setengah dari mereka mengatakan bahawa walaupun mereka penduduk asal dan penduduk tetap, tetapi mereka tidak berhak mengenakan dan mengawal syarat-syarat kewarganegaraan baik apa sekalipun amalan di tempat lain.

Pemimpin-pemimpin Melayu selalunya cenderung bersikap liberal. Pengikut-pengikut biasanya tidaklah pula begitu. Sungutan-sungutan tidak puas hati sudah pun kedengaran. Bagi orang Melayu biasa, pemberian kewarganegaraan kepada orang asing masih lagi merupakan ancaman bahawa mereka akan dikuasai oleh orang lain. Mereka tahu akan hak mereka dan mengabaikan hak-hak ini adalah tidak wajar dan tidak adil. Masalah mereka mengenai soal hak kewarganegaraan ialah menyatakan sikap mereka tanpa memberi malu dan membangkitkan krisis. Tugas ini sukar, dan mungkin sekali mereka akan gagal. Jika sekiranya mereka gagal, maka akibatnya mungkin sangat buruk bagi semua orang. Adalah lebih baik jika masalah ini diatasi sekarang juga dan dilema orang Melayu ini diinsafi. Kewarganegaraan di Tanah Melayu haruslah mematuhi pola kewarganegaraan di tempat-tempat lain. Kewarganegaraan haruslah membawa bersamanya kewajipan dan juga keistimewaan. Kewarganegaraan haruslah diterima sebagai tanda pengakuan, bukannya sebagai dorongan. Dengan cara ini sahajalah kejujuran warganegara yang baru ini dapat dibuktikan. Dan dengan cara ini sahajalah perasaan kecewa dan

perasaan tidak puas hati orang Melayu dapat dihapuskan dan negara Malaysia dapat dibina berlandaskan di atas rakyatnya yang betul-betul setia.

Jika dahulu lagi orang Melayu menegaskan bahawa mereka-lah penduduk tetap dan seperti juga amalan negara-negara lain, mereka akan mempunyai hak mengenai bahasa, imigrasi, pelajaran kebangsaan dan kewarganegaraan. Dengan itu masalah-masalah mengenai perpaduan kebangsaan tidaklah akan menjadi begitu buruk dan begitu mengganggu. Ciri-ciri khusus warganegara tentunya telah tercapai. Apabila masyarakat yang homogen ini telah terbentuk maka banyaklah masalah yang akan hilang. Tetapi, dalam keadaannya sekarang, perasaan perkauman mungkin akan menjadi ciri yang abadi di Malaysia. Pemisahan warganegara ini, yang sesungguhnya merupakan pemisahan yang disebabkan bukan sahaja oleh bahasa dan kebudayaan malahan oleh pekerjaan, kedudukan ekonomi, tempat tinggal, latar belakang pelajaran, nilai-nilai dan malahan cara berfikir, akan sentiasa disertai oleh segala macam masalah lain. Perkara ini selamanya akan menjadi punca ketegangan di antara kaum.

Di negara-negara lain penduduk tetap menuntut untuk mengawal faktor-faktor utama seperti bahasa, imigrasi, kewarganegaraan dan pendidikan kebangsaan. Selain daripada itu, agama negara dan kebudayaan juga dikuasai oleh penduduk tetap. Pendapat mengenai agama nampaknya telah berubah dan sekarang jarang sekali ada desakan supaya warganegara baru harus menganuti agama penduduk tetap. Kebudayaan penduduk tetap dikekalkan melalui kawalan terhadap bahasa, imigrasi, kewarganegaraan dan pelajaran. Bagaimanapun, kebudayaan berubah mengikut peredaran zaman dan perubahan-perubahan yang berlaku, sesudah faktor-faktor lain telah memberi kesan sepenuhnya, akan melibatkan seluruh masyarakat. Oleh kerana itu ia akan mengekalkan sifat persamaan atau homogen warganegara dengan ciri-ciri asas penduduk tetap.

Dengan membelakangkan tuntutan orang Melayu sebagai penduduk tetap Semenanjung Tanah Melayu, maka kesempatan pertama untuk membentuk satu warganegara yang homogen sudahlah terlepas. Dasar-dasar sekarang tidak mungkin berjaya menyatupadukan kaum-kaum yang ada itu. Oleh kerana itu perpecahan akan terus berlaku dan akan merupakan punca

pertelingkahan yang kekal. Tujuan saya menunjukkan perkara-perkara yang telah diabaikan ini ialah supaya pembetulan dapat dilakukan di sana sini apabila timbul kesempatan. Keadaan ini menimbulkan berbagai masalah yang memberi kesan terutamanya kepada orang Melayu, kerana sifat dan faktor keadaan mereka telah menjadi golongan tidak berada di negara mereka sendiri. Masalah mereka haruslah ditonjolkan sekarang supaya cara-cara membaikinya dapat dicari sementara masih ada kemungkinan menyelesaikannya. Mengabaikan masalah-masalah ini bererti membiarkannya merebak dan menyebabkan masalah-masalah itu tidak dapat diselesaikan. Malapetaka sahalalah yang akan terjadi dari pandangan yang begitu cetek ini.

## BAB 9: Tatasusila dan Sistem Nilai Melayu

Sesuatu bangsa itu berbeza bukan sahaja disebabkan oleh fisiognomi, bahasa dan tempat tinggalnya tetapi juga oleh kebudayaannya. Kebudayaan terjalin erat dengan tatasusila dan sistem nilai sesuatu bangsa. Kesusilaan dan sistem nilai inilah yang melahirkan kesusasteraan, seni kreatif dan visual dan lain-lain manifestasi yang biasanya membentuk kebudayaan. Dan yang lebih penting lagi ialah bahawa tatasusila dan sistem nilai tersebut menentukan kemajuan dan perkembangan sesuatu bangsa dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Tatasusila dan sistem nilai orang Melayu belumlah pernah dikaji dan dianalisa. Memang tidak ramai bilangan orang Melayu yang mahu memberikan pandangan tentang perkara-perkara yang sensitif ini. Tetapi jika sekiranya kita hendak mengatasi masalah orang Melayu dan masalah Malaysia dengan harapan untuk mencapai kejayaan, adalah penting kita mengetahui mengapa, dalam keadaan-keadaan yang tertentu, orang Melayu bertindak dan mencapai kemajuan yang berbeza sekali berbanding dengan orang Cina dan orang-orang lain.

Walaupun pendapat saya mengenai perkara ini tidaklah secara saintifik dan tidak juga berupa kajian yang mendalam, namun saya telah cuba memberikan sedikit sebanyak pandangan mengenai perkara yang tidak begitu difahami walaupun sering disebut-sebut. Setidak-tidaknya pandangan ini mungkin menolong orang lain untuk memahami dengan lebih baik lagi sifat orang Melayu.

Nilai dan sistem nilai mempengaruhi perkembangan dan kemajuan semua masyarakat manusia. Pada umumnya konsep nilai sesuatu masyarakat tidak dipersoalkan kecuali oleh ahli sosiologi dan ahli sains kemasyarakatan. Hanya apabila masyarakat ataupun komuniti manusia saling berhubungan dan nilai-nilai yang berbeza ini bertentangan dan menuju ke arah yang berlainan barulah nilai ini menarik minat orang-orang biasa.

Konsep-konsep nilai dan tatasusila adalah saling berkait rapat. Tatasusila sangat dipengaruhi oleh agama atau tafsiran agama, maka ini bererti bahawa nilai-nilai juga sangat rapat

hubungannya dengan kepercayaan agama. Demikianlah kemajuan negara-negara Barat dipercayai berpunca dari tatasusila Judaeo Kristian. Memanglah tidak sukar pula untuk mengaitkan perkembangan Islam yang cepat selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. dengan perubahan nilai yang dibawa oleh Islam. Tentera Islam berperang dari negeri Sepanyol hingga ke Negeri China untuk mengembangkan syiar Islam ke kawasan-kawasan yang dikenali sebagai dunia pada waktu itu. Perkembangan dan kemajuan tatasusila Islam yang sama telah membawa kemajuan ilmu sains dan ilmu kemanusiaan yang berlaku sesudah penaklukan selesai.

Oleh kerana itu pemahaman darihal sistem nilai dan tatasusila orang Melayu merupakan syarat mutlak untuk merancang masa depan mereka. Kajian terhadap nilai ini mungkin terbukti mengecewakan. Tetapi tanpa memahami serba sedikit tentang nilai-nilai ini, bukan sahaja mustahil untuk membetulkan pendapat-pendapat yang salah akibat tafsiran yang tidak betul, malahan rancangan untuk memajukan orang Melayu akan gagal sebab rancangan-rancangan itu akan bertentangan dengan nilai-nilai yang sudah ditegakkan.

Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling besar terhadap konsep-konsep nilai dan tatasusila Melayu. Bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa bukanlah agama yang begitu berpengaruh melainkan tafsiran tentang ajaran-ajaran Islamlah yang kuat pengaruhnya. Tafsiran agama berbeza-beza bukan sahaja mengikut individu malahan juga mengikut usia dan masa, bahkan juga negara. Patut pula diingatkan bahawa Islam juga mempunyai lima mazhab dan kadang-kadang timbul mazhab baru disebabkan oleh tafsiran seseorang individu. Kalaulah kadang-kadang pengaruh Islam terhadap konsep nilai Melayu nampaknya tidaklah begitu baik, maka perlulah diingatkan bahawa pengaruh itu bukanlah kerana ajaran Islam tetapi sebahagian besarnya ialah kerana tafsiran semasa penduduk tempatan yang telah menyebabkan berlakunya pengaruh buruk ini.

Tambahan pula konsep Islam di Malaysia sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kepercayaan-kepercayaan lama orang Melayu. Setengah-setengahnya, terutama animisme, mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap orang Melayu luar bandar daripada orang Melayu di bandar. Pengaruh kepercayaan-

kepercayaan ini masih kuat di kawasan-kawasan luar bandar dan kadang-kadang pengaruh ini bertentangan dengan ajaran Islam. Selain daripada kepercayaan agama, peradaban Melayu telah membentuk satu susila tingkahlaku yang dinamakan adat. Adat itu nampaknya dipengaruhi oleh agama-agama orang Melayu dahulu dan sekarang, tetapi ada sebahagian besar daripadanya yang nampaknya unik dan tidak ada hubungannya dengan sebarang kepercayaan. Pengaruh adat pada keseluruhannya sudah berkurangan tetapi masih kuat di kawasan-kawasan luar bandar yang lebih konservatif, dan kita harus ingat bahawa di sinilah kebanyakan orang Melayu tinggal.

Perhubungan dengan dunia orang bukan Melayu juga telah mempengaruhi sistem nilai orang Melayu. Perhubungan ini boleh dibahagi kepada dua bahagian, iaitu dengan dunia Islam yang bukan Melayu, di antaranya yang paling utama ialah perhubungan dengan dunia Arab baik di dalam mahupun di luar negeri; dan perhubungan dengan orang-orang bukan Islam seperti orang-orang Eropah, Cina dan lain-lain. Pada keseluruhannya, pengaruh perhubungan antara kaum ini ke atas nilai orang Melayu adalah kurang apabila agama berbeza dibandingkan dengan pengaruh kepercayaan agama yang sama. Perhubungan dengan sebilangan kecil orang Arab mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap nilai-nilai orang Melayu kalau dibandingkan dengan semua hubungan dengan kaum-kaum lain yang bukan Islam.

Hukum etika dan konsep atau sistem nilai adalah perkara-perkara yang besar dan tidak boleh diliputi di dalam satu kajian sahaja. Oleh kerana tujuan tulisan ini ialah untuk mencuba mengaitkan sebab dan kesan masalah-masalah yang mempengaruhi orang Melayu, dalam kajian yang lebih meluas, hanya tatasusila dan konsep-konsep yang berkaitan dengan masalah itu sahaja yang perlu diperkatakan. Sebelum diteruskan perbincangan, eloklah terlebih dahulu diketahui apakah pendapat orang Melayu tentang asas etika, yakni konsep kebaikan.

Perkara yang mula-mula menarik perhatian pemerhati ialah perbezaan yang amat ketara antara tatasusila yang dianuti dan kebiasaan yang diamalkan. Yang tidak kurang menariknya ialah bahawa pada zahirnya orang Melayu sendiri pun tidak dapat melihat perbezaan ini. Oleh itu pemerhatian mengenai amalan yang sebenar akan memberi satu susunan nilai, sementara kajian

mendalam pula akan menunjukkan kumpulan idea yang berlainan. Sedikit sebanyaknya perkara ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang bersifat sejagat. Akan tetapi adalah satu kesilapan sekiranya perkara ini tidak diambilkira dari awal lagi bagi mengelak kritik kemudian hari bahawa pendapat yang berbeza-beza telah dibuat berkenaan dengan perkara yang sama.

Mengenai asas konsep baik, nampaknya konsep orang Melayu sesuai dengan idea Kant mengenai kejujuran. Perkara yang baik bukanlah yang menyenangkan, tetapi sebaliknya perkara yang wajar. Perkara yang wajar telah dinyatakan di dalam kesusilaan agama Islam dan adat yang tegas. Disanjung tinggi adalah baik bagi masyarakat dan juga bagi diri seseorang, tetapi pada umumnya individu dianggap kurang penting berbanding dengan masyarakat.

Tatacara dan upacara agama sangatlah penting dalam konsep nilai orang Melayu. Sesuatu yang rasmi adalah dianggap sesuai. Menyeleweng dari tatacara dianggap tidak cocok, biadab dan patut dicela dan dihukum oleh Tuhan dan manusia. Sikap ini pada dasarnya sikap yang konservatif. Sikap ini tidak mengizinkan inovasi. Sesungguhnya sikap ini tidak menggalakkan perubahan dan dayatemu. Biasanya memang ada cara yang rasmi untuk melakukan sesuatu dan tidak semestinya ada penjelasan yang logik mengapa cara yang ditetapkan itu dianggap betul dan diterima. Oleh kerana agama adalah asas utama sistem nilai orang Melayu, maka sewajarnya adalah bahawa kebaikan dan kebijaksanaan mempunyai erti yang sama dengan ketinggian beragama. Menjadi alim dalam bidang agama dianggap baik, dihormati dan dipandang tinggi. Pengetahuan bertambah dengan usia yang meningkat, dan oleh itu Islam sangat menghormati mereka yang berusia dan berpengetahuan.

Hidup semata-mata untuk keseronokan tidak mempunyai tempat di dalam etika hidup orang-orang Melayu. Keseronokan baik fizikal atau mental adalah dipandang rendah. Sesuatu kerja tidak dilakukan dengan tujuan keseronokan semata-mata. Berkhidmat kepada sesama manusia mungkin mendatangkan kepuasan dan keseronokan tetapi ini bukanlah sebabnya mengapa seseorang Melayu itu patut berkhidmat kepada orang lain. Hanyalah kesopanan dan tanggungjawab yang menggerakkannya. Tenaga penggerak ialah untuk mendapat keredaan Tuhan dan kebaikan di mata manusia. Dengan lain perkataan, sesuatu

itu adalah dilakukan kerana ianya wajar dan bukan kerana ianya menyenangkan atau kerana tindakan itu akan memberi kepuasan hasil dari pencapaiannya. Keseronokan fizikal dipandang hina dan haruslah dibendung atau sekurang-kurangnya disembunyikan. Memakan makanan yang lazat dengan berlebihan dianggap tidak baik dan minum minuman yang boleh memabukkan ditegah oleh agama dan tidak dapat diterima oleh masyarakat.

Falsafah 'makan, minum, dan berseronok-seronok' tidak mempunyai tempat dalam masyarakat Melayu. Hidup itu sementara dan inilah waktunya kita membuat persediaan untuk hari akhirat. Oleh kerana itu kehidupan di dunia bukanlah untuk bersenang-senang atau bersuka-suka melainkan untuk beribadat dan patuh kepada perintah-perintah agama. Terlalu sibuk dengan perkara-perkara keduniaan, seperti mengumpulkan harta tidaklah baik. Jika orang Melayu bukan penggemar makanan dan minuman mereka juga bukanlah orang yang pandai menahan nafsunya. Kehidupan ini penuh dengan penderitaan, tetapi tidaklah semua penderitaan itu harus ditanggung dengan penuh kesabaran. Melentur sedikit mengikut tiupan angin apabila dalam kesukaran memanglah diduga. Malahan dalam agama sekali pun adalah diperintahkan supaya seseorang itu berpura-pura membuang agamanya daripada bersabar mengalami siksaan. Syuhada-syuhada Kristian yang lebih suka mati daripada memisah dari kepercayaan mereka dianggap oleh orang Melayu sebagai bodoh sekali. Manifestasi agama yang zahir atau dapat dilihat kadangkala tidaklah begitu penting oleh kerana agama adalah perkara kerohanian. Membendung perasaan terhadap penindasan dan menanggung kesakitan dengan tujuan menunjuk kedegilan adalah dianggap bodoh dan sia-sia.

Tetapi bertentangan dengan tuntutan agama supaya mempertimbangkan arus dan aliran adalah pegangan yang begitu kuat ke atas sifat dan bentuk yang ditetapkan oleh adat. Dalam tatasusila tingkahlaku Melayu rupa bentuk lebih penting dan lebih disukai daripada isi kandungan yang sebenarnya. Oleh itu status rasmi yang formal dianggap lebih penting daripada kuasa yang ada bersama-sama status tadi. Dengan lain-lain perkataan, tidaklah menjadi apa-apa jika keadaannya tidak sebenarnya begitu asalkan ianya mempunyai rupa bentuk yang demikian.

Sikap inilah yang menjelaskan kejayaan dan betapa mudahnya British mengambil alih negeri-negeri Melayu. Sikap ini menerangkan kenapa orang British berjaya dengan senang memerintah negeri-negeri Melayu sebagai negeri-negeri yang dilindungi pada lahirnya tetapi memperlakukan negeri-negeri itu sebagai tanah jajahan.

Akhir sekali, ada pula kepercayaan kepada takdir yang menjadi ciri sikap hidup orang Melayu. Kepercayaan kepada takdir ini sangat nyata di mana-mana sahaja dan sangat mempengaruhi keseluruhan konsep nilai orang Melayu. Kepercayaan ini memungkinan segala sesuatunya, sama ada yang baik ataupun yang buruk, diterima dengan sikap toleran dan sabar sahaja tanpa membantah. Kepercayaan ini tidak menggalakkan usaha besar untuk mengadakan perubahan. Kepercayaan ini tidak memberontak. Jika sekali pun ada percubaan untuk berbuat sesuatu, kegagalan diterima dengan penuh kesabaran. Seluruh falsafah hidup terkandung dalam peribahasa Melayu 'Rezeki secupak tidak akan jadi segantang'. Dengan lain-lain perkataan, takdir menentukan segala-galanya dan usaha untuk memperbaiki keadaan seseorang itu tidak berguna kecuali jika sudah ditakdirkan demikian.

Akibat sikap berserah kepada takdir ini menyebabkan usaha mencari harta dunia tidak dipentingkan. Perasaan bangga kerana berusaha sedaya upayanya bukanlah perkara biasa. Juga tidak terdapat sanjungan yang tinggi terhadap orang yang enggan berhenti bekerja kerana kecacatan atau umur yang tua. Sikap yang dianggap betul ialah mengakui batas kemampuan seseorang dan kesediaan untuk menerima batasan-batasan ini. Rasa simpati terhadap mereka yang kurang bernasib baik harus diperlihatkan oleh orang-orang lain. Inilah sifat yang dikagumi dan umumnya terdapat di kalangan orang Melayu.

Sebelum kita membincangkan kejadian-kejadian umum dalam pengalaman manusia dalam alam sekitarnya serta sikap orang Melayu terhadap kejadian-kejadian ini, barangkali ada faedahnya jika kita mengingati kembali rumusan-rumusan umum tentang nilai-nilai etika orang Melayu untuk melihat bagaimana kedudukannya berbanding dengan nilai-nilai etika yang dianjurkan oleh ahli-ahli falsafah dahulu kala. Perkara pertama yang dapat dikatakan tentang kesusilaan Melayu ialah *tatasusila itu belum dipengaruhi oleh pengetahuan secara sedar*

tentang falsafah-falsafah tatasusila dahulu kala ini. Apa-apa jua persamaan dengan, ataupun apa-apa penolakan yang nyata terhadap nilai-nilai orang Greece purba dan tamadun Mediterranean sebelum zaman Kristian sudah semestinyalah berlaku secara kebetulan sahaja.

Pertama sekali, pemeriksaan diri sendiri yang begitu menarik perhatian dan menelan masa yang panjang ahli-ahli falsafah Greece tidak dianggap mempunyai apa-apa nilai kebaikan yang besar. Oleh itu menganalisa diri secara kritis dengan sengaja adalah jarang sekali dilakukan. Tafsiran Socrates mengenai seruan Delphi, "Ketahuilah dirimu sendiri," yang memberi nilai kebaikan terhadap pengetahuan mengenai diri sendiri tidak terdapat persamaannya di kalangan orang-orang Melayu. Ini bukan sahaja melibatkan individu malahan juga masyarakat. Kelemahan ini menyebabkan kelemahan mengetahui dan mengatasi kesalahan-kesalahan diri sendiri. Lebih konservatif sesebuah masyarakat, maka lebih besarlah kelemahan ini. Perkara ini adalah amat ketara di dalam masyarakat luar bandar dan menyebabkan kebuntuan menghubungkan sebab dengan akibat.

Jenis pengetahuan yang disanjung ialah pengetahuan agama. Usaha untuk mempelajari darihal agama agak mengkagumkan, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang dianggap mundur. Misalnya kitab suci Al-Quran dibaca orang, diberi tafsiran dan dibincangkan begitu meluas. Di kalangan orang Melayu, kebolehan berbahasa Arab adalah perkara biasa, dan kadang-kadang bahasa Urdu yang menjadi bahasa pengantar bagi pelajaran agama di Pakistan dan India juga difahami.

Walau bagaimanapun, nilai-nilai kerohanian Islamlah yang paling mendapat perhatian. Penekanannya ialah tentang kehidupan yang salih, bebas dari dosa dan kehidupan yang boleh memberikan kebahagiaan di akhirat. Oleh kerana itu pengetahuan agama dicari semata-mata demi pengetahuan agama dan untuk menjalani hidup yang salih. Tetapi kebaikan pengetahuan yang diperolehi dari agama tidak selalu digunakan untuk mempengaruhi nilai-nilai lain. Di antara tiga kebaikan utama yang dinyatakan oleh Plato, kesabaranlah yang paling nyata di kalangan orang Melayu. Kesabaran bukanlah falsafah yang aktif melainkan hasil daripada iklim dan alam sekitar orang Melayu. Orang yang tidak sabar tidak dipandang mulia. Gambaran yang

diberikan ialah satu bendungan yang berterusan yang mencabar ketabahan hati. Ia menyebabkan konflik di dalam diri, dan kadangkala ikatan-ikatan yang membendung ini seakan-akan putus dan tiba-tiba sikap sopan dan beradab itu hilang dan digantikan oleh satu kemarahan yang mendadak yang begitu menakutkan kerana arus keganasannya.

Namun begitu, orang Melayu rata-rata biasanya ingin mengamalkan hidup yang sederhana. Dalam menikmati hidup yang sederhana, sikap terhadap orang lain dan reaksi terhadap keadaan dan alam sekeliling, sentiasa terdapat nilai kesederhanaan ini. Orang Melayu yang baik selalunya merendah diri dan tidak menonjolkan dirinya, tidak mahu memaksakan kemahuannya jika kemahuan itu bertentangan dengan kemahuan orang lain dan sentiasa sahaja sedia berkompromi.

Keberanian, sifat kebaikan yang kedua yang diutamakan oleh Plato memberi erti yang agak berbeza daripada konsep keberanian dalam keseluruhan sejarah etika Barat. Ketegasan pendirian untuk melanggar, atau berundur atau untuk bertahan yang dipengaruhi oleh pemahaman yang jelas mengenai sesuatu keadaan, sebagaimana diterangkan oleh Plato, bukanlah sebahagian daripada keperibadian Melayu. Sesungguhnya ketegasan sama sekali bukanlah sifat orang Melayu. Oleh kerana itu jenis keberanian yang memerlukan ketegasan dan memegang teguh kepada prinsip jarang ada di kalangan orang Melayu. Dalam banyak perkara keberanian disamakan dengan kesanggupan menghadapi sesuatu keadaan yang tidak ada harapan lagi. Ertinya menghadapi rintangan maha besar yang boleh membawa kepada kekalahan dan kemusnahan. Menentang musuh yang lebih kuat dari keupayaan sendiri dianggap berani. Memperhitungkan dan menilai peluang terlebih dahulu menunjukkan perasaan takut. Sudah berkali-kali ketidakupayaan atau keengganan untuk mengukur kemungkinan yang akan mereka hadapi menyebabkan orang Melayu mengalami kekalahan dan malapetaka. Seseorang Melayu yang gagah berani selalunya bertindak secara membabi-butakan dan oleh kerana ia lebih berkemungkinan melakukan sesuatu tanpa memikirkan akibatnya, maka seseorang Melayu biasa akan hormat dan takut kepadanya. Seorang orang biasa sedar bahawa tidak ada faedah menimbulkan kemarahannya dan adalah lebih selamat untuk membiarkan orang itu mengikut kehendaknya sendiri. Jelaslah

bahawa orang biasa sebaliknya menggambarkan golongan yang amat jauh perbezaannya, di mana demi keselamatan, prinsip dengan mudah sekali diketepikan.

Kenyataan-kenyataan ini mungkin terasa menghina. Memang ada banyak contoh tentang keberanian yang sebenarnya dalam sejarah orang Melayu. Kegagahan beberapa orang anggota pasukan Askar Melayu sudahlah diketahui umum. Tetapi kesimpulan di atas pada dasarnya betul. Kesimpulan umum ini menerangkan mengapa orang Melayu pandai mengatasi musuh mereka secara senyap-senyap dan tipu helah dan jarang sekali menyerang secara berdepan dalam sebarang keadaan.

Kebijaksanaan menurut tafsiran Plato bukanlah sepertimana kebijaksanaan yang dimaksudkan oleh orang Melayu. Perlunya mengawal nafsu dan mengarahkan keazaman memang di kui, tetapi kebijaksanaan adalah dianggap sebagai kebolehan untuk memintas sesuatu keadaan tertentu. Yang dipandang tinggi bukanlah semata-mata mengawal nafsu dan mengarahkan keazaman tetapi adalah kebolehan mengelak dari membuat keputusan yang muktamad dan dapat membuat pembetulan kemudian nanti. Kebolehan inilah yang disanjung tinggi. Orang Melayu tidak pernah terikat kepada apa-apa. Selalunya ada jalan keluar untuk melepaskan diri. Dalam mencuba menyediakan jalan keluar yang bijak bagi sesuatu keadaan, proses membuat keputusan selalunya merupakan proses yang menjemukan dan banyak memakan masa. Sesungguhnya, seberapa yang boleh, sesuatu keputusan akan cuba dielakkan sama sekali, dan oleh yang demikian berpeluanglah untuk menyangkal dan kemudian membuat pembenaran.

Jelaslah bahawa ketiga-tiga ciri kebaikan yang diutarakan oleh Plato tidak ada kena-mengena dengan orang Melayu. Kebaikan-kebaikan ini memang ada tetapi oleh kerana nilainya berbeza, maka masyarakat yang dibentuknya itu berbeza sama sekali, dan tidak berkembang mengikut garis-garis yang sama seperti peradaban Barat. Dan oleh kerana konsep-konsep nilai dan tatasusila orang Melayu berbeza daripada konsep nilai dan tatasusila Barat, maka perubahan dalam alam sekitar semata-mata tidak mungkin akan membawa perubahan besar yang sepatutnya dalam nilai-nilai Melayu sehingga mereka dapat bersaing dengan usaha kaum atau komuniti lain. Dengan lain perkataan,

tanpa perubahan yang radikal pada tatasusila dan konsep nilai mereka, maka usaha besar-besaran untuk mengubati penyakit yang menimpa orang Melayu hanya akan menambahkan lagi kekecewaan semua yang berkenaan, oleh kerana hasil yang diperolehi itu adalah minimum sahaja.

Sekarang marilah kita meneliti sikap orang Melayu terhadap pengalaman umum masyarakat manusia, mengenai hidup dan mati, mengenai individu dan masyarakat, mengenai kekayaan dan kemiskinan, dan mengenai kejadian-kejadian utama lainnya yang mempengaruhi cara berfikir dan reaksi dalam masyarakat. Nyawa merupakan kurniaan Tuhan dan kurniaan itu adalah paling berharga bagi manusia. Orang Melayu menghargai nyawa tetapi nampaknya tidak menghargai sepenuhnya apa yang dikatakan nyawa dan tujuannya. Oleh sebab nyawa itu kurniaan Tuhan, maka nyawa tidak boleh diambil. Membunuh adalah perbuatan yang keji tetapi yang lebih keji ialah membunuh diri sendiri. Oleh itu membunuh diri sendiri sangat jarang berlaku dan orang yang membunuh diri menjadi punca keaiban kepada sanak saudara yang ditinggalkannya. Oleh kerana mengambil nyawa itu keji, maka orang Melayu tidak akan membunuh secara sengaja. Kejadian pembunuhan yang kadang-kadang berlaku dalam masyarakat Melayu adalah disebabkan oleh hilang fikiran. Pembunuhan jarang dirancangan dan selalunya si pembunuh mudah dikesan.

Walaupun orang Melayu pada lahirnya menghargai kehidupan, tetapi mereka nampaknya tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan dengan kehidupan. Dalam masyarakat luar bandar yang lebih konservatif, kehidupan hampir seluruhnya merupakan jangka waktu untuk membuat persediaan untuk hari akhirat. Agak diragukan apakah ini yang diajar oleh Islam. Mungkin sekali sikap ini adalah suatu bentuk pelepasan diri dari kenyataan hidup yang sebenarnya, yakni tembok yang membendung perasaan cemburu yang dirasakan oleh orang Melayu terhadap kemakmuran yang dinikmati oleh kaum-kaum dan negara-negara lain. Akibat tumpuan yang amat kuat kepada akhirat itulah orang Melayu dapat meyakinkan diri mereka bahawa mereka tidak kerugian apa-apa di dalam kehidupan di dunia ini sekiranya mereka tidak mempunyai apa-apa harta-benda. Dunia ini sementara sahaja sedangkan akhirat itulah yang kekal. Jika hidup di dunia ini sementara dan hidup yang

lebih baik menunggu manusia, maka terlalu berazam untuk hidup tidak ada faedahnya dan tidaklah wajar pula. Sudah tentu sikap ini bererti berserah kepada takdir. Jika sikap ini berleluasa maka azam untuk hidup dan berusaha ke arah kehidupan yang lebih baik tidaklah begitu gigih.

Hidup dikaitkan dengan masa. Hidup bererti berada untuk satu jangka masa. Oleh kerana itu hidup dan masa tidak dapat dipisah-pisahkan. Jika kehidupan ini dihargai maka masa juga haruslah dihargai. Malangnya hubungan di antara hidup dan masa nampaknya tidak dihargai oleh orang Melayu. Hidup berharga tetapi masa tidak. Oleh itu masa disia-siakan atau diabaikan begitu sahaja. Misalnya umur sangat mudah disesuaikan. Orang Melayu umumnya tidak begitu pasti tentang umurnya sendiri dan sebarang agakan yang dibuatnya mungkin jauh lebih daripada yang sebenar. Ini ialah kerana umur tua dimuliakan dan orang lelaki, malahan orang perempuan juga, ingin selalunya mengatakan dirinya lebih tua dari yang sebenar. Orang lelaki dengan mudah berkata dia berumur 100 tahun tetapi apabila diperiksa sahaja umurnya didapati tidak lebih daripada 70 tahun.

Mengabaikan masa boleh dilihat sebagai cara bagaimana masa itu disia-siakan. Duduk-duduk sahaja, minum-minum kopi atau berbual-bual merupakan tabiat biasa orang Melayu di seluruh negara. Undangan makan kenduri di kampung selalunya tidak tetap waktunya. Orang-orang yang dijemput boleh datang bila-bila masa sahaja, makan bila-bila sahaja dan pulang bila-bila sahaja. Tiada siapapun yang hadir tepat pada waktunya untuk mesyuarat tetapi apabila sudah dimulakan tidak pula ditentukan waktu bila mesyuarat itu akan berakhir. Oleh itu sesuatu perjumpaan mungkin dimulakan lewat dari waktunya dan tamat lebih lewat pula, biar betapa lama masa diuntukkan supaya sesuai bagi setiap orang.

Apabila tidak ada kesedaran terhadap masa (dan waktu), maka tidak adalah perancangan dan pelaksanaan kerja tidaklah boleh diharapkan. Jadual waktu merupakan bahagian penting dalam kehidupan manusia moden. Sesungguhnya, semakin maju seorang itu dalam bidang teknologi maka semakin terikatlah dia kepada waktu. Penghitungan detik-detik waktu melambangkan pergantungan mutlak teknologi moden kepada waktu. Tanpa ketepatan waktu secara matematik, manusia

sudah tentu tidak akan dapat menjelajah di angkasa lepas. Sebuah masyarakat yang tidak mempedulikan waktu haruslah dianggap sebagai masyarakat yang sangat mundur. Apatah lagi masyarakat itu akan terus-menerus menjadi masyarakat yang mundur. Masyarakat itu sekali-kali tidak akan dapat mencapai sesuatu apapun dengan daya usahanya tersendiri dan sekali-kali tidak boleh bergerak maju dan mengejar peradaban lebih maju yang mementingkan waktu. Pastilah bahawa kegagalan orang Melayu untuk menghargai masa merupakan salah satu daripada halangan yang paling penting untuk mereka mencapai kemajuan.

Sikap terhadap hidup dan masa melambangkan percanggahan dalam sistem nilai orang Melayu. Di satu pihak hidup sangat dihargai tetapi di pihak yang lain, masa yang harus menyertai hidup untuk menjadikan hidup itu lebih bererti, tidak begitu dihargai. Masa disia-siakan dan dengan itu bermakna hidup juga disia-siakan. Jika hidup merupakan pemberian Tuhan maka masa juga tentulah pemberian Tuhan. Mensia-siakan masa pastilah bukan cara yang wajar bagi orang yang teguh keyakinan kepada agama dan menghargai pemberian Tuhan. Namun, beginilah caranya orang Melayu memperlakukan masa. Masa disia-siakan dan dengan itu hidup juga disia-siakan. Kemuliaan hidup yang mendalam agak dilemahkan oleh kegagalan memberi nilai yang sama terhadap masa.

Bagi orang Melayu, baik yang salih maupun tidak, maut adalah waktu bagi seseorang mendapat balasan kerana kesalahannya yang dilakukan semasa hidup dan mendapat ganjaran kerana kebaikan dan kesalihannya. Oleh kerana tidak ada orang yang benar-benar boleh menyatakan bahawa dia senantiasa berbuat baik sewaktu hayatnya, dan oleh kerana dia akan dihukum bagi segala kesalahan yang dilakukan sewaktu hayatnya, maka maut sudah tentulah amat menakutkan, walaupun bagi orang-orang yang alim. Orang Melayu takutkan maut, tetapi yang anehnya ialah mereka tidak terdorong untuk mempertahankan nyawa mereka. Sikapnya ialah berserah kepada takdir. Dia bersabar menunggu ajalnya, dan juga ajal orang lain. Dia mencari ketenangan dengan beribadat. Dia menyerahkan seluruh jiwa raganya kepada belas kesihan Tuhan sebab dia sudah tidak bersedia lagi berbuat suatu apapun untuk dirinya. Meskipun diterima hakikat bahawa ajal itu sudah ditakdirkan,

namun kesedaran bahawa dia akan mati tentu memeranjatkan juga orang Melayu. Kesedaran ini, biasanya datang apabila seorang itu mencapai usia 35 atau 40 tahun, sering mengakibatkan sakit saraf yang teruk dan akan mempengaruhi seluruh sikapnya terhadap hidup. Dia sangat berhati-hati dan mengelakkan apa sahaja yang dirasakan berbahaya dalam menghadapi masalah-masalah hidup. Seringkali dia menjadi pendiam dan enggan bersungguh-sungguh untuk mencari kebahagiaan hidup di dunia.

Bagi orang Melayu ajal diterima dengan tenang apabila tiba masanya. Ajal itu juga diterima dengan tenang oleh sanak saudara dan sahabat yang rapat. Kadang-kadang nampaknya seolah-olah ada pula keinginan untuk mati. Jadi apabila sahaja seseorang itu sakit teruk, maka kaum keluarganya secara diam-diam akan membuat persediaan untuk menghadapi kematian. Berusaha untuk berubat tidak dilakukan seperti sewajarnya. Perbincangan yang berlarut-larut akan dilakukan dengan sanak-saudara, sahabat-handai dan juga dengan orang yang sakit itu. Tiada siapa pun yang mahu bertanggungjawab membuat satu-satu keputusan, terutama keputusan untuk berbuat sesuatu yang positif. Tiada siapa pun yang mahu dituduh kemudian nanti sebagai bertanggungjawab membuat sesuatu yang ada kaitannya dengan kematian itu, atau lebih buruk lagi yang mungkin menyebabkan kematian itu. Perbincangan ini biasanya tidak berkesudahan, sementara si sakit perlahan-lahan menemui ajalnya.

Sewaktu si sakit menunggu keputusan yang mungkin menolongnya sembuh, sahabat-handai dan kaum keluarga tidak putus-putus datang untuk melahirkan rasa simpati mereka. Malangnya perbuatan yang begitu telah menjadi suatu kebiasaan sehinggakan tidak ubah seperti menghadiri kenduri kecil. Biasanya kopi dihidangkan kepada tamu-tamu berkenaan walaupun perkara ini akan lebih membebankan keluarga si sakit. Setelah bertanya-tanyakan kabar tamu-tamu itu duduk mengelilingi si sakit dan terus berbual-bual. Apabila terdapat sahaja tanda bahawa ajal sudah dekat, ayat-ayat suci akan dibacakan. Akhirnya apabila si sakit menemui ajalnya, kematian itu diterima dengan tenang oleh kaum keluarga. Tidak ada ratapan. Kaum keluarga yang terdekat mungkin tersedu tetapi umumnya kematian itu nampaknya seperti terlepas sudah suatu bebanan. Tidak ada perbezaan besar di antara kematian orang

tua, atau kematian orang muda, atau kematian kanak-kanak. Semua kematian sama sahaja, iaitu sesuatu yang telah ditakdirkan dan tidak siapa pun yang dapat berbuat apa-apa.

Ajaran Islam melarang upacara pengkebumian dan peringatan secara besar-besaran. Yang ditanam itu hanyalah jasad dan jasad manusia hanyalah tanah dan oleh kerana itu tidaklah penting. Rohnya tidak ditanam bersama-sama jasad itu. Pengabdian tempat pengebumian itu tidaklah mustahak. Liang lahad digali di atas kubur lama dan batu nisan lama dibuang. Si mati tidak dipuji-puji tatkala dia dikuburkan. Doa yang biasa akan dibacakan untuk semua orang. Selepas itu hanya orang perempuan sahajalah yang biasanya menziarahi kubur ini untuk membacakan ayat-ayat suci Al-Quran pada pagi Jumaat atau pada hari raya Aidil Fitri.

Dengan demikian maut ditakuti oleh orang Melayu, tetapi apabila tiba ajal mereka menerimanya dengan tenang. Si mati dengan segera dilupakan dan tidak ada sesuatu yang dilakukan untuk mengekalkan kenangan terhadapnya. Kematian, kecuali kematian syahid di dalam peperangan, bukanlah suatu yang dimuliakan. Tetapi perang sabil sudah tidak berlaku lagi, dan oleh kerana itu maut tidak lagi dicari dan diharap-harapkan. Apabila manusia takut kepada maut, keberanian yang didorongi oleh sifat suka mengembara dan mencari bahaya secara sengaja dan membabi-buta tidak menjadi perkara yang biasa. Tetapi apabila rasa takut kepada maut bersama dengan penerimaan maut sebagai suatu yang tidak boleh dielakkan, keberanian membabi-buta dalam menghadapi bahaya yang besar menjadi perkara biasa. Perkara inilah yang menyebabkan orang Melayu, yang biasanya merendah diri dan sentiasa mengalah, tiba-tiba sahaja menyerang tanpa sedikit pun berasa takut akan malapetaka yang pasti menimpa mereka akibat perbuatan mereka itu. Mengamuk adalah sebahagian daripada kesan yang timbul akibat sikap orang Melayu terhadap kematian.

Sikap terhadap harta dan wang menjadi kunci kepada kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat manusia. Oleh kerana itu memahami sikap orang Melayu terhadap harta dan wang adalah perlu supaya usaha-usaha boleh dilakukan untuk memperbaiki kedudukan orang Melayu yang agak miskin dan mundur. Harta diperolehi atau diwarisi. Bagi kebanyakan orang Melayu harta dan tanah mempunyai makna yang sama. Tanah menjadi seba-

hagian besar daripada harta yang dimiliki oleh orang Melayu, oleh kerana sebilangan besar mereka adalah petani. Proses mendapatkan tanah pada dasarnya masih lagi bersifat tradisional.

Pada zaman kesultanan Melayu dahulu orang Melayu akan memperoleh sekeping tanah jika dia dapat menunjukkan bukti bahawa dia telah menetap di tanah itu, membersihkan kawasan itu dan bercucuk tanam di situ. Kebenaran membersihkan tanah dan menetap di situ tidak diminta terlebih dahulu. Seseorang Melayu hanya memilih tanah yang tidak diduduki orang dan tanpa peraturan selanjutnya terus menetap di situ. Selepas beberapa tahun barulah dia memohon tanah itu dan berharapan penuh akan diberi geran tanah tersebut untuk selamanya. Dan, di negeri-negeri Melayu lama dahulu, hak ini dihormati dan diakui, dan kemudian geran tanah yang berkekalan dikeluarkan.

Memperolehi tanah tentulah melibatkan kerja, tetapi prosesnya adalah mudah, inisiatif atau budi bicara tidaklah diperlukan sangat. Siapa sahaja boleh memperoleh harta jika dia mahu. Sikap orang Melayu yang lebih ketara ialah perasaan berhak terhadap harta. Perasaan ini membangkitkan rasa puas hati dan mengurangkan apa-apa usaha untuk mengumpul kekayaan. Perkara yang paling penting dalam proses memperoleh tanah bukanlah kerja dan inisiatif, sebaliknya ialah membulatkan azam dan mengambil keputusan memperoleh tanah tersebut.

Geran tanah hampir keseluruhannya diberikan oleh sultan kepada orang Melayu untuk selama-lamanya. Sebidang tanah yang sudah dipindah-milik akan menjadi harta yang boleh diwariskan dan lambat-laun harta berbentuk tanah ini akan dipecahkan mengikut undang-undang Islam. Akan tetapi pemilikan tanah sebagai harta yang sebenar sangatlah besar ertinya dan memiliki tanah menjadi simbol status, biar betapapun kecil atau tidak ekonomik tanah itu. Tanah juga dapat diperolehi dengan cara membelinya. Pembelian tanah secara langsung memang berlaku tetapi tidak kerap. Biasanya tanah yang tidak diwarisi diperolehi secara proses jual janji, iaitu amalan keji yang patut dikutuk sekeras-kerasnya kerana bukan sahaja tidak beretika tetapi juga bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam amalan ini seseorang itu menyandarkan tanahnya supaya dapat meminjam wang. Jumlah yang terlibat biasanya hanya sebahagian kecil daripada nilai tanah itu. Kalau hutang itu tidak

dibayar balik dalam masa yang ditetapkan biasanya tanah itu akan diambil oleh si pemberi pinjaman.

Tanah menguasai cara berfikir orang Melayu dan hartalah yang kerap menimbulkan perbalahan. Perbalahan begini lazimnya menjadi isu yang penuh emosi. Tuntutan hak terhadap sebidang tanah mungkin menimbulkan pertelingkahan yang melibatkan proses undang-undang dan perbelanjaan yang digunakan untuk mendapatkan keputusan mahkamah mungkin berlipat-ganda lebih besar daripada nilai tanah itu. Tetapi kepada semua pihak yang terlibat di dalam perbalahan ini perbelanjaan yang digunakan tidaklah sia-sia. Kepuasan yang diperolehi daripada perbicaraan yang sengit di mahkamah menjadi alasan bagi perbelanjaan yang dibuat.

Selain daripada tanah, orang Melayu tidak mempunyai barang-barang lain yang boleh mereka anggap sebagai harta. Barang-barang kemas dan wang tunai kadang-kadang boleh dianggap sebagai harta. Akan tetapi oleh sebab wang dan barang-barang kemas mudah dipergunakan atau disembunyikan dan tidak ada bukti bertulis yang menyebut pemegang hak, maka benda-benda ini tidak dihimpun sebagai milik abadi yang diwariskan. Wang menjadi alat yang menyenangkan hidup orang Melayu. Wang memudahkan penukaran barangan dan khidmat. Wang umumnya tidak dianggap sebagai modal untuk melabur. Segala wang yang diperolehi datangnya dari penjualan harta atau daripada upah jerih payah dan pekerjaan. Semua wang yang didapati dari hasil jualan tadi ditukarkan dengan perkhidmatan ataupun untuk terus dibelanja sahaja.

Orang Melayu kurang berjaya dalam perniagaan kerana mereka tidak faham tentang kemampuan wang. Selain daripada menjual hasil kerja mereka atau barang-barang, orang Melayu nampaknya tidak dapat mencari jalan lain untuk mendapatkan wang. Memanglah benar bahawa wang harus dibelanjakan sekalipun untuk menanam padi tetapi perbelanjaan untuk maksud ini sedikit benar. Benih padi disimpan dari tuaian yang lalu. Jika penanam itu menjadi penyewa, maka dia sudah membayar sewanya dengan hasil tanamannya. Penyediaan sawah keseluruhannya adalah dengan tenaga sendiri. Baja diperolehi dengan berjanji akan menjual hasilnya kepada kedai Cina di kampung itu. Kerja memindah semaian dilakukan secara gotong-royong dengan hanya menyediakan makanan kepada jiran-jiran yang

datang menolong. Malahan upah menuai pun dibayar dengan menyediakan makanan. Wang yang dibayar di sana sini datang dari pendahuluan pengilang-pengilang Cina di tempat itu.

Penggunaan wang yang minimum ini menyebabkan kurang sekali pemahaman terhadap kos perbelanjaan. Perniagaan pada umumnya hanyalah kefahaman terhadap kos dan penentuan harga yang berasaskan kos. Gotong-royong, jiran yang baik dan pemberian pendahuluan secara tunai yang diterima dengan sewenang-wenangnya dan kejahilan menetapkan nilai wang bagi tenaga diri menyebabkan perkiraan kos mustahil dilakukan. Di samping semua ini, pendapatan dari hasil tanaman yang akan datang biasanya telah habis digunakan terlebih dahulu kerana berhutang bila membeli barang-barang di kedai runcit tempatan. Jumlah wang yang betul-betul dipegang dan dikira sangatlah kecil. Jadi penanaman padi tidak pernah merupakan usaha perniagaan. Penanaman padi ialah suatu cara hidup.

Keadaan orang Melayu di bandar lebih baik sedikit sahaja. Bagi mereka wang ialah alat untuk memudahkan perbelanjaan. Wang diperolehi dalam bentuk gaji dan pada kebiasaannya hampir semua dibelanjakan. Simpanan cuma sedikit sahaja dan selalunya membeli secara ansuran bermakna wang sudah terlebih dahulu dibelanjakan sebelum diperolehi. Hanya orang Melayu yang terlibat dalam perniagaan sahajalah yang faham tentang sistem kewangan yang sofistikated dan bagaimana sistem itu dapat dipergunakan untuk memperolehi pendapatan yang lebih besar. Suatu aspek urusan kewangan yang telah mendapat perhatian besar semenjak orang Melayu cuba memasuki bidang perniagaan dan industri ialah penerimaan riba ke atas pinjaman. Islam mengharamkan riba. Tafsiran tempatan mengenai riba termasuklah riba yang diperolehi dari sekecil-kecil pinjaman. Tidak perlu dikatakan lagi bahawa tafsiran ini sedikit sebanyak telah menghalang penyertaan orang Melayu bukan sahaja dalam perusahaan pinjam meminjam tetapi juga perusahaan bank. Riba nyatalah menjadi punca pelbagai kesengsaraan manusia. Tidakkah susah untuk memahami mengapa Islam mengharamkan riba. Kalau memberikan pinjaman dengan riba yang tinggi dilarang bagi orang Islam, tetapi meminjam tidak pula dilarang (mengikut pendapat orang Melayu). Dalam negara yang mempunyai penduduk Islam dan bukan Islam, sikap begini menyebabkan orang Islam meminjam

daripada peminjam-peminjam wang bukan Islam yang mengenakan riba. Oleh kerana itu larangan agama Islam mengenai riba tidak dapat menyekat penderitaan si peminjam tadi. Dalam pada itu tegahan terhadap meminjamkan wang dengan faedah paling rendah sekalipun telah menyekat orang Melayu daripada menikmati untung dari urusan kewangan seperti ini. Nilai wang bagi orang Melayu lebih merupakan kemampuan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan mudah. Sistem kewangan itu masih primitif, hanya berupa sedikit lanjutan kepada sistem tukar-menukar barangan. Belanjawan, simpanan, urusan bank, pelaburan, kredit, pertumbuhan, peminjaman dan lain-lain yang bersangkutan dengan penggunaan wang pada umumnya belum difahami dan kerana itu belum mendapat penghargaan yang wajar.

Oleh kerana itu nilai orang Melayu terhadap harta dan wang dapatlah dikatakan masih belum begitu maju. Sebuah masyarakat yang makmur sangat bergantung kepada kebolehan anggota-anggotanya mempergunakan wang dan menyamakan harta benda bukan sahaja dengan tanah tetapi dengan harta benda kurang ketara, mungkin termasuk nama baik dalam masyarakat serta sikap ramah-tamah dan muhibah dalam perniagaan. Kalau nilai wang dan harta yang sebenarnya tidak dapat dihargai maka samalah ertinya dengan menolak meterialisme dalam dunia moden. Perkara ini bukanlah suatu perkara yang buruk jika masyarakat tersebut betul-betul terpencil dari dunia kebendaan. Nilai rohaniah yang tinggi menjadikan penghidupan lebih bahagia dan lebih puas. Tetapi apabila orang-orang yang mementingkan kebendaan hidup berdampingan dengan orang-orang yang cenderung kepada cita-cita rohaniah yang tinggi, maka pengaruh golongan pertama mahu tidak mahu akan merosakkan susunan masyarakat orang-orang yang tinggi nilai rohaniahnya.

Orang Melayu tidaklah betul-betul terpencil. Malahan di kampung-kampung yang terpencil sekalipun, walaupun pemencilan sosial menyeluruh, namun pemencilan ekonomi tidaklah mungkin. Sebaliknya, orang Melayu bandar juga tidak pula dan tidak akan dapat disatukan sepenuhnya secara sosial dengan orang bukan Melayu. Dalam pada itu, walaupun sistem nilai orang Melayu bandar telah mengalami beberapa perubahan namun mereka masih mengekalkan sebahagian besar daripada

sistem nilai yang sama dengan sistem nilai orang Melayu luar bandar. Pada umumnya sistem nilai orang Melayu yang tidak maju atau kurang maju dalam urusan wang dan harta merugikan orang Melayu yang hidup dalam negara berbilang kaum.

Tatasusila atau susunan sosial menentukan ciri sesuatu masyarakat. Susunan-susunan itu merupakan hasil dan akibat dari sistem nilai masyarakat itu. Ini menyebabkan perkara itu sukar sekali untuk dianalisa. Sebabnya, dalam sesuatu keadaan itu adalah sukar untuk menentukan sama ada sistem nilai yang menghasilkan susunan sosial ataupun susunan sosial itu yang mempengaruhi sistem nilai. Walau bagaimanapun, pengetahuan darihal susunan sosial orang Melayu akan memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang nilai yang membentuk kemajuan bangsa Melayu.

Pertama sekali ialah masyarakat Melayu yang bercorak feodal. Pangkat adalah satu perkara penting dan bersama-sama dengan pangkat terikat beberapa keistimewaan. Pangkat yang tertinggi ialah pangkat raja-raja yang memerintah, iaitu raja yang turun temurun di Negeri-negeri Melayu. Di kalangan orang Melayu walaupun yang pernah ke luar negeri dan mendapat pelajaran mengikut cara hidup barat serta sudah biasa dengan nilai-nilai barat, penerimaan raja-raja yang turun-temurun adalah perkara biasa. Taat kepada raja diamalkan sebagai sesuatu yang sudah semestinya. Tahu beradab sopan di depan raja menandakan asuhan yang baik. Peraturan tatatertib meliputi penggunaan perkataan yang tertentu mengenai diri raja dan kaum kerabatnya. Sesungguhnya oleh kerana gelaran Tunku atau putera raja digunakan secara meluas oleh setiap keturunan raja, dahulu dan sekarang, maka hubungan di antara rakyat dan kerabat diraja adalah biasa dan sedikit sekali orang Melayu yang tidak mengetahui bahasa larangan, hak-hak istimewa dan peraturan tingkahlaku yang diguna terhadap raja-raja. Sopan-santun dan tatacara yang timbul hasil daripada hubungan yang rapat di antara berbagai pangkat menjadi sebahagian dari cara hidup orang Melayu. Namun begitu, keinginan untuk bersopan-santun telah menyebabkan peraturan tingkahlaku dan adab ini diperluaskan hingga meliputi orang-orang yang berpangkat tinggi, sama ada betul-betul berpangkat ataupun tidak, selain daripada keluarga diraja atau kerabat. Oleh kerana itu orang yang bergelaran Syed, iaitu keturunan

Nabi, juga sangat dihormati. Di setengah-setengah negeri, orang-orang yang bergelar Syed ini mempunyai keistimewaan seperti raja dan menjadi golongan yang tersendiri. Lebih rendah dari pangkat yang diwarisi ini ialah lapisan-lapisan rakyat yang lain yang mempunyai tingkatan keistimewaan yang berbeza pula. Orang-orang asing, pegawai-pegawai, ahli-ahli pelbagai dewan perundangan dan ketua-ketua kampung semuanya bergelar dan dihormati sewajarnya.

Dengan sendirinya, kecenderungan orang Melayu terhadap sikap feudal ini tidaklah merosakkan. Kecenderungan itu melahirkan masyarakat yang patuh pada undang-undang. Orang yang dapat mengikut dan mematuhi peraturan tingkahlaku secara tidak bertulis biasanya dapat disuruh mengikut undang-undang bertulis sesebuah negara. Orang yang menerima hakikat bahawa sesebuah masyarakat harus mempunyai orang-orang yang ada kuasa dan hak yang berbeza-beza mudah mewujudkan masyarakat dan negara yang stabil. Revolusi dalam masyarakat seperti ini jarang terjadi melainkan kalau dipimpin dari atas. Oleh itu, sesuatu masyarakat feudal tidaklah semestinya suatu masyarakat yang beku dan mundur. Ia boleh menjadi masyarakat yang dinamis jika terdapat dinamisme pada peringkat atasan. Tetapi apabila pihak atasan gagal atau asyik dengan kesejahteraan sendiri, maka rakyat jelata tidak akan mendapat galakan untuk maju.

Sifat orang Melayu yang terlalu tertib dan terlalu bersopan santun menyebabkan jarang lahir sifat terus terang. Sikap yang terlalu sopan dan lemah lembut tidak akan wujud tanpa merendahkan diri. Tingkahlaku yang baik mengharapkan teguran yang kurang atau sekurang-kurangnya secara tidak langsung. Akibat dari sikap menahan diri itu, orang Melayu selalunya disalahertikan. Oleh kerana itu apabila orang Melayu membahaskan orang asing 'tuan' kerana ingin bersopan-santun, maka orang asing itu mungkin menyangka dia memanglah tuan sebenarnya. Apabila orang Melayu mendapati bahawa orang yang mereka panggil 'tuan' secara sopan itu telah bersikap seperti tuan sebenarnya terhadap mereka, maka sikap mahu bersopan-santun telah menyekat mereka dari membetulkan kesilapan yang ketara itu. Peraturan sosial Melayu banyak sekali turut menyebabkan orang Melayu seperti keadaannya sekarang ini. Menahan diri dan hasrat tidak suka menyakitkan hati orang

lain tidaklah akan melahirkan masyarakat yang agresif. Dunia sekarang semakin bertambah biadab. Berterus terang sudah menjadi perkara biasa. Dalam politik seperti juga dalam bidang sains orang semakin mementingkan fakta. Idea-idea lama, perkara-perkara yang separuh benar dan sanjungan terhadap sesuatu tanpa usul periksa sedang mengalah kepada pendekatan moden yang pragmatis. Oleh kerana itu peraturan sosial orang Melayu agak ketinggalan zaman dan hanya akan mengurangkan kemampuan orang Melayu untuk bersaing serta menyekat kemajuan mereka.

Oleh sebab itu, sifat berterus terang tidak merupakan satu daripada peraturan sosial orang Melayu. Analisa dan kritik terhadap nilai orang Melayu yang begitu mengaibkan bukanlah perkara yang biasa bagi orang Melayu. Dalam bidang psikologi moden, mencari dan mengenal pasti sebab-sebab sesuatu penyakit bukan sahaja dapat memudahkan rawatan malahan merupakan sebahagian daripada rawatan itu. Perasaan lega dirasai sejurus selepas sebab atau punca sesuatu penyakit itu telah dikenal pasti. Setelah itu, tugas selanjutnya ialah sama ada hendak membuang atau menghapuskan punca itu atau mengubah kesannya. Proses mengenal pasti punca penyakit itu selalunya menyakitkan dan menyedihkan. Peristiwa-peristiwa yang sepatutnya lebih baik dilupakan sahaja terpaksa diungkit-ungkit kembali. Tetapi tanpa proses yang berpanjangan lagi menyakitkan ini, rawatan tidak dapat dimulakan. Begitu juga dengan penyakit sesuatu masyarakat. Untuk mengubatinya proses mengenal pasti punca-punca penyakit itu mestilah diteliti. Rawatan yang berdasarkan pengalaman dan cara orang lain yang berjaya tidak akan banyak membawa kesan ataupun tidak berkesan pula. Tidak ada jalan lain lagi melainkan dengan berani menghadapi kepedihan memeriksa diri sendiri, mengaku bahawa kita bersalah, dan menerima hakikat bahawa penawarnya terletak pada penolakan beberapa idea dan konsep, walau betapapun dihargai idea dan konsep itu.

Analisa dan penilaian yang kritis ini tentang nilai orang Melayu sangat memedihkan dan penuh dengan bahaya yang boleh menyebabkan perasaan rendah-diri atau sengaja mencari helah bagi kegagalan masa lampau. Tetapi dalam keadaan yang meruncingkan yang dihadapi orang Melayu sekarang ini, mereka tidak ada pilihan lain. Sopan-santun tradisional

nampaknya telah gagal. Mungkin ada bahayanya dalam sikap terus terang yang telah menjadi ciri sistem nilai peradaban Barat. Tetapi oleh kerana dunia ini nampaknya dikuasai oleh orang Barat atau orang yang berorientasi Barat dan mereka yang telah menyesuaikan diri dengan nilai-nilai Barat nampaknya hidup terus dan berjaya, maka nampaknya berfaedahlah kalau beberapa cara Barat itu dicubakan supaya dapat dicari akar umbi kegagalan orang Melayu bersaing dengan orang-orang lain.

Oleh kerana itu kajian terhadap sistem nilai dan tatasusila orang-orang Melayu ini merupakan satu percubaan untuk membuat diagnosis rawatan (penentuan penyakit). Kajian ini cuba menunjukkan dengan tepat kesalahan-kesalahan asasi yang harus dibetulkan dan disesuaikan supaya tindakan lain untuk memajukan orang Melayu mempunyai peluang yang lebih baik untuk berjaya. Tidak ada gunanya menyuruh orang Melayu menceburkan diri dalam bidang perniagaan jika mereka tidak digalakkan dengan betul dan jika mereka tidak faham akan fungsi dan nilai sistem kewangan. Selagi mereka berserah kepada takdir semata-mata tanpa berusaha maka selama itulah orang Melayu luar bandar tidak akan berusaha sekuat-kuatnya untuk memelihara hidup dan beroleh kejayaan.

Jelaslah bahawa sistem nilai dan tatasusila menentukan kejayaan atau kegagalan langkah-langkah untuk membetulkan keadaan itu. Jika sistem nilai itu tidak betul maka langkah-langkah pembetulan tidak akan mendatangkan hasil ataupun hanya berhasil sedikit sahaja. Apabila sistem nilai itu memberi dorongan, hanya sedikit sahaja langkah-langkah pembetulan yang diperlukan. Analisa tentang sistem nilai orang Melayu ini jelas menunjukkan bahawa sistem nilai ini boleh menghalang kemajuan dan daya saing orang Melayu dalam masyarakat berbilang kaum. Memang betul bahawa bukan semua nilai itu buruk. Iman yang teguh itu memanglah baik sebab dengan sendirinya iman itu akan menjadi tenaga penggerak. Tidak ada sebab mengapa agama Islam, jika ditafsirkan dengan betul, tidak dapat mencapai kesejahteraan rohaniah dan juga kemajuan kebendaan bagi orang Melayu.

Malahan feudalisme itu pun boleh mendatangkan faedah jika ia memudahkan perubahan. Sebab orang Melayu berkepercayaan animisme menganut agama Hindu adalah kerana

raja-raja mereka menganut agama Hindu. Kemudian, apabila raja-raja mereka memeluk agama Islam, rakyat juga turut memeluk agama Islam. Oleh itu raja-raja sekarang ini boleh melahirkan perubahan jika mereka sendiri pun sanggup berubah. Perubahan yang begini akan menjalar dengan cepatnya. Jika sekiranya ada tanda-tanda bahawa perubahan harus berlaku pada sistem nilai dan tatasusila, maka dapatlah pemimpin-pemimpin membuka jalan dengan perasaan yakin bahawa mereka akan diikuti oleh rakyat jelata. Dalam masyarakat feodal jika pemimpinnya gagal, maka tiadalah harapan lagi bagi rakyat jelata.

Umumnya sistem nilai dan tatasusila orang Melayu menjadi halangan kepada kemajuan mereka. Jika mereka mengakui hal ini dan jika mereka sedar bahawa perubahan perlu, maka adalah harapannya, sebab seperti dalam ilmu jiwa kejayaan mengasingkan punca penyakit dengan sendirinya sudah merupakan sebahagian daripada rawatan. Bertolak dari itu, perancangan mengubatinya adalah mudah sekali.

## BAB 10: Politik Perkauman dan Parti

Perasaan perkauman bukanlah perkara baru di Malaysia. Walaupun ada dakwaan yang hendak menafikannya namun hakikat yang nyata ialah tidak ada satu pun parti politik di Malaysia yang betul-betul bukan perkauman. Sebahagian besar orang-orang Malaysia baru menyedari betapa meruncingnya masalah perkauman ini setelah berlangsungnya Pilihanraya tahun 1969.

Di Malaysia sekarang banyak janji manis dilafazkan terhadap konsep bukan perkauman dan lebih-lebih lagi terhadap politik bukan perkauman. Parti perkauman yang boleh dijadikan contoh utama ialah Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) dan juga parti-parti komponen dalam Perikatan.

Selain PAS yang terus terang bersifat perkauman, parti-parti lain, termasuk rakan-rakan Perikatan mendakwa sebagai bukan perkauman. Meskipun mereka bersungguh-sungguh membantahnya, namun semua parti politik bersifat perkauman di dalam kegiatan politik mereka. Sesungguhnya, semakin bukan perkauman bentuknya maka semakin besarlah pula dorongan perkaumannya. Satu-satunya perbezaan di antara parti-parti ini ialah pendekatan masing-masing terhadap masalah perkauman. Satu kumpulan berpendapat bahawa perbezaan-perbezaan kaum ada dan oleh itu berusaha untuk mengurangkan perbezaan ini seberapa yang mungkin supaya suatu masyarakat yang adil dapat diwujudkan. Kumpulan yang lain pula berpendapat bahawa faktor perbezaan kaum patut diketepikan. Dalam suasana persamaan yang mendadak di antara warganegara, politik mereka, bila dianalisa, menunjukkan perkauman yang melampau.

Kedua-dua golongan ini disokong oleh pengikut-pengikut yang jujur, yang lurus dan juga yang betul-betul penipu. Oleh kerana mereka yang benar-benar jujur nampaknya tidaklah begitu besar jumlahnya, maka tidak hairanlah kalau kedua-dua golongan ini saling curiga mencurigai. Maka eloklah kalau kita bincangkan kedua-dua kumpulan ini.

Mula-mula elok diambil golongan yang 'mengelakkan per-

soalan (kaum) untuk sementara waktu'. Penganjur-penganjur golongan ini cuba melupakan kaum dan terus berlagak seolah-olah perkara seperti itu tidak wujud. Mereka menunjuk kepada parti-parti politik yang terus terang bersifat perkauman dan menuduh parti-parti itu sebagai cuba memelihara kesetiaan bangsa dan rasa perkauman.

Namun begitu, apakah begitu mudah untuk melupakan bangsa? Apakah kaum-kaum di Malaysia ini begitu istimewa hingga mereka dengan mudah dapat melupakan asal keturunan mereka, padahal kita tahu bahawa di seluruh dunia bangsa atau kelompok etnik merupakan tenaga utama *force majeure* baikpun dari segi politik dalam negeri mahupun politik luar negeri? Bukti-bukti menunjukkan bahawa Malaysia tidak unik dalam hal ini. Sebenarnya penduduk Malaysia lebih sedar akan kaumnya daripada kebanyakan penduduk lain, sebab penduduk Malaysia adalah orang Asia, dan orang Asia di mana-mana juga begitu erat tali hubungannya dengan kaum mereka lebih daripada orang Eropah atau Afrika. Orang-orang kulit putih Amerika dan Australia mungkin berasal dari kawasan-kawasan berlainan di Eropah tetapi mereka tidak menaruh kebanggaan terhadap keturunan kaum mereka itu. Orang-orang Negro Amerika nyatalah datang dari suku kaum Afrika yang berbeza-beza tetapi tidak ada yang berbicara sebagai orang Watutsi atau orang Zulu atau orang Kikuyu. Akan tetapi orang India Asia di Amerika berbeza daripada orang Cina Asia di Amerika ataupun orang Filipina Amerika. Mereka itu bukanlah orang Asia. Mereka adalah orang India, orang Cina dan orang Filipina. Mereka tidak dapat melupakan kaum masing-masing kerana mereka benar-benar berbeza.

Di Malaysia ada tiga kaum utama yang hampir-hampir tidak mempunyai sebarang persamaan. Firasat, bahasa, kebudayaan dan agama mereka berbeza. Di samping itu bagaimanakah sesuatu kaum itu boleh melupakan kaumnya sendiri jika tiap-tiap kaum itu terpisah secara fizikal dari kaum yang lain? Sejumlah besar penduduk di Malaysia tidak pernah beramah-tamah. Malahan kebanyakan mereka tidak pula berjiran. Mereka tinggal terpisah dalam dunia yang berlainan — orang Cina di bandar, orang Melayu di kampung, dan orang India di estet. Tiada sebarang sebab yang membolehkan seseorang itu melupakan bangsanya. Jadi orang yang berkata "lupakan

bangsa" tentulah pandir atau penipu.

Jika warganegara dibeza-bezakan mengikut kaum maka tentulah terdapat kesetiaan terhadap kaum. Kesetiaan kaum mestilah melibatkan keistimewaan kaum sendiri dan menolak hak kaum-kaum lain. Dalam keadaan seperti ini setiap ahli sesuatu kaum haruslah secara naluriah dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan untung dan rugi untuk dirinya sendiri. Ini bererti bahawa semakin banyak keistimewaan diberikan kepada sesuatu kaum, semakin besarlah pula keuntungan yang diperolehi oleh setiap anggota kaum itu. Oleh kerana itu setiap anggota haruslah berusaha untuk memperbaiki kedudukan kaumnya kerana dalam jangka masa yang panjang dia juga akan beruntung. Jika hakikat kaum, kesetiaan kaum dan keistimewaan kaum ini dapat difahami maka sikap terhadap perhubungan kaum di Malaysia akan lebih difahami.

Umumnya, orang yang terus terang menentang pendekatan politik bukan perkauman ialah orang Melayu. Jika mengejar faedah untuk diri sendiri menjadi kuasa pendorong yang paling kuat bagi kita semua, maka tentangan orang Melayu terhadap pendekatan bukan perkauman itu tentulah kerana anggapan bahawa mereka akan rugi kelak. Apakah anggapan orang Melayu ini betul?

Terdapat bidang-bidang lain selain daripada bidang politik di mana pendekatan melalui kaum disekat. Dalam perkhidmatan Kerajaan yang terbuka kepada semua kaum, orang Melayu mendapati sukar mencari pekerjaan. Di universiti tempatan dan di luar negeri orang Melayu tidak mendapat tempat untuk menyambung pelajaran mereka.

Mungkin orang boleh berkata kalau diri sendiri sudah tidak berguna mengapa pula harus menjadi penghalang kepada orang lain? Masalahnya ialah apakah orang Melayu betul-betul tidak berguna? Mereka memanglah tidak cekap kerana sebab-sebabnya ada kaitan dengan sistem nilai dan latar belakang mereka. Kita tidak seharusnya merasa malu. Orang Cina di negeri Jepun sama sahaja keadaan mereka dengan orang Melayu. Di negeri Jepun, orang Cina memangnya tidak begitu cekap untuk bersaing dengan orang Jepun baik dalam bidang perniagaan atau dari segi kemahiran. Walaupun orang Cina di seluruh Asia Tenggara telah menguasai ataupun sekurang-kurangnya banyak sekali mempengaruhi keadaan setempat, tetapi orang Cina di

negeri Jepun mendapati diri mereka serba kekurangan apabila bersaing dengan orang-orang Jepun.

Oleh kerana non-diskriminasi antara kaum dijangka akan lebih merugikan kepentingan orang Melayu, maka orang Melayu terpaksa bergantung kepada sistem yang boleh memberikan mereka kuasa tawar menawar; oleh kerana itu mereka cenderung bergantung kepada perkauman untuk memelihara diri mereka. Jika di dalam proses ini mereka juga menghalang kemajuan orang lain maka perkara ini pun bukanlah luar biasa. Zaman di mana mereka yang kuat sahaja mendapat tempat telah berlalu. Adat-adat resam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga kini menekankan bahawa sememangnya ialah menjadi hak mereka yang lemah untuk mendapat perlindungan.

Apakah yang akan terjadi kepada dunia ini jika sekiranya negara-negara lemah tidak mempunyai hak melindungi diri masing-masing dari negara-negara yang kuat? Kekuatan tidak seimbang yang timbul kelak akan menyebabkan negara-negara yang kuat akan bertambah kuat manakala negara-negara lemah akan semakin lemah. Tarif dan undang-undang lainnya menyelamatkan negara-negara kecil daripada ditelan oleh negara-negara besar. Dengan pengertian lain, melalui diskriminasi terbuka, negara-negara kecil dapat menyekat negara-negara besar daripada mencapai kemajuan yang pada adatnya pasti dicapai oleh mereka. Tawar menawar yang selalu berlaku di dalam perjanjian-perjanjian tarif dan perniagaan, dan desakan yang terlalu angkuh bunyinya dari negara-negara kecil, supaya negara-negara yang teguh kedudukan ekonominya memberikan bantuan kepada mereka, merupakan manifestasi cara berfikir moden dalam hubungan manusia.

Undang-undang buruh dalam negeri di kebanyakan negara yang maju juga mencerminkan prinsip yang sama. Jadi jika mereka yang cekap dan mampu sahaja harus berjaya, mereka yang kaya dan berkuasa di dalam sesebuah negara akan mempunyai segala hak untuk terus mengukuhkan kedudukan mereka. Akan tetapi perubahan nilai-nilai manusia secara beransur-ansur menyebabkan sekatan dikenakan kepada orang-orang yang lebih berada dan kuasa baru diberikan kepada golongan yang lemah dan kurang berada di dalam masyarakat. Undang-undang cukai pendapatan yang mempunyai ciri-ciri

diskriminasi terhadap yang berada juga mengikut prinsip yang sama. Semua langkah ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat lebih adil. Orang tidak akan berkata bahawa langkah-langkah membentuk sebuah masyarakat yang lebih adil itu salah. Begitu juga tidaklah salah bagi orang Melayu berpegang kepada satu sistem yang akan meningkatkan mereka agar sama kedudukan dengan bangsa-bangsa lain. Semoga dengan cara demikian akan lahirlah sebuah masyarakat yang lebih adil.

Sebaliknya pula, setengah-setengah orang bukan Melayu melihat penghapusan politik perkauman sebagai satu cara bagi mengukuhkan kedudukan kaum mereka sendiri. Jadi tentangan mereka terhadap politik perkauman sebenarnya tidaklah mencerminkan sentimen anti-perkauman mereka sendiri sebab penghapusan politik perkauman dan diskriminasi akan menguntungkan mereka. Strategi mereka ini sangatlah nyata. Segelintir orang Melayu yang mahu supaya politik perkauman dihapuskan ialah orang-orang yang pandir ataupun tidak dapat menahan godaan tawaran jawatan-jawatan tinggi dalam parti-parti politik yang kononnya berpolitik bukan perkauman. Orang Melayu lainnya tidak mahu terpedaya (dengan dakwaan mereka ini).

Apakah penganjur-penganjur politik kaum itu bersifat perkauman? Setengah-setengah mereka itu memanglah begitu. Sementara yang lainnya menyatakan bahawa dengan memimpin pelbagai kaum melalui peringkat-peringkat perlindungan, sehingga kepada satu tahap apabila semua sudah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, barulah akan wujud perpaduan kebangsaan. Apabila perpaduan kebangsaan telah tercapai maka keperluan bagi politik kaum akan lesap.

Soalnya ialah sejauh manakah alasan mereka ini sah? Kaum-kaum di Malaysia adalah berbeza. Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan. Akan tetapi perkara yang lebih penting ialah tiap-tiap kaum itu mendakwa bahawa kaum-kaum lain lebih baik kedudukan mereka. Orang bukan Melayu menimbulkan hak keistimewaan orang Melayu. Orang Melayu pula menimbulkan soal kuasa ekonomi orang Cina. Sementara yang diperlu-kan hanyalah coretan pena untuk menghapuskan keistimewaan orang-orang Melayu tinggal di tanah simpanan mereka; sebaliknya cuma pembendungan diri sendiri secara

menyeluruh oleh orang-orang Cina dalam jangka waktu yang panjang sahaja yang boleh memecahkan kuasa ekonomi orang-orang Cina. Nyatalah bahawa tanpa monopoli ekonomi orang Cina dan hak keistimewaan orang Melayu, akan wujud suatu masyarakat yang lebih adil. Suatu masyarakat yang adil akan menggalakkan integrasi kaum. Jadi sudah tentulah jika kaum-kaum ini telah bersatu padu maka bukan sahaja politik kaum akan menjadi lapuk malahan parti-parti politik perkauman juga tidak akan mendapat sokongan lagi.

Jadi soalnya sekarang ialah mana yang perlu diutamakan dahulu — apakah dengan menghapuskan kaum, maka akan wujud persamaan dan integrasi, ataupun dengan mencapai persamaan dan integrasi maka kesetiaan kaum akan hapus. Amat sukar hendak dipercayai bahawa dengan menghapuskan kaum maka persamaan dan integrasi akan wujud dengan serta merta. Persamaan haruslah ditegakkan dahulu sebelum kesetiaan kaum boleh hapus dan perpaduan dapat dicapai.

Jika politik kaum dan parti-parti politik perkauman bertujuan untuk mencapai persamaan kaum, maka tentulah mereka mempunyai tempat di dalam hal chwal Malaysia.

Walaupun pada dasarnya bersifat perkauman, namun politik parti-parti yang membentuk Perikatan nampaknya bertujuan mencapai persamaan kaum. Kelahiran parti-parti ini tidak mengancam usaha-usaha ke arah perpaduan kebangsaan. Sebaliknya, parti-parti yang konon dikatakan parti bukan perkauman hanyalah merupakan muslihat bagi beberapa politik perkauman yang sangat menjolok mata. Kegiatan parti-parti itu cenderung bersifat memecahbelahkan dan tidak akan memberikan sebarang sumbangan kepada kebaikan negara. Parti-parti inilah yang menjadi punca pergaduhan kaum, kacau-bilau dan juga kemunduran kebangsaan.

## BAB 11: Malaysia dan Singapura

Pyramid Club di Singapura terkenal sebagai 'Kumpulan Pemikir' di belakang Kerajaan PAP (Parti Tindakan Rakyat). Kelab itu bukanlah seperti Rand Corporation sebab ahli-ahlinya sama sekali bukanlah seperti para saintis bebas yang diharapkan oleh Kerajaan Amerika. Sesungguhnya ahli-ahli Pyramid Club itu memang terlibat secara langsung dalam hal ehwal harian Pemerintah Singapura. Walau bagaimanapun, tugas mereka adalah sama (seperti Rand Corporation). Oleh itu sudah tentulah pula ahli-ahli kelab ini terdiri daripada elit eksekutif dan politik. Idea dan inisiatif mereka inilah yang membentuk dan menjadikan Singapura sebagai mana keadaannya sekarang.

Dalam bulan Januari tahun 1969, saya telah diminta memberi ceramah kepada ahli-ahli Kelab ini berkenaan dengan masa depan hubungan di antara Malaysia dan Singapura. Perjumpaan tersebut (ini bukanlah perjumpaan rasmi atau satu forum) telah dipengerusikan oleh Encik S. Rajaratnam, Menteri Hal Ehwal Luar Singapura. Beberapa orang Menteri dan pegawai tinggi kerajaan yang lain juga turut hadir.

Banyaklah perkara yang berlaku sejak perjumpaan itu. Kerajaan MAGERAN yang memerintah Malaysia sekarang telah menjadi lebih nasionalis daripada Kerajaan Perikatan, dan nampaknya tidaklah begitu dipengaruhi oleh hubungan khas dengan Singapura. Pada awal tahun 1970 nampaknya hubungan antara Singapura dan Malaysia mungkin terpisah lebih jauh dan bukannya menjadi semakin dekat.

Saya telah mengambil kesimpulan bahawa masalah percantuman semula Singapura dan Malaysia sudah tidak lagi menjadi satu perkara yang menarik golongan intelek Singapura. Perkara ini penting sebab inilah tanda perubahan pada sikap dan penerimaan bahawa perpisahan itu adalah suatu hakikat dan kekal pula. Di Malaysia perpisahan ini lama sudah diterima sebagai kekal. Pada zahirnya, sekurang-kurangnya secara agak negatif, Malaysia nampaknya bersependapat dengan Singapura.

Saya tidak nampak percantuman semula sebagai bentuk hubungan masa depan antara Singapura dan Malaysia. Pertama

saya tidak pernah menaruh minat terhadap kemasukan Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia. Setelah tinggal di Singapura selama enam tahun, saya berpendapat bahawa gabungan penduduk Singapura dan penduduk Malaysia tidaklah akan serasi. Jika percantuman semula tidak mungkin, maka hubungan antara Singapura dan Malaysia adalah hubungan antara dua buah negara yang berdaulat. Hubungan di antara dua buah negara yang berdaulat dipengaruhi oleh berbagai faktor — geografi, sejarah, ideologi, asal-usul keturunan kaum dan bahasa serta juga berbagai faktor yang lain. Dalam analisa terakhir, perkara yang penting ialah kehendak rakyat, sebagaimana yang disuarakan oleh para pemimpin yang mereka pilih.

Cuba kita kaji sekurang-kurangnya beberapa faktor yang telah saya senaraikan itu secara sistematik. Geografi sudah barang tentulah penting. Kita di Malaysia tidak begitu hiraukan sangat tentang apa yang berlaku di Amerika Latin. Sebabnya nyata sekali. Perhatian kita makin bertambah jika tempat itu semakin dekat dengan kita. Singapura, sebagai jiran yang dekat sangat menarik minat kita. Bukan sahaja kerana dekatnya tetapi saiznya juga penting. Dari segi geografi, saiz Singapura menjadi penentu.

Tatkala British memberitahu kita bahawa mereka ingin melepaskan peranan mereka di rantau ini menjelang tahun 1971, Singapura berpendapat mereka akan memikul beban pertahanan mereka sendiri. Di antara peralatan yang dibeli oleh Singapura ialah kapalterbang jet British. Jet-jet ini terbang dua kali ganda lebih pantas daripada laju bunyi — lebih kurang 22 batu seminit. Dengan lain perkataan, jet ini hanya mengambil masa tidak sampai seminit untuk terbang melintasi Singapura. Kelajuan ini tentulah menimbulkan beberapa masalah politik dan ketenteraan. Ini bermakna bahawa apabila jet-jet ini berlepas menuju ke kawasan utara, ia dengan serta-merta sudah berada di ruang angkasa Malaysia sebaik sahaja ia berlepas di udara. Sekarang ruang udara tidak boleh dipermainkan-mainkan, apatah lagi apabila persefahaman tidak ada. Jika Malaysia yang menjadi musuh, ia tidak akan membiarkan ruang angkasanya selalu dicerobohi oleh Singapura. Umpamakanlah Singapura diserang oleh sebuah kuasa luar. Bom-bom mungkin sekali dilancarkan tatkala kapalterbang itu masih berada di ruang angkasa Malaysia. Ini bermakna bahawa jika sekiranya

Malaysia tidak bekerjasama maka jet Hunter ataupun peluru berpandu bumi ke-udara itu hampir tidak berguna. Jadi saiz Singapura itu sangatlah penting dalam menentukan hubungan di antara Singapura dan Malaysia. Malahan soal saiz ini menjadi lebih penting apabila soal pertahanan bersama terlibat.

Sebahagian besar pertumbuhan dan kepentingan Singapura berpunca dari kedudukannya yang strategik dalam hubungannya dengan Semenanjung Tanah Melayu. Singapura pernah dan masih menjadi pelabuhan semulajadi bagi daerah pedalaman Semenanjung. Kalau seseorang itu mencari pusat pengedar untuk keluaran Malaysia, tidak ada tempat lain yang lebih sesuai daripada Singapura. Letaknya di persimpangan jalan laut Timur dan Barat, jalan laut Utara dan Selatan. Berdasarkan sebab yang sama Singapura merupakan tempat yang paling sesuai dari segi ekonomi bagi kemasukan barang-barang untuk diedarkan ke seluruh Malaysia. Akan tetapi bukanlah kedudukan Singapura itu sahaja yang menjadikannya penting bagi Semenanjung. Tulang belakang Semenanjung yang bergantung-gantung itu menyebabkan jalan timur-barat sangat sulit. Itulah sebabnya sistem jalan raya dan jalan keretapi Semenanjung dibina sebelah menyebelah banjaran gunung tadi dan jalan-jalan ini sudah barang tentu akan bertemu di Singapura. Faktor-faktor geografi menyebabkan Semenanjung bergantung kepada Singapura untuk tujuan perniagaan dan perdagangan. Pergantungan ini pula menyebabkan Singapura mendirikan kemudahan-kemudahan kekal yang sangat banyak dengan menggaji ramai pekerja untuk berkhidmat kepada keperluan-keperluan Malaysia. Kalau kemudahan-kemudahan ini tidak digunakan maka ekonomi Singapura akan terjejas. Bila dipertimbangkan, maka didapati bahawa Singapura lebih memerlukan Malaysia daripada Malaysia memerlukan Singapura. Namun, masih terdapat juga saling bergantung di antara kedua belah pihak dan untuk sementara waktu sekurang-kurangnya persahabatan di antara kedua buah negara menguntungkan kedua-duanya.

Hubungan yang tegang dalam tahun-tahun selepas Singapura merdeka menyebabkan Malaysia memajukan Pelabuhan Kelang (Port Swettenham) sebagai pelabuhan utama Semenanjung Malaysia. Kalau dahulunya jalanraya dibina mengikut bentuk topografi semulajadi negara ini, tetapi sekarang yang

menjadi halangan kepada pembinaan jalanraya ialah peruntukan wang. Malaysia telahpun sibuk membina jalanraya dari Kuala Lumpur ikut jalan paling dekat ke bandar-bandar utama di utara, timur dan selatan. Kuala Lumpur dihubungkan dengan Selat Kelang Utara oleh Lebuhraya Persekutuan I. Apabila sistem jalan ini siap, maka Pelabuhan Kelang akan menjadi pelabuhan yang terdekat bagi kebanyakan kawasan utara dan timur Semenanjung. Hanya sebahagian kawasan selatan sahaja yang dekat dengan Singapura. Bagi Malaysia, kedudukan geografi Singapura tidak akan kekal lama sebagai faktor utama. Jadi penggunaan Singapura sebagai pelabuhan Malaysia tidak akan bergantung kepada faktor-faktor geografi sebaliknya bergantung kepada dasar.

Sudah tentulah Singapura akan mencari jalan dan helah agar dirinya tidak begitu bergantung kepada Malaysia bagi pertahanannya. Nampaknya usaha mengatasi faktor saiz geografi yang terhad agak lebih sukar daripada menyelesaikan masalah-masalah fizikal dalam pembinaan jalan.

Dari sudut sejarah, hubungan antara Tanah Melayu dan Singapura sudah diketahui umum. Singapura menjadi milik Johor sehinggalah orang Inggeris, Sir Stamford Raffles, menabalkan Sultan baru dan memperoleh konsesi yang diragukan. Sultan tadi diketepikan apabila kegunaannya tidak bermanfaat lagi. Sebab utama British mengambil alih Singapura ialah kerana kelemahan negeri Johor. Tindakan itu tidak bersangkutan paut dengan undang-undang. Hakikat bahawa sekatang persamaan pelajaran dan lain-lain. Jika perkara-perkara ini kena mengena lagi sejarah Singapura dalam Tanah Melayu. Oleh itu tidak ada gunanya bercakap tentang hubungan sejarah kedua-dua sistem kerajaan, tentang bahasa, pentadbiran, tentang persamaan pelajaran dan lain-lain. Jika perkara-perkara ini penting untuk mempengaruhi hubungan antara negara-negara, maka tentulah yang kononnya dikatakan Negara-negara Komanwel British itu akan menjadi barisan bersatu yang kuat. Hakikatnya ialah bahawa sejarah dibuat oleh manusia dan manusia yang membuat sejarah itu biasanya tidak berpandukan masa lampau, melainkan dipandu oleh yang ada kaitannya dalam masa hidup mereka. Oleh kerana itu sejarah boleh diketepikan apabila kita membuat ramalan mengenai hubungan masa depan di antara Malaysia dan Singapura.

Perkara yang sama tidak dapat dikatakan mengenai ideologi. Ideologi dan sistem kerajaan sekarang memainkan peranan yang besar, sama ada merapatkan atau merenggangkan negara-negara berkenaan. Wujudnya beberapa blok negara sebahagian besarnya disebabkan oleh ideologi dan sistem kerajaan. Malaysia dan Singapura tidak mempunyai ideologi — ataupun dengan cara yang agak negatif dapatlah dikatakan bahawa ideologi kedua-dua buah negara ini ialah wujud tanpa ideologi. Persamaan ini sangatlah penting. Jika Singapura menjadi negara komunis, dan kemungkinannya menjadi negara komunis masih belum hapus, maka Singapura akan tidak sesuai lagi dengan Malaysia. Tetapi Singapura telah memutuskan untuk memelihara demokrasi berparlimen pada zahirnya. Singapura juga pragmatik dalam pendekatannya terhadap berbagai masalah. Singapura juga dapat bertolak ansur. Dalam semua perkara ini terdapat persamaan dengan Malaysia. Malaysia adalah negara demokrasi berparlimen. Malaysia juga pragmatik dan dapat bertolak ansur.

Oleh kerana itu Malaysia dan Singapura boleh menjadi sahabat baik, rakan dalam perdagangan dan mungkin juga sekutu dalam waktu perang dan waktu damai. Malangnya, ideologi dan sistem kerajaan yang dapat mendekatkan negara-negara yang terpisah dari segi fizikal, hilang kesannya apabila negara-negara tersebut begitu dekat ataupun jiran sebelah menyebelah. Faktor-faktor lain yang boleh menyekat persefahaman bersama mengenai ideologi sering mencelah.

Di Malaysia dan Singapura, pengaruh bukan-ideologi dan persamaan sistem kerajaan diganggu oleh faktor-faktor kaum dan personaliti yang timbul oleh sebab berhampiran. Singapura pada dasarnya negara orang Cina mempunyai kaum-kaum minoriti, dan penduduknya mempunyai hubungan kaum dengan penduduk di Malaysia. Sebaliknya, Malaysia adalah negara berbilang kaum dan kerana itu Malaysia memandang Singapura, terutamanya, sebagai negara orang Cina, sedangkan Singapura pula menuduh Malaysia sebagai negara orang Melayu.

Saya tidak akan membela pendirian Singapura ataupun pendirian Malaysia. Tetapi sikap yang diambil oleh kedua-dua negara akibat dari kepercayaan-kepercayaan ini tidaklah menggalakkan hubungan yang baik. Saya berkata kepada Pyramid

Club bahawa Singapura, kerana sakit hati disebabkan perpisahan yang menghinakan itu, tidak pernah melepaskan peluang untuk memperkecilkan Malaysia sebagai negara feudal, pemboros, tidak cekap dan dikuasai oleh orang-orang yang tidak layak memerintah. Tema ini dimainkan sepanjang masa melalui akhbar, radio dan TV dan di Semenanjung Malaysia pula saki baki penyokong PAP masih meneruskan perbincangan yang menjadi punca perpisahan Singapura dan Malaysia. Sebagai tindakan balas, Malaysia seperti kebiasaannya cuba menimbulkan soal ketiadaan demokrasi tulen di Singapura, sistem satu parti yang diamalkannya dan kuasa mutlak orang Cina di Singapura.

Selain daripada salah faham ini, terutamanya disebabkan oleh komposisi kaum, perhubungan kedua-dua negara ini cukup rapat untuk para pemimpinnya kenal mengenal dengan baik. Hubungan peribadi ini malahan lebih rapat disebabkan oleh persekutuan dahulu. Hubungan ini tentunya dapat memberikan persefahaman yang lebih baik di antara pemimpin-pemimpin tadi, tetapi pertelingkahan kepentingan segera menyebabkan kedua-dua pihak tidak dapat bersetuju antara satu sama lain. Pertelingkahan kepentingan ini menjadi pertelingkahan peribadi yang mempengaruhi cara berfikir pemimpin di kedua belah tambak Johor.

Pemerhati yang paling optimistik sekali pun tentunya menganggap perhubungan di antara Malaysia dan Singapura sekarang ini tegang. Nampaknya jika diingat kembali, Singapura tidak faham akan makna perpisahan yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin mereka, ataupun Singapura berharap menyertai Malaysia semula dalam waktu yang agak singkat. Sama ada ini berbangkit kerana salah tanggapan ataupun sebagai harapan, tidak ada kesangsian bahawa Singapura sebenarnya tidak mengkaji syarat-syarat perpisahan itu dengan teliti. Pemimpin-pemimpin Singapura suka benar berkata bahawa mereka tidak pernah berbuat sesuatu tanpa membuat perhitungan terlebih dahulu. Dalam soal pemisahan ini, nampaknya mereka tidak membuat perhitungan ataupun membuatnya secara tidak cermat. Misalnya, soal penempatan tentera di Singapura. Kemudian ada pula perjanjian meminta bantuan Malaysia jika sekiranya berlaku kacau-bilau di Singapura. Sistem kewangan tidak akan berubah dan ada berpuluh-puluh lagi perkara lain yang sangat penting tetapi Singapura sedikit

pun tidak pula berusaha menimbulkannya sebelum perpisahan dipersetujui.

Apabila Singapura sedar tentang implikasi dan betapa kekalnya perpisahan itu, maka pemimpin-pemimpinnya pun berubah dan menukar haluan ke arah berkonfrontasi dengan Malaysia. Perjanjian-perjanjian yang dipersetujui bersama telah ditolak oleh pihak Singapura tanpa sebarang rundingan, dan penolakan ini dilakukan dengan cara yang hanya boleh dianggap sebagai kasar dan provokatif. Memanglah benar bahawa kebanyakan syarat perjanjian yang telah dipersetujui oleh Singapura pada waktu perpisahan itu dahulu menguntungkan Malaysia. Benarlah pula bahawa syarat-syarat tersebut hampir tidak secocok dengan Singapura yang merdeka lagi berdaulat. Benarlah bahawa syarat-syarat ini perlu dipinda pada suatu masa nanti. Akan tetapi cara Singapura mengubah syarat-syarat yang telah dipersetujui adalah sedemikian rupa hingga menyukarkan hubungan baik di antara kedua-dua negara bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga untuk sekian lama di masa hadapan.

Seolah-olah memutar-balikkan persetujuan-persetujuan ini masih belum cukup, Singapura menggubal-reka lebih banyak tindakan yang provokatif. Dengan demikian semakin sukarlah bagi Malaysia untuk memahami alasan-alasan kepada tindakan-tindakan Singapura itu. Salah satu keputusan yang tidak difikirkan semasak-masaknya ialah langkah menghantar balik orang-orang Malaysia yang bekerja di Singapura. Apabila kita mengingatkan bahawa Singapura adalah negara yang sentiasa memperhitungkan sesuatu dengan teliti, maka amat sukar hendak memahami keputusan begini.

Namun begitu, Singapura tidak menunjukkan keinginan untuk mengurang dan menghentikan tindakannya itu. Suatu contoh umum ialah peristiwa Syarikat Penerbangan Malaysia-Singapura. Kita akui bahawa menurut susunan sekarang kebanyakan daripada keuntungan yang diperolehi oleh sistem penerbang dwi-negara ini disebabkan oleh lalulintas udara Singapura. Tetapi haruslah diingat bahawa untung syarikat penerbangan itu bukan sahaja timbul daripada dividen yang dibayarnya, tetapi juga dari aliran pertukaran asing dan juga pekerjaan yang diwujudkan. Tanpa sebarang keraguan sedikit pun faedah-faedah ini lebih besar kepada Singapura daripada sahamnya dalam syarikat penerbangan itu ataupun keuntungan

yang dibawa oleh Singapura. Namun begitu Singapura enggan memberi peluang pekerjaan walaupun kepada sejumlah kecil orang Malaysia. Permit-permit kerja untuk pekerja-pekerja baru ditahan dan syarat bagi orang-orang Malaysia yang sudah bekerja di Singapura telah menjadi lebih sukar. Perkara yang berlaku kepada Syarikat Penerbangan Malaysia-Singapura boleh juga berlaku kepada lain-lain perjanjian bersama antara Singapura dan Malaysia.

Bagaimanakah pula dengan masa depan? Apakah bentuk hubungan yang akan berkembang pada masa depan? Semuanya bergantung kepada para pemimpin.

Pada masa ini Eropah lebih homogen daripada yang pernah kita fikirkan, semata-mata kerana kebanyakan pemimpinnya memikirkan mengenai masa depan negara mereka, bukannya memikirkan masa yang lampau. Dalam konteks ini, Asia adalah kira-kira tiga puluh tahun ketinggalan di belakang Eropah. Kita sekarang sedang melalui satu fasa nasionalisme sempit yang menjadi ciri Eropah dalam tahun-tahun antara Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Konsep kerjasama serantau masih lagi di peringkat awal. Seperti Eropah dalam tahun-tahun tiga-puluhan, negara-negara Asia masih sibuk mengatur rancangan untuk mencapai kedudukan yang lebih superior dari segi strategi daripada jiran-jirannya. Ini seringkali dilakukan dengan pertolongan rakan-rakan di benua lain. Bezanya hanyalah kita tidak mempunyai keupayaan untuk melakukan tindakan-tindakan yang betul-betul agresif. Kita gemar dengan tindakan-tindakan yang menggelikan hati seperti membuat undang-undang untuk menggabungkan daerah-daerah jiran, walaupun kita tahu benar bahawa kita tidak mempunyai alat untuk menguatkuasakan undang-undang itu.

Nasionalisme sempit yang merupakan suatu ciri di Asia sekarang juga telah mempengaruhi cara berfikir pemimpin-pemimpin Malaysia dan Singapura. Dengan itu satu-satunya hubungan yang mungkin wujud di antara kedua-dua pihak ialah konfrontasi yang boleh memusnahkan. Menteri Luar Singapura misalnya, berpendapat bahawa di sebalik nasionalisme yang wujud ini ialah nasionalisme yang lebih hebat lagi. Menteri Luar ini tidak sedikitpun memikirkan tentang dunia yang bersatu-padu yang dicita-citakan, ataupun sekurang-kurangnya dunia yang hidup bersama, malahan berfikir tentang persefahaman

serantau pun tidak. Cara berfikir seperti ini oleh seorang Menteri Luar negara yang menjadi anggota organisasi serantau boleh menyebabkan harapan untuk bekerjasama semakin tipis. Nasionalisme sempit ini nampaknya suatu fasa yang sementara dan pemimpin-pemimpin baru dengan pandangan yang lebih luas akhirnya akan menggantikan mereka. Bagaimanapun, harapan bagi perubahan ini amat tipis untuk beberapa lama lagi.

Sebahagian besar daripada perdagangan Malaysia adalah melalui Singapura. Tambahan pula, tidak terbilang banyaknya firma-firma yang beribu pejabat di Singapura, dan ini mengakibatkan penumpuan wang dan perbelanjaan di Singapura. Sekurang-kurangnya sebuah syarikat minyak mempunyai kilang penapisnya di Singapura sedangkan hasilnya dijual di Malaysia. Misalan yang paling klasik ialah MSA. Semua perolehan asing daripada perusahaan dwi-negara ini mengalir ke Singapura. Bolehlah dikatakan bahawa Malaysia bergantung kepada Singapura untuk kegiatan perdagangannya seperti juga Indonesia nampaknya bergantung kepada Singapura. Bagi Malaysia soalnya bukanlah kerana kekurangan keupayaan tetapi semata-mata untuk kemudahan sementara. Apabila sahaja perkhidmatan yang dijual oleh Singapura sudah terlalu mahal dan tidak secocok dengan kemerdekaan Malaysia, maka Malaysia akan membangunkan kemudahan-kemudahannya sendiri.

Malaysia mungkin tidak akan menuntut agar sebahagian daripada warganegaranya hendaklah diberi pekerjaan di Singapura, tetapi Malaysia sudah pastilah tidak dapat membiarkan penekanan terhadap warganegaranya. Di samping itu, lebih ramai orang Singapura yang bekerja di Malaysia daripada orang Malaysia yang bekerja di Singapura. Pendapatan orang Singapura di Malaysia lebih besar daripada pendapatan orang Malaysia di Singapura, oleh kerana orang Malaysia di sana bekerja sebagai buruh dan lain-lain pekerjaan yang bergaji rendah. Singapura tentu sedar akan segala hal ini kerana ia dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang bijak — namun begitu, Singapura telah membuat keputusan untuk bertindak dengan cara-cara yang tidak sepatutnya. Misalnya, peristiwa 'Operasi Pertukaran' telah membuktikan sikap ini. Kita tentunya menyangka bahawa Singapura akan berhenti mengganggu orang-orang Malaysia dan Kerajaan Malaysia tetapi sebagaimana yang ditunjukkan oleh peristiwa MSA, Singapura

bermaksud menggunakan semua peluang yang ada padanya. Ada bidang-bidang lain lagi yang mana Singapura menunjukkan sikapnya yang tidak mahu bekerjasama, malahan sangat provokatif.

Mengingatkan sikap Singapura ini, Malaysia telah membuat persediaannya yang akan menyebabkan Singapura kehilangan kedudukan sebagai rakan perdagangan yang penting dan mungkin juga sebagai pangkalan pertahanan yang strategik. Persediaan-persediaan ini banyak sekali menelan belanja dan melibatkan berjuta-juta ringgit, mencari rakan-rakan perdagangan yang baru di seberang laut dan membina bangunan-bangunan dan peralatan-peralatan yang lebih kekal. Apabila siap, semua persediaan dan alat ini perlu dijaga dan digunakan dengan sepenuhnya. Adalah agak mustahil bahawa persahabatan dengan Singapura di masa-masa hadapan akan menyebabkan Malaysia tidak akan menggunakan pelabuhan sendiri, sistem pertahanan sendiri dan hubungan perdagangan luar negeri sendiri semata-mata untuk mengembalikan semula keadaan yang wujud sekarang.

Andainya Singapura penting bagi Malaysia dari segi perdagangan dan strategi, maka hubungan di antara Singapura dan Malaysia patut bergantung sepenuhnya kepada politik kedua-dua negara tersebut. Singapura adalah sebuah pulau dalam berbagai segi. Dalam gugusan kepulauan Melayu, Singapura menonjol di tengah-tengah. Kemajuan dan kemakmuran Singapura terpaksa bergantung kepada jirannya bahkan kepada kerugian yang akan dialami oleh jirannya. Unsur-unsur irihati dan cemburu terhadap Singapura tentulah ada. Berdasarkan kepada pertalian kaum, cuma Malaysia sahaja yang dapat diharapkan oleh Singapura untuk menjadi sahabat yang tulen. Satu-satunya sebab kenapa hubungan di antara Singapura dan Malaysia tidak menjadi lebih tegang daripada sekarang ini ialah kerana orang Cina di Malaysia ingin memelihara hubungan yang baik dengan Singapura.

Orang Cina di Malaysia memang faham betapa perlunya mereka bekerjasama dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Usaha-usaha Singapura untuk melemahkan pengaruh orang-orang Cina ini dengan membangkitkan perasaan chauvinis Cina, yang hanya boleh hidup subur di Singapura, akan menyebabkan kemarahan di kalangan orang Cina di Malaysia. Jika

orang-orang Cina di Malaysia memutuskan bahawa persahabatan dengan Singapura mungkin akan merugikan Malaysia, yang tidak bergantung kepada Singapura dari segi perniagaan, maka usaha mereka untuk mengekalkan hubungan dengan Singapura tidak akan luput. Sebaliknya pula, jika Singapura menghentikan usaha menimbulkan gambaran yang tidak baik tentang Malaysia, maka kemungkinan hubungan persahabatan masa depan adalah agak baik. Sama ada hubungan persahabatan tanpa bergantung kepada perdagangan menyenangkan Singapura atau tidak itu adalah soal lain pula. Nyatalah bahawa apa jua yang akan terjadi terhadap perhubungan Malaysia dan Singapura amat bergantung kepada sikap dan tindakan Singapura.